



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 43

Rabu

28 November 2018

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2019

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.23 (Halaman 29)
Maksud B.24 (Halaman 89)
Maksud B.22 (Halaman 114)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 28)

Usul Anggaran Pembangunan 2019

Jawatankuasa:-

Maksud P.23 (Halaman 29)
Maksud P.24 (Halaman 89)
Maksud P.22 (Halaman 114)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA

Selasa, 28 November 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Su Keong Siong [Kampar]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan di bawah skim Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional) untuk tempoh tahun 2013 hingga 2018. Sejauh mana keberkesanan pelaksanaan skim TEKUN membantu usahawan, khususnya di luar bandar. Apakah kaedah-kaedah dan badan yang dipertanggungjawabkan bagi memantau pelaksanaan skim ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kampar atas soalan yang berkaitan dengan salah satu agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan iaitu TEKUN Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, TEKUN Nasional ini merupakan agensi yang telah ditubuhkan sejak 1998 dengan matlamat penubuhan untuk menyediakan kemudahan pembiayaan secara mudah kepada usahawan-usahawan kecil. Pembiayaan yang ditawarkan adalah di antara RM1,000 sehingga RM100,000 dalam tempoh pembiayaan dari enam bulan hingga 10 tahun. Sektor utama perniagaan yang dibiayai oleh perkhidmatan TEKUN ini ialah sektor pembuatan, perkhidmatan, peruncitan serta kontraktor kecil.

Berbalik kepada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kampar. Bagi tempoh 2013 sehingga 2018, pihak kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1.5 bilion kepada TEKUN Nasional. Ini peruntukan yang diberikan oleh kerajaan untuk disalurkan kepada usahawan-usahawan. Berdasarkan jumlah tersebut dan dalam tempoh tersebut, sebanyak RM2.77 bilion disalurkan kepada 175,445 usahawan walaupun tadi saya sebut RM1.5 bilion diberikan oleh TEKUN Nasional, peruntukan daripada kerajaan. Melalui dana dalaman TEKUN sebanyak RM1.27 bilion lagi digunakan ataupun *disburse* dalam tempoh tersebut. Ertinya totalnya RM2.77 bilion, 175,445 usahawan mendapat manfaat daripada pembiayaan ini.

Pelaksanaan dan pemantauan skim TEKUN dilaksanakan melalui 198 pejabat cawangan TEKUN di seluruh negara dan semua 198 ini menjaga 222 kawasan Parlimen. Ertinya

pembiayaan TEKUN ini dibahagikan mengikut kawasan Parlimen. Bagi memastikan pembiayaan ini diberikan dengan baik dan pembayaran balik pun dilakukan dengan baik, antara kaedah pemantauan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) lawatan ke premis peminjam;
- (ii) melaksanakan penjadualan semula bayaran kepada usahawan yang berkecukupan; dan
- (iii) mewujudkan pusat panggilan kutipan ataupun *collection call centre*.

Bagi keberkesanan pelaksanaan dan pemantauan skim TEKUN, sebanyak RM2.07 bilion telah berjaya dibayar balik oleh peminjam dari tempoh 2014 sehingga 2018. Ertinya jumlah yang dikeluarkan tadi RM2.77 bilion, kutipan RM2.07 bilion, masih lagi dalam kutipan lebih kurang RM700 juta.

Selain itu, jumlah bayaran balik juga telah menunjukkan peningkatan pada setiap tahun seperti yang saya perincikan berikut. Kalau tahun 2014, RM312 juta. Tahun 2015, RM355 juta. Tahun 2016, RM543 juta. Tahun 2017, RM554 juta dan sehingga Julai 2018, RM302 juta. Kita beranggapan di akhir tahun ini boleh mencapai RM600 juta. Namun kita juga hendak menyebut sedikit tentang pembayaran yang tidak dapat dikutip, *nonperforming financing* sehingga September tahun ini. NPF kita 42.88 peratus atau RM531 juta. Ini satu jumlah yang besar. Langkah yang diambil oleh kementerian dan juga TEKUN ialah melaksanakan kutipan-kutipan balik mana-mana NPF tadi dan kita dapati respons daripada peminjam TEKUN adalah baik.

Jawapan yang keduanya, bagaimana kita hendak memastikan keberkesanan pelaksanaan TEKUN ini. Saya ingin menyebut bahawa seramai 417,000 peminjam telah mendapat manfaat daripada TEKUN.

■1010

Daripada jumlah ini, 100 ribu ataupun lebih kurang satu per empat adalah usahawan-usahawan yang boleh kita klasifikasi sebagai berjaya. Bukan suatu jumlah yang memberangsangkan ya. Kita kesan ini melalui peningkatan jualan mereka, peningkatan jumlah pekerja yang mereka ambil, jumlah keuntungan yang meningkat dan pasaran yang berkembang. Kita tidak mengatakan hanya satu per empat sahaja yang berjaya. Setengahnya kita ukur daripada mereka kembali kepada TEKUN untuk memohon pembiayaan seterusnya kali kedua, ketiga.

Akan tetapi ada yang berjaya tetapi mungkin menggunakan dana-dana luar daripada TEKUN untuk menambah dan membesarkan perniagaan mereka. Jadi, kesimpulannya pembiayaan TEKUN ini telah dapat melahirkan usahawan-usahawan yang berjaya dan kita ada menyediakan laporan-laporan, buku-buku Top 500 yang menunjukkan kes-kes yang berjaya dalam perniagaan berdasarkan atau berpandukan kepada pinjaman pada TEKUN. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu bahawa secara umumnya TEKUN dilaksanakan untuk membantu masyarakat yang kurang berkemampuan untuk menceburi bidang perniagaan. Akan tetapi masalah seperti kadar bayaran

yang tinggi secara mingguan ditambah dengan kadar faedah yang tinggi mungkin mengakibatkan peniaga-peniaga baru menghadapi masalah untuk membayar balik dan seterusnya membantutkan usaha ini.

Selain daripada itu, mekanisme permohonan dan kelulusan skim bantuan yang tidak jelas telah mengakibatkan skim ini tidak mencapai golongan sasaran kerana ianya tidak diketahui umum di manakah TEKUN bernaung dan sejauh manakah pengawasan terhadap penggunaan dana TEKUN tersebut. Apa yang diharapkan daripada skim yang baik adalah penambahbaikan dari segi pelaksanaan dan kajian kembali syarat-syarat yang dikenakan termasuk bayaran agar perusahaan kecil benar-benar dapat memanfaatkan daripada pelaksanaannya.

TEKUN harus diberikan nafas baharu dengan bukan sahaja setakat memberi dana bahkan perlu pemantauan dan khidmat bimbingan kepada para peserta agar benar-benar memanfaatkan peserta-peserta dengan bantuan untuk memajukan ekonomi. Soalan saya, adakah kementerian berhasrat untuk mengkaji semula pelaksanaan mekanisme kelulusan skim, kaedah bayaran balik dan pemantauan terhadap penggunaan dana skim TEKUN ini agar skim ini benar-benar membantu golongan sasar di luar bandar.

Oleh sebab kami dapat banyak kes di mana peniaga-peniaga mengatakan mereka menghadapi masalah bila mereka terpaksa membayar secara mingguan bayaran dan juga kadar faedah yang tinggi tersebut. Jadi keseluruhan skim ini perlu dikaji semula agar peserta-peserta memang mendapat manfaat daripada skim ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih Timbalan Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kampar atas pertanyaan tersebut. Sedikit penjelasan sebelum menjawab ya. Bayaran balik ataupun kekerapan membayar balik bukan seminggu sekali tetapi sebulan sekali. Mungkin kita bercampur dengan salah satu skim pembiayaan mikro juga iaitu Amanah Ikhtiar Malaysia yang mengumpulkan peminjam dalam kelompok-kelompok dan membayarkan balik tiap-tiap minggu. Bagi TEKUN bayarannya ialah sebulan sekali.

Antara perkara awal yang kita perlu pastikan ialah supaya yang meminjam ini adalah mereka yang benar-benar terlibat untuk melaksanakan kerja-kerja keusahawanan ini. Kalau mungkin dahulu ada cerita-cerita bahawa peminjaman TEKUN ini adalah seumpama mesin ATM bagi setengah pihak ya.

Akan tetapi kita hendak pastikan bahawa kali ini peminjam-peminjam ini adalah usahawan *bone fide*, yang serius, ada perancangannya, ada syarikat yang berdaftar dan ada pelan peniagaannya. Yang ini pegawai-pegawai kita ataupun penyelaras TEKUN di peringkat daerah mesti turun padang untuk melihat sendiri persiapan usahawan-usahawan ini sebelum mereka diberikan pinjaman. Walaupun itu tidak banyak iaitu RM1,000 dan RM5,000, akan tetapi kita tidak mahu mana-mana orang meminjam ini gagal membayar balik.

Salah satu mekanisme yang telah dibuat ataupun dibentuk dua tiga tahun kebelakangan ini ialah mengumpulkan peminjam ini dalam kelompok lima orang. Jadi ada tekanan rakan sebaya atau *peer pressure* supaya masing-masing membayar pinjaman ini. Kalau ada seorang daripada lima itu gagal membuat pembayaran, empat rakan yang lain akan terpaksa menanggung. Jadi ini

adalah antara kaedah supaya kita memberi tekanan atau galakan kepada semua peminjam untuk membayar balik.

Mengenai mekanisme pemberian pinjaman ini, kita tidak meluluskan pinjaman ini di peringkat kawasan ataupun di pejabat kawasan. Akan tetapi mana-mana yang dilihat layak untuk mendapat pinjaman, permohonan mereka akan disampaikan kepada pihak nasional untuk mendapat kelulusan. Untuk memudahkan perniagaan mereka saya dimaklumkan kita boleh setelah siap dan cukup syaratnya, pinjaman ini boleh *didisburse* atau diberikan dalam tempoh sebulan.

Mengenai kadar yang disebutkan tadi, empat peratus yang dikenakan terhadap setiap pinjaman ini, adalah munasabah. Oleh kerana kita juga mengumpul ataupun untuk *dirollingkan* wang ini untuk ramai lagi peminjam. Jadi, setakat ini kadar ini tidak sangat menjadi isu, yang menjadi isu adalah bagaimana wang itu dibelanjakan. Kita akan pastikan, pegawai-pegawai kita akan pastikan dalam kunjungan mereka, lebih kurang dalam tiga ataupun beberapa kali dalam setahun yang kunjungi peminjam ini, pinjaman ini sepatutnya digunakan dengan sebaiknya.

Untuk memudahkan pembayaran, kita menyediakan pusat-pusat pembayaran, sama ada *cash deposit machine* (CDM), *online payment* dan yang terbaharu dan paling mudah adalah TEKUNPay. Salah satu *Apps* untuk pembayaran secara *online*. Jadi saya rasa pembayaran balik akan dipermudahkan. Terima kasih.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Yang Berhormat Menteri. Kita tidak boleh nafikan ya kejayaan khususnya usahawan-usahawan ataupun peniaga-peniaga kecil kita yang berada di kampung yang telah pun mendapat nikmat melalui pinjaman daripada TEKUN ini dan *alhamdulillah*, mereka cukup berjaya sehingga setakat ini.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh manakah pengurangan peruntukan daripada RM500 juta pada tahun 2018 kepada RM100 juta pada tahun 2019, di mana mampu kah kita untuk merencanakan lagi pembangunan sektor industri kecil dan sederhana secara berkesan dan efektif, khususnya kepada usahawan-usahawan, peniaga-peniaga kecil ini. Apakah penambahbaikan sistem pungutan balik pinjaman TEKUN yang dirangka oleh kerajaan memandangkan kenyataan Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa kegagalan kerajaan terdahulu membuat perincian secara jelas menyebabkan peminjam Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) ini gagal membuat bayaran balik mengikut tempoh yang ditetapkan. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Parit. Walaupun jumlah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan menurun daripada RM500 juta kepada RM100 juta dalam bajet ataupun belanjawan baru-baru ini, TEKUN Nasional akan menggunakan dana dalaman sebanyak RM250 menjadikan jumlahnya ialah RM350 juta yang *available* ataupun boleh diberikan kepada usahawan-usahawan kita.

Jumlah ini kalau diberikan dengan teliti, dengan kriteria-kriteria yang jelas dan persediaan-persediaan yang lengkap di pihak peminjam, kita rasa ia akan menjadi efektif dengan

pemberian-pemberian sejumlah besar yang kebanyakannya atau sebahagiannya tidak digunakan untuk perniagaan. Ada yang gunakan untuk pembelian perabot, motosikal dan sebagainya.

Ini adalah kejadian yang benar-benar dilaporkan oleh TEKUN yang menyebabkan pinjaman-pinjaman kita tidak efektif. Ertinya walaupun jumlahnya kecil, kita akan pastikan ia sampai kepada pihak yang berkenaan. Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, kita menasaskan di Kementerian MED ini, sejumlah 50 ribu usahawan yang baharu, usahawan mikro yang baru dalam tempoh setahun. Satu jumlah yang optimistik tetapi boleh dicapai.

■1020

Salah satu agensi yang akan menaungi atau yang menjadi *lead agency* kepada program ini ialah TEKUN. Jadi untuk tujuan tersebut, kita akan melaksanakan dengan seteliti mungkin supaya usahawan-usahawan yang berminat mesti melalui sedikit sebanyak program latihannya, pendaftaran syarikatnya, bimbingannya supaya mereka benar-benar— 50,000 ini lahir sebagai usahawan, bukan hanya *fly by night company* tetapi yang istiqamah dengan perniagaannya.

Sistem pungutan, seperti yang saya sebutkan tadi, kita berikhtiar supaya mana-mana yang tertunggak itu dapat dikutip. Akan tetapi, bagi peminjam yang hanya tertunggak sekitar tiga bulan atau empat bulan, kita tidak lah menggunakan agensi-agens pemungut daripada luar yang swasta. Akan tetapi mana-mana yang *hardcore* punya yang telah tertunggak sampai 36 bulan, maka kita menggunakan perkhidmatan pengutip hutang untuk memastikan wang yang sepatutnya dibayar dapat dikumpulkan dan digunakan semula untuk usahawan-usahawan yang akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Soalan No. 2 – YB. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya (Tasek Gelugor) tidak hadir]

3. Tuan Wong Tack [Bentong] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan rasional untuk membina sekurang-kurangnya sebuah loji pelupusan sampah di setiap negeri. Adakah Program 3R tidak berkesan sehingga akan mengakibatkan kesemua tapak pelupusan sampah tidak dapat menampung sampah yang akan dijanakan. Adakah '*public consultation*' akan diadakan sebelum keputusan dibuat.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Zuraida binti Kamaruddin]:
Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan daripada Yang Berhormat Bentong ya. Yang Berhormat Bentong ada tiga bahagian pada soalan dia.

Pertama, Yang Berhormat Bentong bertanya tentang apakah rasional untuk membina sekurang-kurangnya sebuah loji pelupusan sampah di setiap negeri dan adakah Program 3R tidak berkesan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Bentong, ini adalah dua prinsip pengurusan sistem pepejal yang berbeza tetapi dilaksanakan dengan secara serentak. Jadi, untuk kita membina loji-loji *waste-to-energy* (WTE), ia adalah agar kita dapat menguruskan sampah-sampah yang sedia ada agar kita tidak— kita menukar cara teknologi menguruskan sisa pepejal kita. Kita tidak mahu

lagi menggunakan *landfill* kerana kaedah *landfill* ini adalah kaedah yang sudah sedikit, terkebelakang. Jadi, untuk kita maju sebagai negara maju, maka sudah tiba masanya untuk mengambil teknologi yang lebih bersih, yang lebih efektif dan lebih cepat.

Jadi, oleh itu, kita dapati bahawa dengan adanya WTE *facilities* ini, ia akan dapat mengurangkan kos tanah untuk pelupusan dan ia juga akan dapat menguruskan sisa pepejal ini dengan cara lebih berkesan dengan kuantiti yang lebih besar. Kita tidak mahu dengan menggunakan teknik lama ini yang mana kita akan berdepan dengan masalah-masalah kekotoran, kebakaran dan pengurusan yang tidak cekap. Itu dilaksanakan ke arah untuk mengadakan satu loji di setiap negeri dalam masa tempoh dua tahun.

Manakala Program 3R dijalankan dengan serentak adalah untuk membudayakan kepada masyarakat Malaysia ini agar mereka faham tentang kebersihan, agar mereka faham bagaimana mereka hendak menguruskan sampah mereka itu sendiri tanpa melibatkan sampah-sampah mereka itu mereka buang kepada tempat-tempat yang lain. Jadi, 3R ini adalah satu langkah yang mana kita mengasingkan sampah dan sebagainya. Ini kita terapkan dalam program-program secara serentak.

Ini telah dilaksanakan dengan agak berjaya kerana setakat ini pada tahun 2016, pencapaian kita pada kadar kitar semula adalah sebanyak 17.5 persen, tahun 2017 sebanyak 21 *percent*, tahun 2018 adalah 24.6 persen. So, kita hendak mencapai ke tahap negara maju, kita harap kita akan mencapai ke angka 50 peratus dalam kadar kitar semula kita.

So, untuk bahagian ketiga soalan ini, adakah *public consultation* akan diadakan sebelum keputusan dibuat untuk pembinaan sesuatunya WTE *facilities*? Memang kita buat dalam peringkat kita mendapatkan kelulusan daripada *Department of Environment (JAS)*, *in our detail environmental impact assessment*. Dalam tahap peringkat ini, kita melibatkan masyarakat setempat untuk memberikan mereka penerangan dan juga mendapatkan maklum balas daripada mereka. So, itulah jawapan saya kepada Yang Berhormat Bentong. Terima kasih.

Tuan Wong Tack [Bentong]: Sebelum itu, saya mahu mengalu-alukan *the present of* tetamu daripada Parlimen Puchong. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang baik. Saya tahu pada masa ini mengguna pakaikan teknologi yang baharu memang baik. Akan tetapi, saya rasa *incinerator* adalah satu cara *shortcut* bagi pengurusan sisa. Boleh saya cadangkan kita bagi lebih *resources* dan masa untuk melaksanakan Program 3M di setiap lapis masyarakat di seluruh negara. Saya pun tahu ada *incinerator* sekarang di negara yang maju selepas Program 3M sudah dijalankan dengan baik dan sisa-sisa pun sudah kurang, ada *incinerator* tidak boleh dijalankan lagi kerana kurang sisa dari masyarakat.

With incinerator, apa yang saya risaukan dengan *incinerator* dibangunkan di setiap negeri di negara ini akan *move the country or society*, dengan izin, *towards wasteful society*. Sumber-sumber kita akan senang dibakar sahaja. Jadi, saya harap kita pentingkan Program 3M dahulu sebelum kita laksanakan *incinerator* besar-besaran. Terima kasih.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Terima kasih Yang Berhormat Bentong. Saya faham Yang Berhormat Bentong adalah seorang yang *environmentalist* dan banyak pengetahuan mengenai sisa pepejal dan sebagainya.

Cuma, ketika ini, Yang Berhormat Bentong, kita kena juga melihat bahawa sampah-sampah yang tidak diuruskan dengan baik di loji-loji pelupusan ketika ini harus ditangani dengan tuntas. Jadi, bila kita tangani dengan tuntas, kita akan dapat menjimatkan tanah-tanah yang kita gunakan untuk *landfill* yang mana memerlukan kawasan yang besar. Jadi, teknologi untuk menggunakan kawasan besar untuk buang sampah adalah satu pembaziran kepada negara. Jadi, tanah-tanah ini kita memanfaatkan dengan lebih berjaya dan elok.

Walaupun saya faham mungkin ketika 10 tahun dahulu memang ada beberapa tempat yang diletakkan *incinerators* kecil tetapi revolusi teknologi ini telah bertambah baik dan sebagainya. So, ketika ini, kita juga terdedah kepada teknologi-teknologi dan *modular* yang lebih *advance* yang saya kira amat boleh kita gunakan dalam negara kita. Ini kerana ianya ada *integrated* WTE di mana daripada sampah itu, peringkat sampah itu boleh diperasingkan dan lepas itu boleh juga *ditransferkan* atau menjadikan *energy* ataupun gas yang boleh memanfaatkan negara kita.

Jadi, saya rasa Yang Berhormat Bentong jangan kuarir tentang itu. Kita amat faham. Cuma, kita juga memastikan bahawa Program 3R itu adalah penting dalam membudayakan rakyat Malaysia ini agar menjadi darah daging mereka untuk menjaga sampah mereka masing-masing dan mereka tidak *litter the country*, tidak mengotorkan negara kita ini dengan membuang sampah sesukanya di sungai dan sebagainya.

Jadi, KPKT melalui SWCorp telah membuat banyak program ke semua lapisan masyarakat. Di peringkat prasekolah tadika, kita telah menyentuh sebanyak 15,174 prasekolah tabika kemas dan juga tabika perpaduan. Kita telah menyentuh sekolah menengah dan sekolah rendah sebanyak *almost*, hampir 3,000 sekolah. *Then*, Yang Berhormat Menteri Pendidikan ada di sini ketika saya membentangkan kertas ini di Kabinet, Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga minta melaksanakan semua program 3R di semua sekolah di seluruh negara. Jadi, ini juga akan meningkatkan lagi pengetahuan dan kesedaran tentang pengurusan sampah di peringkat kanak-kanak lagi.

So, di institut pengajian tinggi juga kita laksanakan. Di bawah sektor swasta dan industri juga ada. Juga sektor kerajaan dan juga komuniti dan juga taman perumahan.

■ 1030

Approach ini atau kaedah ini adalah kepada institusi dan kelompok-kelompok. Akan tetapi yang saya lebih kuarir adalah rakyat jelata ini yang masih lagi tidak boleh membudayakan diri mereka untuk memastikan sampah yang ada pada diri mereka tidak disepah-sepahkan ataupun dibuang di mana-mana sahaja kehendak mereka. Rakyat Malaysia kena belajar untuk mencari tong sampah untuk membuang sampah mereka. Terima kasih.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa harapan

itu supaya dapat sampai 50 peratus 3R ini. Saya ingin bertanya, harapan ini adakah sekarang ini usaha ini tertumpu kepada satu-satu tempat sahaja ataupun dibuat di seluruh negara? Ini kerana ada tempat yang sudah pun mengamalkan kitar semula daripada segi tong-tong sampah seperti Putrajaya tetapi tempat-tempat yang lain belum lagi melaksanakannya.

Jadi, untuk capai secara menyeluruh itu, mungkin tidak akan dapat dibuat dalam masa yang sama. Saya juga ingin bertanya, oleh sebab ketika dahulu ada program yang dipanggil '*From Waste to Wealth*'. Adakah kementerian masih lagi meneruskan program ini supaya dapat kita bawa sama-sama masyarakat kita yang jangan melihat sampah itu sebagai sampah tetapi sampah itu boleh dijadikan satu penjana ekonomi kepada mereka? Terima kasih.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Okey. Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Memang kaedah ataupun Program *From Waste to Wealth* itu memang kita laksanakan, daripada sampah kepada kekayaan. Jadi, sampah itu menjadi *energy*, kekayaan, sampah itu menjadi kompos, baja juga menjadi kekayaan. Jadi, ini antara perkara yang kita akan laksanakan dan *insya-Allah* untuk meningkatkan lagi kadar kebersihan negara kita. Untuk soalan menanyakan tentang seluruh negara, memang KPKT berharap akan dapat melaksanakannya di seluruh negara. Akan tetapi ketika ini ada hanya tujuh buah negeri yang menandatangani Akta 673.

Jadi, kami berharap dengan— sekiranya kami menuju kepada menggunakan WTE ini, akan menjimatkan perbelanjaan pengurusan sampah. Dengan ada wang yang lebih ini, *insya-Allah* kita akan dapat menawarkan Akta 673 ini kepada negeri-negeri yang lain, agar negara kita ini keseluruhannya ada satu sistem yang *standardize*, yang *uniformed*. Di mana kita menguruskan sisa pepejal kita di semua peringkat, di dalam program-program dan kesemuanya. Jadi, kita harapkan kita dapat menjimatkan wang dan kita boleh tawarkan kepada negeri lain untuk menandatangani Akta 673. Terima kasih.

4. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan akan meneruskan dasar membangunkan pusat tahfiz dengan menambah baik pusat tahfiz, serta memberikan latihan kepada pelajar-pelajar tahfiz bagi menjamin masa depan mereka yang lebih cerah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Fuziah binti Salleh]: *Bismillahir Rahmanir Rahiim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Bera di atas soalan ini yang berkenaan dengan sekolah tahfiz yang memang merupakan satu perkara yang dekat di hati kita. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa komited dan memberi komitmen dalam usaha menambah baik institusi tahfiz serta memberikan latihan yang sesuai, selaras dengan penggubalan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) yang memberikan penekanan kepada teras-teras berikut. Ada empat teras:

- (i) memantapkan undang-undang dan penguatkuasaan;
- (ii) memperkenalkan model institusi tahfiz yang diiktiraf;
- (iii) memantapkan kurikulum pendidikan tahfiz yang sesuai dengan pendidikan arus perdana;

- (iv) memperkasa tadbir urus institusi tahfiz; dan,
- (v) mewujudkan sistem pengiktirafan dan pensijilan bagi institusi tahfiz.

Di dalam rangka mencapai lima teras itu, kerajaan memperkenalkan tiga model iaitu model Kurikulum Bersepadu Tahfiz, Tahfiz Turath dan Tahfiz Kemahiran. Dari segi peningkatan kemahiran tenaga pengajar pula, kerajaan melalui JAKIM dari semasa ke semasa menganjurkan bengkel dan kursus dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia. Sehingga bulan Jun 2018, data yang kita miliki ialah terdapat sebanyak 815 maahad tahfiz berdaftar swasta dengan bilangan pelajar seramai 47,474 dan 5,426 orang guru. Kerajaan bercadang untuk mewujudkan Majlis Tahfiz Negara awal tahun depan dalam usaha menyelaras sekolah-sekolah tahfiz swasta yang merupakan teras Dasar Pendidikan Tahfiz Negara tadi ya. Selain daripada itu, kerajaan juga akan meminda undang-undang melalui Akta 505, pindaan kepada seksyen 97. Ini akan dibawa dalam sesi sidang ini. Untuk meluaskan kuasa Majlis bagi mengawal selia sekolah agama Islam.

Di samping itu, kerajaan melalui JAKIM akan mewujudkan satu kaedah memasukkan definisi sekolah tahfiz sebagai sebahagian daripada definisi sekolah agama. Kerajaan juga mewujudkan Bahagian Pendidikan Islam di JAKIM untuk menyelaras segala hal ehwal berkaitan pendidikan Islam, termasuk tahfiz. Untuk menjamin keselamatan di tahfiz pula, JAKIM dengan kerjasama Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerja melaksanakan kursus keselamatan dan kesihatan kepada sekolah tahfiz di seluruh negara. Kursus ini memberi penekanan kepada aspek kesihatan dan keselamatan kepada warga institusi tahfiz.

Kerajaan juga pada hari ini menggalakkan sekolah-sekolah tahfiz swasta untuk mendaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri kerana pendaftaran ini secara langsung akan memerlukan pendaftaran kepada peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) dan juga pendaftaran dengan bomba. Ini akan menjamin keselamatan sekolah-sekolah tahfiz ini kerana mereka terpaksa mengikut garis panduan keselamatan yang digariskan oleh PBT dan Jabatan Bomba.

Jadi, sebab itu kena kita galakkan untuk mereka mendaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri. Dengan itu, sekian Yang Berhormat Bera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak kerajaan kerana masih meneruskan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara yang diperkenalkan oleh kerajaan dahulu. Soalan saya, selain daripada pencapaian akademik, kita juga perlu menekankan kepada teknikal dan vokasional kepada mereka. Seperti kita tahu, ada di kalangan pelajar-pelajar di pusat tahfiz, mereka *full time* untuk menjadi huffaz. Jadi, kecenderungan mereka untuk akademik adalah agak kurang.

Jadi, saya mencadangkan supaya kita memperkenalkan latihan teknikal dan vokasional kepada mereka dan lebih baik kalau dibuat secara in-situ iaitu di pusat tahfiz itu sendiri dan kita tidak perlukan latihan yang begitu rumit. Mungkin perkara-perkara yang *simple* seperti automotif,

membaiki motosikal dan sebagainya. Akan tetapi akhirnya, selepas mereka keluar daripada pusat tahfiz, mungkin selepas lima tahun mereka menjadi huffaz, bila mereka keluar, mereka sudah boleh mampu untuk berdikari dan hidup sendiri dengan teknikal dan vokasional yang kita ajar kepada mereka. Jadi, itu cadangan.

Puan Fuziah binti Salleh: Terima kasih di atas apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Bera. Saya dimaklumkan, ada pertemuan dengan persatuan-persatuan pengusaha tahfiz swasta baru-baru ini. Saya dimaklumkan ada tahfiz kita yang bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia untuk melaksanakan sijil-sijil TVET. Ini mereka menawarkan sijil *level* tiga diploma dan *higher diploma*.

Antaranya ialah kemahiran kulinari, kemahiran menjahit dan mungkin boleh dicadangkan juga, dimasukkan juga apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bera tadi. Maksudnya, kita ada model, sudah ada model maahad tahfiz swasta yang telah melakukan perkara ini, memberi kemahiran. Oleh sebab kita akui bukan semua pelajar sekolah tahfiz akan jadi profesional dalam bidang hafiz sahaja.

Jadi, mereka perlu ada kemahiran-kemahiran yang lain. Selain daripada arus perdana, mereka mungkin menjadi orang profesional dan sebagainya. Kita juga akui bahawa ada pelajar yang memerlukan kemahiran-kemahiran begini dan *insya-Allah* ia akan dikembangkan lagi selepas ada *pilot project* tadi. Terima kasih Yang Berhormat Bera.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan tambahan, saya jemput Yang Berhormat Kubang Kerian.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih. Sila duduk, sila duduk. [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucap tahniah kepada pihak kerajaan yang telah pun menyusun beberapa langkah bagi peningkatan maahad tahfiz ini.

■1040

Saya fikir sebenarnya pelajar tahfiz ini ialah pelajar yang sangat cemerlang. Kita boleh mengakui dalam masa dua tahun mereka hafal 30 juzuk Al-Quran ini satu pencapaian yang sangat luar biasa. Saya fikir kita yang dalam Dewan ini mungkin tidak ramai yang hafal Al-Quran demikian.

Mereka ini dibina dengan akhlak sahsiah yang sangat baik. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Menteri, apakah pihak kerajaan bercadang untuk terus mengadakan *twin* program maahad tahfiz dengan universiti-universiti tempatan?

Sebagai contoh UIA. UIA ini, mereka mengiktiraf pelajar maahad tahfiz daripada Kuala Kubu, keluar itu dia automatik memang akan masuk pra tahfiz di UIA. Jadi persoalan saya ialah, apakah universiti-universiti tempatan lain juga dapat kita adakan program yang sama iaitu pengiktirafan sijil tahfiz yang berdaftar dengan pihak kerajaan menjadi pelajar automatik yang boleh masuk ke universiti tempatan, sama ada di peringkat matriks ataupun terus ke tahun satu di universiti. Mohon pandangan.

Puan Fuziah binti Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Sebenarnya sekolah tahfiz ini ada dua jenis. Satu di bawah kerajaan negeri dan satu di bawah sekolah-sekolah tahfiz swasta. Apa yang saya sebut 815 buah tadi itu ialah sekolah tahfiz swasta. Di bawah kerajaan negeri memang ada pengiktirafan dan memang ada cadangan juga untuk dinaiktarafkan kepada taraf universiti Al-Quran. Itu ada cadangan.

Akan tetapi, memang kita dalam proses untuk penarafan dan pensijilan ini dengan sekolah-sekolah tahfiz swasta. Ini yang saya sebut tadi akan wujud Majlis Tahfiz Negara. Majlis Tahfiz Negara ini akan menyelaraskan semua sekolah tahfiz swasta yang berdaftar. Oleh sebab itu kita menyarankan semua sekolah swasta ini berdaftar dengan Jabatan Agama Islam kerana apabila mereka berdaftar, bukan sahaja kita boleh menjamin keselamatan mereka, kita tengok aspek keselamatan, kita juga tengok aspek pensijilan dan penarafan.

Hal ini juga peruntukan untuk sekolah-sekolah tahfiz sebanyak RM50 juta yang diumumkan itu, kita akan bertegas untuk sekolah-sekolah tahfiz yang berdaftar sahaja akan menerima bantuan tersebut. Ini kerana di situlah cara kita untuk membantu mereka menambah baik apa yang mereka tawarkan di sekolah-sekolah tahfiz. Ini sebab kita perlu mengawal, kita perlu memberi pensijilan, kita perlu naik taraf dan sebagainya.

Jadi, ini antara perkara yang boleh kita laksanakan apabila wujudnya Majlis Tahfiz Negara tadi. Oleh sebab sekarang ini kita hanya baru ada Dasar Pendidikan Tahfiz Negara yang dibawa daripada kerajaan terdahulu. Jadi ke hadapan ini perwujudan Majlis Tahfiz Negara dari segi operasi dan segala lima teras yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Soalan tambahan lagi satu.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya benarkan satu lagi soalan tambahan daripada Hulu Langat. Sila.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selepas pelajar tahfiz ini dilengkapi dengan ilmu Al-Quran dan teknik menghafal Al-Quran— saya masih hendak kembali pada poin bahawa apakah mereka ini dibekalkan dengan ilmu-ilmu alat yang lain? Penguasaan bahasa Arabnya bukan sekadar hafal, kadang-kadang mereka hafal, mereka tidak faham apa yang mereka hafal.

Kita hendak penguasaan bahasa Arab dan bahasa Inggeris, bahasa-bahasa lain, ilmu alat yang lain seperti— adakah mereka dilatih untuk menajamkan IQ mereka sehingga mereka memiliki kekuatan *critical thinking* dengan izin? Supaya nantinya mereka menjadi ulama dan juga menjadi pakar huffaz yang melambangkan dia adalah rakyat Malaysia yang boleh menguntungkan satu negara. Terima kasih, soalan saya.

Puan Fuziah binti Salleh: Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Hulu Langat. Seperti yang saya katakan tadi di antara teras dalam Dasar Pendidikan Tahfiz Negara ialah untuk memantapkan kurikulum pendidikan tahfiz. Jadi, seperti yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Hulu Langat tadi memang amat perlu para huffaz ini bukan setakat menghafal Al-

Quran. Amat penting kita lengkapkan mereka dengan kemahiran-kemahiran lain dari sudut ilmu, dari sudut kemahiran TVET, dari sudut *thinking skills* dan sebagainya.

Oleh sebab apa yang kita inginkan ialah apabila seorang graduan daripada sekolah tahfiz ini sama ada mereka menjadi profesional, mereka menjadi seorang usahawan, mereka juga merupakan seorang huffaz. Jadi, ini menambah nilai kepada sistem nilai seseorang individu itu. Ini menambah nilai kepada masyarakat. Ini yang kita hendak sebenarnya.

Oleh sebab itulah amat penting bagi sekolah-sekolah tahfiz ini mendaftar. Ini kerana apabila sekolah tahfiz swasta ini tidak mahu mendaftar, kita ada banyak masalah. Ini kerana mereka cuba mengelak daripada mengikut kurikulum yang kita sediakan, mereka cuba mengelak daripada mengikut kurikulum— kita hendak penarafan mereka, pensijilan mereka. Jadi amat-amat penting kita kuatkuasakan undang-undang. Oleh sebab itu saya sebut tadi berkenaan pindaan undang-undang untuk memasukkan definisi sekolah tahfiz sebagai sebahagian daripada sekolah agama.

Buat makluman Ahli-ahli Yang Berhormat serta Yang Berhormat Hulu Langat, dalam enakmen sekolah-sekolah agama negeri, enakmen kawalan sekolah agama negeri, sekolah tahfiz tidak termasuk dalam definisi sekolah agama. Jadi kita akan pinda di peringkat Persekutuan yang kita akan bawa pindaan rang undang-undang Akta 505 ini. Akan tetapi, di masa yang sama di pihak kerajaan-kerajaan negeri juga perlu meminda enakmen kawalan sekolah agama untuk memasukkan definisi sekolah tahfiz itu sebagai definisi sekolah agama. Oleh sebab sekarang ini tidak termasuk definisi sekolah tahfiz sebagai sekolah agama.

Jadi harap dapat membantu maklumat ini dan harap Ahi-ahli Yang Berhormat daripada negeri masing-masing boleh membawa isu ini kepada Jabatan Agama Islam masing-masing supaya boleh kita pinda undang-undang di semua peringkat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

5. Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan bagaimana kebebasan media dijamin begitu juga memastikan media mempunyai kebebasan untuk "semak dan timbang" pentadbiran kerajaan.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) sedia maklum dan mengetahui bahawa media ini Tuan Yang di-Pertua memang memainkan satu peranan yang cukup penting dalam sesebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan yang berdasarkan demokrasi. Media juga Tuan Yang di-Pertua berperanan sebagai pemantau terhadap institusi-institusi kerajaan daripada berlakunya penyalahgunaan kuasa misalnya dan penyelewengan serta menggalakkan tadbir urus yang telus dan bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, peranan media adalah sangat penting serta menjadi jambatan penghubung di antara kerajaan dan rakyat yang dapat digunakan sebagai medium untuk memberi maklumat yang tepat dan sahih. Sekali gus mendidik masyarakat berkenaan polisi-polisi

kerajaan. Kini Yang Berhormat melalui media sosial, rakyat boleh memberikan respons mereka secara segera dan terus berkenaan dengan polisi-polisi kerajaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, KKMM juga amat menyedari bahawasanya media sememangnya memerlukan maklumat mengenai ekonomi, keselamatan negara dan juga isu-isu yang memberi kesan secara langsung kepada rakyat untuk disampaikan secara cepat dan pantas. Media sosial Tuan Yang di-Pertua, membolehkan agensi media menyampai dan mendapat maklum balas daripada orang awam dan pemegang-pemegang amanah terhadap penerimaan dasar, program dan juga program-program perkhidmatan agensi kerajaan. Media sosial menyediakan kaedah pengurusan kandungan yang mudah. Pengamal media Yang Berhormat boleh memuat naik maklumat dalam pelbagai jenis format seperti video, audio, gambar dan juga dokumen. Menerusi media sosial Yang Berhormat, pengamal media dapat memberi penjelasan dan juga gambaran sebenar terhadap isu-isu dan berita terus kepada rakyat.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua kebebasan media bukan tanpa had tetapi ia tertakluk kepada undang-undang yang sedia ada. Seperti mana tertakluk dalam kanun keseksaan dan juga Akta Komunikasi dan Multimedia. KKMM melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia sentiasa Tuan Yang di-Pertua memantau laporan-laporan media untuk memastikan bahawa laporan-laporan ini digunakan dengan penuh bertanggungjawab bagi memelihara ketenteraman dan kesejahteraan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

■1050

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Media massa adalah baik media cetak atau media elektronik mempunyai kesan yang besar kepada masyarakat umum. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa adalah benar, semasa pentadbiran terdahulu, banyak media massa tempatan, telah bertindak berat sebelah dan memutar belitkan fakta, bagi tujuan mengelirukan dan memperdayakan rakyat umumnya. Misalnya memihak kepada yang kaya dan berkuasa. Menyembunyikan skandal-skandal dan juga perbuatan-perbuatan jahat oleh Barisan Nasional dan pemimpin-pemimpin mereka. Menganiayai parti-parti pembangkang dan segala-galanya.

Maka soalan saya, untuk mengelakkan percanggahan kepentingan dan juga memastikan media massa adalah berkesan, membina, bertanggungjawab, berintegriti, profesional dan juga berkecuali, neutral.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila kemukakan soalan Yang Berhormat Cheras. Soalannya?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Ya, ya supaya tidak akan menjadi alat oleh mana-mana pihak yang saya nampak fenomena ini masih berterusan. Adakah undang-undang baru akan digubal oleh kerajaan supaya mengehadkan ekuiti saham yang akan dipegang oleh seseorang ahli politik ataupun parti politik? Ini yang penting Yang Berhormat Menteri. Ini kerana seperti pendidikan, yang perlu diasingkan dari pengaruh politik ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ...Media massa juga seharusnya diasingkan daripada pengaruh politik. Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup setuju bahawa wujudnya banyak soalan berkenaan dengan sama ada ataupun tidak, sesuatu syarikat yang menjalankan pengurusan ataupun perniagaan media ini, seharusnya mempunyai pemegang saham daripada latar belakang politik, itu menjadi satu tanda tanya. Apabila kita lihat wujudnya laporan-laporan yang boleh dikatakan menyebelahi sesuatu pihak, maka persoalan yang timbul adalah sama ada ataupun tidak oleh kerana pegangan saham ini, maka berlakulah keadaan sebegini.

Jadi, saya terima baik saranan daripada Yang Berhormat, kerajaan dalam proses melihat sekiranya ataupun tidak, kita boleh mengehadkan pegangan saham di dalam syarikat-syarikat media, supaya perkara ini dapat kita elakkan. Akan tetapi, apa yang penting Tuan Yang di-Pertua, adalah untuk kita membuat perbezaan di antara pegangan saham dan juga *control* dalam syarikat-syarikat ini. Itu menjadi satu perkara yang sekarang kita kaji, apa yang penting adalah kita perlu pastikan bahawa, laporan-laporan dikeluarkan adalah laporan-laporan yang bukan sahaja neutral, tetapi laporan-laporan yang membawa gambaran dan juga berita yang benar kepada rakyat. Itu yang kita mahu dan juga laporan-laporan yang mana kita dapat lihat ada diskusi ataupun perbincangan berkenaan dengan isu-isu semasa.

Ini adalah penting kerana apa yang kita lihat secara global, rakyat sesuatu negara itu dibina mengikut berita-berita yang dilaporkan dan mereka baca. Jadi, apa yang akan mencorakkan fikiran mereka adalah apa yang mereka baca melalui media. Walaupun media cetak ataupun media *online*. Jadi, dalam keadaan itu, kerajaan menitik beratkan perkara ini dan kita di dalam proses untuk melihat bagaimana kita boleh memperbaiki keadaannya.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, kita juga dalam proses menilai perlunya satu *media council* yang boleh bantu di dalam perkara-perkara sedemikian, tetapi tidak ada keputusan muktamad yang dibuat lagi. Saya masih menunggu input daripada pihak-pihak pengamal media dalam perkara ini. Kita harap bahawa kita dapat membuat satu pengumuman berkenaan dengan perkara ini dalam masa terdekat.

So, untuk menjawab soalan itu, 'ya' terima kasih Yang Berhormat perkara ini dalam perhatian kementerian. Kita akan membuat satu keputusan dan saya akan maklumkan kepada Dewan yang mulia ini dalam masa yang terdekat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Soalan ini amat menarik terutama sekali apabila mengenai kebebasan media.

Saya hendak mendengar sendiri daripada Yang Berhormat Menteri mengenai dasar yang diamalkan oleh kementerian. Oleh sebab kebanyakan kita bukan daripada PH, kita dikatakan bebas *whatever it is* dengan izin. Kita hendak tahu, sebab banyak cerita dari segi liputan berita di negeri Sarawak banyak yang boleh diketahui melalui media massa. Jadi, sama ada betul atau tidak, ataupun apakah dasar yang diamalkan oleh kementerian untuk liputan

akhbar daripada media massa untuk Sarawak itu. Jadi kita hendak tahu sebab kalau tidak rugilah, kalau tidak diceritakan apa yang ada di Sarawak itu sendiri. Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong. Yang Berhormat, saya telah pun menyatakan pendirian saya beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini di mana saya menyebutkan secara jelas bahawa apabila ada kita ada *event* yang dikendalikan oleh kerajaan negeri, maka liputan itu memang diadakan.

Akan tetapi kita lihat bagaimana Kerajaan Negeri Sarawak ini mengeluarkan beberapa *circular*, di mana tidak dibenarkan wakil-wakil daripada PH untuk hadir program-program mereka. [*Dewan tepuk*] Jadi saya minta kepada Sarawak, kita kalau hendak tanya berkenaan dengan kebebasan, *independence* ini, *you have to practice what you preach*. [*Dewan tepuk*] Jadi, jangan setakat di mana, kita di situ, kita ini kata, *we are PH-friendly*, tetapi dalam masa yang sama, kita tidak benarkan sama sekali mana-mana wakil kita daripada Sarawak ataupun luar daripada Sarawak untuk menghadiri sebarang acara yang diadakan oleh kerajaan negeri. [*Dewan tepuk*]

Kemudian dalam keadaan itu, datang ke sini tanya saya berkenaan dengan dasar kerajaan untuk membantu Kerajaan Negeri Sarawak. Kalau hendak saya boleh elakkan, saya boleh katakan saya tidak benarkan. Akan tetapi kita tidak buat begitu ...

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Maaf, ini bukan dialog Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Gobind Singh Deo: Saya tetap dengan pendirian saya...

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Bukan dialog, cuma Yang Berhormat Menteri...

Tuan Gobind Singh Deo: Saya hendak jawab soalan...

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya bertanya mengenai kebebasan dari segi media...

Tuan Gobind Singh Deo: Saya belum habis lagi.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Bukan kebebasan daripada program-program lain. Kita jangan campur adukkan, kita cuma hendak tahu jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong. Ya, sila. Baik.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jangan campur adukkan Yang Berhormat Menteri ya. *I'm sure you are very professional*. *Thank you* Yang Berhormat Menteri.

Tuan Gobind Singh Deo: Kebebasan media Tuan Yang di-Pertua. Kebebasan media itu perlu dilihat daripada beberapa sudut, ini satu daripadanya. Kalau sebut berkenaan kebebasan, kenapa Kerajaan Negeri Sarawak buat sedemikian? Keluarkan *circular* untuk menghadkan Ahli-ahli Parlimen ataupun Ahli Dewan Undangan Negeri daripada PH untuk hadir, untuk acara-acara yang dianjurkan oleh kerajaan negeri. Bukan dikatakan sebagai *PH-friendly*? Dalam keadaan tersebut, apabila ada saranan dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak

sebegitu, apakah pendirian kerajaan berkenaan dengan media ataupun kebebasan media di Sarawak.

Saya tetap dengan pendirian saya, *if it is an official function, then of course it can be covered. But of course at the same time*, saya hendak minta kepada Kerajaan Negeri Selangor, *please practise what you preach*. Jangan hendak minta untuk kebebasan apabila ada kepada pihak kita, tetapi apabila datang kepada ADUN-ADUN lain...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Menteri, bukan Selangor, Sarawak, Sarawak.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Sarawak, Sarawak.

Tuan Gobind Singh Deo: Ya, saya minta maaf. Sarawak ya, apabila datang kepada pihak kita pula, kita tidak dibenarkan. *So, this has to stop, I know you are very professional, go and talk to your Chief Minister and tell him to do the right thing*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan tambahan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Soalan tambahan satu, yang ketiga.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri ini bagus ini. Satu, Yang Berhormat Menteri ini bagus.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya bagi satu soalan tambahan daripada Yang Berhormat Kuala Krau.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang *handsome*. Soalan saya, adakah betul Yang Berhormat Menteri bahawa yang *divirakan* setiap saat, setiap minit, setiap jam bahawa *Twitter, IG, Facebook* yang dikatakan sebuah cara media baru sekarang akan ini akan dipantau oleh MCMC. Kalau betul, berapakah kos yang terlibat oleh kementerian dan juga bagaimanakah mekanisme yang dilakukan oleh pihak kementerian? Terima kasih.

■1100

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau. Benar, memang SKMM sentiasa pantau, khususnya di mana ada laporan yang dibuat, laporan polis dan sebagainya dan kita akan melakukan siasatan. Itu satu perkara yang memang berlaku. Ini kerana ini adalah satu perkara yang diperlukan melalui akta, iaitu Akta Komunikasi dan Multimedia, *it's part of the provisions of the act*. Jadi, itu adalah perkara yang memang berlaku seperti mana Yang Berhormat Kuala Krau tahu, ini adalah satu perkara juga daripada masa dahulu. So, tidak ada perbezaan.

SKMM dipertanggungjawabkan melalui undang-undang yang sedia ada iaitu Akta Komunikasi dan Multimedia supaya memantau dan juga supaya memberikan bantuan kepada

pihak polis sekiranya diminta untuk menyasat kes-kes yang berkaitan di bawah peruntukan akta itu.

Berkenaan dengan kos yang terlibat, Yang Berhormat Kuala Krau, saya tidak ada angka dia. Saya akan majukan melalui jawapan bertulis pada masa kemudian. Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Krau. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

6. Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bagaimanakah proses penggantian kapal-kapal APMM yang telah mencapai usia di antara 30-50 tahun. Ini kerana kapal-kapal yang uzur ini sudah pasti menjejaskan kecekapan operasi angkatan APMM.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Arau. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi menggalas amanah dan tanggungjawab operasi penguatkuasaan dan Cari dan Selamat di Zon Maritim Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menghadapi cabaran dengan adanya kapal-kapal lama dan usang yang menjejaskan operasi APMM. Dalam memastikan APMM mampu melaksanakan tugas operasi, menyelamatkan dan penguatkuasaan di perairan negara, beberapa langkah telah diambil seperti berikut:

- (i) mengadakan perolehan kapal-kapal baharu;
- (ii) menyelenggara kapal-kapal yang perlu diperbaiki; dan
- (iii) melupuskan kapal-kapal yang usang dan tidak ekonomi untuk diperbaiki.

Sehingga November tahun 2018, APMM mempunyai 72 buah kapal, 67 buah kapal masih beroperasi, manakala lima buah kapal lagi dalam proses penilaian sama ada untuk dilupuskan atau dibaiki. Sebanyak 24 buah kapal berusia melebihi 30 tahun dan tidak ekonomik untuk dibaiki, telah pun dilupuskan.

Bagi proses penggantian kapal-kapal APMM yang telah dilupuskan, proses perolehan sebanyak 12 buah kapal dibuat melalui RMKe-11, RP4. Perolehan bagi enam buah kapal telah dibuat bagi fasa pertama. Manakala enam buah kapal lagi bakal dibuat dalam proses perolehan di fasa kedua.

Bagi fasa pertama, sebanyak tiga daripada enam buah kapal telah siap beroperasi dan ditempatkan di Selangor, Sarawak dan Sabah. Seterusnya, tiga buah kapal yang lain sedang dalam pembinaan dan dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2020. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri akan memastikan keperluan APMM dipenuhi dengan perolehan kapal-kapal serta aset lain yang sepatutnya. Namun demikian, proses perolehan tersebut haruslah dilakukan mengikut kemampuan semasa kewangan kerajaan. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, kita lihat jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menunjukkan bahawa pelupusan kapal lebih daripada penggantian. Cuba Yang Berhormat Timbalan Menteri tengok jawapan tadi, bahawa, kapal yang berumur 30 tahun ke atas, tidak ekonomik dan sebagainya. Selepas itu, Yang Berhormat

Timbalan Menteri sebut tentang penggantian kapal-kapal yang kita tahu bukan mengambil– saya ingin tanya, penggantian kapal ini mengambil masa berapa tahun untuk kita siap? Kapal ini kita lupuskan, kemudian kapal yang ganti lambat untuk diganti. Jadi, itu sebabnya soalan saya tanya tadi, apakah usaha pihak kerajaan untuk menggantikan kapal-kapal?

Kalau sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk menggantikan kapal itu lagi setahun, sepatutnya kita sudah mula memanggil tender untuk membina kapal daripada sekarang. Bukan semasa kita lupus, baru kita panggil tender. Jadi, soalan saya ialah apakah dengan usaha kerajaan ini, kita akan mengurangkan kapal-kapal APMM semasa beroperasi? Oleh sebab pelupusan lebih banyak daripada penggantian.

Kedua, saya ingin bertanya, apakah dikenakan syarat supaya selenggara kapal ini tidak melebihi enam bulan ataupun tempoh tertentu? Oleh sebab, kita tengok ada juga penyerahan kapal yang dibuat sampai setahun lebih. Ini bermakna kru kapal tersebut terpaksa berehat setahun lebih untuk menunggu kapal itu disiapkan. Kita tahu bahawa *delay*, dengan izin, *maintenance* itu adalah kos kepada kerajaan. Akan tetapi, untung kepada *company* sebab kita kena bayar harga *parking* dengan izin dan sebagainya.

Jadi, saya ingin bertanya apakah pihak kerajaan bercadang untuk mensyaratkan supaya penyelenggaraan tidak lebih daripada enam bulan ataupun tiga bulan, seperti yang dibuat di negara-negara maju seperti Australia dan sebagainya.

Akhir sekali, oleh sebab ini melibatkan Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah perancangan untuk Sabah dan Sarawak? Oleh sebab kapal ini disiapkan tidak ditunjukkan perancangan untuk Sabah dan Sarawak, padahal Sabah dan Sarawak memerlukan banyak kapal penguatkuasaan. Bila pencerobohan banyak berlaku daripada nelayan-nelayan asing dan juga pencerobohan yang berlaku daripada negara asing termasuklah kes yang berlaku di Beting Patinggi Ali iaitu *China Coast Guard* yang masih berada di sana. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau telah mengemukakan tiga soalan tambahan.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Empat soalan Tuan Yang di-Pertua. Jadi, selepas ini habislah, tiada lagi soalan tambahan lain. Okey, terima kasih dengan soalan tambahan daripada Yang Berhormat Arau. Saya yakin Yang Berhormat Arau dia tahu serba sedikit tentang kekangan dan masalah yang dihadapi khususnya oleh APMM. Ini kerana Yang Berhormat Arau dulu pernah menjadi Menteri yang menjaga hal ehwal APMM. Akan tetapi, secara dasarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya selaku Timbalan Menteri saya bersetuju. Sebenarnya kita masih memerlukan banyak keperluan dari segi bajet untuk penambahbaikan, bukan hanya APMM sebenarnya, untuk Polis Diraja Malaysia juga.

Akan tetapi, dalam pada masa yang sama, kita juga menerima hakikat bahawa kekangan kewangan yang ada di negara kita pada hari ini, telah memungkinkan kita untuk menerima apa yang telah diberikan kepada kita. Setakat ini untuk Yang Berhormat Arau, sebagai tambahan, kerajaan dalam proses untuk Bajet 2019 ini, membina dan membekal 30 unit bot pemintas 12 meter sebanyak RM48 juta dalam proses, sekarang ini masih dalam prosesnya.

Kemudian, kita ada membekal, menghantar, menguji dan mentauliah enam buah kapal ronda yang baharu. Tiga telah pun diserahkan dan *another three more will be coming*, dengan izin. Kemudian kita ada satu lagi *supply and delivery, test and commission of three unit of offshore patrol vessels (OPVs)* yang menelan belanja sebanyak RM738 juta, yang mana ia berkuat kuasa bermula pada 23 Februari sehingga 22 Ogos 2020.

Jadi, bermakna, di sini Tuan Yang di-Pertua, sebagai mana yang saya sebutkan tadi, keperluan kerajaan memang tahu ada. Akan tetapi, dari segi kewangan pula yang telah *melimitkan* kemampuan kerajaan untuk menambah bajet ini. Akan tetapi, sebagaimana yang saya sebutkan selalu dalam Dewan yang mulia ini, saya memahami dari segi keperluan kerajaan untuk membuat penjimatan.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Arau, tetapi dalam sudut keselamatan ini kita tidak boleh kompromi. Oleh sebab itu, pihak kementerian untuk makluman Yang Berhormat Arau, beberapa keperluan proses penggantian KDN sedang memohon dengan EPU, keperluan menyediakan justifikasi. Kementerian juga sekarang ini, sedang menyenaraikan keperluan-keperluan lain untuk kita senaraikan dan memohon kepada EPU untuk memohon bajet tambahan. Jadi, *all in all* Tuan Yang di-Pertua, keperluan ini tetap ada akan tetapi, dari segi kewangan yang *me-limitkan* kita.

Menyentuh tentang Sabah dan Sarawak, ini juga satu perkara yang saya rasa saya selaku Timbalan Menteri khususnya yang datang daripada Sabah, agak tersepit. Di satu sudut, saya memahami kekangan kewangan, tetapi dari satu sudut lagi, saya selaku orang Sabah dan saya yakin rakan-rakan daripada Sarawak juga, menyokong apa yang saya sebutkan bahawa di Sabah dan Sarawak ini, Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Arau tadi, memang benar. Di antara sebab khususnya di negeri Sabah, di antara sebab mengapa kita mampu menumbangkan UMNO dan Barisan Nasional pada pilihan raya yang lepas, kerana faktor keselamatan tidak diambil perhatian yang serius oleh kerajaan yang terdahulu.

[Tepuk]

Jadi, sebab itu...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, Bohong! Bohong! Pembohong!

Seorang Ahli: Ya, liar!

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Perkataan itu jangan guna.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Okey.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya berbaik dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tidak pernah kacau Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawab sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau, baik.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Okey, saya jawab. Saya jawab. Baik, saya jawab.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bohong!

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Bukan bohong, dia kata kurang diberikan perhatian...

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Kamu tidak faham lah fasal Sabah.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: ...Dia kata kurang berikan perhatian, bukan bohong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya ingin sebut bahawa...

■1110

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Kalau Sabah selamat, tak adalah kes penculikan banyak-banyak. Duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak benarkan celahan-celahan. Saya minta supaya Menteri... *[Disampuk]* Terima kasih Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau, terima kasih Yang Berhormat Arau. Terima kasih. Ahli Yang Berhormat yang lain, sila duduk. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk meneruskan jawapan.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: *The reason* kenapa saya sebut begitu, Tuan Yang di-Pertua, kerana sewaktu berlaku penculikan di Tanduo...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kapal yang dibina itu zaman kami. Kapal yang disebut itu dibina zaman kami. Jangan cakap macam itu. Jawab elok-elok.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Menteri, jawab elok-eloklah, Yang Berhormat Menteri. Kami hormat Yang Berhormat Menteri. Elok-elok. Yang Berhormat Arau pun tanya elok-elok, jawab elok-elok.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Saya...

[Dewan riuh]

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Orang Sabah, syarat membelakang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Semua Yang Berhormat minta duduk. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk teruskan.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Mikrofon tidak hiduplah Tuan Yang di-Pertua - Kenapa saya sebut begitu, Tuan Yang di-Pertua? Sebab bila berlaku kes di Tanduo, diwujudkan ESCOMM dan dijanjikan kita beberapa batalion akan dibuka di sempadan di Pantai Timur tetapi sampai hari ini, saya tidak tahu batalion itu lari ke mana. Jadi, ini diumumkan sendiri oleh Yang Berhormat Pekan.

Jadi dari segi aset ini, saya sebenarnya setuju apa Yang Berhormat Arau sebutkan. Saya tidak sebut tidak ada langsung tetapi kurang diberikan perhatian disebabkan, Tuan Yang di-Pertua, *even* helikopter APMM tidak ada di Sabah...

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Oh! Dahsyat!

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Sedangkan kita dalam negeri yang sentiasa berhadapan dengan penculikan khususnya di Pantai Timur Sabah ini, khususnya Lahad Datu, Sandakan, Semporna. Inilah yang sentiasa— baru-baru ini beberapa bulan yang lepas, penculikan lagi. Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada kerajaan— itu saya sebutkan tadi, saya tersepit ini dari segi tugas saya Timbalan Menteri Dalam Negeri...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat ini pembangkang atau kerajaan?

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Ha! Itulah *problem* dia. Itulah *problem* dia, Tuan Yang di-Pertua, dan saya harap— orang Sarawak juga saya rasa menyokong. Kita harap kerajaan mempertimbangkanlah isu keselamatan khususnya di negeri Sabah dan Sarawak ini dapat diperkasakan bagi memastikan -- Sebab kalau masalah di negeri Sabah dari segi keselamatan, bila mana media antarabangsa menyebut berlaku penculikan di Pantai Timur Sabah, di Semporna contohnya, di Semporna, Malaysia, dia sebut Malaysia. Orang China tidak tahu di mana Semporna ataupun orang *Europe* tidak tahu Semporna. Dia tahu Malaysia. Jadi, gambaran keselamatan di Malaysia itu tidak selamat disebabkan hanya berlaku penculikan atau keselamatan tidak baik di Pantai Timur Sabah. Oleh sebab itu, penting bagi kita perkasakan keselamatan di Pantai Timur Sabah kerana inilah dua negeri yang berpotensi besar menghadapi ancaman khususnya daripada anasir-anasir luar ini, Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian dari segi bajet tadi, sebagaimana yang saya sebut, kita di peringkat kementerian sedang mengkaji justifikasi keperluan tentang kontrak-kontrak ini. Kita tengok mana yang lebih menjimatkan kita dan *insya-Allah*, dalam masa terdekat kita akan umumkan. Kita akan berbincang secara rapat dengan APMM untuk mencari mekanisme yang terbaik bagi mengatasi masalah-masalah kekurangan bajet untuk *maintenance* ini. Terima kasih.

7. Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah statistik dan kesan daripada pelaksanaan *Mandatory Standard on Access Pricing* (MSAP) terhadap harga internet jalur lebar (*broadband*), dan apakah rancangan-rancangan lain kerajaan di bawah inisiatif '*Double the Speed and Half the Price*'.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan nombor tujuh. Saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau diberikan izin juga ingin menjawab soalan ini bersama dengan pertanyaan daripada sahabat saya Yang Berhormat Cameron Highlands yang diusulkan pada 28 November. Ini kerana ia menyentuh isu yang sama, Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan perkhidmatan internet ataupun jalur lebar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *standard mandatory* mengenai harga capaian atau juga dikenali sebagai MSAP adalah mekanisme yang membolehkan pemberi perkhidmatan memperoleh harga borong yang lebih rendah. Dengan harga yang lebih rendah, Tuan Yang di-Pertua, mereka boleh menawarkan harga pakej runcit baharu kepada pengguna pada harga mampu milik yang lebih berdaya saing ataupun dengan izin dalam bahasa Inggeris, *competitive*.

Kementerian telah pun mengumumkan inisiatif jalur lebar 'dua kali lebih pantas pada separuh harga' ataupun dalam bahasa Inggeris dengan izin, '*double the speed, half the price*'. Untuk menjayakan inisiatif ini, Tuan Yang di-Pertua, SKMM telah mengeluarkan MSAP yang berkuat kuasanya mulai 1 Januari tahun ini. MSAP ini dilaksanakan pada 8 Jun 2018 dan

perjanjian telah dicapai di antara *telco-telco* berkenaan harga borong setelah rundingan diadakan di antara mereka sendiri.

Ekoran itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah dijangkakan bahawa harga jalur lebar akan dikurangkan sehingga 25 peratus menjelang 31 Disember tahun ini. Ini merupakan langkah awal kerajaan bagi menjayakan inisiatif yang saya sebut tadi yang telah diumumkan. Rasionalnya, Tuan Yang di-Pertua, rakyat bakal menikmati kemudahan pencapaian lebih baik, kos yang lebih mampu milik dan meningkatkan peluang akses yang memberi peluang terbaik dalam pelbagai situasi.

Kerangka MSAP ini, Tuan Yang di-Pertua, menawarkan pakej borong pada harga yang lebih rendah, seperti mana yang saya sebutkan tadi, kepada syarikat telekomunikasi. Kementerian melalui SKMM juga sedang mengkaji langkah-langkah lain bagi menurunkan harga jalur lebar dan memantau supaya harga pakej permulaan adalah munasabah untuk semua rakyat.

Lanjutan daripada pelaksanaan MSAP, Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat pembekal perkhidmatan telekomunikasi telah menyahut saranan kerajaan dengan menawarkan pakej-pakej jalur lebar talian tetap yang baharu dengan harga yang lebih berpatutan dengan kadar kelajuan yang lebih tinggi. Izinkan saya juga katakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada harga-harga yang baharu itu, nampaknya ada di antara harga-harga itu yang telah pun mencapai *half the price* dan lebih daripada *double the speed* seperti mana disarankan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat telekomunikasi yang utama telah mengumumkan pengurangan harga yang melebihi 30 peratus. Kini pakej permulaan kelajuan 30 megabait boleh dinikmati oleh rakyat pada harga yang serendah RM79, selain pakej permulaan lain di bawah RM100. Antara syarikat-syarikat telekomunikasi, Tuan Yang di-Pertua, yang telah mengumumkan pakej-pakej jalur lebar talian tetap yang baharu adalah seperti Telekom Malaysia, Maxis, TIME dotCom dan juga Celcom. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya kemukakan soalan tambahan saya, saya ingin mengalu-alukan pemerhati daripada kawasan Parlimen Kota Melaka pada pagi ini. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Usaha yang telah diambil oleh Menteri dan kementerian untuk meningkatkan persaingan industri telekomunikasi ini adalah baik dan seharusnya diberi pujian. Tahniah dan syabas kepada Menteri. Juga, usaha-usaha yang dijalankan untuk menurunkan harga juga banyak memberi kebaikan kepada pengguna.

Sehinggakan usaha-usaha ini yang dilakukan oleh Menteri pada masa yang sama ada pihak industri, contohnya baru-baru ini, ialah petisyen yang menyalahkan Menteri kerana harga saham TM telah menurun. Saya tidak bersetuju dengan petisyen tersebut dan saya bersama dengan Menteri dan saya percaya orang ramai ataupun para pengguna pun bersama dengan Menteri atas usaha untuk '*double the speed and half the price*'.

Barangkali Menteri boleh memberikan pendapat terhadap petisyen tersebut dan apakah langkah-langkah selanjutnya yang akan diambil oleh kementerian untuk terus meningkatkan persaingan dan memecahkan oligopoli industri telekomunikasi ini? Seperti yang kita lihat sebelum ini, syarikat penerbangan hanya ada MAS tetapi selepas adanya tubuhnya AirAsia, kita semua dapat menikmati harga tiket yang rendah.

Jadi, adakah kerajaan dalam masa yang akan datang, selain daripada memberikan lesen kepada TM, adakah kita akan memberikan satu lesen yang baharu kepada syarikat yang lain supaya kita dapat menikmati khidmat yang lebih baik dengan harga yang lagi rendah?

Juga saya ingin Menteri memberi sedikit *update* tentang isu Streamyx kerana ramai pengguna dan saya juga terima banyak aduan bahawa perkhidmatan bukan sahaja tidak *upgrade*, tetapi bertambah buruk.

■1120

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, oleh kerana TM menguasai industri ini sehinggakan sekolah apabila mereka *subscribe to* UniFi, mereka terpaksa bayar harga mengikut kadar komersial. Sepatutnya sekolah yang bukannya *non-profit organization*, sepatutnya mereka menikmati bayaran domestik tetapi mereka dikenakan bayaran komersial. Saya harap supaya Yang Berhormat Menteri dapat campur tangan dalam hal ini. Dengan itu, sekian terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyalahkan sesiapa kerana membawa petisyen terhadap saya. Itu adalah hak mereka. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menegaskan di sini. Kita perlu lihat kepada keperluan negara ini supaya kita boleh memastikan bahawa seluruh negara kita ada *connectivity* dan juga kualiti internet pada harga yang berpatutan dalam masa yang terdekat kerana dunia ini sekarang sudah pun berubah. Bukan sahaja setakat perniagaan yang kita lihat dari segi perniagaan *online* tetapi kita juga lihat bagaimana kita sekarang menuju terhadap apa yang disebut sebagai Industry 4.0. Jadi, negara kita perlu bersedia.

Saya ingin juga menyatakan di sini bahawa pihak TM telah pun berjumpa saya beberapa kali dalam minggu lepas dan kami dalam perbincangan. Saya lihat bahawa apa yang dibincangkan itu membawa hasil dan saya boleh menyatakan di sini bahawa kerajaan sedia membantu dan kita akan mengambil langkah-langkah untuk pastikan bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh TM dapat bersama-sama kita selesaikan. Itu adalah satu jaminan saya dan saya akan pastikan ianya berlaku.

Akan tetapi dalam masa yang sama, saya juga terima apa yang disebut oleh sahabat saya daripada Kota Melaka bahawa wujudnya mungkin keperluan untuk kita melihat cara bagaimana kita boleh membesarkan ruang pasaran dalam bidang ini kepada pihak-pihak yang lain. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ada rancangan daripada pihak kerajaan tetapi saya tak nak umumkan perkara itu di dalam Dewan ini. Oleh kerana saya rasa elok sekiranya syarikat-syarikat itu membuat pengumuman sendiri berkenaan dengan perkara tersebut.

Akan tetapi saya boleh menjawab dengan ringkas mengatakan saya setuju. Kerajaan sedang melihat dalam cara-cara yang lain bagaimana kita boleh meluaskan rangkaian jalur lebar

di seluruh Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, dahulu kita ada polisi *National Fiberization Plan*. Ianya satu pelan yang memberikan tumpuan kepada *fiber* dan *fiber* itu cukup penting. Akan tetapi seperti mana Tuan Yang di-Pertua tahu, kalau kita ada *fiber* itu, kalau kita hendak *fiberize* sesuatu tempat itu, ianya memakan masa dan juga ianya mempunyai masalah dengan kos yang sangat tinggi. Dalam keadaan tersebut, kita lihat kepada kawasan luar bandar dan juga terpencil, susah untuk kita mewujudkan satu rangkaian dalam masa yang terdekat.

Dalam keadaan itu, kerajaan juga sedang melihat kepada alternatif-alternatif lain seperti satelit dan sebagainya. Di mana sekarang kita telah pun kita menerima cadangan daripada beberapa pihak yang kita dalam proses kajian. Dari sudut itu, kita telah pun menyatakan hasrat kita untuk menukarkan pendekatan itu.

Kita akan berubah daripada *Fiberization Plan* kepada *Fiberization and Connectivity Plan*, dengan izin. So, ini adalah di antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan supaya kita boleh memperbaiki rangkaian jalur lebar di seluruh Malaysia dalam masa yang terdekat supaya negara ini boleh bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran dalam dunia *Industrial Revolution 4.0*.

Jadi, dalam keadaan itu Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa apabila kita lihat kepada cabaran-cabaran ini, kita kena faham bahawa wujudnya keperluan untuk kerajaan mengambil tindakan supaya negara ini tidak tertinggal di belakang dan kita juga boleh menikmati segala faedah-faedah yang Revolusi Industri 4.0 ini akan bawa kepada negara kita. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya meneliti jawapan Yang Berhormat Menteri sebentar tadi dan saya yakin hasrat Yang Berhormat Menteri untuk memastikan rakyat ini ada *connectivity*, saya amat setuju. Cumanya persoalan saya, CEO Kumpulan TELEKOM ada menyatakan bahawasanya TELEKOM mempunyai 2.8 juta *port* jalur lebar. Akan tetapi yang telah digunakan hanya 1 juta *port* jalur lebar sahaja dan 1 *port* merangkumi 8 buah rumah.

Apakah kementerian punya perbincangan dengan Kumpulan TELEKOM supaya berbaki lagi 1.8 juta *port* itu harus diisi supaya *connectivity* ini dapat dicapai dengan baiknya. Berikutnya Yang Berhormat Menteri, saya hairan apabila 1 Januari 2019 nanti dilaksanakan MSAP ini dan saya harap harga saham yang hari ini pada pukul 10.55 pagi tadi RM2.32, apa pandangan atau *projection* kementerian? Adakah saham ini akan terus jatuh dan akhirnya ia akan keluar daripada KLSE? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat daripada Paya Besar. Pertama, berkenaan dengan angka itu Yang Berhormat Paya Besar, saya tidak ada angka-angka dengan saya sekarang berkenaan dengan *port* tetapi saya boleh kemukakan secara bertulis kemudian.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Isu kedua berkenaan dengan MSAP. Sebenarnya Yang Berhormat, MSAP ini telah pun dilaksanakan sejak 1 Jun, kalau tidak silap, minta maaf, sejak 8 Jun tahun ini. Jadi, ianya telah pun dikuatkuasakan dan harga yang ditetapkan untuk pakej-pakej yang baru ini adalah berdasarkan kepada harga yang dipersetujui untuk harga borong jalur lebar itu. Harga itu saya hendak nyatakan sekali dan tegaskan sekali lagi di dalam Dewan ini, harga itu adalah harga yang dicapai selepas rundingan diadakan di antara kalangan *telco* sendiri. So, mereka adakan perbincangan dan kemudian mereka itu capai satu harga.

Dalam keadaan tersebut, saya lihat mereka telah pun kemukakan *3rd quarter report* baru-baru ini. Ada dengan jelasnya dinyatakan apa yang telah pun berlaku secara am dan juga angka-angka yang terlibat tetapi kepada saya seperti mana saya sebut tadi, *looking forward*. Kerajaan bersedia untuk mengambil langkah-langkah supaya bekerjasama dengan TM supaya kita boleh bersama-sama mempertingkatkan dan mengukuhkan lagi mutu dan taraf perniagaan TM, bukan sahaja di peringkat negara ini tetapi di peringkat global juga.

Saya teliti perkara ini dan saya cukup berterima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah pun mengemukakan perkara ini kepada saya. Saya faham, saya tahu apa perasaan berkenaan dengan ini. Kementerian saya mengambil serius perkara ini dan kita akan melakukan apa yang boleh supaya kita boleh bekerjasama dengan TM supaya kita dapat bersama-sama menjayakan seperti mana saya sebut, rangkaian jalur lebar negara ini supaya kita bersedia untuk zaman dan cabaran dalam IR 4.0 yang akan datang ini. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri, tadi ada tanya fasal sekolah yang kenakan UniFi, yang kenakan...

Tuan Gobind Singh Deo: Saya boleh- Tuan Yang di-Pertua, boleh saya berikan dalam..

Tuan Yang di-Pertua: Silakan dalam masa dua minit.

Tuan Gobind Singh Deo: Ianya juga melibatkan angka. Saya akan berikan secara bertulis. Minta maaf Yang Berhormat Kota Melaka, sepatutnya saya beritahu tadi. Dua perkara iaitu satu berkenaan dengan *Streamyx* dan satu berkenaan dengan sekolah, saya akan berikan secara bertulis kerana saya hendak dapatkan angka-angka yang tepat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

8. Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah segera kementerian untuk membangun semula sekolah-sekolah yang dalam keadaan daif dan kritikal termasuk menaik taraf bangunan yang masih boleh diguna pakai sekarang di kawasan Parlimen Lawas.

Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, sebelum saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Lawas, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Marang selaku Presiden PAS yang telah sudi untuk datang ke UIA baru-baru ini untuk memberikan pidato sulung beliau. Ini julung-julung kalinya dalam sejarah Malaysia, seorang Presiden parti

pembangking, seorang Presiden PAS telah dijemput hadir ke universiti awam. Sejarah telah tercipta di era Malaysia baharu. Terima kasih Yang Berhormat Marang. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Yang Berhormat Lawas, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan program khusus di bawah peruntukan *private finance initiative* (PFI), dengan izin, dan juga pembangunan untuk membangun serta menaik taraf sekolah yang berada dalam keadaan daif. Program ini sentiasa ditambah baik dalam aspek skop dan pelaksanaannya, termasuk bagi negeri Sarawak dan Parlimen Lawas, secara khususnya.

■1130

Pada tahun 2018, terdapat sembilan projek pembangunan semula sekolah daif secara *industrial building system* (IBS) dengan izin yang dilaksanakan di Parlimen Lawas. Empat daripadanya telah siap dan lima projek lagi sedang dalam pelaksanaan. Strategi terkini KPM berkaitan pelaksanaan naik taraf sekolah daif ini skala berdasarkan analisis skor yang telah diperkenalkan oleh KPM buat kali pertamanya yang mana skor ini telah mendapat perakuan daripada pihak teknikal. Bagi tahun 2019, pelaksanaan naik taraf sekolah daif sedang diperhalusi berdasarkan skala yang julung-julung kalinya diperkenalkan di Malaysia ini.

Selain itu dalam *rolling plan* keempat, Rancangan Malaysia Ke-11, tahun 2019, agensi pusat juga telah meluluskan empat projek dalam Parlimen Lawas yang melibatkan pembinaan bilik darjah serta pelbagai kemudahan berkaitan dengan rumah guru dengan kos projek berjumlah RM47.85 juta. Tahniah Yang Berhormat Lawas ya.

Bagi memastikan pembangunan sekolah-sekolah daif ini dilaksanakan mengikut jadual, pemantauan lebih rapi telah dilaksanakan yang mana KPM sendiri dipantau oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) secara berkala iaitu setiap dua minggu sekali. Ini demi memastikan tidak ada lagi projek sakit, ketirisan ataupun projek yang tidak siap-siap demi kemaslahatan rakyat Malaysia dan demi kemaslahatan anak-anak sekolah tidak kira di mana mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui *dash board* yang diletakkan di pejabat saya sendiri, saya secara peribadi boleh memantau pelaksanaan sekolah daif ini secara harian dan saya akan memastikan semua Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) memantau pelaksanaan projek sekolah daif ini juga secara harian seperti mana yang saya lakukan.

Saya mencadangkan ahli-ahli Yang Berhormat juga boleh memainkan peranan untuk membantu KPM memantau kemajuan projek-projek KPM dengan cara yang bersesuaian di kawasan masing-masing. KPM akan sentiasa mendengar setiap laporan yang dikemukakan oleh para MP dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Ini demi memastikan segala projek penaiktarafan sekolah daif tidak akan tergendala dan tidak akan lagi menjadi seperti kerajaan sebelum ini. Terima kasih. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan secara ringkas. Kita kehabisan masa, silakan.

Dato' Henry Sum Agong [Lawas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang datang menjawab soalan. Untuk makluman di kawasan

Parlimen Lawas terdapat 30 buah sekolah yang dikategorikan dalam keadaan daif. Ada di antara bangunan sekolah tersebut lebih teruk. Contoh SK Tengoa Terusan terpaksa dirobuhkan kerana tidak dapat diguna pakai lagi. Kini pihak sekolah menggunakan sebuah stor tempat murid-murid belajar. Selain itu SMK Merapoh yang sebahagian tapaknya mendap menyebabkan bangunan sekolah retak dan berlubang. Ia perlu mendapat perhatian dan tindakan segera pihak yang berwajib.

Soalan saya, berapakah jumlah peruntukan yang disediakan khas untuk sekolah-sekolah daif di Sarawak? Berapa buah sekolah daif di Sarawak yang akan diganti dengan bangunan baru dalam tempoh masa yang terdekat? Saya difahamkan terdapat lebih 1,000 buah sekolah daif di seluruh Sarawak sedang menunggu peruntukan kerajaan untuk sama ada mengganti bangunan sekolah lama atau membaik pulih bangunan. Seterusnya soalan saya, bilakah masalah sekolah daif di Sarawak dapat diselesaikan? Sekian, terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Lawas kerana mengikuti dengan dekat perkembangan sekolah-sekolah daif di kawasan Parlimen beliau. Jadi, yang disebutkan tadi SK Long Tengoa dan juga SK Ulu Merapoh. Saya ingin tambahkan tiga lagi yang mana ini di dalam proses pelaksanaan kita.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Inilah Yang Berhormat Menteri yang prihatin.

Dr. Maszlee bin Malik: Tengoa dan Merapoh dalam proses pembinaan, pelaksanaan dan saya memantaunya. Walaupun di Putrajaya tetapi saya memantau dari segi hariannya dan saya tambahkan tiga lagi...

Dato' Henry Sum Agong [Lawas]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: ...SK Batu Lima, SK Kerangan dan SK Kuala Lawas. Kita akan pastikan bahawa pada tahun 2019 akan selesai peningkatannya ini. Berkaitan dengan soalan di luar Lawas pula secara amnya di seluruh Sarawak, kita sentiasa bekerjasama dengan semua pihak termasuk dengan kerajaan negeri untuk memastikan semua pembaikpulihan sekolah daif akan dapat dilakukan sesegera mungkin dan kita juga mengalu-alukan bagi MPs, bagi Ahli-ahli Parlimen daripada Sarawak, Sabah dan daripada mana saja untuk memantau perjalanan projek sekolah daif.

Namun ianya perlu dilakukan secara bertahap-tahap. Walau bagaimanapun pada tahun 2019, kita mempunyai sasaran tertentu dan ini saya akan berikan kepada Yang Berhormat Lawas secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Soalan tambahan.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam masa satu minit. Satu minit saja. Silakan.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Okey, Yang Berhormat Jempol.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Puncak Borneo.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jempol dulu.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Oh! Jempol. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, terus kepada soalan di mana 2,600 unit rumah ataupun kuarters kementerian tidak diduduki. Ini dibiarkan kosong begitu saja. Malah dulu ada cadangan daripada Gabungan Belia Malaysia untuk memberi peluang kepada B.40 untuk menyewa ataupun menduduki rumah-rumah kuarters guru ataupun kuarters kementerian ini yang kosong yang jumlahnya cukup besar. Jadi mohon Yang Berhormat Menteri punya jawapan.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan kuarters guru yang tidak diduduki, kita dapati memang terdapat beberapa tempat, terdapat kuarters guru yang tidak diduduki walaupun terdapat di kawasan lain tidak cukup *supply* kepada kuarters guru. Ya, kita ambil cakna tentang isu ini dan kita dalam perbincangan berterusan dengan sahabat saya Yang Berhormat Menteri KPKT yang sedang sibuk berbincang dan juga dengan beberapa kerajaan negeri untuk memastikan bahawa setiap kuarters ini akan dapat digunakan oleh pihak-pihak tertentu dan tidak akan terbengkalai.

Tuan Yang di-Pertua izinkan saya mengalu-alukan kedatangan tetamu kita daripada Parlimen Permatang Pauh, selamat datang ke Parlimen. *[Tepuk]* Izinkan saya sudahi ucapan saya dengan serangkap pantun juga.

*Dalam mendaki Bukit Semantan,
Teknik laif jadi pilihan,
Dalam memperbaiki kualiti pendidikan,
Sekolah daif jadi keutamaan.*

Terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Sedap itu. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dengan itu selesailah sudah pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan. Seterusnya usul.

[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.37 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2019 dan

Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2019 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Khamis, 29 November 2018.”

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2019

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2019

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2019 dan Anggaran Pembangunan 2019 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”. **[Hari Keempat]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.23, [Jadual] -
Maksud P.23 [Anggaran Pembangunan 2019]**

Tuan Pengerusi: Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Kepala Bekalan B.23, Kepala Pembangunan P.23 di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli terbuka untuk dibahas. Sekarang boleh bahas. Yang Berhormat Kuala Kangsar dulu bagi notis.

■1140

11.40 pg.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya turut serta untuk berbahas pada peringkat Jawatankuasa Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Terima kasih.

Butiran 020000 – Pengurusan Air, Geologi dan Tanah dan Butiran 020400 – Pengairan dan Saliran dan Butiran 15000 – Kerja- kerja Kecil JPS, Pelbagai Negeri. Saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih Yang Berhormat Menteri kepada JPS negeri dan juga Jabatan Saliran di Kuala Kangsar kerana berjaya mengenal pasti lokasi-lokasi sungai-sungai di Parlimen

Kuala Kangsar yang perlu dikorek semula dan didalamkan semula dan juga semua sungai yang tersumbat dan sering kali inilah penyebab banjir-banjir kilat yang berlaku di kawasan-kawasan pedalaman di Kuala Kangsar.

Saya mohon pihak kementerian supaya peruntukan-peruntukan untuk mengendalikan usaha ini diteruskan dan dibuat secara berkala dan jangan hanya dibuat ketika ada keperluan kerana ia amat bermanfaat dan mengurangkan lagi kos-kos bencana di kawasan-kawasan sepertinya. Saya percaya, sekiranya saluran-saliran diusahakan dengan baik, kita dapat mengurangkan peratusan bencana secara mendadak lagi di kawasan-kawasan tertentu di Parlimen saya. Ini amat berjaya sebenarnya Yang Berhormat Menteri di kawasan Parlimen Kuala Kangsar. Saya mohon Yang Berhormat Menteri terus membantu kawasan Parlimen saya yang masih memerlukan usaha berterusan yang belum lagi selesai.

Saya terus pula kepada Butiran 15300 – Mengorek Kuala-kuala Sungai. Sungai Perak mengalir di Kuala Kangsar. Sedimennya telah menyebabkan dasar Sungai Perak menjadi cetek dan usaha saya untuk mewujudkan sukan sungai sebagai tarikan pelancongan yang sudah tentu akan menjana pulangan kepada masyarakat kampung, tidak dapat saya usahakan, Yang Berhormat Menteri. Usaha mengeluarkan pasir pernah dibuat tetapi masih tidak dapat menyelenggarakan dasar sungai ini dengan efisien. Saya mohon Yang Berhormat Menteri lihat semula kawasan Bandar Diraja Kuala Kangsar bagi mendalamkan semula dasar Sungai Perak di kawasan itu supaya rakyat Kuala Kangsar dapat mengoptimumkan pulangan ekonomi daripada penggunaan kekayaan semula jadi Sungai Perak.

Butiran seterusnya, Butiran 07100 – PERHILITAN. Yang Berhormat Menteri, kera dan babi hutan adalah hidupan liar yang banyak mengakibatkan ekonomi petani dan keselamatan orang kampung di kawasan Parlimen saya terjejas. Saya mohon kaedah yang luar dari kotak PERHILITAN untuk mengeluarkan atau mengurangkan ancaman ini kerana usaha-usaha yang sedia ada, tidak berapa efektif di kawasan Parlimen saya. Lagi satu kekurangan adalah jabatan di peringkat daerah mempunyai terlalu kurang kakitangan yang dapat menyelenggarakan ancaman yang bahaya ini walaupun mereka telah mencuba sedaya mungkin dengan kekangan kekurangan kakitangan di situ.

Saya juga Yang Berhormat Menteri, difahamkan bahawa Orang-orang Asli di kawasan saya mempunyai cara dan kaedah yang dapat membantu membasmi ancaman ini. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh mendapat sedikit maklumat mengenai perkara ini. Saya juga boleh membantu tetapi ia– saya kena *explain* banyak pasal perkara dan kaedah ini dan seelok-eloknya saya akan memberi satu surat kepada Yang Berhormat Menteri dan saya akan *explain* secara terperinci. Saya harap kementerian dapat mengusahakan kaedah-kaedah luar kotak supaya kita dapat membasmi ancaman-ancaman ini kepada orang kampung.

Akhir sekali Yang Berhormat Menteri, Butiran 23000 – Rancangan Bekalan Air Negeri Perak. Ketika musim perayaan, Yang Berhormat Menteri, tekanan air *automatically* menjadi rendah di kawasan Parlimen Kuala Kangsar kerana kepulangan warga kota yang begitu ramai sekali. Jadi saya mohon supaya ada satu kaedah, mungkin kaedah yang *temporary*, dengan izin,

supaya perkara ini dapat diatasi. Terlalu banyak kerumitan berlaku kepada kawasan ketika masa perayaan. Saya mohon Yang Berhormat Menteri lihat semula bagaimana kita boleh mengatasi kekurangan tekanan dan juga *water supply* ketika musim perayaan. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Dipersilakan Yang Berhormat Jeli, silakan.

11.45 pg.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada lima perkara. Pertama berkaitan dengan gajah, yang kedua hutan, yang ketiga produk herba, yang keempat air, yang kelima ialah perparitan.

Mengenai gajah, Tuan Pengerusi iaitu Butiran 07100 – PERHILITAN, di muka surat 221. Satu minggu ini, kira-kira 11 ekor gajah telah masuk beberapa kampung di kawasan saya iaitu Bukit Ipoh, Lawar, Belimbing dan Kalai. Mungkin gajah ini datang, saya tidak pasti. Saya *check* dengan rakan saya Yang Berhormat Gerik, kami ini jiran ya. Tidak pasti gajah dari Gerik. Apa yang pastinya, oleh kerana ada masalah habitat hutan-hutan dan gajah terpaksa keluar hutan. Saya tidak pasti sama ada hutan Perak atau hutan Kelantan tetapi 11 ekor ini banyak. Ia telah memusnahkan tanaman pisang, getah, kelapa sawit dan kadang-kadang juga menyerang rumah-rumah. Ada satu ketika dahulu rumah pun jatuh, Tuan Pengerusi, ataupun rosak, musnah diserang oleh gajah.

Jadi saya mohon dua perkara. Pertama, dibina pagar elektrik di beberapa kawasan di Batu Melintang, Lata Janggut, satu. Kedua, Kalai ke Kampung Lawar. Itu yang pertama iaitu bina pagar elektrik. Keduanya, tahun 2007 telah dibina pagar elektrik sepanjang 13 kilometer Sungai Rual ke Pasir Dusun tetapi memerlukan penyelenggaraan. Jadi kita mohon bajet untuk penyelenggaraan. Kalau tengok bajet ini cuma RM1.3 juta. Maaf, RM65.26 juta untuk tahun hadapan. Maka saya harap sebahagian dapat diperuntukkan untuk menangani masalah gajah ini yang mengancam nyawa dan juga tempat duduk mereka dan juga tanaman. Jangka panjang, kerajaan harus memikirkan cara bagaimana untuk memastikan gajah ini selamat. Gajah boleh hidup dengan baik, manusia boleh hidup dan tanam-tanaman juga selamat. Itu yang pertama, berkaitan dengan gajah.

Kedua, berkaitan dengan hutan. Tuan Pengerusi, Butiran 030000 – Pengurusan Hutan dan Biodiversiti. Di kawasan saya, ada satu hutan bandar dirasmikan oleh Yang Maha Mulia Pemangku Raja bulan Mac yang lalu, tujuh ekar. Mengikut Pejabat DO, Jabatan Perhutanan berjanji untuk membantu untuk membangunkan hutan dalam bandar ini, tujuh ekar sahaja. Jadi saya mohon supaya disediakan peruntukan untuk pagar, untuk membersihkan kawasan dan untuk membekalkan pokok-pokok. Tidak banyak pokok yang telah dibekalkan. Jadi, ini adalah satu projek yang amat baik. Satu-satunya di Kelantan, hutan dalam bandar. Kecil sahaja tempat ini dan saya harap ia dapat dipertimbangkan oleh pihak kerajaan melalui peruntukan Butiran 030000.

Seterusnya Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Butiran 15400 – Rancangan Pengurusan Sungai Saliran Mesra Alam, sambungan daripada Yang Berhormat Kuala Kangsar tadi. Saya ada tiga sungai yang perlu didalami. Sungai Lanas, Sungai Lakota dan sungai di Panglima Bayu yang melintasi Lebuhraya Timur-Barat. Sungai di Panglima Bayu ini kadang-kadang apabila hujan lebat, melimpah air dan menyebabkan banjir dan mengganggu lalu lintas di Lebuhraya Timur-Barat. Itu berkaitan Butiran 15400, mohon didalamkan sungai daripada semasa ke semasa. Seperti mana Yang Berhormat Kuala Kangsar, saya bersetuju supaya dibuat secara berkala, bukan secara *one-off* kerana kalau tidak diselenggarakan dengan baik, ini menimbulkan masalah termasuklah banjir.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Butiran 20000 – Rancangan Bekalan Air Negeri Kelantan. RM23 juta disediakan. Pada bulan September 2016, berlaku proses migrasi air di mana aset-aset bekalan air Kelantan, Syarikat Bekalan Air Kelantan telah dipindahkan kepada PAAB pusat dan sebagai balasan, Kerajaan Pusat dikehendaki untuk membiayai sebahagian ataupun kesemua pembangunan aset-aset air.

■1150

Kalau mengikut hasratnya, liputan bekalan air Kelantan ini dahulu, dua tahun lepas dalam 60 peratus hendak dinaikkan kepada 70.5 peratus *non-revenue water* (NRW) daripada 48 peratus kurang 30 peratus. Saya hendak tahu sama ada peruntukan RM22 juta ini ataupun peruntukan RM23 juta ini, mencukupi untuk menepati hasrat yang ditetapkan dua tahun dahulu. Saya hendak tahu, setakat manakah migrasi ini telah berjaya? Sama ada dengan adanya peruntukkan RM23 juta ini sebahagian besarlah yang dihadapi oleh rakyat-rakyat Kelantan. Sekarang ini liputan bekalan air cuma kira-kira 60 peratus.

Negeri Kelantan Tuan Pengerusi, tiga sumber air yang utama ialah daripada Syarikat Bekalan Air Kelantan. Kedua, daripada telaga tiub dan yang ketiga ialah graviti daripada bukit. Jadi kita hendak pastikan bahawa ada dengan izin *dependable water supply*, yang berkualiti. Ini akan meningkatkan taraf hidup rakyat Kelantan dan menyelesaikan sebahagian masalah yang dihadapi. Jadi saya mohon supaya kerajaan menyegerakan projek ini supaya masalah-masalah yang dihadapi khususnya musim perayaan di mana permintaan untuk air – perayaan ini banyak cuti sekolah, hari raya dan lain-lain. Di mana kadang-kadang berlaku gangguan bekalan air.

Tuan Yang di-Pertua, hutan gajah – akhir sekali ialah produk herba. Peruntukkan yang kecil disediakan bagi Butiran 08100 – Pusat Pembangunan Produk Herba, cuma berjumlah RM1.3 juta. Saya ingin tahu daripada Jabatan Hutan Malaysia (FRIM), setakat mana produk herba telah berjaya dibangunkan? Nyatakan produk-produk yang *iconic* yang telah mendapat pasaran dalam dan luar negara. Adakah dengan peruntukkan RM1.3 juta ini mampu untuk melonjakkan pencapaian industri herba di negara kita Malaysia? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tenggara, sila.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tenggara dahulu.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Okey, saya ingin maklumkan berkenaan dengan Butiran 14200 – Pemulihan Struktur, dibaca sekali dengan Butiran 15400 – Rancangan Pengurusan Sungai Saliran Mesra Alam, Pembangunan 23.

Berkenaan dengan satu isu yang sangat penting di kawasan Tenggara dan daerah Kota Tinggi. Di mana baru-baru ini baraj Sungai Johor telah siap dibina. Satu – apa yang dikatakan takungan sementara untuk mengekalkan bekalan air bersih kepada loji-loji di sepanjang Sungai Johor. Terutama sekali LRA Semangar, LRA Sungai Johor dan *Johor River water treatment plant operated by PUB* iaitu air yang dibekalkan ke Singapura. Kita dapati bahawa tujuan baraj dibina ialah sebagai penampungan daripada kemasukan air masin. Dengan izin, *saline intrusion*.

Baraj Sungai Johor untuk makluman kementerian, memang telah siap tahun ini. Sepatutnya disiapkan pada tahun 2017 dengan reka bentuk asal bukanlah bertindak sebagai takungan sementara tetapi saya difahamkan pihak Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ) telah pun mengubah *standard operating procedure* asal. Hasilnya semua LRA tiga tempat yang mengambil air mendapat bekalan air mentah. Saya difahamkan Empangan Linggiu juga telah mencapai simpanan 68 peratus sejak baraj dibina. Dengan itu, sudah tentu ada kecacatan dalam reka bentuk asal.

Saya maklumkan kepada pihak kementerian supaya mengetahui terdapat kebocoran-kebocoran pada pintu-pintu yang menyebabkan telah mula ada kemasukan air masin ke –*saline intrusion* dalam air mentah. Jadi, saya difahamkan kerjasama antara BAKAJ di PH Johor, Ranhill SAJ dan PUB di peringkat operasi adalah baik. Oleh itu, saya minta kerajaan supaya membantu pihak BAKAJ memastikan bekalan air mentah berterusan kepada semua LRA di sepanjang Sungai Johor kawasan Tenggara.

Untuk itu tentu ada peruntukan ataupun kos anggaran yang diperlukan oleh pihak kementerian membantu dan saya tidak tahulah berapa banyak yang patut di kemukakan. Akan tetapi keperluan untuk membaiki supaya baraj tersebut dapat *dioperate* ataupun dijalankan dengan baik supaya tidak ada *stop lock* dalam perkara tersebut.

Perkara ini telah pun menyebabkan aduan-aduan kepada aktiviti pengambilan air Sungai Johor di mana saya mohon pada pihak kementerian supaya sepanjang Sungai Johor yang berada dalam kawasan Tenggara dijadikan sebagai satu kawasan *national security* daripada pencemaran. Ini kerana adanya pengambilan air untuk dibekalkan ke Singapura dan juga untuk rakyat Johor terutama sekali di kawasan selatan Johor dan juga kawasan tengah.

Jadi kalau ada pencemaran dan juga ada berlaku tumpahan bahan-bahan yang dikatakan mencemarkan sungai, perkara ini sepatutnya pihak kementerian dapat mengetahui lebih awal dan membasminya sebelum ia berlaku. Ini kerana pernah berlaku banyak kali iaitu seperti pencemaran ammonia dan juga tumpahan diesel yang menyebabkan gangguan-gangguan terhadap pengambilan air mentah ini berlaku dari semasa ke semasa.

Tuan Pengerusi, saya hendak juga menyentuh Butiran 15400 – Rancangan Pengurusan Sungai Saliran Mesra Alam. Selepas baraj dibina, perkara yang paling menjadi rungutan ialah

mendapan. Berlaku mendapan di dasar sungai. Ini telah mengganggu urusan nelayan-nelayan darat dalam mengutip hasil. Mereka mengatakan bahawa kutipan ataupun tangkapan ikan merosot begitu teruk kerana pertama mendapan, di mana tidak ada pembiakan ikan.

Kedua, ialah kekurangan arus air yang seperti mana sebelum baraj dibina, arus mengalir dengan baik. Ini telah menghalang mereka untuk mendapatkan rezeki. Ini perlu dilihat sebagai kesan sampingan ataupun *bad effect of* pembinaan baraj di sekitar Sungai Johor. Tentu sekali dia melibatkan petani dan juga penanam tanaman sayur serta penanam komuniti seperti getah dan kelapa sawit. Di mana mendapan air berlaku selepas pembinaan baraj kerana ada takungan sementara. Ini telah pun menjejaskan mata pencarian petani-petani di sekitar pembinaan baraj tersebut.

Jadi perkara ini perlu saya minta pihak kementerian bertanggungjawab atas isu-isu yang dibangkitkan kerana kalau tidak diselesaikan awal, bermakna ia akan berlarutan dan ia tidak akan dilihat sebagai penting kerana kita mesti memulakan pembaikan di peringkat awal. Jadi saya memihak kepada pihak petani dan juga nelayan supaya pihak kementerian melihat isu-isu yang boleh diperbaiki terutama sekali dalam memberi kaunseling. Juga memaklumkan tentang perkara-perkara yang dilakukan supaya nelayan darat sepanjang Sungai Johor itu bukan sahaja menjadi mata, telinga kepada pencemaran yang akan berlaku tetapi mereka juga mendapat hasil yang baik daripada pembinaan baraj. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Tenggara.

Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]: Sungai Besar, Sungai Besar.

Tuan Pengerusi: Saya akan berikan aturan berbahas supaya tidak berlaku pertelingkahan. Selepas ini Yang Berhormat Kluang dan selepas itu Yang Berhormat Santubong. Selepas itu Yang Berhormat Rasah. Seterusnya Yang Berhormat Paya Besar dan selepas itu Yang Berhormat Gerik dan seterusnya.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Hulu Terengganu.

Tuan Pengerusi: Silakan.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Hulu Terengganu.

11.59 tgh.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi bagi peluang kepada Kluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Jawatankuasa ini.

Saya Cuma hendak rujuk kepada Butiran 07100 – PERHILITAN. Isu pertama tentang binatang-binatang liar, bukan dalam kawasan saya walaupun dekat sangat. Hal ini kerana pagi ini saya baru terima beberapa aduan serius yang berlaku di Jemaluang. Satu pekan yang amat kecil, penduduk-penduduk pun tidak ramai.

■1200

Akan tetapi setakat ini, tiap-tiap malam pada waktu siang, penduduk-penduduk manusialah yang keluar menjalankan aktiviti mereka dalam pekan tetapi pada waktu malam, gajah yang *occupied* sesuatu pekan. *Shopping* dekat dalam pekan sebabnya kerana hutan lipur

mereka semua dimusnahkan. Keluasan itu bukan kecil tetapi besar. Beratus-ratus hektar yang dimusnahkan dan jadi ladang balak. Itu satu sebab yang mengakibatkan semua binatang liar ini keluar. Sekarang cuma ladang dan kebun-kebun yang dimusnahkan.

Tiada apa-apa kerugian yang besar terhadap jiwa manusia yang berlaku lagi tetapi kalau keadaan ini tidak dapat dikawal, saya tidak dapat jangka apa kejadian yang tidak diingini akan berlaku kepada penduduk-penduduk setempat. Oleh itu saya minta Menteri dan Timbalan Menteri lihat kepada keadaan yang serius ini khususnya di kawasan Jemaluang dan sekeliling yang diakibatkan bukan oleh binatang liar tetapi diakibatkan oleh manusia sendiri yang menyebabkan masalah yang serius ini.

Walaupun saya faham bahawa kita mungkin boleh membina *elephant century* dengan izin tetapi ini bukan satu penyelesaian yang menyeluruh kerana akhirnya masalahnya adalah manusia yang membuka dan memusnahkan tempat kehidupan binatang liar iaitu yang paling baik kita kena lihat dan mengkaji semula macam mana manusia kita sendiri hidup bersama dengan binatang liar ini secara aman.

Isu kedua adalah tentang pokok bakau. Butiran 08601. Tadi saya sebut tentang kawasan dekat Pantai Timur. Sekarang saya pergi ke pantai barat yang dekat dengan Sungai Pulai. Pada beberapa tahun yang lalu, ada satu syarikat yang sudah membuka dan meneroka *the second biggest Ramsar Site in the world* dengan izin iaitu *Ramsar Site* di Sungai Pulai. Semua orang tahu Sungai Pulai ini sebenarnya mempunyai satu *Ramsar Site* yang memang *precious* yang sepatutnya dihargai oleh penduduk-penduduk setempat tetapi hutan simpan pokok bakau ini diceroboh untuk membina satu *golf course*. Satu *golf course* yang sangat besar dan seharusnya pemaju itu cuma bina di pulau-pulau di luar sana tetapi mereka sekarang sudah membina satu *golf course* yang dekat hutan simpan paya bakau kita.

Saya tidak pasti bahawa pemaju ini ada rancangan lagi atau tidak untuk menceroboh lebih banyak lagi hutan simpan paya bakau kita. Saya minta kementerian mengambil perhatian, mengambil berat terhadap projek-projek seperti ini dan menerangkan apa tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Pusat untuk hentikan semua rancangan yang tidak sebenarnya dalam rancangan setempat agar alam sekitar kita dipertahankan dan *reserve* dengan cara yang lebih baik. Ini butiran kedua dan isu yang Kluang bangkitkan sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kluang. Saya menjemput Yang Berhormat Santubong sekarang. Sila.

12.04 tgh.

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bermula dengan program di bawah muka surat 224 iaitu Perairan dan Saliran di bawah Butiran 16700 – Rancangan Tebatan Banjir. Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kementerian dan Menteri kerana projek-projek yang diluluskan pada tahun 2007 dan 2008, ada sebahagian daripadanya akan dilaksanakan di Sarawak. Projek-projek yang lain bakal dilaksanakan pada tahun 2019. Ini maklumat yang saya dapat dan saya ucapkan terima

kasih dan tahniah kepada Menteri. Akan tetapi yang saya ingin bertanya di bawah butiran ini, Yang Berhormat, ialah berhubung dengan tebatan banjir untuk Kuching dan juga Sibu.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa sumber kewangan RM250 juta telah diluluskan pada tahun 2015 tetapi apabila berlaku banjir di Kuching pada Januari 2016, saya telah diminta oleh Perdana Menteri ketika itu, Yang Berhormat Pekan, supaya melihat apakah rancangan untuk mengatasi masalah di Kuching. Jadi saya telah meminta dengan kerajaan supaya duit daripada Sibu sebahagian daripadanya dibawa ke Kuching. Dengan itu kita mendapat RM100 juta untuk di Sibu dan RM150 juta untuk dilaksanakan di Kuching.

Pada ketika itu, saya mempunyai sedikit pengetahuan latar belakang berhubung dengan hidrologi dan juga banjir ini. Jadi dengan keadaan sedemikian, saya minta kajian semula dibuat tidak menggunakan *framework* asal tebatan banjir Sibu dan Kuching. Maka kajian itu memakan masa sedikit pada tahun 2016 hingga tahun 2017. Saya dimaklumkan kedua-dua projek ini bakal dilaksanakan pada bulan April tahun 2018 di Sibu, di Kuching pada bulan Oktober 2018. Jadi saya ingin bertanya apakah kedudukan sebenar dua projek ini pada masa sekarang ini, Tuan Pengerusi.

Kedua, di bawah Pengurusan Air, Geologi dan Tanah di bawah Butiran 020100 – Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian. Tuan Pengerusi, ini adalah kepentingan negara yang amat penting berhubung dengan Kanun Tanah Negara. Saya telah mencadangkan masa saya jadi Menteri dahulu supaya Kanun Tanah Negara dipinda lagi sekali. Pindaan yang pertama dicadangkan ialah untuk membolehkan Jabatan Tanah dan Galian (JKPTG) memberi geran kepada udara. *On the air. Space grant.*

Tujuannya adalah untuk menyelesaikan banyak masalah. Umpamanya kita membuat terowong, kita membuat jejantas sebabnya sebagaimana yang Yang Berhormat sedia maklum bahawa undang-undang kita iaitu kalau sesiapa mempunyai tanah sampai ke perut bumi dan ke atas udara, kepunyaannya semua. Jadi kita tidak boleh menggunakan udara orang lain dan tidak boleh menggunakan di bawah tanah orang lain.

Jadi undang-undang telah dipinda untuk memberi geran di bawah tanah. Yang tinggal ialah memberi geran ke atas udara. Tujuannya supaya laluan untuk banyak perkara. Umpamanya kalau kita lihat di Bukit Bintang ada satu jalan menyeberang dua bangunan. Siapa yang punya? Tidak tahu. Kalau berlaku apa-apa perkara, *there is no legal responsibility* ke atas tanah itu, tempat itu, Tuan Pengerusi. Dalam keadaan sedemikian, saya cadangkan supaya diberi geran orang yang tertentu. Bukan sahaja mendatangkan hasil kepada dia tetapi ada *legal authority* dan *legal responsibility* di sebaliknya, Tuan Pengerusi. Undang-undang ini sedang dikaji oleh pihak AG.

Kedua ialah untuk membolehkan memberi *private list*. *Private list* ini juga penting oleh kerana negara kita banyak mendapat pelaburan daripada luar negara yang perlukan geran. Sekarang ini kadang-kadang *foreigners*, orang asing mendapat geran *perpetuity* ataupun *freehold* yang diberi kepadanya. Akan tetapi dengan *private list* ini, tanah ini masih dipunyai oleh

orang Malaysia dan kita boleh memberi geran *private list* yang *bankable*, dengan izin Tuan Pengerusi.

Jadi, dua pindaan ini telah kita hantar kepada pihak AG untuk dikaji, diperhalusi dan dibawa ke Dewan ini. Jadi dengan keadaan sedemikian supaya negara kita mempunyai satu undang-undang tanah yang betul-betul dikatakan ke hadapan, boleh memenuhi cita rasa banyak pihak. Kalau kita lihat Tuan Pengerusi, di Chicago contohnya, ada satu bangunan yang dikatakan *heritage* tetapi udaranya mahal. Bangunan itu di tengah-tengah bandar sekali.

■1210

Jadi apa yang dibuat kalau tidak ada geran untuk beri benda itu, dia tidak boleh buat bangunan di atas bangunan itu sendiri. Jadi, dia boleh *in case* kan bangunan *heritage* ini untuk membina bangunan yang *skyscraper* di atasnya. Dalam keadaan sedemikian itulah tujuan-tujuan utama yang kita hendak utarakan. Jadi apakah terjadi dengan draf undang-undang ini Tuan Pengerusi?

Ketiga akhirnya iaitu berhubung dengan program e-Tanah. Program e-Tanah ini, masa ini *World Bank* dan IMF melihat Kuala Lumpur sebagai *benchmark*, *the competitiveness* negara dalam pengurusan tanah. Jadi kita telah melaksanakan e-Tanah, program di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Ini dilihat sebagai satu tindakan yang amat ke hadapan, tetapi kita hendak melaksanakan seluruh negara e-Tanah ini khususnya di Semenanjung Malaysia untuk kita program e-Tanah. Jadi macam mana kedudukan sekarang? Ini kerana pada tahun 2018, program yang dahulunya ialah supaya, kalau tak salah saya di Perak, di Pahang dan juga di Johor akan dilaksanakan program e-Tanah supaya mempercepatkan proses pengurusan tanah itu sendiri.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan sekali-kali terima kasih. Yang Berhormat Menteri, minta kalau saya tidak ada dalam Dewan pun, minta jawapan yang bertulis. Terima kasih.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Parit Sulong Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Santubong. Sebelum Yang Berhormat Rasah memulakan perbahasan, saya ingin membaca semula giliran-giliran yang dapat saya catatkan. Selepas Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Paya Besar. Selepas Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Gerik. Selepas itu Yang Berhormat Kubang Kerian, selepas itu Yang Berhormat Nibong Tebal. Disusuli oleh Yang Berhormat Kemaman, Yang Berhormat Taiping kah tadi? Ya, Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat Setiu...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Parit Sulong.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Sibuti.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sibuti, JPS ya, Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Bukit Bendera juga.

Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]: Sungai Besar kat tengah Tuan Pengerusi.. Sungai Besar di tengah-tengah.

Tuan Pengerusi: Selepas ini...

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Bukit Bendera juga.

Tuan Pengerusi: ...Bukit Bendera.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Rantau Panjang.

Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]: Sungai Besar di tengah-tengah.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Sebelah sini Ipoh Timur.

Tuan Pengerusi: Nanti, saya catit...

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Beaufort minta juga.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Parit Sulong.

Tuan Pengerusi: ...Berulang-ulang ya. 16...

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Merbok.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Parit Sulong.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, Ipoh Timur.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Parit Sulong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Parit Sulong baru masuk kan? Tadi ada yang sudah bangun tadi ya.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]* Yang Berhormat Maran ya?

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Lepas Yang Berhormat Parit Sulong, Ipoh Timur.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Maran...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: *[Ketawa]* Lepas Parit Sulong, Yang Berhormat Ipoh Timur...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Saya bagi kakak dulu.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Rantau Panjang minta juga.

Tuan Pengerusi: Selepas itu...

Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]: Tuan Pengerusi, kanan dan kiri saja. Minta peluang di tengah-tengah.

Tuan Pengerusi: Ya?

Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]: *[Ketawa]* Kanan dan kiri sahaja, minta peluang di tengah-tengah.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tidak apa, tengah-tengah itu *senior*. Kanan, kanan.

Tuan Pengerusi: Ya, saya tahu. Selepas itu Yang Berhormat Maran...

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Merbok, Merbok.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Ipoh Timur.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Ipoh Timur, betul?

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Ya. *Thank you.* *[Ketawa]*

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Parit Sulong. Selepas Yang Berhormat Ipoh Timur, Parit Sulong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Parit Sulong ya, Parit Sulong.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Selepas itu Kapit ya.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Selepas Yang Berhormat Parit Sulong, Merbok.

Tuan Pengerusi: Selepas itu, ramai ni hendak bercakap hari ini.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Ya, Beaufort pun hendak minta juga.

Tuan Pengerusi: Sebentar Yang Berhormat Beaufort. JPS saya sudah masukkan tadi Yang Berhormat Sibuti bukan kah? JPS seorang yes, sekali lagi. Dari mana? Tidak nampak.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Kapit.

Tuan Pengerusi: Kapit.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Tidak masuk kah?

Tuan Pengerusi: Selepas itu PAS ya seorang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Rantau Panjang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Rantau Panjang. Sudah 20 orang ya *list* nya. ang Berhormat Beaufort ya. Yang Berhormat Beaufort...

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Merbok. Merbok Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sungai Besar, Yang Berhormat Sungai Besar dulu ya. Dia bangun daripada awal tadi. Yang Berhormat Sungai Besar, 23 orang.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing]: Mersing.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Mersing.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Mersing. Yang Berhormat Merbok.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Sibu, Sibu *last*. Sibu.

Tuan Pengerusi: [*Ketawa*] Kita balik ke sebelah sini. Ada lagi yang tertinggal? Tidak ada, lengkap ya? Sudah, ya sudah. Yang Berhormat Sibu ya, Yang Berhormat Sibu. Yang Berhormat Sibu, 26 orang. Yang Berhormat Rasah saya akan panggil untuk berbahas sekarang. Ya, silakan. Itu sahaja ya? Sehingga ada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mungkin masuk kemudian ya. Ya, silakan Yang Berhormat Rasah.

12.15 tgh.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam peringkat Jawatankuasa untuk Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Kalau kita nampak keseluruhan peruntukan mengurus dan peruntukan pembangunan untuk kementerian ini, walaupun peruntukan mengurus sedikit berkurangan berbanding tahun lepas, tetapi terdapat penambahan yang banyak juga daripada tahun lepas RM2,590,000,000 kepada RM2,829,000,00 kenaikan hampir 10 peratus. Tahniah kepada pihak kerajaan dan kementerian ini. Oleh sebab saya rasa peruntukan untuk pembangunan ini penting untuk memastikan supaya program-program khususnya yang berkenaan dengan NRW dan juga Rancangan Tebatan banjir dapat dilaksanakan dengan lebih efektif, lebih menyeluruh untuk kepentingan rakyat.

Perkara pertama yang saya hendak sentuh di bawah kementerian ini adalah di bawah Maksud Pembangunan di bawah Butiran 95000 iaitu berkenaan dengan NRW NASIONAL iaitu

purata air tidak berhasil. Kita tahu, kita sedia maklum NRW merupakan satu isu yang tidak dapat dielakkan. Memang ada NRW di mana-mana, di setiap negeri tetapi kadar dia berbeza dan setiap saban tahun peratusan NRW perlu dikurangkan. Cuma saya nampak sasaran untuk tahun 2019 masih diletakkan pada 31 peratus. Sama seperti tahun 2018, 31 peratus berbanding dengan tahun 2017 iaitu 33 peratus, walaupun peruntukan untuk mengatasi NRW naik daripada RM80 juta untuk 2018 kepada RM200 juta pada tahun 2019. Jadi saya mohon mencadangkan supaya kementerian mengkaji semula sasaran ini.

Kalau dengan peruntukan yang besar, berlipat ganda berbanding dengan tahun sebelumnya, saya berharap supaya sekurang-kurangnya kita boleh meletakkan sasaran kalau boleh 30 ke 29 peratus untuk NRW sebab walaupun nampak setakat satu atau dua peratus tetapi impak dia, impak ekonomi dia sebenarnya agak besar. Kita tahu bekalan air ini sangat penting dan memang menjadi tanggungjawab kita bersama untuk mengatasi masalah air bersih yang terbazir ini.

Perkara kedua juga berkenaan dengan NRW ini juga, saya nampak di bawah Butiran 21000 iaitu Rancangan Bekalan Air Negeri Sembilan. Saya nampak ada sedikit kenaikan iaitu daripada RM9.5 juta kepada RM10 juta iaitu di bawah Rancangan Bekalan Air Negeri Sembilan. Saya hendak tanya, RM10 juta ini diberikan ataupun diperuntukkan kepada Kerajaan Negeri Sembilan ataupun dimasukkan ke dalam akaun Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS). So, mohon jawapan daripada pihak kementerian.

Tajuk seterusnya saya hendak sebutkan adalah di bawah Pengaliran dan Saliran. Saya nampak di bawah tajuk ini terdapat peruntukan yang agak besar iaitu daripada RM993 juta setahun sebelumnya kepada RM1,080,000,000 iaitu kenaikan hampir 10 peratus khasnya untuk Butiran di bawah 16700 - Rancangan Tebaran Banjir (RTB) dan Saliran Bandar iaitu kenaikan yang tinggi lebih kurang 26 peratus daripada RM472 juta kepada RM590 juta. Juga di bawah Butiran 14500 - Menaiktaraf Infrastruktur dan Saliran Bandar, Tebatan Banjir. Saya hendak tanya, daripada peruntukan yang besar ini yang hampir RM600 juta ini, berapakah peruntukan yang akan disalurkan kepada pihak JPS, Jabatan Pengaliran dan Saliran Negeri Sembilan?

Saya hendak mohon perhatian daripada kementerian khasnya untuk tiga sungai yang sering kali berlaku limpahan air terutamanya musim-musim macam ini. Saya percaya pihak kementerian pun ambil maklum kejadian yang berlaku di Sungai Linggi pada minggu lepas yang menyebabkan masalah yang agak besar. Akan tetapi, mujur atas tindakan segera daripada JPS Negeri Sembilan, saya ucapkan tahniah kepada JPS Negeri Sembilan yang telah mengambil tindakan segera, bertungkus-lumus untuk tempoh beberapa hari untuk mengatasi tebing Sungai Linggi yang telah roboh pada minggu lepas.

Jadi saya hendak tanya, berapakah peruntukan yang JPS Negeri Sembilan dapat? Dan adakah apa-apa rancangan khas untuk Sungai Linggi, Sungai Temiang dan Sungai Kepayang iaitu di Daerah Seremban dan Daerah Port Dickson yang akan mendapat peruntukan khas.

■1220

Ini sebab sungai-sungai ini kalau di hujung tahun ketika musim tengkujuh, musim hujan, ada kemungkinan akan berlaku limpahan air. Saya juga mohon supaya pihak kementerian dapat mengarahkan pihak JPS khususnya di Negeri Sembilan, boleh melakukan kerja-kerja pembersihan secara berkala sepanjang tahun. Jangan tunggu musim hujan di hujung tahun baru kita hendak bersihkan dasar sungai dan sebagainya.

Akan tetapi, berkenaan dengan JPS juga iaitu bawah Butiran 15000 di bawah tajuk Kerja-Kerja Kecil JPS, Pelbagai Negeri. Saya nampak kalau tahun sebelumnya ada RM30 juta peruntukannya, tetapi sekarang hanya RM100. Jadi, kenapa berlaku pengurangan ini? Ini sebab bagi saya, RM100 itu mungkin hampir tidak ada benda. Jadi, apakah sebab dan justifikasi untuk perkara ini?

Perkara terakhir yang saya hendak bangkitkan pada tengah hari ini adalah berkenaan dengan Butiran 050600 iaitu Indah Water Konsortium. Kalau tahun sebelum ini 2018, terdapat peruntukan RM150 juta dan kali ini kosong. Kita tahu kita sedia maklum ia di bawah IWK, satu konsortium yang ditubuhkan khas dan mengutip bayaran daripada para pengguna yang telah menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan oleh IWK. Cuma, kebimbangan saya adalah tanpa peruntukan daripada pihak kerajaan iaitu peruntukan yang sebelum ini besar RM150 juta, apakah rancangan ataupun program untuk menaik taraf dan sebagainya yang dilakukan oleh IWK akan terjejas? Ini sebab kita tahu saluran pembetungan ini kita perlu sentiasa naik taraf untuk memastikan pihak IWK dapat menawarkan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat dan juga kawasan yang diliputinya cukup meluas. Jadi, mohon penjelasan daripada pihak kementerian. Sekian sahaja hujahan saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Paya Besar.

12.22 tgh.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya mohon untuk turut serta membahaskan Belanjawan 2019 peringkat jawatankuasa bagi maksud B dan P.23 - Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Saya akan terus kepada butiran yang berkaitan Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Butiran 16700 – Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana bersedia untuk meneruskan lima projek RTB ini. Saya juga ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Santubong yang menjadi Menteri ketika itu. Ini kerana telah melihat bahawasanya bencana pada tahun 2013 merupakan salah satu sebab Rancangan Tebatan Banjir ini diadakan khususnya di negeri Pahang sebagai langkah mencegah banjir. Saya yakin dan percaya sebagaimana kita semua dimaklumkan projek yang melibatkan Sungai Kuantan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas berjumlah RM527 juta.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkaitan Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PSLB) di Sungai Pandan yang merupakan di kawasan saya

sendiri Yang Berhormat Menteri dan mempunyai dua pakej iaitu pakej pembinaan dan ban pencegah banjir Sungai Pandan dan Sungai Kuantan di Bukit Rangit. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi, Sungai Pandan dan Sungai Kuantan merupakan di bawah kawasan saya. Saya juga mohon kepada Yang Berhormat Menteri, apakah status terkini jadual kerja tempoh masa pelaksanaan dan jangka masa siap projek tersebut? Ini kerana sekian hari masyarakat yang berada di kawasan taman yang berada di sepanjang Sungai Kuantan dan Sungai Pandan bertanyakan. Ini kerana apa, mereka sudah beli rumah di kawasan tersebut dan mereka agak risau kerana rumah mereka bukanlah rumah yang kos tinggi, tetapi rumah kos rendah dan pembinaan pemaju berada di sepanjang Sungai Pandan dan Sungai Kuantan. Jadi, saya harap dengan telah laksanaanya dan percepatan projek ini akan memudahkan dan menyelamatkan mereka daripada kerosakan harta benda.

Saya hendak merujuk Butiran 15200 berkaitan sungai iaitu Membaiki dan Mengindah, Membersih dan Merawat Air Sungai-sungai dan Infrastruktur MASMA. Seperti mana yang saya sebutkan tadi Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri, Paya Besar ini telah mengalami satu banjir bencana yang amat besar sekali pada 2013 dan setiap tahun pasti akan ada banjir berlaku. Saya mengharapkan sangat fenomena banjir ini dapat dikurangkan dengan bajet yang telah diperuntukkan di bawah butiran tersebut, RM28.255 juta disalurkan di kawasan saya supaya dapat menyelesaikan masalah ini.

Butiran 15300 – Mengorek Kuala-kuala Sungai. Saya ada masalah Yang Berhormat Menteri, di Sungai Lepar dan Sungai Bekapor. Sungai ini adalah punca makanan atau punca pendapatan kepada lima penduduk, lima kampung iaitu Kampung Gelugur, Kampung Paya Rambutan, Kampung Paya Bungor, Kampung Orang Asli Gedung Siam, Kampung Orang Asli 'Kilometer' yang *population* dia di kawasan itu lebih kurang 4,000 orang ke 5,000 orang dan di sana ada 200 nelayan darat yang ada *license*. Disebabkan perlombongan yang berdekatan Sungai Lepar dan Sungai Bekapor sudah cetek dan menyebabkan banjir. Semua perkara-perkara yang saya sebutkan di awal tadi *happened in this* kawasan, dengan izin. Jadi, saya harap RM175 juta pada tahun depan dapat diperuntukkan di kawasan saya juga Yang Berhormat Menteri.

Saya hendak menyentuh Butiran 12300 – Pemulihan Tanah Bekas Lombong dan Kuari di bawah Jabatan Mineral dan Geosains. Saya kira Yang Berhormat Menteri juga meneliti perkara ini berkaitan status moratorium perlombongan bauksit di Felda Bukit Goh, Kuantan, Pahang. Saya ucapkan terima kasih kepada pegawai Yang Berhormat di bawah Bahagian Mineral dan Geosains kerana memberi laporan dan jawapan kepada saya. Akan tetapi bagaimanapun, saya masih agak kabur bila pertanyaan-pertanyaan ditanya oleh masyarakat di Felda Bukit Goh tentang status moratorium perlombongan bauksit di kawasan ini dan apakah di bawah butiran ini juga Yang Berhormat Menteri dapat menyelesaikan tanah-tanah bekas lombong sekiranya ia tidak diteruskan.

Saya hendak menyentuh seperti mana Yang Berhormat Rasah nyatakan tadi, berkaitan Butiran 95000 - *Non Revenue Water* (NRW) Nasional. Peningkatan 250 peratus daripada bajet

2018 telah menunjukkan bahawasanya kerajaan serius untuk menyelesaikan masalah NRW. Cumanya persoalan saya, kenapa kita letakkan sasaran pada 2019 hanya 31 peratus? Ini kerana NRW seperti mana saya dimaklumkan, mempunyai 25 peratus sasaran kebangsaan. Jadi kalau 2019, 2020 hanya lagi setahun selepas 2019, bagaimana relevan kerajaan meletakkan 31 peratus? Saya juga ingin mohon kementerian menyatakan apakah langkah yang dinyatakan oleh KSTS bagi memastikan pekerja yang melakukan kerja-kerja pembaikan, pemasangan paip merupakan pekerja yang mempunyai kelayakan, kepakaran dan pengalaman dan mematuhi prosedur pelaksanaan kerja supaya kejadian paip bocor yang berulang kali dapat dielakkan, seterusnya mengurangkan kadar NRW. Saya juga ingin tanya kepada kementerian, bagaimana Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli punya perancangan? Ini sebab apa, masyarakat hari ini dah *boring*, dah bosan untuk menyatakan laporan kerosakan atau pembocoran air apabila dilihat di jalan-jalan. Ini kerana kadar untuk pembaikan ini mengambil masa yang cukup lama. Kadang-kadang ambil masa empat hari ke lima hari, kadang-kadang hampir ke sebulan. Jadi, apakah perancangan kementerian?

Saya juga ingin menyentuh berkaitan Butiran 040000 – Pembangunan Air dan juga Butiran 040100. Status perjanjian air Malaysia dan Singapura yang saya telah bangkitkan tempoh hari kepada Kementerian Luar Negeri. Pada 12 November yang lalu, Yang Amat Berhormat Langkawi telah bertemu dengan Presiden atau Perdana Menteri Singapura dan mereka ada membincangkan berkaitan dengan Perjanjian Air 1962 yang telah saya bangkitkan pada 31 Oktober kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan secara serius bahawasanya kerajaan akan memikirkan perbincangan di antara perjanjian 1962 dan 1963. Kadar Yang Berhormat Menteri 3 sen dibayar kepada Malaysia saya kira adalah satu perkara yang amat-amat merugikan. Bagaimana status terkini dan strategi? Ini sebab apa, kerugian yang kita hadapi ialah kerugian setiap hari dan negara kita terpaksa membeli dengan kadar 50 sen. Saya rasa inilah perjanjian yang berat sebelah dan sepatutnya di Dewan mulia ini dapat mengetahui tentang apakah yang sepatutnya berlaku dalam perjanjian atau perbincangan pada 12 November yang lalu Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh berkaitan Butiran 22000 – Rancangan Bekalan Air Negeri Pahang. Saya hendak minta penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri. Pada tahun 2018, Kerajaan Negeri Pahang telah diperuntukkan RM29.4 juta, tetapi tahun ini nampaknya secara langsung tidak ada langsung, kosong sen langsung.

■1230

Akan tetapi melalui pinjaman hanya RM22.695 juta diberikan melalui pinjaman. Saya hendak dapat kepastian apakah sebenarnya berlaku, adakah rakyat Pahang tidak patut menerima secara langsung daripada Yang Berhormat Menteri dan kerajaan yang ada pada hari ini. Terakhirnya Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh Butiran 15000 – Kerja-kerja kecil JPS dan Pelbagai Negeri. Saya lihat jumlah anggaran projek ini berjumlah RM100 juta tetapi pada tahun lepas RM30.9 juta telah diperuntukkan pada tahun 2018.

Sebagaimana Yang Berhormat Rasah sebutkan tadi dan saya juga ingin bersama-sama dalam kenyataan tersebut dan saya hairan kenapa RM100 juta saja diperuntukkan untuk tahun 2019. Yang Berhormat Menteri pun sedia maklum bahawasanya ramai kontraktor-kontraktor kecil bergantung harap kepada projek-projek kecil di bawah JPS. Di kawasan saya juga ramai kontraktor-kontraktor kelas F, kontraktor-kontraktor yang bergantung harap kehidupan mereka pada projek-projek ini.

Kalau hanya diberikan RM100 juta bagaimana hendak kita gunakan dan saya kira inilah penjelasan Yang Berhormat Menteri harus berikan supaya kita juga dapat menyelamatkan, di waktu JPS susah kontraktor-kontraktor inilah membantu untuk menyelesaikan masalah-masalah kecil di kawasan-kawasan sekitar di daerah Kuantan. Akan tetapi apakah yang berlaku hari ini? Hanya RM100 juta saja peruntukan dan saya harap di bawah kewibawaan Yang Berhormat Menteri dan saya yakin Yang Berhormat Menteri dapat memikirkan nasib kontraktor-kontraktor kecil yang selalu mengambil keuntungan dan kehidupan mereka di bawah JPS ini kerana hanya diperuntukkan RM100 juta. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar sekarang saya menjemput Yang Berhormat Gerik, silakan.

12.32 tgh.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya juga turut bersama untuk membahaskan dalam jawatankuasa di Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Butiran yang pertama iaitu di bawah B.23, Butiran 020100 – Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG). Kalau kita lihat di negeri, Kerajaan Persekutuan kata diberi tanah di peringkat negeri maka Kerajaan Persekutuan akan membayar hasil kepada kerajaan negeri.

Cuma saya nak tanya di peringkat Persekutuan, kesemua kementerian-kementerian yang menduduki tanah KPTG adakah pihak kementerian membayar hasil juga kepada KPTG. Di mana saya melihat peruntukan Jabatan KPTG ini turun daripada RM242 juta kepada RM68 juta. Jadi oleh sebab itu kita tengok kenapa boleh terjadi kedudukan tersebut. Butiran yang selanjutnya Butiran 020200 iaitu Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM).

Timbul permasalahan di peringkat bawah ialah pembayaran untuk upah sukat bila memohon tanah. Sedangkan di peringkat kementerian kita ada satu jabatan yang cukup besar dan boleh membantu, jangan kita serahkan semata-mata kepada pihak swasta untuk pembayaran upah sukat tanah. Kalau JUPEM boleh membantu di peringkat bawah, boleh menyelesaikan di peringkat – saya ambil contoh di peringkat Parlimen saya. Kita lihat pejabat tanah ada melakukan kesilapan untuk membetulkan balik ukur sempadan-sempadan, kalau kita tengok keadaan sebenar geran yang dikeluarkan berbeza dengan tanah yang dia miliki, rumah atas tanah orang lain.

Seterusnya saya hendak menyentuh Butiran 020300 – Jabatan Mineral dan Geosains iaitu saya melihat di kawasan Orang Asli masih tidak dapat bekalan air bersih tetapi Jabatan Mineral dan Geosains ini satu jabatan yang cukup mempunyai kepakaran, boleh ambil air bawah tanah dan kos yang dibuat pun tidak tinggi, dalam RM40,000 – RM30,000. Dia boleh ambil air di bawah tanah, diproses gunakan batu kapur dan kerang yang akhirnya mendapat air bersih. Saya mencadangkan supaya Geosains diberi bajet dan boleh membantu kawasan kampung-kampung Asli luar bandar supaya dia buat bekalan air bersih secara yang pakai *tube* dan tidak payah rakyat di kampung membayar dari segi mendapatkan bekalan air bersih.

Dalam Geosains juga saya nampak sudah berpecah kalau tidak *just* Jabatan Alam Sekitar di bawah kementerian ini tapi sekarang Jabatan Alam Sekitar telah duduk di bawah Kementerian Tenaga yang mana kawasan saya ada perlombongan yang besar yang lama dan yang sudah tua iaitu di Klian Intan, Rahman Hydraulic. Kita menghadapi masalah pencemaran sungai di mana memberi kesan terutama kepada ikan-ikan sungai. Saya ada satu keistimewaan satu sungai yang namanya Sungai Rui di mana ada satu jenis ikan yang kami panggil di Gerik ikan loma. Bila musim bertelur ia akan mudik naik ke atas daripada sungai Perak.

Akan tetapi sungai ini mendapat kerosakan, pencemaran ekoran daripada lombong tetapi kalau ikut pengawalan Jabatan Alam Sekitar ia cuma jaga di kawasan lombong tetapi dalam sungai masih dapat juga bahan-bahan kimia yang masa-masa tertentu, bukan sepanjang masa yang menyebabkan ikan ini yang *special* di Gerik mungkin boleh pupus masa akan datang. *[Disampuk]* Kalau kata kita hendak buat pekasam yang paling sedap sebenarnya kita gunakan ikan loma, inilah antara ikan yang paling sedap untuk kita buat pekasam.

Jadi saya berharap supaya boleh diselaraskan antara dua kementerian ini Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli dan kementerian ini fasal dulu saya tengok Jabatan Alam Sekitar duduk di bawah kementerian ini. Sekarang sudah di pecah kepada dua kementerian.

Seterusnya saya nak sebut Butiran 020400 – Pengairan dan Saliran. Pada masa Kerajaan BN dulu telah diluluskan tebatan banjir untuk bandar Gerik. Di mana kita menghadapi banjir kilat, ia bukan banjir yang lama. Banjir dua tiga jam tetapi ia tinggi menyebabkan kerosakan di bandar Gerik, taman-taman yang ada dan saya merasakan pembangunan terlampau pesat tetapi parit, saliran, sungai tidak mampu untuk menampung dengan perubahan cuaca yang ada pada hari ini.

Oleh sebab itu saya minta bantuan daripada kementerian ini supaya meneruskan projek tersebut. Saya tidak adalah dengar kata hendak dipotong cuma saya berharap kalau boleh Yang Berhormat Menteri membantu supaya projek tebatan banjir untuk Gerik tadi dapat diteruskan, difahamkan lebih daripada RM70 juta. Pihak JPS telah memaklumkan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah pada tahun sudah.

Jadi saya amat berharap kerana ini kesan kepada penduduk taman baru dan pelbagai lagilah, banyak sudah yang kita bantu menaikkan jalan untuk mengatasi masalah tersebut tetapi yang paling akhir baru-baru ini masih berlaku dan menyebabkan rakyat tempatan mengalami kerugian yang agak banyak. Pengurusan hutan, saya berterima kasih kepada pihak kerajaan

kerana telah mengumumkan Royal Belum akan menjadi taman warisan. Sebenarnya kita sudah usahakan lima tahun dulu tetapi dalam bajet baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa Royal Belum akan menjadi taman warisan.

Saya amat berharap supaya kementerian ini membantu mempercepat mengisytiharkan Royal Belum sebagai kawasan hutan warisan dunia. Jadi oleh sebab itu di kawasan ini ia ada flora dan fauna sepertimana kata Yang Berhormat Jeli, kita ada gajah. Kawasan saya ini cukup banyak gajah, dulu saya minta janganlah buang gajah di kawasan Royal Belum daripada seluruh negeri Perak. Bila ada masalah perpindahan gajah mereka akan buang ke Royal Belum. Gajah ini cerdik dia tahu jalan dia ke mana, buang dan dia akan patah balik.

Saya minta kepada kementerian, saya buat satu kompromi supaya kita adakan satu santuari gajah dan pihak hutan mesti menyediakan berapa ribu ekar untuk makanan gajah. Maka bila kita ada santuari gajah ada makanan gajah tadi habitat dia, akhirnya kawasan kita menjadi tumpuan pelancongan.

■1240

Royal Belum bila jadi Taman Warisan sehingga hari ini pun antara tempat yang paling menarik. Begitu juga ada sentri gajah. Ini saya berterima kasih kepada FRIM yang telah membuat satu kawasan JV dengan FGV untuk bunga pakma ataupun saya hendak sebut ini susah, Rafflesia. Itu satu bunga kalau zaman saya kecil-kecil dahulu, kami ambil bunga ini buat main sepak-sepak sahaja. Akan tetapi ia untuk bagi perempuan bersalin kecut badan dia dahulu. Saya fahamlah pokok itu, ia cukup banyak di Gerik.

Akan tetapi hari ini ia sudah kepupusan tetapi masih ada tempatnya. Saya amat berterima kasih kepada FRIM dan juga FGV. Saya minta kementerian terus memberi sokongan bagi memastikan taman tersebut terus ditingkatkan. Cuma yang saya bimbang ialah pengurusan warisan ini, adakah mendapat dukungan di peringkat negeri. Ini kerana takut mereka tak nak, menghalangnya dengan masalah balak dan pelbagai lagi.

Paling akhir yang saya hendak cakap ialah soal Butiran 02801 Projek Penandaan Pengukuran dan Penyenggaraan Sempadan Antarabangsa. Royal Belum sempadannya dengan Thailand. Akan tetapi tidak ada pagar. Saya bimbang takut nanti sempadan antara Thailand dan Malaysia tadi akan berubah. Saya tengok ada peruntukan, minta kementerian perhati dan tengok supaya ada satu pagar atau apa benda supaya boleh ada sempadan, Saya bimbang kawasan Royal Belum menjadi tarikan pemburu-pemburu haram untuk menembak harimau belang, untuk bunuh gajah, ambil gading. Jadi ini kita sama-samalah bertanggungjawab. Dengan ini, terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Kubang Kerian. Silakan.

12.42 tgh.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: *Bismillahir rahmanir rahim. [Kata-kata aluan dalam bahasa Arab]* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin - tidak bercadang untuk

ambil masa yang panjang. Cuma beberapa butiran yang boleh diberi perhatian ialah soal Butiran 020000 bawah Pengurusan Air, Geologi dan Tanah. Kita bicarakan soal di bawah Perkara 020400 Pengairan dan Saliran ialah soal pembersihan sebagaimana yang disebut oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tentang perlunya suatu penyeliaan perparitan khususnya di kawasan Kubang Kerian, kawasan KADA.

Kita dapati hampir sudah 10 tahun tidak pernah dibersihkan hingga banyak kawasan yang airnya langsung tidak mengalir dan ini menjadi punca kepada masalah banjir yang berlaku di kawasan tersebut.

Keduanya, saya ingin pergi kepada Butiran 050000 di bawah Program Khusus di mana ingin mendapat penjelasan. Pada tahun 2019 sebanyak RM196,350,000 diperuntukkan di bawah Program Khusus sedangkan tahun 2018 ialah kosong. Jadi mohon penjelasan. Apakah dimaksudkan dengan program khusus di bawah perkara tersebut?

Saya juga di bawah Butiran 050600. Pada tahun ini kita tidak ada sebarang peruntukan kepada Indah Water Konsortium sedangkan pada tahun sebelumnya diperuntukkan sebanyak RM150 juta. Saya fikir ini suatu perkara yang mungkin sama ada tertinggal ataupun mohon penjelasan kenapa tiba-tiba tidak ada sebarang peruntukan dibuat kepada Indah Water Konsortium bagi menyelia beberapa bangunan pihak kerajaan.

Perkara yang seterusnya ialah di bawah Butiran 15000, Kerja-kerja Kecil JPS, Pelbagai Negeri. Saya tidak pasti sama ada betul penyata ini sebab hanya RM100 diperuntukkan pada tahun 2019. Saya rasa ini mohon penjelasan, sedangkan peruntukan pada tahun 2018 sebanyak RM30,973,000. Tiba-tiba tahun ini hanya RM100 sahaja diperuntukkan. Mohon penjelasan, apakah ia kesilapan ataupun memang tidak ada sebarang kerja-kerja kecil JPS. Pelbagai negeri ini bukan untuk satu negeri, seluruh Malaysia. Saya rasa ini satu benda tercicir ataupun tertinggal.

Berhubung dengan bekalan air kepada Butiran 20000 – Bekalan Air Negeri Kelantan. Saya tengok dalam bekalan air diberi pada negeri-negeri ini ia ada satu perbezaan. Ada negeri yang diperuntukkan secara langsung. Sebagai contoh Pulau Pinang mendapat RM31 juta dengan tidak ada sebarang pinjaman kepada kerajaan negeri. Akan tetapi Kelantan diperuntukkan RM500,000 secara langsung dan RM23,000 sebagai pinjaman. Sedangkan sebagaimana yang telah disebut sebelum ini oleh Yang Berhormat sebelum ini Yang Berhormat Jeli, Kerajaan Kelantan telah pun menyerahkan pengurusan air kepada Kerajaan Pusat.

Saya fikir, kalau boleh diselaraskan supaya peruntukan itu tidak dalam bentuk pinjaman kepada negeri tetapi diperuntukkan secara langsung supaya kita boleh meningkatkan hasil di peringkat negeri dengan lebih efisien. Akhir sekali, saya juga ingin menyebut soal...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat, minta pencilahan sedikit dalam isu air. Boleh ya?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik apa yang disebut oleh Yang Berhormat tentang pinjaman yang diberi kepada Kerajaan Kelantan. Kita dimaklumkan pinjaman air ini dikenakan dua peratus.

Sepatutnya ini adalah satu tanggungjawab sosial terutama kepada kebajikan rakyat. Apa pandangan Yang Berhormat dalam isu ini?

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya bersetuju soal pengurusan air ini sepatutnya sebagai tanggungjawab Kerajaan Pusat. Saya tengok juga negeri Pahang ada beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini memohon supaya hutang Pahang dalam bekalan air juga dilupuskan. Saya mencadangkan supaya satu mekanisme diambil untuk penyelarasan terhadap bekalan air ini di semua negeri iaitu kalau tidak diletakkan sebagai pinjaman, bahkan kalau boleh dihapuskan dua peratus itu lagi baik.

Satu lagi saya ingin menyebut soal bawah Jabatan Perhutanan, Butiran 08600. Tidak ada peruntukan untuk penanaman semula hutan di Semenanjung. Sangat sedikit di Sabah dan Sarawak ,di bawah Butiran 10400 sebanyak RM2.154 *billion* diperuntukkan. Akan tetapi di peringkat Semenanjung saya mencari tidak ada suatu peruntukan bagi penanaman semula hutan. Saya fikir ini perlu diberi perhatian soal kita diserang oleh negara-negara Eropah kerana pengurusan hutan kita. Saya fikir satu peruntukan perlu disediakan bagi program penanaman semula hutan.

Akhir sekali ialah berhubung dengan Butiran 02801 – Projek Penandaan, Pengukuran dan Penyenggaraan Sempadan Antarabangsa. Saya ucap tahniah kepada Kerajaan Pusat kerana memperuntukkan sebanyak RM4 juta pada tahun ini bagi pengukuran sempadan antarabangsa.

Kita dapati penyeludupan banyak berlaku di sempadan negara kita dengan negara asing, negara luar khususnya di Kelantan, di Kalimantan dan sebagainya. Pengukuran sempadan ini sangat penting bukan hanya mengukur tetapi satu mekanisme dicari supaya penyeludupan dapat dihentikan khususnya penyeludupan senjata yang kita dapati mutakhir ini agak meningkat data yang ada. *Insyah-Allah* kita harapkan dengan peruntukan ini kita dapat memperuntukkan suatu jumlah yang lebih besar sebenarnya bagi penyelenggaraan sempadan antarabangsa dengan negara luar.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya ucap terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi: *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Yang Berhormat Nibong Tebal tidak ada? Yang Berhormat Kemaman silakan. Yang Berhormat Kemaman? Juga tidak ada. Yang Berhormat Taiping. Yang Berhormat Kemaman, silakan.

12.49 tgh.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi yang beri kesempatan untuk saya mengambil peluang dalam perbahasan Jawatankuasa Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Saya suka merujuk kepada Butiran 020000 iaitu Pengurusan Air, Geologi dan Tanah.

Dalam peruntukkan perbelanjaan mengurus telah ditambah peruntukan aset dan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli sebanyak RM6.49 juta. Dalam semakan saya

mendapati peruntukan aset tersebut lebih tinggi dalam pengurusan air, geologi dan tanah iaitu sebanyak RM6.09 juta.

■1250

Persoalan saya, saya ingin meminta penjelasan daripada pihak kerajaan untuk menyatakan aset ataupun teknologi yang akan digunakan dalam perbelanjaan ini bagi memastikan pengurusan air, geologi dan tanah berjalan dengan lancar.

Tuan Pengerusi, dalam Butiran 020400 iaitu Pengairan dan Saliran yang mana saya melihat ada peruntukan bajet berkenaan asetnya sebanyak RM3.1 juta tambahan. Saya ingin mengetahui, seperti mana yang kita sedia maklum, sistem pengairan dan saliran di negara kita ini perlu dipertingkatkan lagi terutamanya di sungai dan longkang utama dan juga di muara-muara pantai. Itulah mengakibatkan pelbagai bencana alam khususnya banjir kilat ataupun banjir lumpur yang setiap tahun melanda di negara kita ini. Oleh itu, saya ingin tahu, apakah perancangan pihak kerajaan dan kementerian hari ini bagi menambah baik sistem pengairan dan saliran bagi jangka pendek dan jangka panjang?

Tuan Pengerusi, suka saya sebutkan juga bahawa saya mengharapkan supaya sistem pengairan dan saliran di negara kita ini dapat dilaksanakan dengan sempurna. Dalam kesempatan ini juga, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak JPS khususnya Daerah Kemaman yang mengambil tindakan yang proaktif dalam mengurus sistem saliran di peringkat daerah. Apa pun, saya mengharapkan pihak kementerian dapat memperuntukkan dan peruntukan dapat diberi kepada Kemaman bagi mendalamkan beberapa sungai yang sebelum ini dibersihkan. Saya melihat mutakhir ini menghadapi banjir yang ada pada tahun ini, tidak dapat disempurnakan dengan baik kerana peruntukan yang tidak mencukupi.

Oleh itu, saya mengharapkan supaya peruntukan dapat disalurkan ke kawasan Kemaman yang sebelum ini ke Daerah Kemaman khususnya, supaya dapat membersihkan beberapa sungai yang telah pun menjadi keutamaan pihak JPS sebelum ini untuk membersihkan kawasan.

Kemudian, satu perkara lagi yang saya utarakan khususnya di Parlimen Kemaman iaitu keceletakan muara sungai dan kuala yang tertutup iaitu masalah ini yang dihadapi oleh nelayan-nelayan umumnya di negeri Terengganu dan khasnya di Kemaman sendiri. Ia menjadi isu yang besar iaitu isu keceletakan muara sungai dan kuala yang tertutup dan fenomena ini menjadi penghalang kepada aktiviti bot-bot nelayan untuk keluar masuk menangkap ikan.

Oleh itu, saya mengharapkan supaya dapat dilaksanakan kerana sebelum ini saya difahamkan pihak JPS di Kemaman telah pun meminta peruntukan bagi menyelesaikan beberapa isu keceletakan muara di Kemaman ini yang melibatkan di Kuala Kemaman, Kijal, Kemasik dan juga Kuala Kerteh di Daerah Kemaman. Oleh itu, saya mengharapkan supaya dapat diberi perhatian dalam hal ini.

Kemudian, dalam Butiran 050200 iaitu Emolumen Kakitangan Kontrak dalam Program Khusus. Saya ingin tahu, mengapakah peruntukan gaji pekerja kontrak dikurangkan pada tahun akan datang ini? Apakah rasionalnya pihak kerajaan mengurangkan gaji kepada pekerja kontrak

dan apakah jaminan masa depan pekerja kontrak ini? Dalam masa yang sama, saya ingin tahu, adakah golongan ini diberhentikan apabila tamat kontrak mereka ataupun diserapkan masuk semula sebagai pekerja tetap dalam mana-mana sektor ataupun bahagian di jabatan-jabatan? Oleh itu, saya inginkan penjelasan daripada pihak kementerian.

Kemudian dalam Butiran 10400 – Perancangan dan Pengurusan Hutan, seterusnya kita melihat peningkatan sebanyak RM1.16 juta pada tahun akan datang. Jadi saya ingin tahu, apakah mekanisme baharu yang akan dilakukan oleh pihak kerajaan dalam pengurusan pembalakan di negara kita ini dan bagaimana kajian terperinci yang dilakukan oleh pihak kementerian berkaitan isu pembalakan di negara kita? Selain itu, peruntukan bajet yang diberikan, saya ingin tahu, apakah langkah yang proaktif dilakukan oleh pihak kerajaan bagi mengatasi pembalakan yang dilakukan secara haram dan memastikan semua pembalakan mesti mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian dan jabatan? Isu besar dalam penebangan balak juga perlu ada satu kawalan mesti dibuat penguatkuasaan di peringkat negeri ataupun membabitkan jabatan-jabatan di peringkat Kerajaan Pusat.

Oleh itu, yang terakhir, saya ingin menyebut dalam Butiran 15100 iaitu Mencegah Hakisan Pantai. Bagi perbelanjaan pembangunan pengairan dan saliran dalam projek mencegah hakisan pantai, kita melihat telah pun meningkat sebanyak RM5.64 juta. Jadi saya ingin tahu, apakah status kerja-kerja membina benteng baharu yang dinyatakan oleh Menteri dalam Dewan Rakyat ini pada 31 Oktober 2018 memandangkan banyak hakisan pantai yang berlaku di seluruh negara, khususnya di pantai-pantai yang melibatkan di negeri Terengganu? Saya juga ingin tahu, apakah kaedah yang akan digunakan oleh kerajaan bagi mencegah hakisan pantai mengikut tahap hakisan yang terlibat di negara kita ini?

Saya di kawasan Kemaman juga melibatkan beberapa kawasan hakisan pantai. Selain daripada muara yang cetek, ia juga melibatkan hakisan pantai khususnya di kawasan Kuala Kemaman yang disebutkan tadi, Kemasik dan Kerteh yang juga terlibat dengan hakisan pantai di kawasan-kawasan tersebut dan perlu tindakan daripada pihak kementerian bersama. Saya yakin—sebelum ini sudah ada pun pihak JPS telah turun di satu kawasan khususnya di Kemasik. Saya difahamkan akan dilaksanakan tahun depan. Itu saya harapkan dapat diteruskan juga.

Kemudian, saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak JPS ataupun pihak kementerian yang telah meneruskan projek yang sebelum ini iaitu tebatan banjir Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kemaman dan juga lembangan sungai Kemasik, seperti mana yang disebut dalam Kajian Separuh Penggal baru-baru ini. Saya harapkan dapat diteruskan dengan sebaik mungkin demi untuk kepentingan rakyat, khususnya di kawasan Parlimen saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kemaman. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Nibong Tebal. Silakan.

12.56 tgh.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja Tuan Pengerusi. Masa sudah menunjukkan tiga minit.

Butiran 020100 iaitu Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG). Tahun 2018 diperuntukkan sejumlah RM242.1 juta tetapi dalam tahun 2019, ia menjunam turun sehingga ke RM68.1 juta. Kemungkinan penurunan ini adalah cukup ketara. Adakah ini bermakna yang perancangan kementerian untuk program-program pengambilan balik tanah untuk pembangunan-pembangunan di kawasan-kawasan akan terjejas, khususnya di Pulau Pinang? Itu satu yang saya ingin pencerahan daripada pihak Menteri.

Keduanya, berkaitan dengan JKPTG juga, sebab JKPTG dipertanggungjawabkan untuk membina sistem e-Tanah iaitu yang berkaitan dengan Butiran 050400 – Sistem e-Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Saya ingin bertanya pada pihak kementerian, sejauh manakah keberkesanan sistem e-Tanah ini dalam usaha-usaha membantu menyelesaikan kes-kes pusaka kecil terutamanya? Ini melibatkan ramai penduduk di kawasan luar bandar yang memerlukan penyelesaian isu-isu ini dengan secepat mungkin untuk mereka menjana ekonomi bagi keluarga mereka. Itu berkenaan dengan JKPTG.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, sikit sahaja lagi. Butiran 15300 ini berkaitan dengan Mengorek Kuala-kuala Sungai. Ini banyak dibangkitkan oleh rakan-rakan kita berkenaan dengan isu ini. Saya juga ingin bertanya pada pihak kementerian, apakah rancangan pihak kementerian untuk kerja-kerja mengorek di muara sungai di kawasan Changkat DUN Jawi di daerah Parlimen Nibong Tebal? Ini kerana ia menjejaskan laluan bot-bot kecil nelayan, menyekat mereka. Hasil daripada mendapan dan juga hakisan laut ini menyebabkan mereka tidak dapat pergi ke laut dengan senang. Jadi, adakah rancangan pihak kerajaan untuk mendalamkan muara sungai ini bagi memudahkan bot-bot nelayan ini keluar ke laut? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Nibong Tebal. Ada seminit lagi.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Oh, ada seminit.

Tuan Pengerusi: Tepat pada masa.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Oleh yang demikian, mesyuarat ini ditangguhkan sampai pukul 2.30 petang nanti. Pembahas seterusnya ialah Yang Berhormat Taiping ya.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Taiping.

2.32 ptg.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mula dengan Maksud Pembangunan 23 dalam Butiran 07100 – PERHILITAN dan Butiran 10100 – Pemuliharaan Hidupan Liar dan Projek Kerjasama Antarabangsa Perhutanan.

Semasa lawatan Yang Berhormat Menteri ke Zoo Taiping pada bulan lepas, pihak zoo di bawah Majlis Perbandaran Taiping telah mengemukakan kertas kerja rancangan yang melibatkan kos sebanyak RM55 juta untuk menambah baik dan menaiktarafkan prasarana untuk menarik lebih ramai pelawat ke zoo dan *Night Safari Taiping*. Saya mengambil kesempatan ini memohon satu jawapan daripada pihak kementerian, berapakah peruntukan yang telah diluluskan untuk Zoo Taiping atas permohonan tersebut? Ini kerana Zoo Taiping merupakan satu-satunya sumber pendapatan yang penting kepada Majlis Perbandaran Taiping.

Seterusnya, isu banjir di bawah Butiran 14500 – Menaik Taraf Infrastruktur dan Saliran Bandar, Tebatan Banjir. Butiran 15300 – Mengorek Kuala-kuala Sungai. Butiran 16700 – Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar. Saya menarik perhatian pihak kementerian kepada masalah banjir di Taiping kerana Taiping merupakan bandar yang paling lembap di Malaysia. Kerisauan saya berlarutan kerana kebelakangan ini hujan yang dibawa angin kencang semakin lebat. Dua minggu yang lepas pada 15 November, Hospital Besar Taiping turut ditenggelami air. Oleh itu, saya memohon peruntukan yang mencukupi disalurkan kepada JPS Larut Matang dan Selama untuk memastikan masalah banjir akan terkawal dengan sempurna.

Daripada banjir, beralih kepada bekalan air di bawah P.23, Butiran 23000 – Rancangan Bekalan Air Negeri Perak. Masalah putus bekalan air turut dialami di Taiping walaupun ia dikenali sebagai bandar hujan, *rain town*, dengan izin, khasnya pada musim perayaan dan kemarau yang berpanjangan. Sekali lagi, saya memohon loji kumbahan bekalan air di atas Bukit Larut dinaiktarafkan dalam masa terdekat. Keempat, di bawah Butiran 95000 – NRW NASIONAL, dengan peruntukan sebanyak RM200 juta. Pada pendapat saya, *target* purata air tidak berhasil, NRW NASIONAL pada tahap 31 peratus perlu dikaji semula ke tahap yang lebih efisien. Ini kerana menurut laporan SPAN, *target* untuk tahun 2019 adalah kurang daripada 25 peratus. Saya mencadangkan pengurusan NRW di Pulau Pinang perlu dicontohi kerana Pulau Pinang telah mencapai NRW pada 15 peratus dan merupakan negeri yang terbaik dalam pengurusan air.

Akhir sekali, di bawah Butiran 08601 – Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies Yang Sesuai di Persisiran Pantai (JPSM). Hutan paya bakau di Kuala Sepetang di bawah daerah Larut Matang merupakan kawasan hutan pokok bakau tertua dan diiktiraf sebagai hutan bakau yang terbaik dari segi pengurusan. Setahu saya, konsesi mendapatkan hasil kayu bakau akan

diperbaharui pada tahun 2019. Oleh itu, saya memohon pihak Kementerian mengemukakan kaedah dalam pemberian konsesi baru. Apakah kawalan yang akan diambil untuk memastikan hanya pengusaha kilang arang kayu yang mempunyai kilang sendiri yang akan memperoleh konsesi tersebut? Itu sahaja lima perkara yang saya bangkitkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Taiping. Lima minit, lima perkara. Inilah *efficiency* yang patut dicontohi. Sekarang ini saya jemput Yang Berhormat Setiu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Setiu.

2.37 ptg.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan peringkat Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah bersetuju meneruskan projek *breakwater* bagi mencegah hakisan di Batu Rakit. Walaupun sebelum ini projek tersebut dimaklumkan kepada saya telah dibatalkan akibat kekangan kewangan walaupun telah diluluskan sebelum PRU-14 yang lalu.

Saya kira projek ini sangat diperlukan untuk rakyat Setiu yang rata-rata mereka bekerja sebagai nelayan. Perkara yang saya ingin bahas hari ini ialah pada Butiran 15300 – Mengorek Kuala-kuala Sungai. Sekali lagi saya ulangi apa yang saya sebut dalam perbahasan sebelum ini berkaitan dengan mendapan muara Sungai Merang yang cetek. Walaupun dalam ucapan atau jawapan penggulungan Yang Berhormat Menteri semasa perbahasan peringkat Dasar baru ini, Yang Berhormat Menteri memberi jawapan bahawa kajian lanjut perlu dilakukan terhadap pembinaan *breakwater* di muara Sungai Merang ini. Cuma saya harapkan kajian lanjut ini perlu dilaksanakan segera kerana keperluan yang teramat mendesak. Di mana sebagaimana yang saya maklumkan sebelum ini, Sungai Merang ini merupakan jeti yang paling hampir dengan Pulau Redang. Pulau Redang antara pulau yang menjadi tarikan pelancong ke negara kita yang sebelum ini mencatat rekod kedatangan pelancong sebanyak 326,269 orang.

Walaupun bagaimanapun, muara sungai yang cetek di Sungai Merang telah menimbulkan masalah yang besar bagi bot-bot pelancong yang beroperasi di muara tersebut. Masalah ini bukan hanya timbul kepada pemandu bot, bahkan terdapat pelancong-pelancong yang terpaksa turun ke dalam air untuk sama-sama menolak bot yang juga dibantu pemandu bot pelancong atau nelayan lain yang kebetulan berada di muara itu.

■1440

Ia amat memalukan negara, menjatuhkan imej negara kita apabila pelancong yang datang dari jauh terpaksa turun ke dalam air untuk menolak bot untuk membolehkan sampai ke Pulau Redang dan sekali gus akan mengurangkan tarikan pelancong untuk melancong ke negara kita. Anggaran Bajet 2019 untuk mengorek kuala-kuala sungai telah dikurangkan daripada RM246.89 juta pada tahun 2018, dikurangkan kepada RM175.44 juta untuk Bajet 2019. Justeru

itu saya berharap agar pengurangan Bajet 2019 ini tidak mengetepikan muara Sungai Merang yang telah saya sebut acap kali sebelum ini.

Seterusnya Butiran 050600 - Indah Water Konsortium. Saya dimaklumkan tidak ada cadangan daripada kerajaan untuk menggabungkan bil air dengan bil pembedungan. Dari satu sudut, tindakan ini boleh menyelesaikan isu pengguna yang tidak menjelaskan bil pembedungan ini sehingga menyebabkan Indah Water Konsortium menanggung kerugian disebabkan oleh jumlah kutipan yang rendah dan tidak dapat menanggung kos operasi yang tinggi.

Soalan saya, jika penggabungan bil ini diteruskan, adakah kenaikan kos pembedungan tidak akan membebankan rakyat? Ini kerana kesan daripada penggabungan bil ini, rakyat akan terikat untuk membayarnya. Adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan subsidi kepada rakyat untuk menampung lebihan kos pembedungan dalam masa yang sama rakyat hanya membayar kos yang sedia ada.

Tuan Pengerusi, perkara seterusnya yang saya ingin sentuh pada Butiran 050500 - Cukai Tanah Persekutuan. Saya ingin penjelasan mengenai Cukai Tanah Persekutuan. Anggaran peruntukan Bajet 2019 adalah sebanyak RM196.4 juta. Apakah perancangan kerajaan untuk cukai tersebut? Ini kerana saya yakin RM196.4 juta ini adalah satu jumlah yang amat besar. Adakah anggaran cukai ini diperuntukkan untuk negeri-negeri ataupun Kerajaan Persekutuan?

Saya juga ingin sentuh tentang masalah yang berlaku di Setiu iaitu serangan gajah di Kampung Pelong, di mana Jabatan PERHILITAN mengalami kesukaran untuk masuk ke lokasi disebabkan jalan yang tidak berapa elok. Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi. *[Berucap dalam bahasa Arab] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sibuti.

2.43 ptg.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terus pergi ke Butiran 15000 - Kerja-kerja Kecil JPS, Pelbagai Negeri dan di mana saya melihat terhadap hanya RM100 sahaja bajet yang diberi untuk semua negeri. Mungkin ada berlaku sedikit kesilapan.

Kemudian Butiran 15100 berkenaan tentang Mencegah Hakisan Pantai. Di sini saya ingin menerangkan bahawa di kawasan Parlimen Sibuti, terutamanya di kawasan pantai Kuala Bekam berlaku hakisan dan juga hakisan tersebut berdekatan dengan perkuburan masyarakat Melanau Kristian dan juga masyarakat Islam. Di sini saya ingin menegaskan kepada pihak JPS agar memberi perhatian terhadap hakisan pantai yang berlaku di kawasan Bekam. Kemudian adalah hakisan berlaku yang sangat serius di kawasan Pantai Tusan di mana di kawasan Pantai Tusan tersebut adalah kawasan pantai yang sangat istimewa yang mempunyai struktur seperti *horse drinking* dengan izin dan juga berlakunya fenomena *Blue Tears*.

Akan tetapi pada masa kini keadaan pantai tersebut mengalami hakisan dan juga mengakibatkan keruntuhan struktur *cliff* dengan izin di kawasan Pantai Tusan. Seterusnya saya

juga ingin mengambil perhatian agar pihak kementerian agar memberi tumpuan kepada hakisan di kawasan Pantai Bungai Bekenu, Sibuti dan juga di kawasan Kampung Kuala Lajong, Niah.

Seterusnya adalah tentang Butiran 15300 - Mengorek Kuala-kuala Sungai. Saya ingin menyentuh berkenaan tentang masalah mendapan di Kuala Sungai Bakam yang merupakan punca kepada berlakunya banjir kilat sekiranya hujan turun dengan lebat. Saya juga ingin bertanyakan kepada pihak kementerian dan juga pihak jabatan, adakah pihak JPS menjalankan kajian tentang untuk mengorek sungai-sungai di kawasan Parlimen Sibuti terutamanya di kawasan Skim Saeh, di Niah di mana saya merasakan sungai di kawasan Saeh perlu dikorek dan juga didalamkan memandangkan keadaan di kawasan Saeh kerap berlakunya banjir. Begitu juga di kawasan Sungai Sibuti dan juga Sungai Satap yang juga merupakan punca apabila sungai-sungai ini tidak dikorek.

Seterusnya adalah berkaitan Butiran 050300 berkenaan tentang Program Konservasi Antarabangsa *Giant Panda*, di mana saya melihat berlakunya peningkatan bajet belanjawan daripada RM4.653 juta kepada RM7.374 juta. Ini berlakunya peningkatan yang saya lihat agak tinggi dan juga saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sampai bilakah kita akan menyimpan *Giant Panda* ini di Malaysia dan bilakah kita akan memulangkannya kerana saya melihat kos untuk menjaga dan juga menyimpan *Giant Panda* ini melibatkan kos yang tinggi dan lebih baik lagi kos ini untuk menyelesaikan masalah-masalah hakisan ataupun mendapan-mendapan di dalam sungai. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Ahli Yang Berhormat, setakat ini ada 28 Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berbahas. Oleh sebab itu...

Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Yang Berhormat Papar mahu berbahas.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, oleh sebab itu saya hadkan masa kepada lima minit setiap orang.

Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Okey.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ini peringkat Jawatankuasa, spesifik, *straight to the point*. Sekarang saya jemput – Yang Berhormat Sibuti sudah ya? Sekarang ini Yang Berhormat Bukit Bendera lepas itu Yang Berhormat Maran.

2.47 ptg.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyertai perdebatan terhadap peringkat Jawatankuasa untuk Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 030000 berkenaan dengan Pengurusan Hutan dan Biodiversiti. Butiran 030100 - Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Mengikut laporan yang saya dapati bahawa masih terdapat contoh-contoh ataupun insiden bahawa hutan simpan kekal telah - terdapat pembalakan haram di hutan simpan kekal. Walaupun telah diwartakan sebagai hutan simpan kekal dan antara laporan-laporan yang diterima yang diterbitkan Jabatan Perhutanan, antara negeri-negeri yang masih terdapat

pembalakan di hutan simpan kekal antaranya ialah Pahang, Kedah dan juga Perak dengan beribu-ribu hektar mengikut laporan daripada Jabatan Perhutanan.

Saya meminta pendirian Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian, apakah cadangan ataupun penyelesaian kita terhadap pembalakan haram di hutan simpan kekal yang telah diwartakan? Ini kerana saya dapati ini serius kerana apabila terdapat pewartaan terhadap hutan simpan kekal ini masih terdapat pembalakan. Sila duduk, sila duduk. Mungkin giliran...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat, ada hendak tanya Yang Berhormat sedikit...

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Sekejap sahaja, sila duduk. Lepas itu...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Kita kesuntukan masa, teruskan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya. Berkenaan dengan biodiversiti. Biodiversiti saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Parlimen bahawa kawasan Bukit Bendera sebenarnya terdapat cadangan untuk menjadikan Bukit Bendera sebagai *UNESCO Biosphere Area*. Terdapat satu usaha oleh Bukit Bendera Penang Hill Corporation untuk menjadikan *Biosphere Area*.

■1450

Oleh itu, saya meminta sokongan kementerian kerana ini merupakan satu status yang mempunyai *international profile* dan Penang Hill Corporation sedang membuat usaha untuk menyediakan *dossier*, diharapkan mendapat sokongan daripada kementerian.

Butiran 030400 – Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Ini kerana saya dapati bahawa kita perlu – kementerian ini dan juga sumber asli di Malaysia mempunyai satu potensi yang begitu besar, perlu menaikkan kepada satu *international profile*. Oleh itu, FRIM sebagai satu *potential UNESCO Natural Heritage Site*, saya rasa perlu kita memberikan satu pendekatan yang lebih besar supaya FRIM boleh – Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, taman botaninya boleh jadi *UNESCO Natural Heritage Site* juga.

Di Pulau Pinang, kita mempunyai *botanic gardens* ataupun kebun bunga. *Botanic Gardens Pulau Pinang* adalah di bawah kawasan Parlimen saya. Saya melihat *Penang Botanic Gardens* mempunyai potensi juga menjadi *UNESCO Natural Heritage Site*. Saya meminta supaya kajian juga boleh dibuat oleh kementerian di samping FRIM boleh jadikan *UNESCO Natural Heritage Site*, *Penang Botanic Gardens* boleh dijadikan *international UNESCO Natural Heritage Site*.

Saya juga ingin membangkitkan bahawa isu tentang Butiran 16700 - Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar. Saya ingin *highlight* bahawa kawasan banjir di Lembangan Sungai Pinang termasuk juga Sungai Air Putih, Sungai Air Itam di kawasan saya dan juga kawasan Parlimen Jelutong dan Bukit Bendera. Jadi, saya rasa Yang Berhormat Menteri telah melawat tempat tersebut dan saya harap dalam tahun depan kita boleh – projek Tebatan Banjir Sungai Pinang ini boleh dijalankan atau boleh bermula supaya masalah banjir ini boleh mendapat satu mitigasi, dapat dibuat satu penyelesaian supaya penduduk-penduduk dapat – masalah banjir

ini tidak berlaku lagi di kawasan-kawasan yang saya sebut tadi. Dengan itu, saya- itu sahaja ucapan saya. Sekian.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera, sekarang saya jemput Yang Berhormat Maran. Selepas ini Yang Berhormat Parit Sulong.

2.52 ptg.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Pengerusi, saya hendak mengucapkan selamat datang kepada pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM, Shah Alam dan Saito University College bersama kita pada petang ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh beberapa perkara dalam kementerian ini. Pertama ialah Butiran 030200 - Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara. Saya tengok seperti mana yang disebutkan oleh sebahagian daripada rakan-rakan kita dalam Dewan ini bahawa banyak binatang liar umpamanya kera, beruk dan sebagainya yang berada di pinggir bandar dihantar ke kampung, dipindahkan ke kampung dan sekarang banyak daripada binatang-binatang ini telah menjadi pemusnah kepada tanaman-tanaman petani. Saya hendak beritahu minta kementerian dan juga PERHILITAN perhatikan bahawa apabila orang kampung yang terlibat miskin ini susah, mereka mempunyai senjata api, jangan fikir mereka tidak ambil tindakan untuk musnahkan binatang-binatang ini. Oleh sebab itulah saya minta supaya kerajaan mencari jalan yang terbaik supaya binatang-binatang ini dipelihara dan dalam masa yang sama masyarakat kita dibina dan dijaga dari segi kepentingan ekonomi mereka.

Kedua Tuan Pengerusi ialah Butiran 16700 - Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar. Saya hendak bawa masalah banjir di Maran ini. Setiap kali hujan berlaku banjir kilat dan saban tahun berlaku bukan sahaja di hujung tahun bahkan bila sahaja berlaku hujan maka banjir kilat akan berlaku dan menenggelamkan rumah-rumah penduduk dan berlaku berjuta-juta kerugian. Kita telah memohon peruntukan sebanyak RM25 juta daripada kerajaan yang lepas.

Pada dasarnya telah pun diperakukan dan saya minta supaya kementerian hari ini dapat menimbang semula peruntukan ini. Peringkat awal boleh lah saya bersetuju untuk menerima peruntukan sebanyak RM15 juta dahulu bagi kita memberikan dan melakukan kerja-kerja awal bagi pemulihan kawasan banjir di kawasan Maran ini. Dengan cara ini saya kira kita dapat mengelakkan kerugian yang lebih berterusan yang akan dialami oleh penduduk-penduduk di kawasan ini.

Ketiga Tuan Pengerusi ialah Butiran 22000 - Rancangan Bekalan Air Negeri Pahang. Saya setuju dengan berapa orang rakan kita di dalam Dewan ini yang telah menimbulkan ketidakpuasan hati mereka tentang peruntukan-peruntukan yang disalurkan kepada beberapa negeri. Umpamanya Pulau Pinang diberikan RM31 juta terus, bukan pinjaman, Pahang hanya diberikan bentuk pinjaman. Saya ingin mencadangkan supaya pinjaman Pahang ini dibatalkan

ataupun dimansuhkan dan diberikan secara percuma. Saya juga minta supaya negeri-negeri lain juga diberikan peruntukan yang sama. Beberapa perkara yang hendak saya timbulkan di sini Tuan Pengerusi ialah peruntukan bagi cadangan membina baru Loji Air Bukit Kertau berjumlah RM25 juta dan ini akan memberikan faedah kepada Masyarakat Orang Asli di sekitarnya dan juga masyarakat kampung tradisional. Saya kira ini amat perlu dilakukan segera.

Berikutnya ialah penukaran paip ABS saiz 450mm kepada paip jenis *steel* MS4500 sepanjang 15 kilometer. Untuk makluman Dewan dan juga kementerian bahawa air yang terbuang akibat paip yang buruk ini yang lama ini, kebocoran yang berlaku telah membuatkan kerugian yang cukup besar dan sering menjadi rungutan oleh penduduk-penduduk di kawasan Sri Jaya, kawasan New Zealand dan kampung-kampung di sekitarnya.

Seorang Ahli: New Zealand?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Ya, bukan di luar negeri tetapi di Malaysia, di Pahang. Tuan Pengerusi, terakhir ialah Butiran 30000 iaitu Penyaluran Air Antara Negeri. Saya ingin tahu berapakah negeri-negeri yang terlibat dengan pengalir air antara negeri ini termasuklah Pahang dengan Selangor. Saya ingin tahu berapakah kos bekalan air ini? Berapakah pulangan kembali yang diterima oleh negeri ini macam Pahang dengan Selangor, berapa pulangan yang dapat oleh Pahang dan berapa keuntungan yang diterima oleh Selangor? Terakhir Tuan Pengerusi ialah Butiran 95000 - NRW NASIONAL, air yang hilang, kerugian air ini. Saya ingin tahu berapakah jumlah keseluruhan kerugian air di seluruh negara dan bolehkah saya dapat juga maklumat tentang pecahan NRW mengikut negeri-negeri. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Maran. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Parit Sulong, selepas ini Yang Berhormat Kapit.

2.58 ptg.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus sahaja pada bagi Maksud B.25, Butiran 020400 - Pengairan dan Saliran. Saya hendak menyentuh mengenai satu isu, isu ini sudah berapa kali saya bawakan, isu berkaitan dengan pembinaan *U-shape concrete* ataupun diberi tajuk projek sebagai Projek Menaik Taraf Sistem Saliran Mesra Alam Batu Pahat dari Sungai Batu Pahat ke Pekan Semerah, Batu Pahat di Parlimen Parit Sulong. Projek ini bernilai RM20 juta telah saya bawa sejak tahun 2012 memandangkan projek ini sangat penting dalam usaha untuk mengurangkan masalah banjir kilat terutamanya di samping mewujudkan sistem perparitan yang selamat kepada para penduduk.

Sehubungan dengan itu, saya hendak bertanya mengenai beberapa perkara di bawah tajuk ini. Pertamanya, apakah status pelaksanaan projek ini setelah hari ini memandangkan ia pernah dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas menerusi surat yang diterima dari pihak EPU bertarikh 24 Jun 2014? Keduanya pula, sejauh manakah pihak kementerian mempertimbangkan untuk meneruskan projek ini untuk kepentingan rakyat sehingga selesai

berikutan masalah banjir yang kerap melanda kawasan saya akibat sistem saliran yang tidak sistematik.

Seterusnya, untuk makluman Tuan Pengerusi saliran ini berdasarkan RM20 juta peruntukan ia tidak sampai ke Pekan Semerah. Jadinya, soalan saya pada kementerian adalah adakah kementerian ada perancangan untuk menyambung ataupun membuat keseluruhan Sistem Saliran Mesra Alam Peserai terus sampai ke Pekan Semerah itu sendiri.

■1500

Seterusnya, ada lagi satu isu berkaitan tajuk yang sama mengenai pembersihan parit di Parit Jayus 4, Mukim 18. Saya sudah bawa juga ke dalam peringkat Kamar Khas tetapi apa yang saya hendak ulangkan semula di sini, sekarang ini saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri sendiri berada, sama ada kerja-kerja mendalamkan parit yang melibatkan jajaran daripada pekan Parit Sulong hingga ke Sri Medan itu dapat diteruskan memandangkan sebelum ini kerja mendalamkan parit itu hanya dilakukan separuh jalan sahaja. Sebelum ini, ia melibatkan hanya jajaran Sungai Simpang Kiri sahaja.

Seterusnya bagi tajuk Butiran 02803 – Pewujudan Sistem Pemetaan Utiliti. Pada Ogos lalu, Majlis Perbandaran Subang Jaya telah menjadi pihak berkuasa tempatan pertama yang mewujudkan peta utiliti dengan kerjasama JUPEM. Jadinya, pewujudan ini saya kira sangat penting dan saya hendak mengucapkan tahniah. Sehubungan dengan itu, saya hendak bertanya dengan pihak kementerian, bagaimana pihak kementerian menilai kepentingan dan adakah perancangan untuk mewujudkan peta utiliti di seluruh kawasan luar bandar? Keduanya pula, saya juga hendak bertanya mengenai status pembangunan peta utiliti di kawasan Parlimen Parit Sulong itu sendiri.

Bagi Butiran 14500 – Menaik taraf Infrastruktur dan Saliran Bandar, Tebatan Banjir. Sebelum ini saya ada membawa mengenai masalah sistem perparitan di bandar Batu Pahat khususnya di sekitar Jalan Rugayah. Saya dimaklumkan bahawa pihak kementerian ada ketika itu menyiapkan satu Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) bagi tujuan penyediaan menghadapi ancaman banjir. Susulan dengan itu, saya hendak bertanya kepada pihak kementerian mengenai status penyediaan PISMA ini bagi kawasan Batu Pahat kerana kawasan Jalan Rugayah ini adalah di kawasan Parlimen Parit Sulong. Walaupun ia terletak di bandar Batu Pahat, tetapi ia berada dalam kawasan Parlimen Parit Sulong. Sejauh manakah ia dijadikan sebagai garis panduan kepada pihak berkuasa tempatan dalam menangani segala masalah banjir kilat terutamanya yang banyak berlaku di daerah Batu Pahat dan juga di kawasan Parlimen saya? Seterusnya, bagaimana pula kerjasama yang dijalankan oleh pihak kementerian bersama dengan PBT dan Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Batu Pahat bagi memastikan masalah saliran ini dapat ditangani dengan lebih konsisten? Terima kasih banyak-banyak.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kapit. Selepas ini Yang Berhormat Rantau Panjang.

3.03 ptg

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli maksud P.23 iaitu Butiran 15200 – Memperbaiki, Mengindah, Membersih dan Merawat Air Sungai-sungai dan Infrastruktur, yang diberi peruntukan RM28,255,000 dan juga Butiran 15300 - Mengorek Kuala-kuala Sungai yang diberi peruntukan RM175.4 juta.

Tuan Pengerusi, saya merayu agar sebahagian besar daripada peruntukan ini digunakan di negeri Sarawak. Ini atas sebab sungai-sungai di negeri Sarawak masih diguna sebagai laluan bot dan perahu dan sebagai *the main mode of transport* di kawasan pedalaman negeri Sarawak sebab jalinan jalan raya kita belum menyeluruh lagi. Jadi buat masa sekarang, terlalu banyaklah sungai-sungai yang terdahulu boleh dipakai secara selesa. Akan tetapi, banyak sudah tersumbat kerana banyak kegiatan pembalakan dan sebagainya. Air juga menjadi lebih cetek kerana hakisan tebing sungai. Jadi, kerja-kerja mengorek kuala-kuala sungai ini memang diperlukan. Saya tidak ada banyak lagi hendak rayu kepada kementerian ini, setakat itu sahaja. Ini kerana bagi saya amat penting bagi mereka yang duduk di kawasan-kawasan yang menggunakan anak-anak sungai sebagai *the major, main mode of transport* di pedalaman Sarawak. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kapit. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Rantau Panjang. Selepas ini Yang Berhormat Beaufort.

3.05 ptg

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan peringkat jawatankuasa Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Merujuk kepada Butiran 030000 - Pengurusan Hutan dan Biodiversiti. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, sejauh mana program yang telah dirancang oleh kerajaan untuk memastikan kestabilan terutama di sudut ekosistem bekalan air negara?

Di Kelantan, pada 28 September 2018, Kerajaan Kelantan telah meluluskan seluas 92,672 hektar kawasan baharu hutan untuk tadahan air bagi menjaga ekosistem bekalan air negara. Ini menjadikan kawasan tadahan air keseluruhannya berjumlah 128,595 hektar. Jadi saya ingin tahu dari sudut kedudukannya. Sejauh mana komitmen yang telah ditunjukkan oleh kerajaan untuk memastikan supaya setiap negeri mempunyai kawasan tadahan air yang mencukupi sebagai persiapan untuk bekalan air negara?

Saya ingin juga menyentuh berkenaan dengan Butiran 13500 - Pemulihan Empangan Bukit Kwong iaitu pemulihan empangan di mana di kawasan saya ada satu empangan, Empangan Bukit Kwong. Jadi saya ingin tahu, sejauh mana dari sudut kesiapsiagaan sebab kawasan ini adalah kawasan yang berstrategi dan kawasan yang cantik, boleh jadi tempat

pelancongan. Sekiranya perkara ini tidak dijaga, sudah tentu ia akan memberi kesan terutama kepada penduduk sekitar. Jadi, apakah program-program yang telah dibuat oleh pihak kerajaan?

Saya ingin juga tahu berkaitan dengan Butiran 14500 - Menaiktarafkan Infrastruktur dan Saliran Bandar, Tebatan Banjir iaitu di Rantau Panjang. Sebagaimana pihak kerajaan tahu, kawasan Rantau Panjang adalah kawasan banjir dan sentiasa berlaku takungan air ataupun banjir termenung apabila banjir lambat surut kerana saliran yang tidak memuaskan. Jadi dalam keadaan kami menunggu, sampai bila tebatan banjir tidak dilaksanakan? Saliran pula tidak memuaskan. Jadi apa perancangan pihak kementerian untuk memastikan bahawa aktiviti-aktiviti rakyat terutama berkaitan dengan ekonomi sama ada perniagaan, pertanian tidak mengalami kerugian terutama di musim tengkujuh?

Begitu juga saya ingin tahu berkaitan dengan Butiran 20000 - Bekalan Sumber Air kepada Negeri Kelantan di mana diperuntukkan hanya RM500,000 dan diberi pinjaman tambahan lagi iaitu RM23 juta. Saya ingin tahu, bagaimana kedudukan prioriti yang telah diletakkan oleh kementerian? Ini sebab kita lihat ada negeri yang dapat peruntukan tidak ada pinjaman, yang tidak perlu bayar pinjaman. Jadi, saya juga mewakili negeri Kelantan meminta supaya hutang-hutang yang berkaitan dengan air ini dihapuskan. Kalau negeri lain dia boleh lalu - di Pulau Pinang boleh diberi peruntukan RM31 juta, jadi kami di Kelantan yang dikatakan negeri miskin tetapi kami diberi hutang dan kena bayar *interest* lagi dua peratus. Jadi, apa kedudukan sebenarnya? Saya ingin tahu bagaimana kedudukan.

Sebenarnya, untuk memulihkan bekalan air di Kelantan, memerlukan bukan RM23 juta. Kita memerlukan lebih daripada RM2 bilion untuk menyelesaikan segala permasalahan yang ada. Jadi, begitu juga saya ingin tahu komitmen yang telah ditunjukkan, yang telah dijanjikan oleh pihak kerajaan terutama dalam program migrasi yang telah disetujui oleh Kerajaan Persekutuan. Apakah bentuk bantuan yang akan diberi kepada kerajaan-kerajaan negeri untuk memastikan jaminan bekalan air negara? Begitu juga tentang apabila di musim banjir, kita berdepan dengan banyak bekalan air, air yang lebih. Apakah tindakan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan untuk memanfaatkan lebih air yang ada supaya dapat kita manfaat terutama di musim kemarau. Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Beaufort. Selepas ini Yang Berhormat Sungai Besar.

■1510

3.10 ptg.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya teruskan kepada Butiran 10400 – Perancangan dan Pengurusan Hutan dan Butiran 10800 – Pembangunan Kawasan Penyelidikan Hutan Paya Gambut Klias.

Saya ingin merujuk kepada Menteri berkaitan dengan padang ragut di Kota Klias dan juga pesisiran Sungai Klias di dalam Daerah Beaufort, dalam kawasan Parlimen saya, yang mana terdapat monyet-monyet *proboscis* dan juga *Klias Wetland River Cruise*, yang mana ini adalah merupakan kawasan yang banyak dilawati oleh pelancong-pelancong termasuklah dari luar

negara. Saya minta supaya kawasan yang saya sebutkan tadi ini dimasukkan di dalam kawasan penyelidikan Hutan Paya Gambut Klias Gallery supaya mendapat peruntukan dan dapat dipelihara kekal, *sustainable*, menarik untuk para pelancong melawatnya dan juga menjadi sumber pendapatan orang-orang tempatan.

Butiran 13500 – Pemulihan Empangan. Saya mahu tahu status empangan Ulu Sungai Padas yang telah dirancang oleh kementerian sebelum ini. Projek ini mempunyai impak yang besar untuk mengelakkan banjir di tiga kawasan Parlimen termasuklah Parlimen Beaufort, Tenom dan juga Sepitang. Jadi saya ingin tahu statusnya yang terkini.

Butiran 15100 – Mencegah Hakisan Pantai. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri dan kementerian tentang pantai-pantai di Tinambak, di Mempakul dan di Menumpang di dalam kawasan Parlimen Beaufort di Daerah Kuala Penyu yang terhakis. Ramai penduduknya di sana, tempatnya menarik dan cantik, boleh dijadikan tempat pelancongan tetapi sekarang ini menghadapi masalah hakisan pantai.

Butiran 15200 – Memperbaiki, Mengindah, Membersih dan Merawat Air Sungai-sungai dan Infrastruktur MASMA. Saya minta supaya kementerian membuat kajian ke atas air Sungai Padas bagi memastikan— air sungai ini adalah sumber air minum kita di Daerah Beaufort dan Daerah Kuala Penyu. Kita mohon supaya dapat dipastikan airnya selamat untuk diminum oleh sebab ada kebimbangan air sungai tercemar disebabkan baja dan racun daripada ladang-ladang kelapa sawit.

Butiran 28000 – Rancangan Bekalan Air Sabah. Saya telah sebut tentang loji di Beaufort. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan melihat lagi apakah permasalahannya yang sehingga kini masih lagi ada timbul masalah yang kita tidak dapat air daripada loji tersebut.

Kedua, berkenaan dengan masalah *non revenue water* (NRW) yang berada di dalam kawasan Parlimen saya dan difahamkan telah mencapai tahap 60 peratus. Saya minta supaya kementerian mengadakan kajian secara komprehensif bagi mengenal pasti punca-punca NRW yang tinggi ini dan seterusnya mengambil tindakan untuk menanganinya dengan sebaik mungkin supaya rakyat di sana betul-betul dapat menikmati air yang dikeluarkan daripada loji-loji yang ada di sana.

Saya ingin maklumkan di sini, ini merupakan satu masalah yang besar kepada rakyat. Setiap hari mereka akan bertanya mengapa tidak ada air, hari ini tidak ada air, tidak ada air dan dikatakan bahawa terdapat NRW yang tinggi. Oleh itu, saya mohon kementerian untuk membuat kajian yang terperinci terhadap masalah ini. Terima kasih, banyak.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih, Yang Berhormat Beaufort. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sungai Besar. Selepas ini Yang Berhormat Mersing.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: *[Bangun]*

3.13 ptg.

Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja daripada Sungai Besar. Ini berkaitan dengan perbahasan Rang Undang-undang

Perbekalan 2019. Suka saya merujuk kepada Butiran 15100 – Mencegah Hakisan Pantai. Peruntukannya adalah lebih kurang dalam RM38 juta dan isunya adalah jajaran Pantai Selat Melaka terutamanya di kawasan Parlimen Sungai Besar iaitu kawasan Pantai Sekinchan, Sungai Nibong, Sungai Haji Dorani dan Bagan Sungai Besar. Saya kira hakisan pantai dan kemusnahan bakau disebabkan hakisan semakin membimbangkan. Malah semakin menghampiri kawasan kependudukan dan di sesetengah tempat sudah melangkaui benteng iaitu apabila air pasang besar, disebabkan penampannya iaitu bakau semakin musnah, ia melibatkan hampir sepanjang garis pantai.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang sudi hadir ke Sungai Besar pada 7 Oktober yang lepas bersama-sama dengan kita di Pantai Sungai Haji Dorani dan kita tanam pokok bakau. Cuma, bagi pihak Sungai Besar, "*Terima kasih daun keladi, selepas ini datang lagi, Sungai Besar menanti*". Apa yang paling mencemaskan daripada kajian lampau iaitu 29 peratus. Yang Berhormat Menteri, ataupun 1,380 kilometer mengalami hakisan yang sangat teruk terutamanya jajaran garis pantai kawasan Sungai Besar.

Daripada pasukan Kajian Indeks Kerentanan Pantai Kebangsaan, kita hendak supaya mereka mengambil keutamaan tentang kebimbangan masyarakat berkaitan hakisan yang terlampau di kawasan Sungai Besar dan saya daripada Sungai Besar mahu, melalui Bajet 2019, mohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk memberikan keutamaan kepada jajaran garis pantai kawasan Parlimen Sungai Besar yang teruk dengan hakisan.

Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih, Yang Berhormat Sungai Besar. Harap sungai yang besar tidak mendatangkan banjir. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Mersing.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: [Bangun]

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Mersing tidak ada?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tidak ada. Tumpat?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Mersing tidak ada dalam Dewan. Yang Berhormat Merbok.

3.15 ptg.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 030100 – Perhutanan Semenanjung Malaysia. Memahami masalah isu pembalakan haram dan juga isu-isu pencerobohan di hutan, saya ingin merujuk kepada Laporan *Executive Talk Program 2017: Combating Wildlife and Forestry Crime* yang mana saya lihat sebenarnya antara isu cabaran yang mungkin kita boleh lihat di situ adalah ketidakcukupan pegawai. Lebih kurang 236 *ground staff* di bawah unit operasi dan juga penguatkuasaan seluruh Semenanjung Malaysia yang mana akan menjaga hutan yang mempunyai keluasan 4.9 juta hektar. Total IO cuma ada 19 dan tiga forensik personel. Saya juga melihat di laporan ini cuma

ada 38 buah kenderaan dan 81 senjata sahaja. Ini yang mana saya rasa ini merupakan salah satu *challenge* yang masih pihak kementerian boleh lihat.

Seterusnya saya juga ada isu kaitan dengan Jabatan Perhutanan iaitu Butiran 08600 – Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (JPSM). Ini juga melibatkan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Ini yang mana saya ingin bertanyakan berkenaan sistem *radio-frequency identification* (RFID). Setakat ini, sistem tersebut yang mana mampu digunakan untuk aspek pengesanan atau *monitoring* dan juga *tracking*. Jadi, sejauh mana sistem ini, setakat ini, untuk digunakan seluruh Semenanjung?

Seterusnya saya merujuk kepada Butiran 040400 dan juga terkait dengan Butiran 050600 – Perkhidmatan Pembedungan Indah Water Konsortium, yang mana difahamkan sebelum ini Yang Berhormat Menteri sendiri pernah mengumumkan akan menggabungkan bilangan bil air dan juga pembedungan. Oleh sebab, kita menyaksikan di sini bahawa untuk IWK, memang tidak ada peruntukan dan RM150 juta telah tiada. Jadi, persoalan saya, adakah pemotongan peruntukan RM150 juta kepada IWK bermakna kerajaan akan melaksanakan penggabungan dan akan memberikan kesan terhadap tarif pembedungan tersebut?

Seterusnya Butiran 15100 – Mencegah Hakisan Pantai. Saya ingin merujuk kepada isu hakisan pantai yang berlaku di kawasan saya sendiri iaitu Pantai Tanjung Dawai yang isunya telah berdekad juga. Jadi, ada atau tidak *allocation* untuk Tanjung Dawai?

Kemudian yang akhir sekali, Butiran 95000 – NRW Nasional yang juga turut disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Untuk negeri Kedah, berapakah *allocation* nya dan bilakah paling segera untuk dilaksanakan? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Merbok.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Sibu...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: [Bangun]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Sibu tidak ada dalam Dewan. Yang Berhormat Segamat. Sila.

3.18 ptg.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Butiran 16700 – Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar. Saya hendak tanya kepada Menteri mengenai status rancangan memulihkan Koridor Sungai Siput dan Kampung Krishna di dalam lembangan Sungai Muar, Daerah Segamat. Ini kerana projek ini telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh sebanyak RM4.5 juta tetapi masih tidak dilaksanakan sehingga sekarang. Maka, saya mahu tanya niat kementerian sama ada mereka akan melaksanakannya dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini dan bilakah mereka akan buat? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih, Yang Berhormat Segamat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Hulu Terengganu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *[Bangun]*

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: *[Bangun]*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Selepas itu, Yang Berhormat Tumpat dan Yang Berhormat Arau.

3.19 ptg.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya. Saya terus kepada Butiran 25000 – Rancangan Bekalan Air Negeri Terengganu. Isunya ialah di Felda Jerangau Barat kerana paipnya yang lama dan selalu berlaku kerosakan paip yang menyebabkan penghuni-penhuni di Felda Jerangau Barat mengalami masalah. Ini kerana bila tekanan air dikuatkan, paip akan pecah. Apabila tekanan dikurangkan, air pula tidak sampai. Jadi, saya mohon kementerian mengambil perhatian pada hal ini.

■1520

Begitu juga halnya dengan perkara yang sama di bawah Butiran 25000 iaitu Loji Air di Kenyir. Di mana diperlukan di baik pulih apa yang telah dilaksanakan pada tahun 2006 untuk menyelesaikan masalah air di sekitar kampung-kampung di Tasik Kenyir. Di Tasik Kenyir airnya banyak, air di Tasik Kenyir sebanyak 13.6 bilion kubik meter jadi, masalahnya ialah *booster* ataupun loji itu perlu di baik pulih kerana pembangunan di sana yang makin pesat sekarang. Kemudian air di kawasan Kuala Telemong juga bermasalah. Ini satu perlu kepada *booster* untuk menguatkan lagi tekanan air di kolam tersebut.

Saya berpindah kepada perkara Butiran 15200 – Membaiki, Mengindah, Membersih dan Merawat Air Sungai-sungai dan Infrastruktur MASMA. Di sini saya suka mencadangkan kalau dipersetujui oleh kementerian, untuk memberi peruntukkan kepada mana-mana kampung yang berada di pinggir sungai untuk mereka bergotong-royong membersihkan sungai masing-masing. Jadi di sini akan mewujudkan kembali sifat gotong-royong di kalangan masyarakat dan menjaga kebersihan sungai di kawasan-kawasan mereka.

Kemudian, kepada yang terakhir iaitu berkaitan dengan Butiran 07100 – PERHILITAN. Isu yang sering dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat lain iaitu berkaitan dengan kera dan juga khinzir. Jadi, pihak kementerian diharap untuk mengatasi masalah ini kerana Hulu Terengganu adalah kawasan pertanian, yang mana mereka sudah kuat bekerja dan rajin bekerja tetapi ancaman kepada musuh-musuh ini mengurangkan pendapatan mereka. Jadi, untuk menyejahterakan kehidupan mereka, perkara ini perlu diatasi. Ini kerana saya difahamkan, bahawa babi ataupun khinzir dan juga kera ini adalah binatang kawalan yang tidak boleh ditembak sesuka hati. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tumpat. Selepas ini Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar?

3.21 ptg.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh beberapa butiran dalam perbahasan bajet peringkat jawatankuasa bagi Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli ini. Terima kasih di atas peluang ini.

Mengenai Butiran 95000 – NRW Nasional. Bagaimanakah status projek NRW pendekatan satu di Kelantan ia bernilai RM68.7 juta. Projek ini telah tertangguh selama lebih dari satu tahun sedangkan *bill of quantity* dan spesifikasi program sudah siap. Di antara skop kerja program ini adalah melengkapkan infrastruktur kerja-kerja NRW, memperbaiki tangki-tangki air, penukaran meter dan sistem pemantauan dan ia bertujuan untuk menurunkan NRW Kelantan di bawah paras 40 peratus dalam masa terdekat.

Bagi menyahut seruan Yang Berhormat Menteri untuk memastikan NRW Malaysia mencapai 25 peratus menjelang tahun 2025, setuju kah Yang Berhormat Menteri kalau saya katakan jika diadakan program penukaran paip lama dari jenis *asbestos cement* (AC) secara besar-besaran di peringkat nasional adalah satu langkah strategik bagi mengurangkan NRW ke tahap 25 peratus.

Untuk makluman, di Kelantan kita telah mengenal pasti paip lama jenis AC sepanjang 2,900 kilometer yang berjumlah RM973 juta perlu ditukar dalam tempoh lima tahun bagi memastikan tahap NRW turun secara ketara. Saya mengharapkan peningkatan Bajet 2019 nanti dari RM80.15 juta kepada RM200 juta ini dapat disalurkan untuk menurunkan NRW Kelantan ini.

Tuan Pengerusi, Butiran 040100 – Pengurusan Air. Atas isu keselamatan sumber air, *Water Resources Security* dengan fenomena perubahan iklim adalah diramalkan akan berlaku perubahan cuaca yang ketara di Malaysia, di mana lima tahun hingga 10 tahun akan datang, jumlah hujan tahunan akan berkurangan hingga 20 peratus. Jika cuaca tahun 2014 sebagai kayu pengukur, di mana banjir besar berlaku di Kelantan, pada tahun yang sama sebelum itu negara telah mengalami kemarau yang teruk sehingga beberapa negeri terpaksa mencatu bekalan air minuman akibat cuaca kering. Empangan juga kering, cuma tidak berlaku di Kelantan catuan ini sebab kita ada menggunakan sumber air tanah ataupun *ground water* yang lebih terpelihara daripada ancaman kering. Apakah pelan pembangunan struktur yang dirancang untuk memastikan fenomena perubahan cuaca yang mendatang, dengan kemarau yang diramal panjang dan ekstrem ini terutamanya di negeri Kelantan?

Tuan Pengerusi, dalam Butiran 20000 – Rancangan Bekalan Air Negeri Kelantan. Dalam rancangan migrasi rejim SPAN, Air Kelantan mulai September 2016 dijanjikan semua perbelanjaan *capex*, pembinaan atau pembangunan sumber air diberi dalam bentuk geran. Jadi, adakah polisi kerajaan sekarang masih mengekalkan status pemberian geran dan bukannya

pinjaman ke atas perbelanjaan pembangunan sumber air ini. Manakala yang lain telah di tanya oleh rakan-rakan saya daripada Kelantan tadi, Yang Berhormat Rantau Panjang dan juga Yang Berhormat Kubang Kerian mengenai pinjaman dan juga geran kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Arau. Selepas ini Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Bandar Kuching.

3.25 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama ialah Butiran 020200 – Ukur dan Pemetaan Malaysia. Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk melihat perjanjian asal di antara Malaysia dan Thailand ataupun British tentang kedudukan sempadan Perlis sama ada bermula daripada Kuala Perlis ataupun bermula daripada Sungai Puyu. Benda ini saya pernah bangkitkan dan ada jawapan yang pernah dibagi dahulu kononnya ada kekurangan di Perlis di mana kawasan Thailand masuk sebelah Perlis dan digantikan balik di sebelah Jeli, Kelantan. Apakah kita hendak isytiharkan kawasan tersebut kawasan Perlis. Jadi saya hendak minta supaya diperbetulkan pemetaan berdasarkan perjanjian yang dibuat pada masa yang lepas.

Kemudian yang keduanya, bila kita letakkan batu tanda di sempadan, kita tidak boleh benarkan negara jiran untuk meletakkan pintu gerbang di atas batu tanda seperti yang berlaku di Teluk Melano, Sarawak. Di mana di atas batu sempadan dibina pintu gerbang kerajaan Indonesia. Jadi, Malaysia hendak bina pintu gerbang dekat mana? Oleh sebab dekat batu tersebut dibina pintu gerbang negara jiran, kita hendak letak di mana pintu gerbang kita. Mereka letak bendera negara mereka, sempadan Thailand pun. Semua mereka letak bendera, kita tidak ada bendera. Semasa pilihan raya yang lepas, saya terpaksa ambil beberapa bendera untuk pasang di sana supaya menunjukkan ini ialah sempadan Malaysia. Saya minta ditandakan sempadan Malaysia ini dengan batu tanda dan juga bendera.

Ketiganya Yang Berhormat, bagaimana kita hendak pastikan tentang pemetaan kita di tengah sungai seperti di Kelantan dan juga tempat lain. Di tengah sungai itulah sempadan. Kalau kita tidak dapat tentukan, jadi orang boleh melakukan penyeludupan hanya di atas, tengah-tengah sempadan. Jadi, saya minta dinyatakan apakah perjanjian yang telah dibuat dengan negara jiran.

Kemudian, yang berikutnya terdapatnya sempadan yang telah dirosakkan. Saya mendapat maklumat batu tanda di Beting Patinggi Ali dibuat oleh Jabatan Pemetaan. Batu tanda itu telah diambil oleh sebuah negara asing dan dia letak pula batu tanda negara dia. Selepas itu tentera kita buang batu tanda tersebut, sekarang di Beting Patinggi Ali tidak ada batu tanda. Apakah boleh Jabatan Pemetaan supaya meletakkan batu tanda dan meletakkan bendera Malaysia di semua sempadan terutama yang ada jalan masuk untuk menunjukkan kepada orang

bahawa ini ialah Malaysia. Jikalau kita pergi ke sebelah mereka, mereka pasang bendera. Akan tetapi kita, di pulau-pulau kita yang bersempadan tidak dipasang bendera.

Kemudian yang berikutnya ialah tentang – saya juga ingin bertanya batu tanda di Spratly Islands terdapat tujuh pulau dahulu dipunyai oleh Malaysia dan ada batu tanda, tetapi empat telah diambil oleh negara jiran, tinggal lagi tiga buah. Apakah batu tanda yang diambil oleh negara jiran itu, pulau itu masih kepunyaan Malaysia? Seperti di Amboyna Cay dan juga di Terumbu Panglima.

Kemudian Perhutanan dan Semenanjung Malaysia. Saya minta sekali lagi di depan Tuan Pengerusi ini supaya haramkan balak. Seperti saya hendak *quote* Yang Berhormat Jelutong, saya tidak suka *quote* orang lain, saya suka *quote* Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Jelutong berkata '*kepada perbuatan tidak memperbaiki balai polis itu, adalah satu kepala bapak*'. Kepada orang yang tidak mahu haramkan balak, bahasa itu yang saya hendak pakai balik.

Tidak wajar negara ini meneruskan pembalakan. Kalaupun ada pembalakan mestilah mengikut SOP. SOP tidak diikuti, kita keluarkan lesen balak dan mereka membalak dengan lebih luas dengan membuka jalan untuk sampai ke tempat balak tersebut di samping membalak secara haram dan sebagainya.

■1530

Ini yang menjadi masalah. Kita sebut masalah air, akhirnya balak inilah merupakan malapetaka yang akan menimpa kepada kita.

Saya minta SOP, haramkan balak. Kemudian kepada negeri yang hendak membalak juga, bayar pampasan kepada mereka dan hentikan balak serta-merta dan kawasan yang telah kita balak, hendaklah ditanam dengan hutan.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah status Cameron Highlands sekarang? MKN dan juga Jabatan Hutan dan semua agensi telah melakukan penguatkuasaan. Akan tetapi apa yang telah dibuat di kawasan yang telah kita kuat kuasa, adakah ditanam balik?

FRIM – Saya hairan FRIM telah diturunkan peruntukan daripada RM65 juta kepada RM58 juta. Sepatutnya FRIM dipertingkatkan, dinaikkan taraf di FRIM di Kepong dan juga di negeri-negeri. Kita tidak patut kurangkan peruntukan sebab kalau kita jaga FRIM dengan elok, ia akan menjana pendapatan kepada negara sebab warga asing suka melawat tempat-tempat sebegini.

Kemudian, Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara. Kita berterima kasih sebab ada kenaikan peruntukan. Kita minta supaya Taman Negara di tiap-tiap negeri itu diperbaiki dengan baik dan Taman Negara hendaklah mengambil alih pentadbiran Taman Negeri yang mungkin menghadapi masalah.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi. Ini adalah tentang pegawai kontrak. Kita minta supaya semua kawasan masuk ke hutan, dikawal oleh pengawal keselamatan. Kita bagi kepada renjer, renjer tidak mampu sebab hutan terlampau luas. Kalau kita boleh letakkan renjer dengan harga yang murah, dengan menggunakan Orang Asli dan juga orang tempatan, dia boleh menjadi *security guard*, dengan izin kepada kawasan masuk hutan yang begitu luas. Akan tetapi, kawasan

masuk hutan kita biar orang masuk dan keluar dan melakukan pelbagai perkara yang tidak diingini. Saya mencadangkan sekali supaya gunakan perkhidmatan *security guard* untuk mengawal kawasan hutan dan juga pegawai kontrak yang kita ambil ini, khususnya hendaklah bagi perhatian kepada penjagaan hutan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih, Yang Berhormat Arau. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Jelutong.

3.32 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebelum saya meneruskan perbahasan saya, saya ingin berterima kasih kepada Yang Berhormat Arau dan juga Yang Berhormat Tanjong Karang yang sememangnya merupakan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berjiwa rakyat. Kelmarin bersama-sama dengan *backbencher* semasa sidang akhbar, walaupun ramai di sebelah sana [*Merujuk kepada blok pembangkang*] dijemput, Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Tanjong Karang menunjukkan [*Tepuk*] sikap mereka yang terbuka bersama-sama dengan kami. Jasamu dikenang selalu.

Saya merujuk kepada Butiran 13900 – Rancangan Kawalan dan Isyarat Bahaya Banjir dan juga Butiran 14500 – Menaiktaraf Infrastruktur dan Saliran Bandar, Tebatan Banjir. Sebelum itu saya di sini, Jelutong ingin memuji Menteri dan juga kakitangan beliau yang hadir di Dewan yang mulia ini. Sesungguhnya Menteri dan kakitangan beliau menunjukkan satu sikap yang terbuka, menunjukkan mereka kuat kerja kerana mereka telah melawat kawasan Jelutong, memberi perhatian kepada masalah banjir yang membelenggu rakyat di Jelutong di Pulau Pinang. Selama 50 tahun, tidak ada seorang Menteri daripada Barisan Nasional yang turun melawat kita. Tidak ada seorang pun yang datang. Tidak ada seorang pun kakitangan yang datang melawat kami. Ini dalam masa lima bulan. Yang Berhormat Arau ...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jelutong, saya pergi lima kali. [*Dewan riuh*]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, itu hanya datang semasa banjir sahaja tetapi bila rakyat di Jelutong mengeluh masalah banjir, tidak ada seorang pun yang datang. Bila berlaku banjir, memang Yang Berhormat Arau datang untuk memberi bantuan. Akan tetapi sebelum itu bila kita minta peruntukan, minta masalah banjir diselesaikan, rakyat di Jelutong tidak pernah sekali pun jumpa batang hidung Menteri Barisan Nasional di sana. Tidak ada pun kakitangan datang ke sana.

Berbalik kepada isu Butiran 13900, isyarat bahaya banjir. Saya hanya menyeru Menteri untuk memberi perhatian dan sentiasa ingat kepada Jelutong. Kalau boleh, minta dipasang di sana isyarat bahaya banjir supaya rakyat di sana, bila berlaku banjir, semua susah. Orang Melayu susah, orang India susah, orang Cina susah dan bila berlakunya banjir, semuanya keadaan teruk. Masjid kena, kuil India kena, tokong Cina kena.

Jadi saya sebagai Ahli Parlimen, susah. Ada sekali bila saya dalam perjalanan ke Parlimen, terpaksa patah balik ke Pulau Pinang, meredah banjir dan patah balik ke Parlimen. Ini adalah masalah yang berlaku kepada saya. Jadi saya di sini, meminta kepada kementerian, kalau boleh sentiasa memberi perhatianlah kepada masalah yang berlaku di Jelutong.

Pada masa yang sama, merujuk kepada Butiran 16700 – Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar. Saya menerima baik maklumat yang telah dimaklumkan kepada saya oleh Menteri di mana satu jumlah yang begitu besar, saya difahamkan akan diagihkan untuk menyelesaikan masalah banjir di Pulau Pinang.

Saya di sini mengambil kesempatan untuk sekali lagi bagi pihak rakyat di Pulau Pinang, di Jelutong khususnya, mengucapkan jutaan terima kasih kepada Menteri dan semua kakitangan yang hadir supaya mereka sentiasa memikirkan nasib rakyat di Jelutong dan akan memastikan bahawa masalah banjir ini adalah sesuatu yang tidak akan berlaku lagi. Kalau kita fikir, kalau dulu masa Barisan Nasional dulu, kini dan selama-lamanya, kita terpaksa menerima nasib kita. Akan tetapi sekarang dengan kerajaan yang baharu, Menteri yang baharu, kakitangan-kakitangan yang bekerja dengan tekad yang baharu, saya yakin dan percaya, kita akan dapat menyelesaikan masalah banjir di Pulau Pinang. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Walaupun hujan lebat, cuaca sejuk. Bila Yang Berhormat Jelutong berucap, Dewan menjadi panas. *[Ketawa]* Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bandar Kuching.

3.36 ptg.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Butiran 16700 – Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar dan Butiran 14500 – Menaiktaraf Infrastruktur dan Saliran Bandar, Tebatan Banjir.

Saya ingin membawa isu banjir kilat yang sering kali berlaku di kawasan Bandar Kuching dan kali terakhir berlaku pada hari Khamis lalu iaitu 22 November 2018 di mana banjir kilat telah melanda walaupun hujan tidak sampai dua jam. *Sarawak General Hospital*, hospital terbesar di Sarawak pada masa itu telah dilanda banjir sampai air banjir masuk ke wad-wad dan menyukarkan pekerja-pekerja hospital untuk menjalankan tugas mereka. Kawasan-kawasan lain yang turut dilanda banjir termasuk Jalan Ban Hock, Padang Merdeka, Jalan Tun Abang Haji Openg, Jalan Green, Jalan Tabuan Dayak, Sungai Apong, Bintawa dan banyak lagi. Ini adalah masalah yang kita telah alami untuk banyak tahun. Saya berharap kerajaan akan menyalurkan saluran yang ada untuk memperbaiki masalah ini.

Butiran 15300 untuk mengorek kuala-kuala sungai. Saya ingin menyeru agar kerajaan dapat mempertimbangkan untuk mengorek Sungai Tabuan Jaya kerana sudah terlalu cetek dan menyebabkan banjir termasuk sekolah berdekatan iaitu SK Tabuan Jaya yang sering dilanda banjir selepas hujan lebat.

Saya ingin meminta agar peruntukan pihak kementerian dapat disalurkan ke Kuching untuk membuat perancangan dan menyelenggarakan serta membaik pulih semula semua sistem perparitan di kawasan tersebut dan pelan *flood mitigation programme* di Bandar Kuching.

Saya ingin meminta kementerian menyatakan secara terperinci status Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Sarawak yang dikatakan telah diluluskan oleh kerajaan terdahulu yang berjumlah RM150 juta yang dikatakan boleh menangani masalah ini. Juga saya minta status dan harap projek itu dapat diteruskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Limbang, kemudian yang Yang Berhormat Papar. Selepas ini Yang Berhormat Tampin, Yang Berhormat Sik dan saya akan menjemput Yang Berhormat Petaling Jaya untuk menutup tirai. Ya, Yang Berhormat Limbang, sila.

3.39 ptg.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 15300 – Mengorek Kuala-kuala Sungai. Untuk pengetahuan Menteri, sebelum ini di bawah kementerian yang sama, telah pun diluluskan sebanyak RM10 juta untuk mengorek kuala Sungai Limbang. Akan tetapi disebabkan oleh *effect* dengan negara jiran di Teluk Brunei — *Brunei had requested for EIA study* tetapi *study* itu sudah *complete* dan sudah pun siap. Jadi sekarang tinggal kita hendak bina untuk meneruskan kerja pengorekan ini.

Jadi sekarang saya berharap, peruntukan yang sebelum ini RM10 juta untuk mengorek ini, dapat diteruskan sebab *the Limbang River is almost —the river mouth is I think is getting smaller*. Betul-betul kapal besar pun hendak bawa barang pun sudah sekarang sudah tidak boleh lagi hendak masuk. Jadi saya berharap ia dapat diteruskan untuk mengorek muara Sungai Limbang ini. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

■1540

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Limbang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Papar. Sila.

3.40 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 13900 – Rancangan Kawalan dan Isyarat Bahaya Banjir. Peruntukan sebanyak RM53 juta dan juga Butiran 14500 – Menaiktaraf Infrastruktur dan Saliran Bandar Tebatan Banjir. Seperti mana yang kita tahu, Pekan Kinarut 15 kilometer dari Kota Kinabalu. Pekan ini selalunya dilanda banjir dan kawasan-kawasan kampung sekitarnya walaupun hujan tidak berapa lebat disebabkan oleh perparitan yang tidak begitu baik dan tidak begitu efektif.

Jadi dengan adanya peruntukan seperti ini, kami orang P.175, rakyat di P.175 memohon supaya kerajaan dapat memberi kepada kami peruntukan untuk kami membuat perparitan yang efektif supaya Pekan Kinarut dapat menjalankan perniagaan dengan tanpa ada halangan. Disebabkan oleh banjirlah ramai di antara pekedai-pekedai di Kinarut terpaksa menutup kedai

dua tiga hari dan selepas itu terpaksa membersihkan kedai mereka untuk beroperasi lagi. Di kala banjir, Pekan Kinarut tidak akan dapat dilalui oleh kereta-kereta biasa. Banyak kereta yang tersadai disebabkan oleh tidak lain ialah perparitan yang tidak begitu efektif.

Selepas itu saya ingin merujuk kembali kepada Butiran 15100 – Menjaga Hakisan Pantai, yang mana peruntukannya sebanyak RM38 juta. Seperti mana yang kita tahu, Pantai Manis adalah pantai yang cantik tetapi disebabkan oleh kemanisan dia dan disebabkan oleh kekurangan pencegah benteng ombak menyebabkan pantai ini telah menjadi hodoh disebabkan oleh fenomena air pasang yang besar, ombak yang kuat dan juga disebabkan oleh benteng yang sudah runtuh. Ini telah merisaukan orang-orang kampung. Begitu juga ia telah menjejaskan penduduk-penduduk kampung yang selalunya berniaga di pantai ini. Jadi, dengan adanya peruntukan seperti ini, saya berharap kerajaan akan dapat melaksanakan ataupun membuat projek kawalan hakisan supaya hakisan di Pantai Manis dapat kita hentikan.

Selepas itu, saya ingin merujuk kembali kepada Butiran 15300 – Mengorek Kuala-kuala Sungai. Peruntukan sebanyak RM175 juta dan juga Butiran 15400 – Perancangan Pengurusan Sungai Saliran Mesra Alam. Jadi, seperti yang kita tahu Papar adalah sebuah daerah yang banyak sungai. Jadi masalah yang dihadapi oleh orang-orang Papar ialah, yang selalu disuarakan oleh mereka ialah kawasan mereka di mana muara-muara sungai semakin hari semakin cetek. Apabila air surut, ada kalanya nelayan-nelayan tidak dapat ke laut disebabkan tidak dapat melalui muara yang cetek. Ini menyebabkan mereka kehilangan sumber pendapatan untuk seisi keluarga. Jikalau masalah ini tidak ditangani oleh kerajaan, bererti kesulitan mereka ini akan berterusan dan akan membawa imej yang tidak baik kepada kerajaan kita.

Dengan itu, saya ingin memohon daripada peruntukan ini supaya kerajaan dapat mendalamkan Sungai Papar yang cetek, mendalamkan Sungai Kinarut, mendalamkan muara Sungai Kampung Benoni, mendalamkan muara Sungai Kimanis dan mendalamkan muara Sungai Pangkalan Besar. Kerja-kerja mendalamkan muara sungai yang saya telah sebutkan tadi harus dilaksanakan untuk mempermudah segala bot-bot nelayan dan juga bot-bot pelancong supaya dapat masuk ke Pekan Papar dan destinasi yang lain...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. Masa sudah tamat, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:...dan demi mengelak masalah yang lebih buruk lagi berlaku. Sedikit lagi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Okey, saya akan menggulung. Jadi kerajaan harus membuat alur sementara menunggu proses sebenar untuk mengatasi masalah air cetek di muara kuala-kuala sungai yang saya sebut tadi.

Jadi, saya bercadang supaya kerajaan dapat membina benteng pemecah ombak bagi menyelesaikan masalah-masalah sungai cetek ini sebagai penyelesaian masa panjang. Apabila cadangan ini diluluskan, masalah muara cetek di muara sungai-sungai di Papar dijangka akan dapat diatasi sepenuhnya seperti yang sudah dilaksanakan di tempat muara-muara sungai di Semenanjung Malaysia. Dengan ini, saya menutup perbincangan saya dan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Papar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Stampin.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Kota Tinggi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

3.46 ptg.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyebut dua, tiga perkara sahaja. Yang pertama ialah Butiran 15200 – Membaiki, Mengindah, Membersih dan Merawat Air Sungai. Keduanya, Butiran 15400 – Rancangan Pengurusan Sungai Saliran Mesra Alam dan yang ketiga ialah Butiran 08600 – Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (JPSM).

Dalam perkara 15200, kita dapati bahawa banyak sungai yang ada di daerah Tampin tidak terurus dengan begitu baik. Ia menyebabkan berlakunya apabila hujan lebat, sungai-sungai ini tidak boleh menampung perjalanan aliran air dengan baik menyebabkan kampung-kampung di persekitarannya berlaku banjir kilat seperti Kampung Londah, Kampung Pangkah Hulu, Kampung Gemas, Pekan Tampin dan sebagainya. Oleh sebab itu, kami memohon supaya peruntukan yang diberikan ini supaya dapat memberi kepada daerah Tampin soal mengurus ataupun membaiki aliran sungai yang ada di daerah itu.

Perkara yang kedua yang saya hendak sebut ialah Butiran 08600 – Pengurusan Hutan Secara Berkekalan, di mana terdapat satu tempat peranginan yang dahulunya menjadi tarikan pelancong di Tampin iaitu di Kampung Jeram. Sekarang ini tidak lagi menjadi tarikan kerana tidak ada pengurusan hutan di sana dengan baik. Jadi justeru itu, kalau ada peruntukan yang diberikan, mungkin ia boleh mendatangkan pendapatan di daerah masyarakat di Kampung Jeram itu untuk meningkatkan pendapatan mereka daripada semasa ke semasa. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sik.

3.48 ptg.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 08600 – Pengurusan Hutan Secara Berkekalan, di bawah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Saya merujuk satu jawapan daripada pihak kementerian, isu pembalakan dan penebangan Hutan Simpan Bukit Enggang di daerah Sik. Terima kasih atas jawapan diberikan namun apa yang mendukacitakan dan jawapan yang diberikan itu tidak menepati realiti yang sedang berlaku. Apabila projek pembalakan di Hutan Simpan Bukit Enggang ini telah menyebabkan berlakunya kerosakan sumber air kepada penduduk-penduduk sekitar termasuk juga pencemaran daripada penanaman pokok gantian yang telah menyebabkan sungai-sungai di sekitar itu terjejas.

Dalam jawapan yang diberikan oleh kementerian bahawa penebangan hutan di Bukit Enggang ini menggunakan sistem pengurusan memilih, namun saya sendiri telah pergi melawat

ataupun melihat kawasan yang terlibat ini. Rupanya penebangan ini dibuat secara istilahnya '*cuci mangkuk*'. Keseluruhan hutan ini telah ditebang dan lebih 1,000 hektar Hutan Simpan Bukit Enggang ini telah terjejas.

■1550

Kita sangat kecewa apabila projek hutan yang hendak digantikan dipanggil Ladang Komersial, Timber Latex Clone dan Albizia ini tidak akan memberikan kesan yang baik untuk menggantikan hutan yang telah ditebang. Andainya benar penggondolan Bukit Enggang untuk projek menggantikan hutan ini, kita bertanya kenapa ia tidak dilaksanakan di kawasan seluas 4,000 ekar di Gunung Inas di Daerah Kulim? Sudah pastilah penebangan yang melibatkan hutan ganti ini tidak termasuk dalam kuota tebang tahunan bagi setiap negeri yang telah ditetapkan oleh Majlis Tanah Negara dan Dasar-dasar Majlis Perhutanan Negara.

Kedua Tuan Pengerusi, saya merujuk perkara 06500 – Rancangan Bekalan Air Negeri Kedah. Dalam bajet yang dinyatakan ini, peruntukan yang diberikan hanya RM67 juta. Ini sangat jauh daripada jumlah anggaran perbelanjaan sebanyak RM1.6 bilion untuk memulihkan bekalan air di seluruh negeri Kedah iaitu antara yang telah - alasan yang sepatutnya dilihat Projek Rancangan Bekalan Air Kedah ini perlu diperkukuhkan iaitu:-

- (i) migrasi aset air negeri Kedah kepada Perbadanan Aset Air Berhad tidak dimuktamadkan. Penstrukturan bayaran balik pinjaman tidak dapat dilaksanakan;
- (ii) pinjaman untuk pembangunan infrastruktur air di luar bandar wajib dikira sebagai geran, bukan pinjaman selari dengan keputusan kabinet pada tahun 1993 dan juga Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan; dan
- (iii) jumlah hutang bekalan air Kedah sebanyak RM23 bilion patut dipotong, ditolak segala belanja untuk infra air luar bandar dan tinggal sekitar RM1.3 bilion sahaja dan ini adalah jumlah yang perlu Kedah bayar melalui bayaran pajakan balik aset-aset air kepada Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB).

Seterusnya Kerajaan Persekutuan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Nasional (SPAN) jangan benarkan mana-mana pihak ketiga merebut penswastan projek rawatan air seperti yang dinikmati oleh Air Utara Indah dan Taliworks Langkawi selama 30 tahun sejak 1990. Seterusnya air Langkawi perlukan projek khusus memandangkan manfaat yang besar kepada penduduk Langkawi dan pelancong yang masuk ke pulau tersebut yang juga keuntungannya dikaut oleh Kerajaan Persekutuan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih, Yang Berhormat Sik. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Petaling Jaya. Oleh kerana Yang Berhormat Kota Tinggi minta dua minit sahaja saya akan jemput dia tutup tirai. Yang Berhormat Petaling Jaya, sila tepat kepada masa.

3.53 ptg.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini adalah berkenaan dengan Butiran 040400 – Perkhidmatan Pembetulan. Di sini saya ada beberapa perkara yang berkaitan dengan perkhidmatan pembetulan dan sistem kumbahan di kawasan bandar. Soalan yang pertama ialah di sini kita terdapat beberapa pangsapuri lama di Petaling Jaya yang tidak mempunyai cara untuk menghubungkan sistem kumbahan mereka kepada sistem utama Indah Water Konsortium kerana kosnya terlalu tinggi. Adakah mempunyai apa-apa penyelesaian untuk menolong JMB, badan-badan pengurusan bersama untuk menghubungkan sistem mereka?

Kedua ialah terdapat di kawasan miskin yang tidak mempunyai sistem kumbahan yang baik. Akibatnya ialah kerosakan-kerosakan yang sangat teruk. Saya cadangkan supaya kerajaan menyediakan peruntukan bagi memastikan bahawa kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan secara kerap. Saya juga ingin tahu sama ada kerajaan ada mempertimbangkan cara-cara untuk mempertingkatkan teknologi yang digunakan di loji rawatan kumbahan supaya dapat menampung air kumbahan yang dirawat di kawasan-kawasan bandar yang padat dengan penduduk.

Aspek yang kedua ialah berkenaan dengan Butiran 16700 – Rancangan Tebatan Banjir. Di sini banjir kilat yang sering melanda kawasan bandar memang menyusahkan penduduk bandar juga. Saya hendak tanya dalam keadaan ini telah berterusan untuk beberapa tahun tetapi masih kita tidak mempunyai apa-apa strategi untuk menaik taraf infrastruktur bagi menangani masalah ini.

Soalan saya ialah adakah kerajaan mengadakan satu SOP untuk memberitahu atau memaklumkan bagaimana infrastruktur ini akan bertambah baik dan juga bagaimana kita boleh memberitahu atau memaklumkan kepada penduduk-penduduk yang akan terjejas secara langsung kalau ada banjir kilat.

Aspek yang ketiga ialah Butiran 15200. Di sini ada satu projek untuk membersihkan dan mentransformasikan Sungai Kayu Ara di Ara Damansara. Sepatutnya sudah dilakukan beberapa tahun yang lalu tetapi sehingga hari ini kekurangan kerja untuk membersihkan sungai belum dijalankan. Kawasan Ara Damansara adalah satu kawasan yang membangun dengan cepat dan ini telah menyebabkan pencemaran sungai akibat membuang sampah secara haram. Soalan saya adalah apakah status untuk membersihkan sungai di Ara Damansara. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, terima kasih. Sekarang dijemput Yang Berhormat Kota Tinggi untuk menutup tirai.

3.57 ptg.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada tiga perkara sahaja tiga butiran. Pertama, Butiran 15300 – Mengorek Kuala-kuala Sungai. Saya mohon Yang Berhormat Menteri supaya dapat pertimbangan untuk satu mengorek kuala Sungai Sedeli dan kedua mengorek Kuala Sungai Johor di Johor Kampung.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Butiran 15100 - Mencegah Hakisan Pantai. Saya mohon supaya dapat dimasukkan untuk Pantai Teluk Mahkota untuk diselamatkan daripada hakisan yang berterusan dan yang terakhir Tuan Pengerusi, Butiran 16700 – Rancangan Tebatan Banjir dan Saliran Bandar. Mohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk isu banjir di bandar Kota Tinggi, naik taraf saluran bandar, bina *retention pond* dan bina *tidal gate*. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih banyak.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Baik, hanya satu minit sahaja. Terima kasih, Yang Berhormat Kota Tinggi. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk perbahasan peringkat Jawatankuasa Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli telah tamat. Seramai 34 orang Ahli Parlimen telah mengambil bahagian dalam perbahasan. Antaranya 13 orang dari pihak kerajaan, 21 orang dari pihak pembangkang. Ini satu lagi bukti Speaker ini lebih adil dari adil. Oleh kerana itu sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Masa 30 minit. Sila. Yang tidak sempat jawab berikan jawapan bertulis.

3.59 ptg.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Dr. Xavier Jayakumar]: *[Ketawa]* Salam sejahtera, Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan yang telah meluluskan sejumlah RM4.001 bilion yang merangkumi peruntukan perbelanjaan mengurus sejumlah RM1.172 bilion dan peruntukan pembangunan sejumlah RM2.82 bilion.

Kementerian juga turut merakamkan ucapan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu di bawah Kementerian KATS sepanjang perbahasan pada kali ini.

Tuan Pengerusi, ada beberapa perkara yang saya akan isikan bersama-sama NRW1, mengorek sungai dan juga untuk banjir dan hakisan pantai.

■1600

Terlebih dahulu Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Kuala Kangsar tidak ada sini. Yang Berhormat Kuala Kangsa tidak ada...

Tuan Pengerusi: Tidak ada. Jawapan bertulis Yang Berhormat.

Dr. Xavier Jayakumar: ...Saya bagi jawapan bertulislah lah. Yang Berhormat Jeli ada, Yang Berhormat Jeli pun tidak ada.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jeli pun tidak ada ya. Jawapan Bertulis.

Dr. Xavier Jayakumar: Bertulis juga sebab saya ada setengah jam saja. Lebih baik saya jawab orang-orang yang ada di dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi: Ya.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Xavier Jayakumar: Yang Berhormat Tenggara ada?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tenggara ada.

Dr. Xavier Jayakumar: Oh, Yang Berhormat Jeli ada. Okey, sorry.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jeli baru sampai.

Dr. Xavier Jayakumar: Yang Berhormat Jeli telah tanya berkenaan dengan empat ekar Hutan Bandar Jeli yang telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan pada bulan Mac 2018 yang lalu. Pihak kementerian mengalu-alukan usaha pihak kerajaan negeri menjalankan tanaman pokok dengan mewujudkan hutan bandar di Jeli. Pihak kementerian akan mempertimbangkan permohonan Yang Berhormat untuk dibina pagar di kawasan tersebut jika ada permohonan dibuat kepada kementerian. Namun begitu pihak kementerian berpendapat ada baiknya pihak kerajaan negeri melengkapkan usaha murni yang telah dikemukakan oleh kerajaan negeri dengan pembinaan sendiri pagar dengan menggunakan peruntukan negeri supaya kementerian dapat menumpukan kepada projek-projek utama yang lain.

Juga dengan FRIM, FRIM telah menerima peruntukan RM1.3 juta. Setakat mana produk herba telah berjaya di bangunkan? FRIM telah menjayakan kajian huluan dan hiliran bagi meneroka potensi ubat tumbuhan dari segi efikasi keselamatan dan kualiti produk *herbal*. R&D FRIM merangkumi pengurusan sumber biologi, penghasilan bahan mentah berkualiti menggunakan teknologi pemprosesan lepas tunai. Penilaian efikasi pelbagai spesies tumbuhan-tumbuhan pengekstrakan, memprofilkan dan pemencilan sebatian penandang kimia serta pembangunan penggilingan produk herba. Apa yang katakan nama yang digunakan oleh Yang Berhormat dengan produk ikon itu, bukan ikon tetapi ini ialah produk yang dikatakan Nu-Prep. Bukan ikon tapi nama yang digunakan ialah produk Nu-Prep. Nu-Prep ini produknya ialah kapsul Tongkat Ali, kapsul Kacip Fatimah, kapsul Hempedu Bumi untuk *antidiabetic*, kapsul Asam Gelugur untuk pengawalan berat badan, kapsul Tunjuk Langit untuk *antidiabetic*, kapsul *Rosella* untuk kesan *therapeutic*, kapsul Cucur Atap...

Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli]: Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi, boleh tidak Yang Berhormat Menteri bagi sampel ke setiap Ahli Parlimen.

Dr. Xavier Jayakumar: [*Ketawa*] Saya kena tanya FRIM lah itu dan juga ada *insect repellent*, serai wangi ya dan rangkaian produk spa berasaskan hasil hutan seperti herba jenama *forestra*. Itu yang saya boleh- dan juga Yang Berhormat Jeli dengan isi gangguan gajah di Parlimen Jeli, mohon untuk pembinaan pagar elektrik gajah dan mohon tambahan peruntukan penyelenggaraan pagar elektrik sedia ada.

Untuk makluman Yang Berhormat, di Parlimen Jeli sebanyak dua buah pagar elektrik gajah telah dibina iaitu di Kampung Sungai Rual, 15 kilometer dan juga Batu Melintang, 13 kilometer. Kos penyelenggaraan tahunan bagi kedua-dua pagar ini adalah sebanyak RM83,700. Walau bagaimanapun tiada peruntukan untuk pembinaan pagar elektrik bagi tahun 2019. Namun begitu program tangkap, pindah gajah akan diteruskan bagi mengatasi konflik gajah.

Bagi menyelesaikan jangka panjang, adalah dicadangkan untuk mewujudkan sebuah *sanctuary* gajah di negeri Kelantan. Perbincangan lanjut dengan kerajaan negeri akan dijalankan. Kepada Yang Berhormat Tenggara. Isu kebocoran Baraj Sungai Johor. Untuk makluman Yang Berhormat Tenggara, Baraj Sungai Johor telah siap dibina pada 30 Mac 2017. Tujuan utama adalah untuk mengatasi kemasukan air masin ataupun *salt water intrusion* sehingga ke muka

south loji-loji rawatan air di sepanjang Sungai Johor. *Standard Operation Procedure* juga diubah supaya baraj ini berfungsi sebagai empangan sementara yang mampu memberi tambahan air sebanyak 400 juta liter sehari sekarang. Sudah pun ada SOP baharu ya.

Baraj ini telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Johor melalui Badan Kawalan Selia Air Johor (BAKAJ) dan pihak BAKAJ bertanggungjawab terhadap operasi dan O&M untuk baraj ini di Sungai Johor termasuk membaiki terhadap struktur baraj. Berhubung isu sekuriti nasional dan masalah pencemaran yang berlaku di Sungai Johor yang menjejaskan kualiti air di loji-loji rawatan air, pihak KATS sentiasa bekerjasama dengan BAKAJ dan Jabatan Alam Sekitar dalam usaha menguat kuasa undang-undang bagi mengatasi pencemaran yang disebabkan oleh aktiviti pertanian dan perindustrian di sepanjang Sungai Johor.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggaru]: Yang Berhormat, sebelum pergi ke pencemaran dan juga itu, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kebocoran tersebut perlu diperbaiki dan dia diperlukan peruntukan daripada kementerian di baraj tersebut.

Dr. Xavier Jayakumar: Okey, saya akan buat kajian, lepas itu saya akan jawab. Saya tidak berapa pasti ada kebocoran, tapi saya ingat tidak ada kebocoran sekarang, sudah diatasi.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggaru]: Memang ada, saya pergi sendiri.

Dr. Xavier Jayakumar: Okey, *we are put argue in here. We'll get the process...*

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggaru]: Kalau pergi Yang Berhormat Menteri, jumpa sayalah, kita sama-sama pergi.

Dr. Xavier Jayakumar: Okey, boleh, boleh. Yang Berhormat Kluang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kluang ada.

Dr. Xavier Jayakumar: Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sedia maklum aktiviti penukaran guna tanah telah menyebabkan kekurangan habitat dan kawasan keliaran hidupan liar terutamanya spesies gajah. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2017 sahaja sebanyak 90 aduan gangguan gajah di negeri Johor telah diterima oleh Jabatan PERHILITAN. Hasil tindakan yang dijalankan sebanyak 13 ekor gajah telah ditangkap pindah pada tahun 2017 dan 2018.

Johor Elephant Sanctuary juga telah dibina bagi menyediakan kawasan semula jadi untuk gajah dan seterusnya mengurangkan gangguan gajah yang berlaku di negeri Johor. Juga tentang isu tapak RAMSAR di sempadan Sungai Pulai, Johor. Pihak kementerian percaya pencerobohan yang didakwa berlaku di tapak RAMSAR dengan aktiviti padang golf terletak di atas tanah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan perkara ini adalah dalam pengetahuan kerajaan negeri.

Oleh itu adalah wajar perkara ini dibawa ke peringkat DUN Johor. Yang Berhormat Santubong, Yang Berhormat Santubong tidak ada.

Tuan Pengerusi: Tidak ada.

Dr. Xavier Jayakumar: Saya akan jawab Yang Berhormat Santubong dengan bertulis. Yang Berhormat Rasah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Rasah ada.

Dr. Xavier Jayakumar: Yang Berhormat Rasah ada. Yang Berhormat Rasah tanya keadaan bayaran bagi peruntukan sebanyak RM10 juta bagi projek pembekalan air di Negeri Sembilan. Peruntukan RM10 juta ini adalah bagi membiayai dua projek iaitu pengurusan sumber air mentah, Loji Air Gemas, dan juga projek Off River Storage (ORS), Linggi. Kedua-dua projek ini dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan secara langsung. Oleh itu pelaksanaan projek dilaksanakan oleh Jabatan Bekalan Air (KATS). Senarai projek tebatan banjir yang telah diluluskan di Negeri Sembilan ialah Rancangan Tebatan Banjir Sungai Chempedak, Daerah Jelebu Negeri Sembilan untuk RM10 ribu.

■1610

Rancangan Tebatan Banjir Gemas, Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Linggi Fasa 4, Negeri Sembilan RM15 juta, Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Pedas Daerah Rembau, Negeri Sembilan RM1 juta. Nanti NRW, *I will give you answer together*-lah.

Yang Berhormat Rasah lagi, peruntukan RM100 juta kepada IWK. Ini jawapan dia ialah IWK sekarang ialah di bawah kementerian. Dulu di bawah Kementerian Kewangan, so RM150 juta itu ada tetapi dimasukkan ke dalam akaun kementerian sekarang. So, bukan kosong yang diingati semua.

Dr. Xavier Jayakumar: Yang Berhormat Paya Besar...

Tuan Pengerusi: Tak ada. Ada?

Dr. Xavier Jayakumar: Yang Berhormat Paya Besar minta tentang status PLSB Sungai Kuantan. Terdapat empat projek yang dilaksanakan di bawah projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kuantan, Pahang Darul Makmur. Status projek-projek di bawah PLSB Sungai Kuantan adalah:

- (i) projek menaik taraf Sungai Belat dan pembina struktur pencegah banjir dan kerja-kerja berkaitan. Kontraktor telah dilantik, tarikh mula 15 Januari 2018, tarikh dijangka siap ialah 14 Januari 2021. Status sebenar ialah 16.23 peratus;
- (ii) projek pembinaan ban pencegah banjir Sungai Pandan dan juga Sungai Kuantan di Bukit Rangin serta kerja-kerja berkaitan. Projek pembinaan ban pencegah banjir di Sungai Kuantan di kawasan Kampung Cenderawasih dan mempertingkatkan ban sedia ada di Kampung Sungai Isap serta kerja-kerja berkaitan. Ini dalam peringkat reka bentuk terperinci, *conceptual design report*; dan
- (iii) projek mendalamkan Sungai Kuantan dari muara sungai hingga ke Empangan Kobat dan kerja-kerja berkaitan.

Yang Berhormat Gerik, Rahman Hydraulic Tin. Ini jawapan dia ialah jumlah pajakan perlombongan ini ialah *mining list* dia untuk tujuh tahun, jumlah keluasan ialah 101 hektar, tempoh pajakan 21 tahun. Saya ingat kita kena bersama-samalah dengan DOE dan kita tengok sebab Rahman Hydraulic ini jauh, dekat 30 lebih kilometer dari kawasan Yang Berhormat kata ada

masalah dengan pencemaran di bawah. Akan tetapi saya ingat kita kena duduk bersama dengan DOE untuk tengok macam mana keadaan dia ya.

Yang Berhormat Gerik lagi, minta harap projek RTB Gerik diteruskan. Projek Rancangan Tebatan Banjir Gerik, Hulu Perak telah diluluskan dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM74 juta dalam Rolling Plan Ketiga 2018 dalam RMKe-11. Projek ini mula dilaksanakan pada tahun 2018 dan dijangka siap pada tahun 2021. Untuk tahun pertama 2018, peruntukan yang disediakan adalah sebanyak RM200,000 bagi melaksanakan kerja-kerja awalan iaitu kerja-kerja ukur dan reka bentuk terperinci. Projek ini akan diteruskan pada tahun 2019.

Juga dari Yang Berhormat Gerik, adakah kementerian perlu membayar hasil kepada JKPTG. Tanah-tanah yang diduduki oleh kementerian adalah tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan ataupun tanah yang dirizabkan bagi maksud persekutuan. Bagi tanah milik PTP di bawah JKPTG, cukai tanah akan dibayar oleh pihak JKPTG kepada pentadbiran tanah negeri berkenaan.

Yang Berhormat Nibong Tebal...

Tuan Pengerusi: Tidak ada.

Dr. Xavier Jayakumar: *Sorry*, negeri ada lagi satu soalan memohon JUPEM menjalankan kerja ukur di negeri, Yang Berhormat Gerik. Merujuk kepada Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, tuan tanah boleh memiliki untuk melantik sama ada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) ataupun juru ukur tanah berlesen yang telah didaftarkan di dalam senarai JUPEM, menjalankan ukuran. Untuk melantik JUPEM, perlulah dibuat melalui pejabat-pejabat tanah yang berkaitan. JUPEM hanya menjalankan kerja-kerja ukur halus berdasarkan kepada permohonan ukur yang diterima melalui pejabat tanah. Semua upah ukur, kerja-kerja ukuran tersebut dikutip oleh pejabat tanah.

Yang Berhormat Kubang Kerian...

Tuan Pengerusi: Tidak ada.

Dr. Xavier Jayakumar: Yang Berhormat Kubang Kerian tidak ada.

Tuan Pengerusi: Tidak ada. Bertulis ya.

Dr. Xavier Jayakumar: Okey. Sepuluh, Yang Berhormat Kubang Kerian juga. Yang Berhormat Taiping, ada?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Taiping ada.

Dr. Xavier Jayakumar: Status permohonan Zoo Taiping. Pihak KATS akan mengadakan perbincangan lanjut bersama pihak Majlis Perbandaran Taiping dan Zoo Taiping untuk melihat keperluan Zoo Taiping bagi tahun 2019.

Yang Berhormat Taiping juga menanya masalah banjir di dalam Taiping. Untuk mengatasi masalah banjir di Taiping, kerajaan telah meluluskan RM1 juta di bawah RP4 iaitu Rancangan Tebatan Banjir Sungai Jebong. Anggaran kos projek adalah RM5 juta.

Yang Berhormat Setiu? *[Disampuk]* Ada. Yang Berhormat Setiu, isu cukai tanah yang diminta oleh Yang Berhormat Setiu. Jumlah yang digunakan iaitu RM190 juta tersebut adalah dibahagikan cukai kepada negeri-negeri berikut. Kedah RM35.3 juta, Melaka RM3.1 juta, Johor

RM9.1 juta, Selangor RM19.5 juta, Kelantan RM22.8 juta, Terengganu RM2.16 juta, Perlis RM3.76 juta, Wilayah RM1.95 juta, Negeri Sembilan RM20.7 juta, Pulau Pinang RM5.9 juta, Pahang RM5.9 juta dan Sabah RM2.1 juta yang diberikan, Perak RM38.9 *million*, Labuan RM538,000, dan Sarawak RM2.14 juta dari peruntukan.

Pelaksanaan *joint-billing* yang diminta dan ditanya oleh Yang Berhormat di antara bil air dengan bil IWK. Pada masa ini, pengguna yang terlibat dengan perkhidmatan pembedaan bersambungan perlu menjelaskan bil air dan bil IWK secara berasingan. Dengan pelaksanaan *joint-billing*, kedua-dua bil ini disatukan. Kadar tarif adalah berasaskan kepada kadar sedia ada dan tidak menyebabkan kenaikan bil pembedaan. Pengguna adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan bil air dan bil pembedaan sama seperti bil-bil utiliti lain. Kerajaan akan memberikan subsidi secara tahunan melalui bantuan kewangan kepada IWK sejak tahun 2001 dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM2.54 bilion.

Tahun 2019, kerajaan telah memperuntukkan jumlah RM150 juta kepada IWK. Akan tetapi saya hendak katakan, kalaulah kita hendak bagi subsidi sahaja selalu untuk *capital expenditure* untuk kita majukan IWK, pembedaan dan air di dalam negeri-negeri ini selalu akan ditanggung oleh kerajaan, saya ingat kita pun sebagai rakyat yang bertanggungjawab, kita pun kena faham bahawa tarif-tarif air dengan pembedaan ini tidak naik selama 20 tahun. So, pada masa sekarang kita buat kajianlah macam mana kita hendak atasi masalah yang telah berhutang kepada IWK dan selalu kita kena bagi subsidi kepada IWK RM150 juta.

■1620

Kalau RM150 juta itu boleh digunakan untuk saluran kerja-kerja lain yang lebih penting untuk kita, lebih baik. So, saya ingat kita kena bekerjasama di isu ini lah. Yang Berhormat Sibuti ada? Sehingga bila panda akan disimpan di Malaysia. Saya pun tanya soalan itu di dalam kementerian saya sebab bila Panda ada anak, kita kena bayar. *You have to pay for the baby*. Merujuk kepada perjanjian program konservasi *giant* panda adalah sehingga tahun 2024. Kita sudah tanda tangan namun rundingan dijangka akan diadakan pada tahun 2019 bersesuaian dengan kehendak perjanjian, iaitu semak setiap tiga tahun. Rundingan akan diadakan bersama pihak *China Wildlife Conservation Association*. Hendak simpan kah atau hendak hantar balik? *[Ketawa]*

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Hantar balik sahaja. Kita banyak orang utan.

Dr. Xavier Jayakumar: Setiap kali dia ada anak, kita kena bayar RM2 juta lebih, Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Jual, jual.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Jual anak.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Mohon penjelasan sedikit isu panda ini. Selain daripada RM2 juta yang kita kena bayar, berapa kos sebenarnya pemeliharaan anak panda itu setakat ini yang digunakan tiap-tiap bulan? Ini duit rakyat.

Dr. Xavier Jayakumar: Saya ingat kita belanja dekat RM5 juta satu tahun. *[Disampuk]* Semua sekali. Kutipan zoo melalui Zoo Negara untuk masuk tiap-tiap orang.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Xavier Jayakumar: Saya ingat saya akan betulkan ya. Peruntukan untuk program kerjasama antarabangsa *giant* panda ada di bawah programnya ialah 2018 kita telah belanja RM4.65 juta dan pada tahun 2019 kita akan belanja RM7.38 juta. Peningkatan sebanyak RM2.72 juta itu ataupun 8.4 persen, peningkatan besar adalah kerana terdapat pembayaran yuran konservasi *one-off* anak *giant* panda sebanyak RM2.38 juta.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Menteri, sekiranya kita akan berunding semula pada tahun 2019, Yang Berhormat Sibuti mencadangkan agar kerajaan hantar balik sahaja anak panda ataupun mak bapa panda itu semula kerana saya rasa sudah cukup untuk kita memelihara panda itu.

Dr. Xavier Jayakumar: Saya ingat ini ada kaitan dengan kerjasama di antara negara China dengan Malaysia juga.

Isu hakisan pantai dan pengorekan muara sungai yang ditanya oleh Yang Berhormat Sibuti juga. Kerajaan sememangnya memandangkan serius masalah hakisan pantai yang berlaku di seluruh Malaysia. Memandangkan banyak hakisan pantai yang berlaku di seluruh Malaysia, maka masalah ini perlu ditangani secara berperingkat memandangkan kos pembinaan benteng batu bagi mencegah hakisan pantai adalah tinggi.

Sehubungan dengan ini, kerajaan terpaksa menumpukan kerja-kerja membina benteng baru atau lain-lain kaedah mencegah hakisan pantai mengikut tahap hakisan pantai mengikut keutamaannya. Program pembersihan sungai adalah satu projek di bawah projek pemuliharaan sungai untuk mengatasi risiko banjir yang telah diluluskan di dalam RMKe-11 melibatkan pembersihan sungai-sungai utama di seluruh Malaysia. Ia dilaksanakan setiap tahun tertakluk kepada peruntukan tahunan yang diluluskan mengikut senarai keutamaan.

Saya ingat kalau Yang Berhormat hendak sungai masing-masing dalam kawasan untuk dibersihkan ataupun dikorek, kena melalui JPS negeri dan JPS negeri akan kategorikan sungai-sungai mana yang ada prioriti untuk dilakukan dan mereka akan hantar senarai itu kepada JPS, kementerian, untuk kita tentukan peruntukan masing-masing ya. Yang Berhormat Bukit Bendera?

Tuan Pengerusi: Ada.

Dr. Xavier Jayakumar: Okey, cadangan menjadikan Taman Botani Pulau Pinang sebagai taman warisan dunia. Kementerian ini mengucapkan terima kasih atas cadangan untuk menjadikan Taman Botani Pulau Pinang sebagai taman warisan dunia. Kerajaan negeri diminta untuk memohon kepada UNESCO untuk dapat pengiktirafan. Kementerian tiada halangan dan mengalu-alukan usaha tersebut. Akan tetapi baru-baru ini kita melalui Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia telah wujudkan beberapa *geopark* juga di dalam Malaysia. Baru-baru ini kita telah meluluskan satu *geopark* di Ipoh dan satu *geopark* di Kedah, Gurun dan tahun depan ialah di Batu Pahat, Muar.

So, kalau ada mana-mana kawasan yang kita kena bekerjasama untuk meluluskan *geopark*. Akan tetapi untuk mendapatkan pengiktirafan UNESCO itu lain. Dua tahun dari yang kita namakan *geopark*, kita kena adakan beberapa syarat yang kita akan ikut sebelum kita boleh iktiraf sebagai Geopark UNESCO.

Okey, Yang Berhormat Bukit Bendera juga, jumlah peruntukan untuk tebatan banjir di dalam kawasan di Pulau Pinang. Jumlah peruntukan untuk projek tebatan banjir yang akan disalurkan kepada negeri Pulau Pinang bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM24.08 juta yang diliputi projek seperti berikut:

- (i) Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Pinang;
- (ii) Rancangan Tebatan Banjir Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya Pulau Pinang;
- (iii) Rancangan Tebatan Banjir di Teluk Bahang, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang;
- (iv) Rancangan Tebatan Banjir di Pondok Upeh/Sungai Burong, Pulau Pinang; dan
- (v) Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kechil, Daerah Seberang Perai Selatan Pulau Pinang.

Peruntukan ini adalah anggaran keperluan aliran tunai projek bagi tahun 2019 yang antaranya merangkumi peruntukan bagi pelantikan perunding reka bentuk terperinci, pelantikan perunding kerja ukur dan penyiasatan tanah serta kerja tender. Projek-projek yang sekarang disiapkan ialah Rancangan Tebatan banjir di Sungai Pinang iaitu RM150 juta dan dalam proses menetapkan pelantikan perundingan reka bentuk terperinci oleh kementerian dan juga dalam proses penilaian pelantik perunding kerja ukur oleh JPP.

Lagi satu projek ialah Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Teluk Kumbar, iklan tender pada Disember 2018. Ini dari mana ini? Okey, Yang Berhormat Bukit Bendera. Yang Berhormat Bukit Bendera lagi. Soalan cadangan penyelesaian isu perhutanan haram. Kementerian berhasrat untuk meminda peruntukan Akta Perhutanan Negara dalam mengatasi jenayah pembalakan haram.

Isu hutan ini saya hendak kerjasama dari negeri masing-masing. Isu hutan ini sekarang menjadi isu keselamatan negara. *It's a national interest issue* sebab kita ini melalui beberapa program di antarabangsa yang iaitu program *diversity, climate change* dengan juga hutan simpan dan sebagainya. Kita disekat untuk menjual kelapa sawit di luar negara. Ini disebabkan oleh satu sahaja iaitu kita kehilangan hutan di dalam negara kita. Ini diguna pakai oleh agensi-agensi berkenaan iaitu Parlimen UE dan juga di United Nations UNESCO punya '14, 15' dan semua sekali. Kita kena faham isu ini. Kalau negeri-negeri boleh bekerjasama dengan kementerian untuk menjaga...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta penjelasan sedikit. Berkaitan dengan apa yang Menteri sebut tadi.

Dr. Xavier Jayakumar: Okey, okey.

■1630

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Mengenai apa yang disebut masalah penjualan kelapa sawit tadi. Apakah halangan itu ataupun masalah itu berbangkit kerana pengeluaran balak di kawasan hutan simpan ataupun kerana penanaman kelapa sawit itu mengakibatkan seluruh hutan itu ditebang tebas. Jadi saya rasa yang kedua ini yang menjadi sebab kepada kenapa gangguan kepada jualan kelapa sawit itu sendiri sedangkan pembalakan mengikut peraturan-peraturan yang memang sudah ketat pun dan mengikut peraturan-peraturan antarabangsa untuk mengeluarkan hasil hutan. Saya rasa itu tidak menjadi masalah.

Dr. Xavier Jayakumar: Itu ada kaitan. Dua-dua pun ada kaitan. Yang bagi kuasa untuk pembalakan ialah negeri dan bukannya kementerian. Adakah dia hutan kekal ataupun hutan simpan ataupun hutan yang akan ladang dan sebagainya semua itu ialah kuasa negeri. Penguatkuasaan pun di bawah negeri. Kita sahaja sebagai agensi yang melaksanakan, yang bagi bantuan dan sebagainya. Akan tetapi negeri kena faham bahawa kalau lebih daripada hutan yang akan dikeluarkan, dia punya *percentage drop*. Sekarang Kelantan 50 peratus sahaja ada hutan. Kalaulah tiap-tiap tahun kita bagi dekat 12,000 hektar hutan akan dibalak, dalam lima tahun ini, 50 peratus itu akan menurun kepada 45 peratus dan sebagainya.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Xavier Jayakumar: Ini contoh sahaja.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Pengeluaran balak daripada kawasan hutan simpan mengikut peraturan yang ada itu tidak mengurangkan kawasan hutan simpan kecuali kawasan hutan simpan itu diklasifikasikan sebagai tanah kerajaan dan sebagainya dan ditebang tebas. Itu baru jadi dikeluarkan daripada kawasan hutan simpan. Akan tetapi pembalakan dalam kawasan hutan simpan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan termasuk MCNI dan sebagainya, itu tidak menghilangkan kawasan hutan simpan. Pohon penjelasan.

Dr. Xavier Jayakumar: Saya faham. Akan tetapi kita kena faham bila kita cakap tentang hutan itu, di dalam diskusi antarabangsa, hutan itu hutan sahaja. Dia kata *you* ada hutan-hutan yang *you* tebang untuk pembalakan dan sebagainya, *you* bagi kuasa untuk pembalakan. Dia kata itulah yang menjejaskan isu simpanan hutan itu. Ada klasifikasi itu semua saya faham, ada. Akan tetapi macam mana kita nak atasi masalah ini.

Oleh sebab itu saya nak kerjasama dari negeri untuk kita bawa satu program baru di mana kita nak gunakan tanah-tanah yang telah pun digunakan untuk pembalakan dan ada banyak saya dengar. Kelantan ada 155,000 hektar tanah yang boleh digunakan untuk tanam balik spesies-spesies pokok yang boleh kita gunakan. So, kalau kerajaan negeri macam Kelantan boleh bekerjasama dengan kementerian dan negeri-negeri lain boleh bekerjasama dengan kementerian, kita boleh bangkitkan satu industri baru yang dikatakan *forest management* yang mampan dan juga *sustainable forest management* ataupun *forest the new economy* yang kita boleh buat. Ada orang yang nak melabur di dalam kawasan-kawasan ini untuk tanam hutan-hutan

dan spesies-spesies pokok yang mereka boleh gunakan dan lepas beberapa tahun, dia boleh *harvest* dan boleh gunakan sebagai hasil. Hasil itu masuk kepada akaun negeri.

Kalau kita boleh ada kefahaman dan kita boleh buat demikian, ini adalah satu cara untuk meningkatkan pendapatan untuk negeri-negeri masing-masing juga.

Untuk Yang Berhormat Maran. Yang Berhormat Maran?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri, banyak lagi perkara yang nak dibangkitkan? Berapa minit lagi?

Dr. Xavier Jayakumar: Kalau tidak ada, saya akan hantar jawapan bertulis sahaja, Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Menteri, saya minta soalan daripada Segamat. Hanya 30 saat. So, saya minta kalau boleh mohon Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya juga Tuan Pengerusi pohon beberapa soalan saya yang spesifik supaya kalau boleh dijawab dalam ucapan Menteri pada hari ini.

Dr. Xavier Jayakumar: Ada banyak lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Banyak lagi?

Dr. Xavier Jayakumar: So kalau tidak cukup masa, saya bagi jawapan bertulis sahajalah.

Tuan Pengerusi: Kalau semua setuju kita bagi jawapan bertulis sahajalah.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Menteri, Segamat *is only 30 seconds. You need to be fair to me* dengan izin.

Dr. Xavier Jayakumar: Untuk Yang Berhormat Segamat, Kampung Krishna ya? Kampung Krishna? Isunya ialah...

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Perancangan Sungai Siput dan juga Lembangan Sungai Muar. Sungai Muar, Kampung Krishna.

Dr. Xavier Jayakumar: Itu saya sudah pun jawab soalan itu dalam soalan-soalan sudah jawab tetapi kita akan teruskanlah. Saya akan bagi jawapan bertulis bila kita akan bagi peruntukan yang diminta oleh Yang Berhormat Segamat itu untuk selesaikan masalah banjir di dalam Kampung Krishna.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Pengerusi, saya minta yang Paya Besar sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, nak minta satu sahaja. Setuju atau tidak setuju hutan diharamkan? Pembalakan.

Dr. Xavier Jayakumar: Apa itu?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pembalakan.

Dr. Xavier Jayakumar: Yang Berhormat Arau boleh ulang balik?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya mencadangkan supaya Yang Berhormat carilah apa sahaja kuasa yang ada untuk mengarahkan kerajaan negeri mengharamkan pembalakan. Ia punca kepada semua...

Dr. Xavier Jayakumar: Setujukah semua? Kalau semua setuju, saya setuju dengan dialah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Setujulah. Semua semua.

Dr. Xavier Jayakumar: Kalau semua setuju, saya setuju dengan dia.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Semua setuju.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya boleh sebut sedikit, Yang Berhormat Menteri. Hutan ini kalau kita tidak keluarkan hasil pun, dia akan rosak begitu sahaja. Namun, bermakna dengan peraturan-peraturan yang ada pada hari ini seperti mana *sustainable forest management* dan sebagainya itu, maknanya hutan ini apabila dikeluarkan hasil, pokok-pokok yang sudah tua dan sebagainya dikeluarkan hasil. Kemudian, 30 tahun kemudian hutan ini seperti kembali kepada *virgin forest* tadi dan boleh dikeluarkan hasil sekali lagi.

Akan tetapi kalau kita tidak keluarkan hasil, maka kita rugi sahaja. Yang Berhormat daripada Kangar. Yang Berhormat Kangar sangat faham tentang perkara ini. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh rujuk kepada Yang Berhormat Kangar mengenai pengurusan hutan ini dan juga kawasan-kawasan hutan yang dikategorikan tanah kerajaan, hutan simpan dan sebagainya ini.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat, sedikit.

Dr. Xavier Jayakumar: Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau nak jawab *you*. Yang Berhormat Arau nak jawab.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, saya setuju itu dari segi falsafahnya tetapi saya sudah melawat hutan seluruh Malaysia secara rasmi dan juga tidak rasmi sebab saya mempunyai hobi mendaki, *jungle trekking* dan sebagainya. Saya sudah melawat. Semua hutan di seluruh Malaysia ini, di seluruh Malaysia sudah habis. Falsafah mengatakan bahawa hutan boleh dikeluarkan, saya setuju tetapi sekarang ini masalahnya punca kepada bencana yang berlaku di Malaysia adalah kerana pembalakan tadi. Saya bagi contoh. Di Kelantan, Pahang, Perak, Sabah dan Sarawak, atas sebab itu Sarawak mengharamkan pembalakan dan kita tengok sudah ada petanda-petanda yang baik. Alam sekitar boleh dipulihkan dan kita dihukum di seluruh dunia kerana membuka hutan untuk menanam kelapa sawit dan sebagainya.

Jadi oleh kerana kita sudah sampai ke tahap yang hutan sudah tidak mampu lagi bertahan dengan pembalakan yang makin teruk, apakah Yang Berhormat setuju supaya, pertama, kita haramkan dulu. Selepas itu baru kita halalkan satu per satu. Akan tetapi kalau kita kata yang ini haram, yang ini halal, akhirnya kita yang ada masalah. Haramkan dulu selepas itu barulah kita beritahu yang mana yang halal.

Yang Berhormat boleh sebut, di mana hutan yang masih ada kita katakan hutan dara kecuali Taman Negara dan beberapa tempat. Manakala yang lain semua telah diteroka dengan

teruknya. Kalau Yang Berhormat dapat pinjam helikopter ataupun kementerian ada helikopter, Yang Berhormat pergi *round* sendiri di mana Yang Berhormat kata hutan masih selamat. Semua telah diteroka dengan begitu rakus dan ganas.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri untuk pengetahuan, kalau kita simpan kayu balak-kayu balak yang besar, kurang oksigen. Kalau kita tanam pokok baru, baru kita dapat oksigen yang banyak. Itu yang saya difahamkan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Itu betul itu. Itu betul itu.

Dr. Xavier Jayakumar: Saya ingat ada lebih satu *conference* untuk hutan sahaja di Malaysia. Semua Ahli Yang Berhormat semua boleh beri pandangan masing-masing.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Setuju, setuju.

Tuan Pengerusi: Jawapan yang lain semua bertulis ya.

Dr. Xavier Jayakumar: Tuan Pengerusi, saya ada dua perkara yang saya kena habiskan. Dua perkara. Satu ialah banyak yang tanya sistem e-Tanah ini yang dilaksanakan sekarang oleh kementerian. E-Tanah ini ialah satu program komprehensif akan meningkatkan kecekapan sistem penyampaian, pewujudan bank data tanah yang berintegriti dan mengurangkan kerenah birokrasi di dalam pengurusan pentadbiran tanah di negara ini.

Sistem e-Tanah telah dibangunkan di Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan telah *live* pada 28 Disember 2017. Dalam masa terdekat, sistem e-Tanah ini akan diperluaskan ke negeri Perak. Negeri-negeri lain yang akan turut terlibat dalam perluasan sistem e-Tanah ialah Terengganu, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Labuan, Selangor, Pahang, Johor, Kelantan, Kedah dan Negeri Perlis.

Baru-baru ini saya telah panggil kontraktor untuk e-Tanah ini dan kita telah pun dengan perbincangan di antara kementerian dengan kontraktor, kita telah pun mendapat pengurangan dekat RM111 juta dengan kontrak keseluruhannya sebab kita akan gunakan *cloud* untuk simpan tidak payah bina *hardware station* di kawasan masing-masing.

■1640

So, dengan peruntukan ini yang kita telah dapat, kita akan bagi peluang kepada adakah dia negeri Pulau Pinang ataupun Negeri Sembilan ataupun Melaka, untuk kita melaksanakan e-Tanah ini di dalam negeri-negeri masing-masing.

Lagi satu ialah tentang NRW. Banyak tanya saya tentang soalan NRW. Macam mana kita hendak kurangkan NRW di dalam Malaysia? Sekarang kita ada satu masalah berhadapan dengan kita. Kalau kita tidak belanja, cukup untuk kita kurangkan NRW, *capital expenditure* yang kita akan gunakan untuk pembinaan loji dan empangan dan sebagainya, kita akan ada kerugian besar. Sekarang, *average* NRW di Malaysia ialah 35 peratus. Negeri Pahang 46 peratus, negeri Kelantan 67 peratus, negeri Perlis 76 peratus. Kalau kita hendak kurangkan satu *percent* sahaja, satu *percent* kita kena belanja dekat RM800,000 *on an average expenditure* untuk kita kurangkan satu *percent* sahaja.

Oleh sebab itu saya akan bincang dengan EPU dan juga Kementerian Kewangan. Kita kena adakan peruntukan dan kita kena adakan satu program agresif untuk kita menurunkan NRW di seluruh negara. Tanpa menurunkan NRW, kita yang akan rugi dengan apa yang kita lakukan sekarang. Kalau kita kurangkan NRW, loji-loji yang ada air ini sekarang, yang banyak kita boleh gunakan, keselamatan dengan kecukupan loji-loji air yang kita ada sekarang. So, saya melalui kementerian, kita akan bagi tumpuan khas kepada mengurangkan NRW di Malaysia, di negeri-negeri dan kita akan bantu melalui kewangan yang kita dapat dari MoF dan juga kita akan gunakan PAAB untuk gunakan cara dia untuk mengurangkan NRW di dalam Malaysia.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Sedikit Yang Berhormat Menteri. Spesifik fasal NRW Kelantan. Bagaimana status projek NRW Pendekatan 1 di Kelantan yang bernilai RM68.7 juta, yang mana projek ini telah tertanggung lebih daripada setahun, sedangkan *bill of quantity* dan juga spesifikasi program sudah siap? Di antara skop kerja program ini adalah melengkapkan infrastruktur kerja-kerja NRW, membaiki tangki-tangki air, penukaran meter dan sistem pemantauan. Jadi spesifik bagi Kelantan dalam program yang sudah pun tertanggung itu.

Dr. Xavier Jayakumar: Yang Berhormat, pagi tadi sahaja Yang Berhormat, Infra dari Kelantan jumpa dengan saya dan kita telah bincang lama sekali dengan beberapa perkara. Satu ialah NRW, satu ialah hutan dan juga geran dan satu ialah hutan juga. So, saya telah bincang dengan beliau dan saya akan pastikan bahawa kita akan bantu Kerajaan Negeri Kelantan untuk menurunkan NRW pada masa depan yang akan datang.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih, terima kasih.

Dr. Xavier Jayakumar: Tuan Pengerusi, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah tanya banyak soalan tentang kementerian KATS dan saya melalui kementerian KATS akan bantu semua kawasan di seluruh Malaysia, negeri-negeri masing-masing tetapi salurkan pertanyaan dan juga yang hendak dibuat melalui jabatan-jabatan atau agensi-agensi pekerjaan berkenaan melalui negeri-negeri masing-masing yang kita boleh sampai kepada kementerian kita dan selepas itu kita boleh lancarkan program-program di bawah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,172,508,300 untuk Maksud B.23, di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM1,172,508,300 untuk Maksud B.23, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,829,363,000 untuk Maksud P.23 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2019 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM2,829,363,000 untuk Maksud P.23 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2019]

**Maksud B.24 [Jadual] -
Maksud P.24 [Anggaran Pembangunan 2019] –**

Tuan Pengerusi: Seterusnya, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Kepala Bekalan B.24 dan Kepala Pembangunan P.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terbuka untuk dibahaskan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Kuala Terengganu.

Tuan Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Pontian.

4.45 ptg.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sepuluh minit Tuan Pengerusi ya?

Tuan Pengerusi: Sepuluh minit ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Perkara pertama yang saya ingin ceritakan dan mohon penjelasan pada hari ini ialah tentang Butiran 030100 iaitu Hubungan Serantau dan Antarabangsa dan Butiran 030200 yang merupakan Hubungan Perdagangan dan Ekonomi Dua Hala. Kita tahu bahawa apabila lemahnya ringgit Yang Berhormat Menteri MITI, ringgit sekarang ini RM4.20 kepada 1 *US Dollar*. Ia memberikan kesan-kesan yang buruk terutama kepada import.

Import menjadi mahal dan bukan hanya import menjadi mahal tetapi juga barang-barang komponen kepada eksport yang diimport sebelum itu, kemudian diproses untuk menjadi barang-barang untuk dieksport, juga menjadi mahal. Akibat daripada itu, tentunya ia memberikan kesan kepada perdagangan Malaysia. Saya ingin bertanya, apakah rancangan MITI untuk mengatasi masalah ini?

Kemungkinan eksport kita dilihat lebih murah, tetapi barangan yang hendak dieksport itu oleh sebab banyak komponen daripada import, ia juga akan menjadi mahal. Jadi pada saya, perkara ini bukan hanya berpunca daripada perkara-perkara luaran, tetapi juga perkara-perkara dalaman, bagaimana kita mengatur ekonomi kita yang menyebabkan ringgit kita merosot begitu teruk daripada RM3.80 kepada RM4.20 setakat hari ini dan semalam. Itu perkara yang pertama.

Perkara kedua ialah tentang Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) yang diperuntukkan sebanyak RM140 juta. Saya ingin tahu, apakah dasar pelaburan terkini dan apa beza dasar pelaburan itu dengan kerajaan terdahulu? Pada dasar kita yang terdahulu, kita inginkan pelaburan-pelaburan, bukan pelaburan-pelaburan yang tidak berkualiti. Kita perlukan pelabur yang datang itu membawa segala pelaburan yang berkualiti supaya rakyat kita boleh mendapat kerja dengan pendapatan tinggi. Bukan sebarang pelaburan yang kita inginkan.

Sebagai contoh pada tahun 2017, MIDA telah meluluskan 5,466 projek di negara ini dengan melibatkan pekerja baru seramai 139,523 orang. Saya ingin bertanya, daripada 139,000

pekerja itu, berapa pekerja tempatan, berapa peratus pekerja tempatan dan berapa peratus daripada kerja-kerja itu berpendapatan tinggi dan punya gaji tinggi? Ini yang lebih penting daripada hanya menarik pelaburan dengan angka yang besar, tetapi tidak memberikan pendapatan tinggi kepada rakyat. Bagaimana pula anggaran projek yang diluluskan untuk tahun 2018 dan anggaran pekerja baru, pekerjaan baru yang boleh diluluskan pada tahun ini?

Perkara ketiga Tuan Pengerusi ialah tentang ekonomi digital. Di bawah tajuk itu, sedikit sahaja peruntukan RM1.3 juta. Saya ingin tahu, apa program baru yang dirancang dan Dasar Industri 4.0 Nasional yang telah kami mulakan terutama Yang Berhormat Jeli yang memulakan dahulu. Terima kasih kerana diberi RM112 juta untuk tahun depan. Saya ingin tahu, apakah pecahan-pecahan program baru daripada IR 4.0 yang diberikan RM112 juta itu? Kita cadangkan supaya ditumpukan kepada PKS-PKS yang berdaya saing, yang perlu didedahkan pada IR 4.0 terutama di pinggir-pinggir bandar dan juga di luar bandar. Pada PKS yang di bandar ini, mereka mempunyai banyak maklumat ya. Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan ataupun ringkasnya NeSR yang telah kami mulakan dulu. Apa perkembangan terhadap NeSR ini?

■1650

Satu lagi ialah Butiran 00513 – *E-Trade*. Setakat mana jumlah PKS yang dibantu? Ia diberikan RM4 juta. Saya kira ia sedikit peruntukan itu. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, *E-Trade* ini ialah kita beri subsidi kepada PKS supaya boleh masuk dalam *listing* produk-produk mereka di platform e-dagang antarabangsa. Saya hendak tahu, berapa banyak dan berapa bilangan bumiputera daripada jumlah itu? Kita harap ia akan diteruskan.

Perkara yang keempat ialah Butiran 040100 – Dasar Pelaburan dan Fasilitasi Perdagangan. Sejak tahun 2014, kami di Pontian tertunggu-tunggu tentang cadangan sebuah IT *giant* antarabangsa iaitu Microsoft Corporation Amerika Syarikat yang ingin membuka pusat data, *data centre* di Sedenak Industry Park di Kulai. Kulai ini betul-betul sebelah Pontian. Kalau daripada Sedenak itu untuk masuk ke Pontian, ia akan melalui Sedenak Industrial Park ini. Saya harap ia— apa juga lagi masalah teknikal yang belum selesai, perlu diselesaikan supaya cadangan Microsoft ini bukan perkara kecil, ini perkara besar. Saya hendak tahu, berapa jumlah pekerjaan yang boleh dijana daripada data dan *research hub* yang juga bukan hanya pusat penting di Malaysia tetapi juga jadi pusat penting di ASEAN?

Perkara kelima ialah tentang Butiran 030700 – Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) yang diperuntukkan RM120 juta. Ada tadi saya bertanya dengan bekas Pengerusi MATRADE, Yang Berhormat Parit Sulong. Beliau menyebut ada 46 pejabat MATRADE ini di seluruh dunia.

Saya sebelum ini juga telah menyatakan bahawa bagaimana Wisma Putra dan Kementerian Industri Utama perlu memberikan keutamaan pertama nombor satu. Keutamaan pertama nombor satu, Tuan Pengerusi, supaya berbincang dengan seratus lebih misi diplomatik di Malaysia ini. Kalau boleh, dijadualkan. Misalnya hari ini berbincang dengan UK, esok berbincang dengan Perancis, lusa berbincang dengan negara-negara Afrika yang tertentu ya, untuk membeli getah dan sawit. Itu keutamaan pertama nombor satu.

Ia tidak perlu kita pergi ke luar negara sebab misi diplomatik itu ada di Malaysia. Angka yang ada pada saya ini 128 buah negara ada misi diplomatik di Malaysia. Jadi, wakil-wakil daripada MITI, daripada Wisma Putra, daripada Kementerian Industri Utama berbincang dengan pihak mereka ini bagaimana negara-negara mereka boleh membeli getah dan kelapa sawit. Keutamaan kedua, barulah keluaran perkilangan dan industri-industri yang lain. Itu perkara yang kelima yang ingin saya tanyakan.

Satu lagi yang keenam ialah tentang Butiran 030500 – Rundingan Strategik. Apakah cadangan MITI untuk tandatangani FTA, rundingan perdagangan bebas, selain yang sudah ditandatangani? Yang Berhormat Menteri, saya masih ingat bahawa kita telah menandatangani tujuh FTA bilateral dan enam FTA *regional*. Daripada itu, RM1.22 trilion *trade* atau pun perdagangan daripada negara-negara dengan FTA *partner countries* ini. RM590 bilion eksport, RM530 bilion import dan 63 peratus daripada eksport kita, kita hantar ke negara-negara yang kita tandatangani FTA. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, ada tidak MITI bercadang untuk menandatangani dengan negara-negara baharu selain daripada apa yang telah kita rundingkan ini?

Saya juga ingin bertanya tentang perkembangan rundingan *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP), *Malaysia – Iran Preferential Trade Agreement* (MIPTA), *Malaysia European Free Trade Area Economic Partnership Agreement* (MEUPA), *Malaysia – European Union Free Trade Agreement* (MEUFTA). Setakat mana perkembangan rundingan terhadap empat perkara ini? Empat rundingan yang utama ini.

Akhir, saya ingin bertanya tentang apakah kesan perang dagang antara China dan Amerika Syarikat kepada ekonomi Malaysia? Setakat mana ia memberikan kesan buruk atau baik kepada ekonomi kita? Apakah yang dilaksanakan oleh MITI bagi membantu, jika ia mendatangkan perkara keburukan, mengurangkannya dan jika mendatangkan perkara kebaikan, mengambil peluang daripada perang dagang atau *trade war* antara Malaysia dengan Amerika ini? Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya. Bukit Bendera.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Taiping.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya. Bukit Bendera.

Tuan Pengerusi: Silakan. Oh! Yang Berhormat Bukit Bendera.

4.55 ptg.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk menyertai perdebatan di peringkat Jawatankuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Butiran yang ingin saya bangkitkan ialah Butiran 50000 – Dasar Nasional Industri 4.0. Barangkali ini adalah antara item baharu di mana sebanyak RM112 juta diperuntukkan untuk IR 4.0. Baru-baru ini saya telah melawat, Tuan Pengerusi, syarikat-syarikat elektronik di Pulau

Pinang iaitu Inari di *Free Trade Zone Bayan Lepas* dan juga Western Digital di Batu Kawan Industrial Park, Pulau Pinang. Saya telah melihat sendiri bagaimana automasi dan juga IR 4.0 ini dijalankan di industri elektronik di Pulau Pinang dan saya dapati mereka memerlukan dana.

Industri elektronik di Pulau Pinang memerlukan dana daripada *Federal funding* untuk mereka mempercepatkan proses-proses automasi, proses-proses robotik supaya proses di kilang-kilang ini boleh dijalankan memenuhi keperluan *Industry Revolution 4.0* ini.

Saya cadangkan dan saya ingin menanyakan sama ada satu dana akan ditubuhkan oleh kementerian untuk memenuhi keperluan-keperluan industri elektronik? Supaya satu dana geran ditubuhkan untuk mereka membuat permohonan supaya kita dapat merencanakan lagi penyertaan dan pertumbuhan IR 4.0 ini.

Saya juga ingin membangkitkan, Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 030400 – Dasar dan Rundingan Pelbagai Hala dan juga Butiran 030500 – Rundingan Strategik. Kita dapati bahawa *free trade agreement* (FTA) ini penting untuk Malaysia kerana kita ingin menambahkan daya saingan serta mengukuhkan keyakinan pelabur dan *remove the trade barriers*. Dengan ini, dapat kita sama ada *lower* ataupun dengan tarif yang rendah ataupun tarif yang *zero tariff* supaya kita memperlicinkan urusan eksport dan import. Ini penting untuk Pulau Pinang kerana industri elektronik dan pelbagai lagi penting untuk tujuan eksport dan import.

Baru-baru ini saya baca, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan CPTPP iaitu *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP) yang sebelum ini TPPA. Akan tetapi, sekarang ada satu pengubahsuaian apabila Amerika keluar daripada TPPA dan ditransformasikan satu *Agreement* CPTPP.

Saya ingin mengetahui, apakah *position* ataupun persediaan ataupun apakah pendirian Malaysia? Sama ada tahun depan kita mempunyai perancangan di bawah butiran ini untuk merencanakan ke arah CPTPP? Ini kerana apabila saya membaca pelbagai kenyataan oleh pemimpin kita, CPTPP ini barangkali kita perlu lihat bagaimana kita hendak bekerjasama dengan negara-negara ini dalam meratifikasi ataupun meluluskan CPTPP ini.

Untuk makluman Tuan Pengerusi, Vietnam menjadi negara ketujuh baru-baru ini pada 12 November. Parlimen Vietnam telah meluluskan penyertaan Vietnam dalam CPTPP dan Vietnam menjadi negara ketujuh selepas Australia, *Canada*, *Mexico*, *Japan*, *New Zealand* dan juga *Singapore* untuk memasuki CPTPP.

Oleh itu, dalam era ataupun *climate* iklim kita bahawa terdapat *US-China trade war* ini, apakah kesiapsiagaan kita dalam segi perdagangan antarabangsa? Bagaimana kita hendak ambil *advantage* daripada *trade war* China dan juga US ini? Ini kerana apabila *trade war* China dan US ini, negara-negara yang bakal mendapat manfaat daripada *trade war* ini antara lain ialah Vietnam dan juga Malaysia, khasnya untuk industri elektronik.

■1700

So, adakah kita menghala ke arah meneruskan CPTPP ataupun FTA-FTA yang lain supaya kita dapat merencanakan ekonomi kita? Supaya kita dapat menggerakkan sektor import

dan eksport dan mengambil *advantage*, mendapat kebaikan daripada US–China *trade wars* ini. Itulah pertanyaan saya. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Kuala Terengganu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pendang. Pendang ya.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Bagi saya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pendang dulu. Dalam *list* Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Dia bagi laluan kepada saya.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*] Saya bagi laluan sekejap sebab dia...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kuala Terengganu, silakan. Mana-manalah. Ya Yang Berhormat Kuala Terengganu.

5.00 ptg.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi tujuan perbincangan bagi B.24 Perbelanjaan Mengurus Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Butiran 030000 – Pengukuhan Perdagangan Antarabangsa yang mana peruntukan tahun 2018 RM1.3 juta, peruntukan tahun 2019 RM1.4 juta. Tuan Pengerusi, peruntukan berhubung rundingan strategik kementerian. Saya ingin seperti mana sahabat kita tadi, mendapatkan penjelasan mengenai pendirian terkini kerajaan mengenai ratifikasi *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP) yang mana sehingga bulan yang lalu masih lagi belum jelas di dalam kerajaan berhubung dengan perkara ini. Saya bersetuju kita kalau boleh jangan tergolong daripada yang kemudian dari segi meratifikasi.

Untuk TPPA dulu, PAS mempunyai pendirian yang jelas menolak TPPA. Walau bagaimanapun di dalam CPTPP ini kita dapati ada beberapa fleksibiliti berhubung dengan IPR, ISDS, *government procurement* dan sebagainya. Jadi, kita berharap supaya kerajaan juga boleh menjelaskan apakah implikasi perundangan yang ada sekiranya kita meratifikasi CPTPP ini? Kemudian bagi perkara yang seterusnya, Butiran 040000 – Pengukuhan Pelaburan Berkualiti.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan butiran ini saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung pelaburan negara China menerusi insentif *Belt and Road Initiative* (BRI). Negara China juga telah menunjukkan perhatian, *concern* yang besar mengenai isu *debt substantiality issue BRI* pada bulan lalu di Bali, Indonesia. Beberapa negara luar juga berhadapan dengan risiko hutang yang berkaitan dengan Projek BRI ini, antaranya Sri Lanka dan Djibouti. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian, berapakah jumlah keseluruhan pelaburan China

menerusi BRI ini di seluruh negeri di Malaysia dan minta juga apakah bentuk pembiayaan bagi projek-projek yang tersebut itu?

Adakah pinjaman atau pelaburan langsung atau mekanisme pembiayaan yang lain yang telah diambil? Adakah Malaysia turut berhadapan dengan risiko hutang sekiranya meneruskan projek-projek tersebut dan ia juga melibatkan cagaran berkaitan dengan tanah? Berapa pula pampasan yang perlu dibayar kepada negara China akibat keputusan kerajaan membatalkan beberapa projek yang tersebut itu?

Terakhirnya, saya ingin membangkitkan berkait dengan P.24 perbelanjaan pembangunan yang mana di bawah Butiran 97000 – Projek *Public Private Partnership* (PPP) yang mana di dalam peruntukan tahun 2018 ditunjukkan sifar, manakala bagi tahun depan ada sebanyak RM62.2 juta. Tuan Pengerusi, ini merupakan peruntukan baru, apakah perincian dan mekanisme pembiayaan bagi projek tersebut? Saya juga ingin mendapatkan penjelasan, apakah polisi di pihak kementerian mengenai *land swipe* di bawah Projek PPP? Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Terengganu. Di sebelah kanan tidak ada, di sebelah kiri ya, Yang Berhormat Jasin.

5.04 ptg.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi bagi saya peluang, saya ringkas sahaja. Pertamanya, Butiran 00530 – Menaik Taraf dan Memperbaiki Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian Sedia Ada. Suatu ketika dulu, negara kita telah mengamalkan supaya kita berkempen kepada industri pembuatan dan pada ketika ini kita hanya menumpukan kepada *services*. Akan tetapi apa yang terjadi, kebanyakan daripada kawasan-kawasan industri pada tiap-tiap negeri setelah dibangunkan tetapi dibiarkan begitu sahaja.

Tidak ada penambahbaikan ataupun tidak ada menaik taraf. Apa yang terjadi pada ketika ini, bukan sahaja usaha kita untuk menarik minat pelabur-pelabur asing yang baru untuk datang melabur ke tempat kita. Kalau kita tidak menyediakan infrastruktur asas dan terus buat *maintenance* dan lain-lain lagi, pelabur sedia adapun akan lari. Ini kerana apa yang kita hadapi sekarang, banyak negara-negara lain menawarkan insentif-insentif yang lebih terbaik daripada negara kita. Ini akan merugikan negara kita.

Justeru, saya berharap semoga pihak kerajaan akan memberikan perhatian kepada semua kawasan-kawasan industri pembuatan yang pada ketika ini begitu terbiar sekali. Dalam kawasan saya misalnya, banyak kawasan-kawasan industri yang tidak ada dinaikkan taraf langsung dan Kerajaan Persekutuan tidak memberikan apa-apa perhatian. Seterusnya, saya pergi kepada Butiran 030200 – Hubungan Perdagangan dan Ekonomi Dua Hala.

Seharusnya kita dapat meneruskan usaha bagi menarik minat negara-negara lain terus datang melabur ke negara kita. Kita sebuah negara yang aman, sebuah negara yang makmur dan dapat menjanjikan pulangan yang terbaik kepada semua pelabur-pelabur asing. Akan tetapi apa yang kita buat pada ketika ini, seharusnya dapat terus kita gandakan. Apa

yang saya nak bangkitkan di sini Tuan Pengerusi, suatu ketika dulu pemimpin-pemimpin yang menjadi kerajaan pada ketika ini, semasa mereka menjadi pembangkang telah membuat kempen supaya jangan datang melabur di Malaysia.

Sekarang mereka telah jadi kerajaan. Adakah mereka akan memperbetulkan imej tersebut dan balik semula kepada mereka bahawa Malaysia sebenarnya tempat pelaburan yang terbaik? Ini kerana kita telah terlepas cakap kerana hendak menjatuhkan kerajaan pada ketika tersebut, kita sanggup menyampaikan berita-berita palsu kepada mereka supaya jangan datang melabur. Sekarang kita telah jadi kerajaan, macam mana kita hendak buat sekarang? Macam mana kita hendak perbetulkan keadaan ini?

Seterusnya, saya pergi kepada Butiran 040200 – Ekonomi Digital. Sekarang kita bercakap tentang *Industrial Revolution 4.0*. Negara-negara maju bukan sahaja telah mengamalkan IR 4.0 ini lama sudah tetapi sekarang mereka telah melangkah satu langkah lagi kepada IR 5.0. Jadi Tuan Pengerusi, seharusnya kita dapat terus bersaing dengan mereka.

Jangan kita ketinggalan tetapi apa yang kerajaan buat ketika ini, seharusnya dapat memberikan penerangan sejelas-jelasnya kepada semua peringkat, kepada *stakeholders*, bahkan kepada Ahli-ahli Parlimen. Kita pun tidak tahu apa IR 4.0 ini, yang kita tahu cerita-cerita yang kita baca sahaja. Akan tetapi seharusnya kita diberikan pendedahan tentang *Industrial Revolution 4.0* yang pada ketika ini menjadi satu perkara pokok yang perlu diperbincangkan di peringkat antarabangsa.

Seterusnya, saya pergi kepada Butiran 00201 – Program Pembangunan Industri Automatif. Sebelum ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkan bahawa kita akan meneruskan usaha untuk mencipta satu lagi industri automatif yang baharu. Sekarang Tuan Pengerusi, kita sudah ada automatif pada ketika ini yang seharusnya bukan kata kita naikkan taraf, kita bina dan kita dapat perkenalkan bukan sahaja dalam negara kita, bahkan di luar negara.

Apa yang terjadi pada ketika ini, pembeli-pembeli dalam negara pun telah berfikir empat lima kali sebelum hendak membeli kereta buatan nasional. Macam mana kita hendak perkenalkan kepada luar negara? Sekarang kita hendak pula melangkah ke satu era lagi, hendak memperkenalkan satu industri automatif yang baharu. Kita tidak mahu wang kerajaan dibelanjakan untuk mencipta satu lagi industri automatif yang belum lagi boleh menjanjikan pulangan yang terbaik kepada kita.

■1710

Jadi Tuan Pengerusi, akhirnya tentang Program Daya Saing Negara. Pada ketika ini seperti yang kita maklum bahawa seluruh dunia pada ketika ini menghadapi pembangunan ekonomi yang perlahan termasuk negara kita. Saya tadi apabila Yang Berhormat Pontian berucap, saya tahu pada ketika ini selain daripada Argentina, daripada Afrika Selatan, daripada Turki, India selepas itu berjangkit pula ke Indonesia, selepas itu ke China. Penurunan mata wang mereka yang cukup merudum dan tidak terkecuali dalam negara kita.

Seharusnya perkara ini dapat diberikan perhatian supaya kita bukan sahaja dapat memberikan keyakinan kepada rakyat kita bahkan pelabur-pelabur asing pada ketika ini. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih banyak.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Ya, Yang Berhormat Rasah, sila.

5.11 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana membenarkan saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Belanjawan Peringkat Jawatankuasa untuk MITI. Pertamanya saya nampak komitmen daripada kerajaan baharu untuk peruntukan pembangunan di bawah MITI yang mana peruntukan pembangunannya telah bertambah daripada RM1.148 bilion kepada RM1.162 bilion untuk Belanjawan 2019. Tahniah kepada kerajaan.

Saya percaya ia juga selaras dengan *target* atau sasaran kerajaan yang mahu supaya nilai barangan pembuatan yang dieksport ke luar negara dapat dinaikkan daripada sasaran untuk tahun ini yang berjumlah RM732 juta disasarkan pada tahun depan supaya mencapai RM877 juta pada tahun depan.

Saya berharap sasaran ini akan dicapai sebab sekiranya ia tercapai, ia akan dapat merangsang ekonomi semasa negara yang kurang memberangsangkan sejak kebelakangan ini dan untuk kita terus membangunkan negara kita.

Tuan Pengerusi, perkara kedua yang saya hendak sebutkan adalah berkenaan dengan Butiran 50000 berkenaan dengan Dasar Nasional Industri 4.0. Saya kurang bersetuju dengan Yang Berhormat Jasin yang mengatakan bahawa kita ketinggalan. Kalau betul pun kita ketinggalan, ia diwarisi daripada kerajaan sebelum itu yang gagal untuk memacu pembangunan dan kemajuan untuk negara kita dan terpaksa tanggungjawab ini digalas dan terletak pada beban kerajaan baharu pada ketika ini.

Saya bersetuju benar bahawa RM112 juta diperuntukkan untuk Butiran 50000 ini sebab ia selaras dengan dasar kerajaan yang mana lebih banyak R&D dapat dilaksanakan dan seterusnya dapat meningkatkan produktiviti, kualiti dan juga keberkesanan produk yang dihasilkan oleh pihak industri. Seterusnya akan meningkatkan persaingan kita, produk kita, hasil kita di peringkat antarabangsa dan seterusnya meningkatkan barangan eksport kita ke seluruh negara.

Seterusnya adalah Butiran 00530 iaitu untuk Menaiktaraf dan Memperbaiki Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian Sedia Ada. Saya nampak peruntukannya berkurangan sedikit daripada RM24 juta sebelumnya kepada RM20 juta sahaja. Saya hendak tanya, apakah kawasan-kawasan perindustrian di Negeri Sembilan khususnya di daerah Seremban akan mendapat apa-apa tempas ataupun peruntukan daripada RM20 juta yang diperuntukkan ini.

Perkara terakhir yang saya hendak kemukakan pada petang ini adalah di bawah Butiran 01100 iaitu berkenaan dengan MIMOS Bhd. Seperti kita sedia maklum, kita tahu MIMOS Bhd adalah sebuah syarikat strategik ataupun agensi strategik yang ditubuhkan di bawah MITI sejak lebih 10 tahun dahulu.

Saya nampak peruntukkan untuk MIMOS Bhd berkurangan daripada tahun sebelumnya RM126 juta jatuh menjunam kepada hanya setakat RM31 juta sahaja. Jadi, apakah justifikasi dengan pengurangan yang agak mendadak ini? Apakah ia dapat memastikan bahawa pengurangan peruntukan yang begitu banyak ini tidak akan menjejaskan operasi dan juga keberkesanan MIMOS untuk tahun hadapan? Oleh sebab kita tahu MIMOS banyak terlibat dengan industri yang berteknologi tinggi, yang berdasarkan *intellectual properties*.

Jadi saya harap satu penjelasan dapat diberikan dan adakah MIMOS Bhd sendiri mempunyai sumber kewangan yang lain untuk memastikan bahawa peruntukan yang berkurangan ini tidak menjejaskannya. Sekian sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Rasah.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Pendang, Pendang.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Pendang, silakan.

5.15 ptg.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Pertamanya saya ingin merujuk kepada Butiran 020600 iaitu Standard Malaysia. Saya ingin mengetahui apakah peranan sebenar Standard Malaysia dan apakah jenis perbelanjaan yang akan dibelanjakan bagi mengangkat Malaysia setanding dengan negara-negara luar di peringkat antarabangsa?

Saya juga ingin tahu apakah usaha-usaha yang akan dilaksanakan di bawah butiran ini dalam memastikan Malaysia berdaya saing di peringkat global dan mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 yang mana hanya tinggal dua tahun dari sekarang lagi.

Saya merujuk kepada Butiran 020700 iaitu berkenaan dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Umum mengetahui bahawa pembangunan sesebuah negara sangat bergantung kepada kadar produktiviti. Semakin tinggi produktiviti, semakin bertambahlah pertumbuhan keluaran negara. Namun apa yang kita dapat lihat daripada Belanjawan 2019 ini adalah berlakunya pengurangan daripada RM28.7 juta kepada hanya RM25 juta.

Tuan Pengerusi, kita tengok iaitu berlaku pengurangan sebanyak RM3.7 juta berbanding tahun 2018. Mengapakah berlakunya pengurangan ini? Mohon pihak Yang Berhormat Menteri memperincikan untuk pengetahuan semua Ahli Dewan kerana kita fokus untuk meningkatkan produktiviti sedangkan kos telah dikurangkan.

Seterusnya saya ingin terus kepada Butiran 040300 iaitu Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Adakah jumlah yang diperuntukkan dalam butiran ini termasuk dalam insentif yang akan diberikan kepada pelabur-pelabur iaitu FDI yang mana di sini juga terdapat *high impact funds* ataupun dikatakan dana impak tinggi ini di mana peruntukan ini apakah jenis program atau aktiviti yang akan dilaksanakan bagi menggalakkan Industri 4.0

termasuk insentif kepada FDI juga. Adakah ini termasuk dalam peruntukan yang telah ditetapkan dalam dana projek berimpak tinggi ini? Kita minta Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menjawab soalan ini.

Seterusnya saya merujuk kepada Butiran 050000 iaitu Program Khusus di mana negara menyentuh Butiran 050100 iaitu berkenaan dengan Bertugas ke Luar Negara. Berapa negara kah MIDA mempunyai pejabat di luar negara? Ini melibatkan kos. Peranan MIDA dilihat sebagai agen pemasaran ataupun *right hand marketing for on behalf Malaysia Government* dengan izin, dalam menggalakkan Malaysia menjadi destinasi pelaburan oleh negara-negara luar.

Namun dapat dilihat di sini berlakunya pengurangan sebanyak RM2 juta berbanding tahun 2018. Adakah pengurangan ini akan memberi kesan kepada pelabur masuk ke dalam Malaysia? Saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri kerana kalau mengikut kaedah *marketing*, kita perlu berbelanja besar dan ia akan mendapat pulangan yang lebih besar daripada perbelanjaan yang kita laburkan dalam *marketing*.

Seterusnya kita tengok dalam iklan-iklan yang dibelanjakan beratus juta. Akan tetapi pulangan mereka besar kerana mereka ada strategi dalam *marketing*. Ini kita minta pihak Yang Berhormat Menteri supaya memberi perhatian dalam perancangan pemasaran ini.

Seterusnya saya beralih kepada P.24 iaitu Kepala 24, Butiran 00535 e-MIDA *Enterprise Transformation System* (E-Trans). Saya ingin mengetahui, apakah yang dimaksudkan dengan e-MIDA? dan apakah manfaat yang akan kita dapat daripada program ini?

Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Saya juga ingin tahu, apakah aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan oleh e-MIDA dalam menggalakkan pelabur asing masuk ke dalam negara. Mohon diperincikan. Tentulah pihak kementerian sudah ada perincian secara detil berkenaan dengan pelancaran e-MIDA ini.

■1720

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada kepala P.24 iaitu MATRADE di bawah Butiran 00207 - Pembangunan Syarikat Peringkat Pertengahan (PPSPP). Saya memohon pencerahan, adakah program-program yang dilaksanakan bakal membuka peluang kepada usahawan-usahawan muda dan juga bumiputera sehingga mampu bersaing di peringkat antarabangsa? Kita sekarang mempunyai pelajar-pelajar yang baru keluar daripada universiti yang lambakannya sangat besar.

Jadi, apakah perancangan MATRADE untuk meningkatkan mereka, mengurangkan pengangguran dan juga melatih mereka menjadi satu produk yang penting kepada negara, untuk MATRADE mencari pasaran di luar negara untuk membangunkan usahawan-usahawan daripada pelajar yang berijazah yang dikeluarkan setiap tahun dalam negara ini. Ini juga peranan yang dimainkan oleh MITI melalui agensinya iaitu MATRADE. Jadi kita minta jawapan daripada pihak-pihak Menteri, bagaimanakah mereka merancang untuk membangunkan usahawan muda yang daripada pelajar-pelajar yang mempunyai ijazah, diploma dan sebagai ini yang mana lambakan sekarang ini kita lihat sangat ramai yang tidak bekerja.

Mereka juga tidak dapatlah hendak membayar PTPTN sekiranya mereka tidak ada pendapatan. Sekarang naik pula RM2,000, daripada RM1,000 naik RM2,000. Ha! Nampak itu. Jadi, kita tidak mahulah main 'cuk cak cuk cak' dengan budak-budak kita dengan pelajar-pelajar kita. Jadi kita beri peranan kepada MITI untuk merancang bagi mengurangkan kadar pengangguran dan *insya-Allah* kita akan dapat balik bayaran PTPTN ini. Akan tetapi kalau boleh naik RM4,000 seperti mana janji dulu ini.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh kepada Butiran 94000 - *Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST) R&D Programme*. Mengapakah peruntukan bagi bidang penyelidikan berkurangan daripada RM26 juta kepada RM22.5 juta? Ini saya sangat tidak bersetuju dengan MITI kerana kita melihat syarikat Toyota, dia telah melabur dalam R&D berbilion ringgit. Akhirnya mereka telah mendapat pulangan hasil daripada teknologi yang tinggi ini, hasil daripada R&D ini menyebabkan produktif mereka meningkatkan dan diterima di seluruh dunia.

Jadi yang ini juga kena belajar kepada syarikat-syarikat *multinational company* ini, bagaimana mereka membuat pelaburan dalam R&D untuk mendapat pulangan hasil yang besar. Ini juga kita minta pihak kementerian menumpukan R&D ini supaya inilah satu-satunya R&D bagi mendapatkan produktiviti yang tinggi. Seterusnya pada khidmat saya, program-program yang melibatkan R&D perlu dipertingkatkan bagi meningkatkan produktiviti negara dan membangunkan *Domestic Direct Investment*. Kita tidak bergantung kepada R&D daripada luar untuk kita membangunkan DDI kita. Sekiranya DDI kita kukuh menyebabkan fiskal kita pun kukuh, apa berlaku di luar sana sekiranya berlaku inflasi kejatuhan ekonomi, sebenarnya kita tidak terpengaruh, tidak akan terikut dengan kesan yang paling besar kejatuhan ekonomi dunia.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, sehingga sekarang saya masih tercari-cari di manakah terletaknya peruntukan mengenai projek kereta nasional ketiga ini? Saya ingin mendapat kepastian daripada Menteri MITI, adakah projek kereta baharu akan diteruskan atau tidak oleh kerajaan ataupun memang tidak puas hati kerana projek kereta nasional yang ada sekarang telah ditukar *Chairmannya* kepada orang lain? Untuk hendak melihat kehebatan sikap ini, cuba mencadangkan projek nasional ketiga walaupun kita sekarang ini sedang menghadapi kehimpitan ekonomi dan kewangan. Dikatakan oleh semua pihak Menteri-menteri kerajaan, sekarang kita tidak ada kekuatan kewangan. Jadi, kenapa hendak melancarkan projek nasional ketiga? Kita hendak tahu, jadi atau tidak yang ini?

Seterusnya, kita mahu jawapan yang jelas daripada pihak kerajaan supaya tidak berlaku sebarang kekeliruan. Kalau hendak buat projek nasional ketiga, buat betul-betul sehingga kita boleh bersaing di peringkat antarabangsa. Juga, jangan tinggal projek kereta nasional yang kedua dan yang pertama yang sedia ada ini kerana ini juga merupakan imej Malaysia di peringkat antarabangsa. Kita pergi di luar negara, Proton ini sudah ada di sebelah negara Arab, di sebelah Timur Tengah dan juga di Afrika. Kita mahukan jawapan yang jelas daripada pihak kerajaan supaya tidak berlaku sebarang kekeliruan.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan kementerian MITI ini. Sekian *wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Yang Berhormat Jeli, silakan. Yang Berhormat Jeli.

5.25 ptg.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara. Pertama, berkaitan dengan profil Malaysia di luar negara berkaitan dengan Butiran 010100 – Pengurusan Korporat, berkaitan dengan hubungan ekonomi dua hala iaitu Butiran 030200, peruntukan MATRADE iaitu Butiran 030700 dan MIDA iaitu Butiran 040300. Meningkatkan profil Malaysia seperti Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai sedia maklum ialah satu perkara yang penting dalam konteks saingan yang semakin hebat.

Sehubungan dengan itu, kita harap kerajaan akan terus memberi tumpuan yang utama kepada hal-hal untuk mempromosikan Malaysia di luar negara. Kita harap dari semasa ke semasa, peruntukan akan dikaji semula bagi memastikan Malaysia sentiasa berada di atas. Kita tahu bahawa beberapa buah negara lain sedang promosikan negara mereka dengan cukup agresif. Saya harap kerajaan akan sentiasa memberi perhatian kepada perkara ini kerana realitinya seperti Yang Berhormat sedia maklum, Menteri sedia maklum, FDI memainkan peranan penting.

Kita akhir-akhir ini umpamanya didedahkan kepada beberapa isu berkaitan dengan *frontier market* umpamanya, *office based* di Kuala Lumpur dan banyak bangunan-bangunan baharu yang perlu dipenuhi. Kita tahu ada beberapa kawasan di Kuala Lumpur, KLCC umpamanya ataupun KL Sentral yang menempatkan beberapa *multinational companies* termasuk jugalah syarikat-syarikat ulung Malaysia.

Oleh itu, kita hendak pastikan bahawa ruang yang dibina ini dipenuhi. Satunya ialah untuk menarik pelabur-pelabur luar negara untuk menempatkan kalau boleh *regional* ataupun *global headquarters* di Kuala Lumpur ya. Sehubungan itu saya hendak tahu, di mana terletaknya peruntukan untuk InvestKL yang dahulunya berada di tempat lain, sekarang ini berada di bawah MITI.

Bila KL dipromosikan dengan agresif, KL merupakan satu bandar raya yang cukup hebat. Apabila lebih banyak syarikat-syarikat menempatkan pejabatnya di sini seperti yang terdapat di KLCC ataupun di KL Sentral, maka ini akan menaikkan imej Malaysia dan mampu menyediakan peluang pekerjaan yang berkualiti kepada rakyat Malaysia. Maka itu, saya ingin menyarankan supaya kita beri perhatian kepada perkara ini.

Kedua, berkaitan dengan saingan. Ini juga berkaitan dengan profil Malaysia berkaitan hubungan ekonomi dua hala iaitu Butiran 030200, sekali lagi perlunya promosi dengan lebih

agresif dan kita perlu *talent*. Salah satu sebab kenapa kita tidak mampu untuk menarik minat beberapa syarikat yang berprofil tinggi ialah kurangnya *talent* dalam beberapa bidang. Kita tahu bahawa beberapa *talent* Malaysia yang unggul berada di negara lain. Kalau sistem pendidikan kita mampu dilonjakkan dan kalau kita berjaya menarik lebih ramai lagi *talent* ke negara kita, sudah pasti kita akan dapat menarik pelaburan berprofil tinggi.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan dana impak tinggi, ini satu peruntukan yang penting. Kita tahu kira-kira RM400 juta yang disebut oleh Yang Berhormat Pendang tadi, satu peruntukan yang perlu dikaji semula. Kita tahu beberapa buah negara memberikan geran sepadan atau *matching grants* yang cukup lumayan termasuk untuk menarik *talent* daripada luar negara. Kita telah berjaya untuk menarik beberapa pelaburan Broadcom di Pulau Pinang.

Malangnya, beberapa *R&D centre*, Dyson umpamanya, tidak berada di sini tetapi berada di negara lain. Ini adalah penting dalam konteks untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi. Sehubungan itu Yang Berhormat Menteri, saya ingin mengetahui tentang *review* ataupun kajian semula insentif. Ini satu tindakan yang amat wajar telah diumumkan dalam KSP dan telah diumumkan dalam bajet juga. Ini satu perkara yang penting untuk memastikan bahawa kita benar-benar ada satu insentif sistem yang cukup menjurus kepada usaha-usaha untuk meningkatkan pelaburan yang berkualiti.

■1730

Tuan Pengerusi, seterusnya berkaitan dengan CPTPP yang disebutkan Yang Berhormat Bukit Bendera, disebut juga oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu. Saya cukup faham hal ini dan pada pandangan saya oleh sebab Amerika tidak lagi berada dalam CTPPP, oleh sebab beberapa perkara berkaitan bumiputera, ISDS, IPR dan hal-hal Yang Berhormat Menteri sedia maklum sudah pun diambil kira, saya harap kerajaan akan membuat pertimbangan yang sewajarnya untuk memastikan sekali lagi Malaysia tidak tertinggal di belakang.

Tadi Yang Berhormat Bukit Bendera sebut tentang Vietnam dan beberapa buah negara lain yang sudah pun *ratify* CPTPP. Oleh yang demikian, saya harap kerajaan akan meneliti sedalam-dalamnya untuk memastikan bahawa Malaysia tidak tertinggal di belakang. Ini ada kaitan dengan persaingan, realitinya kita bersaing untuk pelabur. Kita bersaing untuk mendapatkan pelaburan berkualiti tinggi.

Kita bersaing untuk mendapatkan rakan dagang dan jika kita tidak menjadi sebahagian daripada usaha-usaha untuk mempelbagaikan perdagangan ini, maka sudah pasti kita akan ketinggalan di belakang. Saya selaku salah seorang peneraju utama TPP sebelum ini, maka saya harap kerajaan akan melihat dalam perspektif yang lebih positif memandangkan Amerika tidak lagi berada dalam kumpulan ini dan beberapa perkara yang menjadi kebimbangan kita sudah pun diambil perhatian oleh kerajaan.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya mengalu-alukan dan mengucapkan tahniah kerana SIRIM dan juga MIMOS serta Jabatan Standard Malaysia yang sebelum ini berada di beberapa kementerian lain ditempatkan di MITI. Ini adalah satu perjuangan lama daripada pegawai-pegawai dan juga kementerian untuk memastikan ada sinergi antara kerja-kerja MITI berkaitan

dengan izin, *industrial development*. Ketiga-tiga institusi ini adalah penting dalam konteks untuk memacu pengurusan Malaysia termasuklah berkaitan dengan Industri 4.0.

Tuan Pengerusi, seterusnya berkaitan dengan Butiran 00530 – Menaiktaraf dan Memperbaiki Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian Sedia Ada sebanyak RM20 juta. Satu peruntukan yang seperti kita sedia maklum keperluan cukup besar sama ada kita bercakap tentang Pengkalan Chepa di Kelantan ataupun Kulim di Kedah ataupun beberapa kawasan industri lain di Sabah dan Sarawak, penyelenggaraan ataupun *maintenance* adalah penting.

Realitinya kalau taman industri kita cantik dari segi kebersihan, dari segi pengurusannya, dari segi infrastrukturnya, longkang-longkang diselenggarakan dengan baik umpamanya maka sudah pasti ia akan menarik pelabur. Maka itu, kita merayu supaya peruntukan ini dilihat semula untuk memastikan bahawa kita akan dapat memberikan kemudahan yang baik kepada pelabur termasuklah jalan-jalan yang perlu diselenggarakan. Saya tahu bahawa beberapa taman industri dimiliki oleh pihak swasta tetapi kerajaan harus membantu untuk menampung keperluan yang penting ini.

Kita mengucapkan tahniah kerana Malaysia telah melonjak naik dalam *Ease of Doing Business Report* daripada Bank Dunia, daripada kedudukan 24, naik 15 pada 1 November yang lalu. Satu lonjakan yang cukup tinggi. Kita ucapkan tahniah kepada *embassy* dan semua pegawai dalam Kerajaan Malaysia yang telah bertungkus-lumus untuk menaikkan imej Malaysia. Ringkas cerita Tuan Pengerusi, sekali lagi saya ingin menekankan betapa perlunya kita terus meningkatkan usaha untuk meningkatkan profil Malaysia di dunia memandangkan kita berada dalam keadaan di mana persaingan semakin sengit, saingan dengan negara-negara jiran. Terdapatnya *talent* Malaysia di negara-negara lain yang perlu dibawa balik. Kalau tidak, Malaysia tidak akan mampu untuk menaik pelaburan yang berkualiti.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Going forward dengan izin, kita ingin melihat rakyat Malaysia bekerja dalam syarikat-syarikat yang mampu memberi gaji yang lebih baik dan ini hanya akan dapat kita jayakan dengan meningkatkan kualiti pendidikan, kita menjadikan Kuala Lumpur satu bandar raya yang hebat, Malaysia sebuah negara yang tersohor dan dengan itu menjadikan Malaysia sebagai daya tarikan utama pelabur-pelabur asing dan juga pelabur-pelabur Malaysia, kita mahu mereka melabur dalam negara kita. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kota Kinabalu.

5.35 ptg.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 050200 – Promosi Penggalakan Pelaburan dan Perdagangan serta Butiran 04000 – Pengukuhan Pelaburan Berkualiti. Saya memang berpandangan positif tentang prestasi

MITI pada setengah tahun yang lepas ini kerana pelaburan daripada asing sudah terbukti melonjak, meningkat berbanding dengan tahun yang terdahulu seperti untuk FDI di *sector manufacturing* sudah meningkat daripada RM14 bilion pada tempoh masa yang sama untuk Januari hingga September tahun lalu dan pada masa yang sama untuk tahun ini sudah meningkat kepada RM48.2 bilion.

So, ini adalah kenaikan tiga kali ganda peningkatan. Saya rasa adalah tidak betul kalau kita selalu mengatakan selepas Pakatan Harapan mengambil alih kerajaan ini hubungan di antara Malaysia dengan China sudah menjadi tidak begitu mesra seperti dahulu. Ini terbukti dengan FDI, di antara FDI yang terbesar yang masuk ke dalam Malaysia adalah RM9.5 bilion daripada China untuk lapan bulan pada tahun ini.

Oleh itu, saya ingin mengatakan syabas kepada Yang Berhormat Menteri untuk terus memajukan dalam menarik pelaburan asing ke negara Malaysia. Saya juga ingin merujuk kepada Butiran 50000 – Dasar Nasional Industri 4.0. Ini merupakan sesuatu yang baru dilancarkan selepas Pakatan Harapan mengambil alih dalam kerajaan. Ini rangka kerja dasar negara mengenai Industri 4.0 ini, berperanan sebagai panduan strategik bagi membolehkan peralihan sektor pembuatan dan mempercepatkan penerimaan penggunaan teknologi berkaitan Industri 4.0 seperti IT sebagai tindak balas kepada Revolusi Perindustrian Keempat.

Cuma saya hendak menegur sedikit di sini, saya harap Industri 4.0 yang dalam proses pengambilalihan daripada *manufacturing* yang biasa kepada Industri 4.0 ini supaya tidak berpusat di Klang Valley atau di Kuala Lumpur atau di Semenanjung sahaja. Sabah pun sama penting dengan Semenanjung.

Dengan itu, saya juga ingin membangkitkan Butiran 00532 – Taman Teknologi Sabah. Maafkan saya kerana saya pun tidak tahu di mana Taman Teknologi Sabah ini? Adakah ia merujuk kepada KKIP di Kota Kinabalu atau adakah ia merujuk kepada SOGIP di Sipitang. So, saya minta penjelasan untuk butiran ini, Taman Teknologi Sabah. Saya nampak Taman Teknologi Sabah ini, peruntukan atau bajet yang diberikan kurang berbanding dengan peruntukan yang diberikan kepada Sarawak. So, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri untuk hal ini. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Parit.

5.38 ptg.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan maksud Bekalan 24, Butiran 020600 – Standard Malaysia.

Tuan Pengerusi, kita tidak dapat menafikan bahawa terdapat banyak produk dan perkhidmatan yang berkualiti dihasilkan oleh PKS. Produk yang dihasilkan ini turut mempunyai kualiti serta kompetitif. Menerusi pemerhatian saya terhadap produk PKS yang dijual di pasaran tempatan, banyak sebenarnya kelebihan-kelebihan yang ada pada kita.

Cumanya saya mendapati ada kalanya produk PKS ini berada di tahap yang mungkin perlu untuk kita perbaiki. Contohnya dari segi pembungkusan. Pembungkusan itu cukup penting walaupun asas produk-produk tersebut sebenarnya cukup baik, sedap dan sebagainya namun untuk kita bawa ke peringkat antarabangsa sudah pasti produk-produk ini perlu diberikan satu penjenamaan yang cukup baik kerana usahawan-usahawan dan juga peniaga-peniaga yang ada di dalam negara kita ini mempunyai kelebihan-kelebihan tertentu dalam bentuk variasinya produk-produk yang sedia ada.

■1740

Saya yakin dan percaya kekurangan ini berlaku kerana pengusaha PKS kita kurang diberikan pendedahan mengenai aspek-aspek ini. Saya berharap kepada kerajaan memandag serius bagi membantu khususnya meningkatkan kualiti produk PKS supaya ianya dapat dipasarkan ke peringkat antarabangsa. Tuan pengerusi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian adakah terdapat sebarang bentuk bantuan yang akan diberikan oleh pihak kementerian bagi memastikan produk PKS ini mampu mencapai standard supaya ianya dapat dipasarkan keluar negara. Kita sedar bahawa di dalam negara kita ada standard-standard tertentu yang mesti dilaksanakan.

Saya yakin dan percaya di peringkat kementerian pembangunan usahawan juga telah pun memberikan contohnya galakkan-galakkan tertentu khususnya kepada produk-produk (PKS) ini supaya mereka mampu bukan hanya berada di pasaran di dalam negara kita, tetapi yang paling penting kita boleh membawa khususnya ke peringkat antarabangsa dan sudah pasti mereka ini perlu diberikan latihan yang secukupnya, begitu juga bentuk-bentuk bantuan. Ini kerana kita hendak melihat produk-produk PKS ini yang berada dalam negara kita ini akan mampu berada di pasaran antarabangsa.

Saya juga ingin bertanya, apakah usaha yang akan dijalankan oleh kementerian dalam memastikan produk-produk PKS ini juga dapat mematuhi standard yang digariskan bagi tujuan perdagangan. Sudah pasti minat khususnya kepada usahawan-usahawan kecil ini sebenarnya cukup tinggi. Jika kita dapat memberikan khusus, motivasi dan juga rangsangan, saya yakin dan percaya mereka akan mampu untuk melaksanakan tersebut dan sudah pasti ia juga akan menjana satu pendapatan yang cukup besar kepada mereka. Adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan geran khusus pada masa akan datang kepada pengusaha PKS untuk meningkatkan kualiti produk mereka supaya produk-produk PKS ini mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Kedua Tuan Pengerusi, Butiran 040200 – Ekonomi Digital. Melalui pendigitalan, sebuah produk (PKS) mampu meningkat produktiviti melalui penggunaan sumber yang cekap, akses lebih mudah kepada maklumat serta capaian pasaran lebih luas. Produktiviti yang tinggi memberi pulangan modal lebih besar dan seterusnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang cukup mampan. Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang mencakupi 85 peratus daripada jumlah perniagaan di Malaysia, seharusnya memanfaatkan teknologi digital untuk meningkatkan operasi pengeluaran dan juga daya saing produk. Saya berharap agar pihak kerajaan memainkan

peranan yang lebih serius dalam memastikan industri PKS juga tidak ketinggalan dalam sektor ekonomi digital ini.

Oleh itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah usaha yang telah dijalankan oleh kementerian bagi memastikan pengusaha industri Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) ini didedahkan dengan ekonomi digital? Apakah bentuk perancangan jangka masa panjang kerajaan dalam memastikan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tidak ketinggalan dalam sektor ekonomi digital ini? Apakah jaminan kerajaan dalam mentransformasikan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) supaya ia mampu bersaing dan kekal relevan dalam suasana persekitaran yang berubah dengan pantas? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Parit. Terakhir saya jemput Yang Berhormat Kalabakan untuk menutup tirai.

5.44 ptg.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Sedikit sahaja. Saya merujuk kepada Butiran 00201 – Program Pembangunan Industri Automotif. Saya mahu tanya dengan Yang Berhormat Menteri adakah Projek Kereta Nasional Ketiga akan dilancarkan melalui dana ini? Kedua, Butiran 95000 – Program Pembangunan Industri Sektor Pembuatan.

Baru-baru in kerajaan Sabah sudah *ban export long log*. Jadi kita minta Yang Berhormat Menteri dapat menarik sektor pembuatan kayu-kayan yang berasaskan kayu ke Sabah. Oleh sebab di sana banyak kayu balak tetapi tiada kilang-kilang yang cukup untuk sektor pembuatan perabot.

Ketiga Butiran 00525 – Dana Projek Berimpak Tinggi. Apa yang saya faham ialah nilai tambah yang tinggi, pindaan teknologi dan peningkatan eksport negara. Jadi ini juga penting untuk Sabah. Jadi kita harus— kita mahu tahulah apa butiran untuk projek berimpak tinggi ini untuk Sabah. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Baiklah Ahli Yang Berhormat. Setakat ini 10 orang Ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa Kementerian MITI. Lima orang daripada pihak kerajaan dan lima orang daripada pihak pembangkang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Dipersilakan.

5.46 ptg.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada semua yang telah mengambil alih dalam perbahasa butiran ini. Saya akan jawab dengan keseluruhan permulaan pada soalan. *I will group up* dengan izin, soalan seperti CPTPP, FTA, Industri 4.0 dan juga dana automatif yang telah disebutkan. Saya akan cuba untuk menjawab setiap soalan yang telah ditanya tadi.

Okey, berkenaan dengan CPTPP. CPTPP telah ditandatangani sebelum kita mengambil alih kerajaan dan adanya juga kelulusan daripada Parlimen pada waktu itu. Ramai telah

memberikan pandangan dan memberi juga Tuan Yang di-Pertua, implikasinya dan juga *benefitnya*.

Dalam Kerajaan Pakatan Harapan kita telah membuat suatu *impact study* dan juga meminta *patience* daripada semua rakan-rakan khususnya daripada semua industri supaya kita dapat melaksanakan suatu keputusan yang akan membawa kebaikan kepada keseluruhan Malaysia. Saya tahu ada yang cakap bahawa mereka telah membuat *impact study*, mereka juga takut kesan ataupun *concern* dengan izin berkenaan dengan saingan yang kita ada pada masa ini. Ada juga yang cakap bahawa peluang untuk kita mengadakan *Free Trade Agreement* dengan rakan-rakan dalam CPTPP ini waktu masa di mana China dan Amerika ada masalah, akan membawa kita kepada taraf yang lebih hebat.

Ini telah berjumpa dengan saya dan meminta pandangan. Akan tetapi kerajaan bertegas bahawa kita ada banyak FTA, kita juga ada banyak *consideration* yang kita mesti ambil sebelum kita meratifikasikan. Dalam *partnership* CPTPP ini, adanya tujuh negara ASEAN dan daripada 11 yang ada kalau kita tolak Malaysia, ada sepuluh. Daripada sepuluh ini ada tujuh negara ASEAN. Negara ASEAN ini sudah adanya perjanjian dalam ASEAN dan juga kita dalam rundingan untuk memperhalus dan untuk juga menandatangani akhirnya RCEP. Kita harap bahawa tahun depan akan jadi satu keputusan yang membawa kebaikan kepada kita semua.

So, Tuan Yang di-Pertua dalam setiap perbincangan kita, dalam juga setiap *impact study* yang kita ingin buat, *we want to do the best for our country*. Hence, kita hormati pandangan yang diberikan dan cadangan juga yang diberikan berkenaan dengan CPTPP. Akan tetapi hormati juga apanya dasar dan polisi dan juga *future plans of this current government*. *Current government* ini tidak mengkritik tetapi membuat *impact study* tersendiri supaya kita membuat keputusan yang baik dan keputusan yang akan membawa manfaat yang baik kepada semua. *But if— there will be a time* di mana kerajaan ini akan kembali kepada rakyat dan mungkin meminta pandangan daripada rakyat, *business people* dan juga profesional-profesional yang berkaitan.

■ 1750

Baru tadi saya juga dalam satu *function* bersama dengan *American Chambers of Commerce* dan mereka pun meminta pandangan. Hari itu pun saya bersama dengan beberapa rakan daripada ASEAN yang juga meminta pandangan berkenaan dengan ini. *So, the government is very firm that it will make sure that when we ratify, we ratify because we are convinced at this time, at this administration* bahawa kita akan ada *benefit*.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Menteri, adakah *dateline fixed*?

Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking: *There is no dateline*. Tidak ada. Proses untuk *take effect*, saya percaya sudah akan bermula pada akhir tahun ini. Oleh sebab tujuh buah negara telah menandatangani dan meratifikasikan CPTPP itu. *So, our government- give our government a chance*, berikan peluang kepada kerajaan ini untuk membuat keputusan yang terbaik untuk negara kita. Berkenaan dengan RCEP, kita akan membuat rundingan yang lebih

mendalam. Kita berharap bahawa tahun depan, jika semua negara bersetuju dalam ASEAN akan menandatangani RCEP. *We hope so.*

Berkenaan dengan FTA-FTA. Banyak FTA yang sedang ditawarkan kepada kita daripada beberapa negara. Kita sudah ada juga yang sedia ada dan adanya juga sedang meminta *review* ataupun untuk memperhaluskan FTA yang kita sedia ada. Baru-baru ini, sebuah negara yang kita ketahui seperti United Kingdom pun telah mencadangkan bahawa kita akan mungkin adanya suatu perundingan FTA yang akan datang. Ada juga satu negara dalam ASEAN telah menghubungi saya dan telah berjumpa bilateral untuk menawarkan suatu FTA yang mereka percaya akan membawa kebaikan kepada Malaysia dan juga kepada negara mereka. *But*, kita akan membuat kajian mendalam *and we shall make a decision through the Cabinet when it is done*, dengan izin.

Berkenaan dengan Industri 4.0. Tuan Pengerusi, ini adalah suatu revolusi yang kita tidak ingin ketinggalan. Dalam pelancaran yang diadakan baru-baru ini, kerajaan telah melancarkan polisi berkenaan dengan *manufacturing* dan *related services* dan kita menamakan *industrial policy* kita ini sebagai *industry forward*. Ada juga tanya bahawa adakah dana ataupun peruntukan untuk memberi peluang kepada badan-badan ataupun syarikat-syarikat yang ingin meningkatkan industri mereka kepada polisi kita?

Yes, ada tetapi kerajaan hanya dapat pada ketika ini memperuntukkan RM210 juta. Ini bukannya seterusnya, *but we shall increase it as we go on*. Kita juga ada beberapa syarikat yang telah berhubung dengan kita bahawa mereka juga telah meningkatkan *manufacturing industry* mereka dengan kos yang agak rendah.

Saya ingin menyebut satunya adalah satu *company* di *Penang*, di mana mereka juga telah meningkatkan industri ataupun syarikat mereka kepada Industri 4.0 dengan kos yang sangat rendah. Saya akan pergi ke syarikat mereka, melawat syarikat mereka untuk mendapat maklumat yang lebih mendalam. Banyak institusi telah menawarkan cara untuk menurunkan harga dalam reformasi ataupun *transformation* kepada Industri 4.0.

At the sametime, berkenaan dengan automatif, *our budget* ataupun peruntukan yang diadakan di sini, bukannya untuk *third national car*. Itu adalah untuk polisi yang berkaitan dengan *Malaysian Automotive Industry*. Kerajaan sudah membuat satu *guarantee* kepada semua Ahli Parlimen dan juga kepada rakyat Malaysia bahawa *third national car* ini bukan dibiayai oleh kerajaan, *but it will come from the private sector*.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: So, tidak akan gunakan duit rakyat?

Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking: Tidak. Tidak akan guna.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ini jaminan kerajaan ya?

Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking: Jaminan kerajaan. Kerajaan telah- *had invited*, telah dapat banyak tawaran ataupun *offer* daripada industri-industri yang ingin membawa *concept third national car* ini. Kita dalam keadaan untuk *going through the offers by people*. *But, condition* nya terang. *This will not be paid by the Federal Government and your tax money will be protected*, *but* kita bertanggungjawab atas *automotive policy*. Kita akan juga mengumumkan

polisi automotif kita pada tahun depan. Kita juga ingin membawa konsep yang baharu berkenaan dengan *electric vehicle*, *battery vehicle* dan sekian. Ini adalah untuk mengurangkan impak *environment* kita dan juga untuk memberi *efficiency* kepada sistem automotif kita yang ada di Malaysia.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat Menteri, boleh minta penjelasan lanjut?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mendengar tadi satu perkara baharulah saya kira telah diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri mengenai *planning* untuk *third national car* yang akan diambil inisiatif oleh pihak swasta. Jadi, ini satu perkara baharu. Mungkin polisi automobil Malaysia pun akan dibentangkan, bukan akan dibentangkan selepas daripada ini. Saya ingin tahu, adakah kerajaan telah mengambil kira dengan cadangan untuk mewujudkan *third national car project* ini, jaminan *protection* ataupun perlindungan kepada industri kereta nasional yang ada sekarang ini, yang melibatkan puluhan ribu pekerja dan juga kapital ataupun modal yang telah banyak dikeluarkan? Apakah itu telah diambil kira oleh pihak kerajaan? Terima kasih.

Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking: Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. *No*, kerajaan— *sorry*. Kerajaan telah mengumumkan bahawa idea *third national car* ini bukan untuk bersaing dengan kereta nasional yang sudah sedia ada. *Instead, we will help them as well*. Kita sudah nampak Tuan Pengerusi, bahawa *vendor programme* dalam Proton dan juga Perodua, sedia ada dan mereka— ia *consistently* bersama dengan industri yang ada seperti Proton dan juga Perodua.

No competition at all sebab *concept third national car* ini hanya cadangan dari kerajaan untuk mendapat— *I mean*, kerajaan akan menyokong, minta maaf— akan menyokong *third national car* ini dengan secara *licensing* dan juga insentif yang ada. Kita akan umumkan bila kita mahu buat keputusan, bagaimanakah kita meluluskan *third national car* ini. *But*, saya memberikan jaminan bahawa tidak ada wang rakyat akan digunakan untuk membina *third national car* ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Hendak bagi? Yang Berhormat Jasin, selepas itu Yang Berhormat Kapit.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Kita mempunyai pasaran yang cukup terhad. Berdasarkan daripada penduduk kita yang tidak ramai, lebih kurang 32 juta, kita ada dua *national car*. Kalau kita hendak tambah lagi *third national car*, di manakah pasaran kita? Kalau kita hendak pasaran ke luar negara, melainkan ia ada mempunyai satu tarikan yang benar-benar boleh menarik minat mereka. Sedangkan, apa yang kita ada pada ketika ini, pengguna-pengguna kita telah mula beralih pandangan mereka daripada *national car* kepada kereta-kereta yang diimport daripada luar negara. Kalau boleh, kita berikan perhatian kepada apa yang kita miliki pada ketika ini kerana atas asas kita mempunyai pasaran yang cukup terhad. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Kapit. Ringkas sahaja.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: *Point* yang sama Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, sama sahaja. Sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking: Terima kasih Yang Berhormat Jasin dan Yang Berhormat Kapit. Fakta, saya tidak ada tetapi saya fahami dalam suatu *briefing* bahawa *sales of cars* setiap tahun *is about 500,000 to 600,000* dengan populasi 32 juta. Kita tahu bahawa ramai memberi pandangan, *why do you want to do a third national car? This third national car concept* adalah untuk membina suatu *opportunity* untuk mendapat inovasi daripada orang-orang Malaysia *to give* ataupun memberi peluang kepada orang kita di Malaysia mengeluarkan *talent* mereka.

■1800

Kereta ini ada konsepnya untuk dijual di ASEAN dan komponen kereta ini mungkin ada 4,000 komponen, *where each ASEAN country might be able to provide then we can create a new economy* antara kita dan juga ASEAN. *Give the government some chance to work* dengan *private sector*. *We should not worry* because kita akan sentiasa mempertahankan kereta nasional yang sedia ada.

Bagi yang membeli *recondition* itu, itu adalah kategori yang lain. *Sorry*, membeli kereta luar negara. Itu adalah *different category of people*. *They can afford it*. Kita tahu industri *recondition car* pun masih hebat di Malaysia. Kita tahu juga kereta-kereta yang sedang *diassemble* di Malaysia pun hebat juga di Malaysia. *But* saya memberi suatu *shares* dengan Ahli Parlimen Jasin, di Kulim, Kedah mereka *produce mini vehicle* tetapi bukan untuk pasaran Malaysia, untuk pasaran Thailand. Ada juga beberapa kereta sana, di mana mereka *assemble* bukan untuk Malaysia tetapi untuk pasaran yang luar. *Malaysia has a reputation of being manufacturing* ataupun *assembly plant for ASEAN countries*.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Batu Gajah hendak mencelah boleh?

Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking: *Sorry*.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya terima baik jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tetapi saya juga ada beberapa persoalan. Itu berkaitan dengan kedudukan sebenar kereta nasional pertama dan kedua iaitu Proton dan Perodua. Dari segi keuntungan mereka dan juga dari segi penjualan mereka.

Ada tidak kedudukan kewangan Proton dan juga Perodua berada dalam tahap yang baik dan memuaskan? Saya agak risau kalau ada persaingan seperti mana yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Mungkin ini akan juga menggugat kedudukan kewangan kedua-dua syarikat tersebut. Minta penjelasan.

Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tiada butiran ataupun maklumat berkenaan dengan status kewangan kedua-dua kompeni ini. Akan tetapi saya percaya kereta mereka ini berbeza, kategorinya berbeza.

Satu berita yang saya telah terima adalah Proton telah membuat *sales* berkenaan dengan kereta baharu mereka, X70. Dalam *sales* mereka, mereka telah melebihi *order* ataupun *allocation of AP* yang mereka ada. So, ini menunjukkan bahawa mereka ada *market* tersendiri. Saya umumkan bahawa pada hari ini mereka telah berjaya jual *close to 10,000, X70. We are waiting for the new orders I believe.* Mereka juga sedang membina pelan untuk *assembly* mereka di Malaysia ini. *I don't have the figures but I will try to find out and I'll give you a written reply on Proton and juga Perodua. But they are all private companies, of course. They are no more direct connections with the government* sebab mereka sudah jadi korporat sendiri.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan sedikit berkenaan dengan persaingan dalam pasaran ini. Pertamanya dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tadi berkenaan dengan *capital expenditure*. Walaupun tidak menggunakan pembayar cukai negara tetapi kita kena melihat kepada persaingan yang berlaku ini akan menyebabkan kita akan mematikan, supaya diambil perhatian – mematikan jumlah pekerja-pekerja yang terlibat di dalam Perodua dan Proton ini beribu-ribu rakyat tempatan, ini yang pertama.

Keduanya, kita melihat kenapa tadi disebut oleh Yang Berhormat Menteri X70 telah melebihi jangkaan. Ini lah puncanya untuk makluman, pengetahuan Yang Berhormat Menteri rakyat Malaysia mendambakan satu kualiti yang tinggi. Ini kita minta, adakah pihak kerajaan untuk menumpukan bagi meningkatkan kualiti produktif produktiviti yang ada kepada Proton dan Perodua ini? Supaya boleh bersaing dalam peringkat domestik dan juga antarabangsa.

Seterusnya, adakah kerajaan akan mencari pasaran baharu juga untuk kereta nasional Proton dan juga *third national car* ini? Kita tidak hendak mereka bersaing dalam pasaran tempatan menyebabkan yang sudah *established* ini akan terkubur. Ini minta perhatian Yang Berhormat Menteri.

Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Kerajaan mengambil perhatian dengan apa yang Ahli Parlimen Pendang telah menyebut ini. *We must think different now.* Di *Japan*, ada banyak *companies* yang membina kereta. *There is no problem of persaingan.* Mereka hanya menawarkan apa yang baik kepada orang– *efficiency.*

So, dengan *third national car* ini ia punya model yang saya ketahui ataupun dalam banyak *offer* yang diberikan, bukannya seperti kereta yang sedia ada. Ini adalah *e-vehicles*, yang saya tahu mereka telah menawarkan *e-vehicles. We must also remember* pasaran yang ada dalam ASEAN adanya sebanyak 640 juta, *640 million peoples* di ASEAN. Dalam hubungan yang kita ada dengan negara-negara ini, kita mungkin akan dapat suatu pasaran baharu seperti yang sedia ada di ASEAN.

So, we must not be afraid of this. Kalau kita balik-balik ulang dan cakap kita takut dengan pekerjaan, *I don't think that's a way. Malaysians are competitive. We must go back to our competitiveness.* Suatu ketika dahulu, seperti mana yang disebut awal, ada banyak negara yang telah membeli kereta kita seperti Proton dahulu. *We know, that was the time* di mana *competitive.* *Now we must have confidence* bahawa kerajaan tetap akan mempertahankan *our industry.* *But at the same time, we must also up notch, up one level* kepada industri kita yang sedia ada.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Minta penjelasan sikit sekali lagi.

Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking: Ya, silakan.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Kita – saya tidak tahulah buat masa ini boleh diberitahu, didedahkan ke ataupun tidak. *Third national car* ini nanti ada *collaboration* dengan siapa? Atau kita buat 100 peratus Malaysia?

Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking: Belum ada, belum ada yang *concrete* tetapi ada banyak tawaran.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: *Joint venture?*

Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking: *It will probably business-to-business (B2B).*

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: *You say probably.*

Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking: *Because...*

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Maknanya belum tahu lagi lah?

Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking: *No, I cannot confirm* sebab baru tawaran daripada 20 lebih syarikat.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kapit esok pergi buat tawaran. Sila.

Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking: *Thank you.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking: *I move on* kepada soalan yang lain. Berkenaan dengan PKS. Saya – minta maaf Yang Berhormat Jasin.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Menteri, saya berharap kepada kerajaan, sebelum membuat apa-apa dasar ataupun mengumumkan apa-apa dasar baharu melainkan setelah dibuat perancangan yang rapi, berdasarkan daripada pasaran dan permintaan. Janganlah kerana *political mileage* kita boleh menjejaskan *market* pada ketika ini. Pasaran pada ketika ini terjejas.

Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking: Yang Berhormat Jasin, *I don't think any political mileage* bila kita mengumumkan suatu yang penting begitu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Kalau tidak *political mileage*, jangan buat apa-apa pengumuman yang boleh menjejaskan bukan sahaja keyakinan...

Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking: Terima kasih. Kami ambil prihatin.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Kita tidak mahu nanti apa yang kita ada, yang kita kendong bercirikan.

Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking: Terima kasih, terima kasih. *Very good of you.* Kami mengambil prihatin dan dalam *experience* kita selama – ada yang cakap tadi dahulu kami pembangkang dan sekarang kita kerajaan. *Yes, we have learnt the mistakes of the past.* Kerajaan dahulu telah membuat juga banyak keputusan yang mungkin mereka tidak kembali kepada rakyat.

Berkenaan dengan *third national car*, ini adalah suatu cadangan daripada kerajaan. Kita seperti mana yang saya cakap tadi mengambil prihatin kepada isu-isu yang dibawa dan *it will be a private sector initiative.*

Berkenaan dengan PKS, *small-medium enterprises* (PKS). Malangnya ini bukan lagi dalam kita punya – *no longer under our purview.* *But* sebab dia sudah di SME Corp dan SME Bank telah beralih kepada Kementerian Pembangunan Usahawan. *But it doesn't stop us from promoting their product.* Kita kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan untuk mendapat data supaya kita dapat meningkatkan PKS-PKS ini dan dapat juga menolong mereka dalam industri yang mereka terajui. *So,* kita akan sentiasa ambil prihatin berkenaan dengan PKS.

Ada beberapa soalan yang saya akan jawab dengan ringkas ya. Berkenaan dengan soalan daripada Yang Berhormat Pontian, prestasi kelulusan Januari–September 2018 terhadap pekerja tempatan *versus* pekerja asing.

■1810

Bagi tempoh Januari sehingga September 2018, daripada 41,033 peluang pekerjaan yang diluluskan dalam sektor perkilangan, sebanyak 31,980 peluang pekerjaan akan ditawarkan kepada rakyat tempatan, berbanding 9,053 peluang pekerjaan untuk pekerja asing. Bagi tahun 2017 pula, seperti yang dikehendaki Yang Berhormat Pontian, kerajaan telah kemukakan perbezaan pekerja asing dan tempatan yang diluluskan dalam sektor perkilangan. Daripada jumlah keseluruhannya 56,431 peluang pekerjaan, sebanyak 43,741 peluang pekerjaan adalah untuk pekerja tempatan dan bakinya kepada pekerja asing.

Angka 139,000 yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pontian adalah jumlah keseluruhan bagi sektor perkilangan, perkhidmatan dan juga – *I can't really* dapat ditulis, tetapi saya akan memberi jawapan lebih mendalam kepada Yang Berhormat Pontian. MIDA tidak mempunyai pecahan pekerjaan tempatan dan asing bagi sektor perkhidmatan dan juga utama.

Yang Berhormat Pontian lagi berkenaan dengan Dasar Pelaburan Terkini. Prestasi kelulusan terhadap pekerja tempatan berpendapatan tinggi. Bagi terus menarik pelabur-pelabur utama ke Malaysia, MITI dan MIDA akan memanfaatkan trend mega terkini terutamanya menerusi Revolusi Industri 4.0 seperti yang kita sudah hujahkan awal tadi. Di samping itu, pendekatan ekosistem dan aktiviti penggalakan pelaburan bagi melengkapkan jurang dalam rangkaian yang disasarkan.

Pendekatan berfokus yang dilaksanakan akan terus menyasarkan pelaburan berkualiti tinggi dengan penekanan terhadap industri berteknologi tinggi dan juga R&D. *Yes, we have encouraged* negara-negara lain untuk juga *invest* dengan R&D di Malaysia. Kita juga telah

memberi pandangan dan *encouragement* kepada beberapa syarikat di Malaysia untuk memfokuskan industri R&D ini.

Yang Berhormat Pontian lagi, minta maaf. Kesan perang dagang US dan China. Apakah yang dilakukan oleh MITI untuk mengurangkan kesan *trade war*? Tuan Pengerusi, kita tidak ingin mengambil kesempatan antara peperangan negara China dan juga Amerika ini. Kita berharap dan saya percaya bahawa Perdana Menteri telah memberikan pandangan beliau kepada negara-negara ini.

Akan tetapi, kita tahu adanya *diversion* ataupun *opportunity* yang ada. Kita dengar bahawa beberapa syarikat yang telah membuka industri perkilangan mereka di China telah kembali ke Malaysia. Mereka ingin *manufacture*kan produk di sini dengan nama *Made in Malaysia*. Ramai yang telah memohon dan kita tahu bahawa syarikat-syarikat yang sedia ada telah beralih balik kepada Malaysia. Apakah kesan yang kita ada? Ini tentunya ada kesan dengan *trade war* ini dan kita tahu ramai yang sedang mencari *opportunity* yang lain seperti logistik, juga dalam bidang *hi-tech industry* dan juga *new maintenance, repair and overhaul* (MRO) bagi kapal dan juga automotif di Malaysia.

Saya mahu memberikan sedikit jawapan kepada Yang Berhormat Pontian berkenaan dengan satu *venture* yang baru diumumkan oleh kerajaan iaitu antara syarikat GE dan juga syarikat tempatan di mana mereka akan servis kan *maintenance, repair and overhaul* enjin kapal di mana *40 airlines, will come to Malaysia to service their engines*. So, ini adalah suatu perkembangan baru. Kita tahu bahawa usaha ini adalah usaha daripada *private sector* dan juga kerajaan di mana kita berikan mereka ruang untuk memasuki tanah kita.

Yang Berhormat Kuala Terengganu...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri. Bagaimana tentang kilang Microsoft Data Centre di Sedenak Industrial Park?

Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking: Saya juga akan jawab secara bertulis tetapi *I can inform you*, saya akan berjumpa dengan Microsoft tahun hadapan sebab mereka juga akan mengumumkan beberapa pelaburan baharu di Malaysia. Saya akan tanya mereka berkenaan dengan perkembangan yang Yang Berhormat Pontian minta saya— Okey, saya ada sedikit jawapan juga, Projek Data Centre di Sedenak sememangnya mendapat perhatian kementerian ini. Walau bagaimanapun, pelaburan tersebut masih dalam peringkat rundingan. Maka maklumat lanjut berkenaan pelaburan tersebut tidak dapat dikemukakan pada masa ini.

But Yang Berhormat Pontian, saya akan berjumpa dengan Microsoft pada tahun hadapan, saya akan memberikan maklumat yang terbaru berkenaan dengan *investment* mereka ini. Ada banyak juga industri yang mereka- *new business* mereka akan buat. *I will not forget Yang Berhormat Pontian. I'll make sure that they will honour whatever they can* ataupun *in the alternate* yang baik untuk kawasan beliau dan juga kawasan-kawasan yang lain.

Saya ingin menjawab satu soalan lagi, berkenaan dengan e-MIDA.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila.

Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking: Ini adalah soalan Yang Berhormat Pendang. Di dalam tempoh RMKe11, tahun 2016 ke tahun 2020, MIDA menerima peruntukan bagi projek e-MIDA Enterprise Transformation System (e-TRANS) sebanyak RM26 juta. Objektif program ini adalah untuk membangunkan suatu sistem bersepadu e-MIDA Enterprise Transformation System (e-TRANS) dengan objektif berikut:

- (i) Mewujudkan pangkalan data;
- (ii) Meningkatkan infrastruktur ICT;
- (iii) Melaksanakan tadbir urus IT yang berkesan; dan
- (iv) Mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan MIDA.

Yang Berhormat Pendang, saya juga akan memberikan jawapan yang terperinci supaya kita dapat berkomunikasi berkenaan dengan perkembangan e-MIDA ini. Saya percaya bahawa e-MIDA adalah suatu aplikasi dan sistem yang baik untuk negara kita. Kepada rakan-rakan yang telah memberikan perbincangan tadi dan soalan, saya minta maaf kalau saya tidak dapat jawab semua soalan. Akan tetapi saya akan mengarahkan Kementerian untuk menjawab dengan terperinci soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dengan itu, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM517,474,400 untuk Maksud B.24, di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM517,474,400 untuk Maksud B.24, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,162,504,200 untuk Maksud P.24 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2019 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM1,162,504,200 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2019]

**Maksud B.22 [Jadual] -
Maksud P.22 [Anggaran Pembangunan 2019] –**

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Kini adalah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Perbincangan dibuka.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: *[Bangun]* Okey, Jelebu.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: *[Bangun]* Kuala Krai.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: *[Bangun]* Setiu.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ramai.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Jelebu. Kali pertama Tuan Pengerusi.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kuala Krai dulu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Jelebu dulu Tuan Pengerusi. Kali pertama.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Saya sekarang bagi...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kuala Krai.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Jelebu. Jelebu.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kuala Krai.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Jelebu, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Dia pula terpulang kepada siapa pertama yang bangun.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya bangun dulu.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Saya bangun dulu.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kuala Krai bangun dulu.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Siapa yang pertama dipandang.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya bangun dulu.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Saya bagi Yang Berhormat Arau, selepas ini Yang Berhormat Rasah. Sila.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang ketiga Kuala Krai.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Rasah sahaja.

[Ketawa]

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Selepas Yang Berhormat Rasah, Jelebu, Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi yang dikasihi...

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu jangan lupa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya nak cakap sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Semua akan diberikan peluang dan ruang.

■1820

6.20 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Semua akan diberikan peluang dengan hebatnya ya. Jangan bimbang. Ini *speech* Tuan Pengerusi yang cukup adil dan bijaksana.

Pertama saya hendak cakap ialah fasal Butiran 050200 – Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang baharu. Tuan Pengerusi, pertama saya hendak bagi sejarah sedikit.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. oh! Bagi kuliah sejarah lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sejarah sedikit tentang peperangan-peperangan pada zaman dahulu. Peperangan pada zaman dahulu kalau berlaku perang...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ini Kementerian Pembangunan Luar Bandar bukan Kementerian Pertahanan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, akan tetapi ini adalah MPKK ini ialah hasil daripada peperangan maka ditubuh MPKK. Dulu tidak ada, sekarang disebut MPKK dulu JKKK.

Pada zaman dahulu, di zaman Rasulullah SAW selepas Baginda masuk ke Makkah selepas Perjanjian Hudaibiyah, *the following year* dia masuk ke Makkah, Baginda bukan sahaja masuk dengan aman dan damai tidak ada pertumpahan darah, Baginda masuk mengampunkan semua orang yang pernah menganiaya Baginda selama ini. Tidak ada, termasuk Hindun, Isteri kepada Abu Sufyan yang mencerca, yang menghina mayat bapa saudaranya diampunkan. Malah Abu Sufyan yang banyak...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, ini butiran apa?

[Ketawa]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ini Butiran dari kisah kitab suci Al-Quran, bukan dari belanjawan ya.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: *Intro, intro.* Ini baru *intro, intro, intro..*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya belum habis Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: ...Baharu mukadimah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Rugi, rugi masa saya. *[Ketawa]* Diampunkan, malah Abu Sufyan yang kepala penentang diampunkan malah orang Mekah yang ingin diampunkan boleh berlindung di rumah Abu Sufyan. Panglima-panglima besar Khalid al-Walid selepas perang diampunkan...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Itu Abu Sufyan tidak ada dalam buku bajet?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Salahudin al-Ayubi, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Salahudin al-Ayubi, *you know Saladin? You know Richard the Lionheart you know? And Richard the Chicken heart?* Semua, malah Salahudin masa perang dengan *Richard the Lionheart, Richard* sakit satu bulan, Salahudin bagi doktor Baginda untuk berubat *Richard the Lionheart.* Bila dia baik, perang balik.

Akan tetapi, bila *Richard* kalah dibenarkan *Richard* pergi berlayar balik ke England dan semua orang-orang Yahudi, Kristian, Islam di Baitulmuqaddis diberikan keampunan dan dibenarkan untuk mengamalkan agama masing-masing.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau juga hendak minta ampun?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Itu MPKK lah itu. Kemudian, selepas mereka berada di sana, tidak ada satu pun rumah-rumah ibadat yang diruntuhkan, tidak ada paksaan mereka yang ingin duduk di sana, boleh terus duduk di sana.

Sekarang ini, bila kerajaan baharu menang, maka ditubuhkanlah MPKK di negeri-negeri tapi Perlis menang. Apakah sedikit kemenangan yang ada itu kita hendak hukum semua. Kita suruh mansuhkan JKKK dengan menubuhkan MPKK. Okey.

Yang Berhormat, saya setuju kerajaan agak zalim sedikit, dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan mengurangkan peruntukan hampir RM2 bilion, Yang Berhormat. Ini saya kesian kepada Yang Berhormat, saya simpati dan puak-puak kami hendak minta kerajaan bagi balik peruntukan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar sebab ini penting kerana kena ingat asas kerajaan yang ada sekarang ini masih berada di luar bandar.

Kita lihat daripada merdeka sampai sekarang asas kepada kerajaan sama ada sekarang ini dulu pembangkang sekarang kerajaan, asas besarnya masih daripada luar bandar, masih daripada di FELDA. Jadi, adalah wajar untuk peruntukan kementerian ini tidak dikurangkan. Kalau tidak boleh bagi banyak pun hendaklah disamakan.

Jadi untuk Perlis kita ada JKKK. Dulu kita bayar elaun, kementerian juga bayar elaun RM900. Sekarang kita turunkan sebab kita tidak ada duit, kita hanya mampu bayar RM150. Sebenarnya MPKK ini hendak diperkenalkan, elaun pengerusi dinaikkan kepada RM500 dengan syarat mestilah menerima syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Kita tahu sekarang ini kerajaan berkuasa. Dalam penghukuman demikian rupa akan menyebabkan struktur kampung akan berubah. Niat untuk kita membina komuniti sebenarnya kita akan membawa perpecahan di peringkat kampung. Dari segi politik, kita akan ada perpecahan tetapi itu tidak manis.

Dari segi sebagai seorang yang adil seperti Salahudin al-Ayubi, seperti Khalid al-Walid malah contoh daripada Baginda Rasulullah SAW sendiri yang melihat peperangan bila sudah habis bukan untuk kita menghukum tetapi bagaimana kita hendak bina balik perpecahan yang telah berlaku.

Jadi, saya syorkan kepada Yang Berhormat supaya untuk Perlis, sebab ini negeri yang menang. Bukan banyak. Dua kerusi sahaja yang menang, satu kerusi sudah bagi dekat Kangar. Dua kerusi sahaja Yang Berhormat. Jadi kami minta supaya dipertimbangkan struktur JKKK itu dipertimbangkan balik.

Keduanya, kita minta kalau Yang Berhormat tidak ada pilihan sebab ini keputusan Kabinet dan sebagainya *alright*, saya minta pelantikan ahli baharu lima orang itu dibuat oleh Ahli Parlimen. Sekurang-kurangnya Ahli Parlimen boleh berinteraksi terus dengan Menteri di Parlimen ini dan dengan itu kita dapat bina komuniti balik Yang Berhormat.

Jadi itu yang terbaik supaya jangan berlaku perpecahan di peringkat bawah dan kita minta supaya MPKK dan juga JKKK ini kalau kita hendak *combine*, kita bagilah kedudukan di mana Ahli Parlimen sama-sama terutamanya pelantikan Menteri itu— Menteri minta daripada Ahli Parlimen. Kalau Menteri hendak minta daripada orang yang bukan daripada wakil rakyat yang bukan dipilih oleh rakyat, kurang manis. Keduanya, kita minta supaya biarlah pelantikan itu dibuat tiga tahun sekali kah dan sebagainya. Saya rasa Yang Berhormat faham apa yang saya maksudkan sebab Yang Berhormat juga DNA UMNO dahulu.

Sekarang ini yang keduanya ialah — jadi saya harap Tuan Pengerusi faham apa yang saya buat sejarah tadi untuk menunjukkan bahawa inilah masa kerajaan ini untuk membina balik Malaysia.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ini bukan tazkirah waktu Maghrib ya?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, waktu Maghrib. Jadi Malaysia— kita sudah berperang dengan begitu teruknya dalam sosial media dan lepas itu kami kalah pilihan raya—Yang Berhormat menang tetapi kami hendak tengok kemenangan itu ialah untuk kesenangan. Bukan kesenangan ialah untuk membalas dendam Yang Berhormat, tidak manis balas dendam.

Kami tidak pernah buat kepada mana-mana pihak semasa kami menang dahulu. Jadi kami merayu supaya jangan buat.

[Dewan riuh]

Kami hukum siapa dulu, bagi tahu sama siapa yang kami hukum.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Anwar Ibrahim.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau akan diampunkan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, keduanya Yang Berhormat. Ini KEMAS. Semua tadika KEMAS— inilah masalah sosial yang berlaku di peringkat bawah. Semua dewan KEMAS ini diambil daripada tanah lapang daripada kawasan tanah lapang perumahan. Jadi kawasan perumahan tidak ada tanah lapang sebab semua yang mereka hendak buat dewan percuma, surau dan sebagainya, mereka ambil tanah lapang.

Di akhirnya, bila generasi sekarang sudah membesar, mereka tidak ada tempat untuk bermain. Saya hendak bagi tahu Yang Berhormat di kawasan Ahli Parlimen Kangar, kawasan lapang itu sampai tidak ada satu tempat untuk kita berjalan tanpa bangunan. Semua ada sana, Perpaduan, KEMAS, surau, ada dua lagi bangunan saya tidak pasti.

Jadi, tidak ada tempat bermain langsung. Saya syorkan supaya KEMAS ambil buat bangunan, kena ambil tanah. Zaman dahulu boleh, sebab apa kita boleh masuk ke tanah kerajaan, okey. Sekarang tanah kerajaan tidak ada. Kalau kita hendak masuk kawasan tanah lapang yang dihaskan untuk tujuan riadah, kalau kita masuk buat dewan kita akan menghadapi masalah. Saya syorkan supaya sudah sampai masanya KEMAS mencari tanah sendiri, bukan masuk di kawasan lapang, di kawasan perumahan dan sebagainya.

Akhir sekali, Yang Berhormat sini menjaga wilayah. Perlis tidak ada wilayah. Saya sudah bercakap berkali-kali bahawa pernah kajian dibuat di zaman dahulu. Saya masih ingat masa itu saya pegawai kerajaan bahawa kita ada pembangunan wilayah di Perlis tetapi tidak dibuat. Hanya yang dibuat pada masa itu, saya masih ingat ialah KEDA lagi satu di *Penang* tapi Perlis tidak di masuk.

Jadi kalau hal ini berterusan Perlis akan menghadapi masalah sebab kita kena ingat kos yang meningkat tetapi hasil tidak dapat. Tuan Pengerusi, saya maklumkan kenapa Kuala Lumpur menjadi maju, kenapa ia maju? Kenapa orang Kuala Lumpur kaya? Sebab ia ibu negara.

Sekarang, Putrajaya daripada tanah yang bernilai RM30 sekarang sudah menjadi RM100 lebih. Jadi mereka kaya bukan kerana mereka pandai sangat kerana nilai tanah tinggi. Kalaulah sekiranya bandar raya ini dipindah pergi— tahun ini pergi —lima tahun pergi *Penang*...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Pergi Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Lepas itu pergi Perlis lima tahun. Perlis akan datang jadi kaya raya. Satu ekar di Perlis baharu harga RM80 ribu tapi satu ekar di Kuala Lumpur sudah bernilai berjuta-juta. Orang di sini bernasib baik kerana ibu negara berada di sini. Bayangkan kalau ibu negara kita hantar pergi Kuching lima tahun, KK lima tahun, yang ini pernah di buat di beberapa negara di dunia...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Adakah Yang Berhormat Arau cadangkan ibu negara pindah bergilir-gilir?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bergilir lima-lima tahun sekali sebenarnya.
[Ketawa]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Itu nanti Menteri jawab ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi kalau sekiranya kita tidak boleh buat demikian yang mungkin orang fikir tidak logik tapi tunggulah 10 tahun lagi kamu fikir logiklah.

■1830

Kita minta supaya Perlis dimasukkan sebagai satu kawasan pembangunan wilayah. Kalau tidak, kita ada masalah. Jadi, terima kasih. [Disampuk] Kenapa gangguan banyak sangat kepada saya ini?

[Ketawa]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak ada gangguan, kita cuma asyik mendengar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi gangguan itu Tuan Pengerusi tahu, bahawa dia akan bagi bonus dekat saya dua hingga tiga minit. Terima kasih atas gangguan, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rasah. Selepas ini Yang Berhormat Beluran.

6.30 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam peringkat jawatankuasa untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Jangan fikir Parlimen Rasah tidak ada luar bandar, ada luar bandar juga.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Jelebu ada luar bandar Tuan Pengerusi...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Sama, saya tahu. Nanti...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Rasah, bagi laluanlah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Selepas ini, selepas ini...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Ambil tugas Tuan Pengerusi pula.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Kalau ada masa lebih saya boleh beri laluan. Tuan Pengerusi, perkara pertama saya hendak nyatakan tadi, kalau tadi Yang Berhormat Arau mengatakan bahawa peruntukan untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar berkurangan, ya. Kita nampak kalau peruntukan untuk mengurus itu daripada RM5.2 bilion, berkurangan sehingga RM2.9 bilion. Akan tetapi peruntukan pembangunan, daripada buku ini muka surat 193,

saya nampak dia bertambah daripada RM3.2 bilion naik kepada RM5.4 bilion, iaitu kenaikan untuk peruntukan pembangunan naik sebanyak 68 peratus berbanding dengan Belanjawan 2018.

Ia jelas menunjukkan komitmen daripada Kerajaan Pakatan Harapan untuk sentiasa memberikan tumpuan pembangunan kepada kawasan luar bandar. Tidak kira siapa wakil rakyatnya, parti mana yang dipilih mewakili kawasan luar bandar, tetapi komitmen daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar di bawah kerajaan baharu Pakatan Harapan yang benar-benar memberikan perhatian kepada pembangunan luar bandar.

Jadi, perkara pertama yang saya hendak nyatakan di bawah Butiran 050200, berkenaan dengan MPKK. Kita nampak ada satu peruntukan sebanyak RM231 juta untuk MPKK. Saya hendak tanya, peruntukan ini apakah ia hanya untuk elaun pengerusi, setiausaha, elaun tetap bulanan bercampur dengan elaun mesyuarat untuk ahli jawatankuasa MPKK ataupun ia termasuk dalam geran yang akan diberikan kepada setiap MPKK di seluruh negara untuk...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Jelebu hendak mencelah.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Boleh?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya tidak beri laluan dahulu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Sekejap sahaja Yang Berhormat Rasah, sekejap.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Dia tidak beri laluan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Nanti, biar saya habiskan dahulu. Kalau ada masa saya bagi. Ini orang Negeri Sembilan, sekejap. Saya hendak tanya yang RM231 juta itu, adakah termasuk geran untuk MPKK? Sekiranya ia termasuk geran untuk MPKK, bila ia akan disalurkan? Begitu juga saya ambil kesempatan pada petang ini berkenaan dengan RM10,000 geran yang dijanjikan untuk setiap MPKK untuk tahun ini. Saya percaya yang itu untuk tahun ini. Saya mendapat banyak aduan daripada MPKK yang dilantik bahawa mereka masih belum mendapat RM10,000 tersebut.

Sudah buka akaun, ikut surat lantikan daripada pihak pejabat daerah dan kerajaan negeri, sudah buka akaun tetapi duit tidak ada. Ini menyebabkan Ahli Parlimen terpaksa memberikan peruntukan kawasan kepada MPKK supaya MPKK di setiap kawasan dapat bergerak untuk menjalankan aktiviti mesra rakyat di kawasan masing-masing. Jadi saya mohon, saya hendak tanya, RM10,000 itu bila masuk?

Seterusnya di bawah Butiran 02300 - Jalan-Jalan Luar Bandar. Saya nampak satu anjakan peruntukan pembangunan yang cukup memberangsangkan. Kalau tahun 2017 hanya setakat RM450 juta, tahun 2018 sebanyak RM764 juta, tetapi di bawah kerajaan baharu untuk Belanjawan 2019 sebanyak RM830 juta diperuntukkan. Syabas kepada kerajaan baharu, ia sesuatu yang sangat baik.

Begitu juga dengan Butiran 03200 - Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat sebanyak RM207 juta. Jadi, kalau kita gabungkan Butiran 02300 dengan Butiran 03200, lebih

RM1 bilion diperuntukkan di bawah kedua-dua perkara ini. Saya hendak tanya, kalau ikut pecahan negeri, berapa pecahan yang Negeri Sembilan? Ini sebab Negeri Sembilan ini banyak kawasan luar bandar termasuk Jelevu, rakan saya. Yang Berhormat Jempol tidak ada, Jempol, Tampin, Rasah pun sebahagiannya luar bandar juga. Jadi, saya mohon berapa banyak peruntukan untuk...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelevu]: Rasah mana ada luar bandar.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: DUN Labu itu. DUN Labu luar bandarlah bang. Ini sebab kebetulan ADUN Labu itu Exco Pembangunan Luar Bandar untuk Negeri Sembilan. Jadi saya mohon, berapa banyak pecahannya untuk Negeri Sembilan? Saya secara spesifik, secara khusus, saya mohon peruntukan yang lebih untuk Parlimen Rasah, DUN Labu sebab kebetulan Yang Berhormat Menteri kita juga merupakan Ketua Bahagian PPBM untuk Rasah.

Jadi, saya mohon Yang Berhormat Menteri boleh memberikan tumpuan kepada kawasan Rasah untuk mengelakkan persepsi silap selama ini yang mengatakan Rasah itu kawasan bandar. Ini sebab banyak kampung di bawah Parlimen Rasah. Contohnya, Kampung Lambar, Kampung Kubang, Kampung Kondok, Kampung Sepang Road, Kampung Batu 3, Mambau yang mana balai raya dia memerlukan peruntukan untuk diperbaiki. Apabila saya buat lawatan ke balai raya tersebut, saya dapati bertahun-tahun usang dan sebagainya yang tidak diperbaiki.

Jadi, peruntukan sebegini sangat penting. Saya sengaja sebutkan di sini sebab saya mohon supaya terutamanya Yang Berhormat Menteri, boleh memberikan tumpuan tentang kampung-kampung tersebut. Untuk makluman juga, Kampung Tanjung dan Kampung Labu, saya terpaksa gunakan peruntukan Ahli Parlimen saya yang tidak seberapa untuk membuat kerja naik taraf yang telah siap bulan lepas. Jadi, saya mohon supaya peruntukan yang banyak dapat diberikan kepada Negeri Sembilan.

Tajuk seterusnya di bawah Butiran 02001 – Semenanjung iaitu bekalan air luar bandar. Saya nampak peruntukan untuk Semenanjung bertambah sekali ganda. Kalau sebelum itu RM111 juta, kini untuk tahun 2019 sebanyak RM237 juta. Saya berharap bantuan sebegini juga dapat menjadi *compliment* ataupun dapat menyokong supaya semua kawasan luar bandar dapat diberikan bekalan air bersih di Semenanjung supaya mereka penduduk di kawasan kampung tidak tercicir daripada arus pembangunan perdana.

Butiran seterusnya yang saya hendak kemukakan adalah berkenaan dengan Butiran 040300 - Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Saya nampak peruntutannya tambah sedikit berbanding dengan belanjawan yang lepas iaitu sebanyak RM143 juta, berbanding dengan RM130 juta tahun sebelumnya. Cuma saya hendak menyatakan kekesalan saya di sini, saya ada dapat maklumat bahawa ada sewa tadika KEMAS tidak dibayar sejak awal tahun, sejak Januari tahun ini di Garden Homes Seremban 2. Saya tidak tahu kenapa, saya terima aduan daripada pemilik premis yang mengatakan bahawa pegawai ataupun *person in charge* (PIC) enggan menandatangani.

Sebelum itu okey, *tenancy* yang sebelum itu sudah cukup tempoh. *Tenancy* yang baharu enggan ditandatangani dan tidak ada bayaran sejak bulan Januari tahun ini. So, daripada

kerajaan yang sebelum ini sehingga selepas kerajaan baharu mengambil alih, masih tidak ada. Saya mohon supaya tindakan segera diambil. Saya juga berharap insiden sebegini tidak berlaku lagi. Kita kalau boleh, kita hendak pastikan semua agensi kerajaan termasuk tadika yang sepatutnya kita banggakan sebab boleh memberikan peluang kepada penduduk tempatan hantar anak-anak ke tadika tersebut, tetapi jangan timbul soalan sebegini. Jadi, itu sahaja daripada saya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Rasah, minta sekejap boleh? Yang Berhormat Rasah. Saya sambung. Tuan Pengerusi...

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Sibuti, bagi *chance*.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Rasah, kereta dia sudah sampai pangkalan, sudah berhenti. Sila duduk. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Beluran. Selepas itu...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kuala Krai.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Selepas itu Yang Berhormat Lanang.

6.38 ptg.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun di bawah kementerian ini untuk mengingatkan kementerian bahawa dalam buku Kajian Separuh Penggal yang telah dibentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah dibentangkan di Parlimen, Beluran merupakan antara dua kawasan Parlimen di Sabah yang dicatat nama Beluran itu di dalam buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas.

Catatan bukan satu kebanggaan, tetapi satu kenyataan bahawa Beluran adalah antara daerah di Sabah yang mencatatkan kadar kemiskinan dua digit iaitu 12.1 peratus. Oleh sebab itu saya bangun di bawah kementerian ini untuk mengingatkan kementerian bahawa Beluran perlu diberi perhatian khusus oleh kementerian untuk mengangkat kadar kemiskinan ini supaya boleh diturunkan dan mengangkat tahap sosio dan ekonomi masyarakat di kawasan Beluran supaya ia beralih lebih baik selepas Bajet 2019 akan datang ini.

Oleh sebab itu saya ingin perhatian agar kementerian menumpukan projek-projek pembangunan ekonomi, projek-projek infrastruktur yang dijadualkan di dalam Belanjawan 2019 ini untuk diberi perhatian dan juga diberi peruntukan yang sewajarnya bagi kawasan Parlimen Beluran, 'B', 'E', 'L', 'U', 'R', 'A', 'N' dalam negeri Sabah supaya kadar kemiskinan ini, 12 yang dicatat sebagai 12.1 peratus dua digit ini dapat dikurangkan menjelang tahun-tahun akan datang.

■1840

Saya melihat di bawah Butiran 00700 – PPP/PFI, banyak skop-skop program yang telah dijadualkan, disenaraikan dalam belanjawan kementerian. Projek ekonomi berasaskan perusahaan sumber asas tani, perikanan, penternakan. Kedua, projek ekonomi berasaskan perniagaan secara kecil-kecilan, projek ekonomi berasaskan aktiviti perkhidmatan, projek ekonomi berasaskan aktiviti pertanian dan sebagainya. Boleh membantu meningkatkan pendapatan rakyat miskin, penduduk miskin di kawasan Beluran. Oleh sebab itu, pertanyaan

saya berapa banyak yang akan diperuntukkan oleh kementerian bagi kawasan Parlimen Beluran ini?

Kita tidak boleh melihat Beluran sebagai diwakili pada ketika ini oleh wakil rakyat pembangkang. Rakyat di sana memilih untuk mengundi kerajaan yang lalu kerana mengharapkan bahawa kerajaan pada ketika itu, yang mereka pilih ketika itu akan menang semula dan memperuntukkan peruntukan yang sewajarnya di kawasan Parlimen Beluran. Oleh sebab itu, apabila ada peralihan kuasa, peralihan kerajaan, kementerian ini juga harus bertanggungjawab untuk meneruskan bantuan dan program untuk meningkatkan ekonomi masyarakat yang saya wakili di kawasan saya tanpa mengira parti politik yang mereka pilih pada ketika itu.

Ini kerana bagi saya kemiskinan tidak melihat kepada suku kaum dan ideologi politik, ianya hanya harus dilihat sebagai satu fokus kementerian untuk membasmi kemiskinan, menaikkan tahap sosio dan ekonomi rakyat di kawasan yang memerlukan bantuan daripada kerajaan tanpa mengira ideologi politik yang mereka pilih ketika pilihan raya yang lalu. Saya pohon agar program-program di bawah Program Peningkatan Pendapatan (PPP) ini akan dapat ditumpukan bagi kawasan Beluran. Kalau kita lihat secara keseluruhannya infrastruktur, bekalan elektrik luar bandar, bekalan air luar bandar, jalan-jalan luar bandar, Beluran memerlukan bantuan dan sentuhan daripada Kerajaan Persekutuan.

Saya harap agar peruntukan yang diuntukkan begini banyak, RM430 juta untuk kawasan bekalan elektrik luar bandar, RM295 juta bagi bekalan air, RM830 juta bagi kawasan luar bandar, untuk Sabah keseluruhannya. Saya mohon agar program-program pembangunan ini, infrastruktur asas ini dapat dibuat, dibagi dan diuntukkan, diberi perhatian yang sewajarnya oleh kementerian untuk kawasan Parlimen Beluran. Tuan Pengerusi, ini kerana tanpa infrastruktur asas yang lengkap dan sempurna masyarakat yang saya wakili, penduduk yang saya wakili, tidak akan dapat kita tingkatkan tahap ekonomi mereka.

Mereka memerlukan jalan raya, mereka memerlukan bekalan elektrik, mereka memerlukan bekalan air untuk meningkatkan tahap kehidupan mereka, untuk memasarkan hasil pertanian mereka dan meningkatkan ekonomi mereka supaya kawasan ini kita boleh angkat dan bangunkan setara dan setanding dengan kawasan-kawasan Parlimen yang lain.

Saya juga ingin tahu apakah keyakinan kementerian, peruntukan yang begini besar ini dapat dibelanjakan dan peruntukan yang besar itu dapat diuntukkan kepada kementerian? Ini kerana kalau kita lihat sepanjang rekod tahun 2018 untuk Sabah, Program Jalan Luar Bandar. Walaupun pada tahun ini diuntukkan begitu banyak RM253 juta bagi jalan luar bandar di Sabah tetapi kerajaan setakat suku ketiga ini hanya mampu membelanjakan RM135 juta dan hanya mampu membina 9 kilometer jalan luar bandar.

Begitu juga kalau kita lihat pencapaian kementerian bagi Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) diuntukkan RM220 juta pada tahun ini melalui belanjawan tahun lalu. Akan tetapi setakat suku ketiga, RM44 juta sahaja mampu disalurkan peruntukan. Kalau berdasarkan kepada rekod pencapaian kementerian dan kerajaan, rekod kemampuan kerajaan untuk menguntukkan

setakat RM44 juta dan setakat RM135 juta bagi Program Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Jalan Luar Bandar, saya takut, saya khuatir bahawa Program Bekalan Elektrik, jalan raya dan air yang diuntukkan kepada kementerian ini tidak akan mampu mencapai *target* dan matlamat yang dihasratkan oleh kementerian. Jika kita lihat pencapaian yang dicapai oleh kementerian sepanjang tahun ini.

Saya tidak tahu apa masalahnya, sama ada selepas peralihan kerajaan, dana tidak mencukupi walaupun telah diuntukkan di dalam bajet pada tahun ini oleh kerajaan yang lalu kerana pencapaiannya mendukacitakan. Jadi, kita harap agar *whatever*- apa juga program-program pembangunan asas untuk kementerian ini, Kerajaan Persekutuan keseluruhannya, secara dasarnya akan dapat menumpukan, menyalurkan peruntukan yang disasarkan itu kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini.

Jadi Tuan Pengerusi, saya mohon agar kementerian menyenaraikan program-program bekalan elektrik, bekalan jalan raya dan juga bekalan air untuk kawasan Parlimen Beluran untuk sepanjang tahun depan ini. Supaya kita dapat sama-sama lihat dan sebarkan, maklumkan, khabarkan kepada masyarakat luar bandar di Beluran. Berapa banyak yang akan dibagi oleh kerajaan baru ini untuk kawasan mereka.

Jadi Tuan Pengerusi, kalau benar dalam Kajian Separuh Penggal Kesebelas yang dibentangkan oleh kerajaan dua bulan yang lalu, yang menunjukkan bahawa kawasan Beluran ini antara dua kawasan Parlimen di Beluran yang tersenarai dalam dua digit kadar kemiskinan, saya harap agar tumpuan kementerian pada tahun depan ini kepada kedua-dua kawasan Parlimen Beluran dan satu lagi kawasan iaitu kawasan Parlimen Kinabatangan, untuk mengangkat martabat sosial dan juga ekonomi. Kita harap agar akhir tahun 2019 kelak, jika banyak program-program pembangunan dan juga pembangunan ekonomi yang boleh disalurkan oleh kementerian, kedua-dua kawasan Parlimen di negeri Sabah ini akan dapat kita kurangkan kadar kemiskinan daripada dua digit kepada satu digit.

Jadi, Beluran memerlukan perhatian. Saya minta senarai penuh projek-projek pembangunan yang telah dikenal pasti oleh kementerian untuk kawasan Parlimen Beluran dapat dibekalkan supaya dapat saya khabarkan kepada masyarakat dan penduduk di kawasan saya bahawa kerajaan baharu ini prihatin tanpa melihat ideologi politik dan sokongan mereka pada pilihan raya yang lalu. Jadi Tuan Pengerusi, terima kasih banyak. Setakat itu dan memang tepat 10 minit yang dijadualkan, saya akhiri ya. Terima kasih.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Beluran...

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Lanang.

6.48 ptg.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 050200 – Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Bajet telah

dikurangkan daripada RM297 juta kepada RM231 juta. Saya hendak tanya sama ada *allowance* ini akan diberi kepada JKKK yang sedia ada di Sarawak memandangkan Kerajaan Sarawak juga akan memberi *allowance* kepada JKKK yang sedia ada ataupun MPKK baru perlu ditubuhkan untuk mendapat *allowance* daripada Kerajaan PH. Kalau Kerajaan PH akan memberi *allowance* kepada JKKK yang sedia ada, adakah ini bermaksud JKKK ini akan mendapat dua *allowance* iaitu *allowance* daripada Kerajaan Negeri Sarawak dan juga *allowance* daripada Kerajaan Pakatan Harapan?

Seterusnya, saya ingin menyentuh Butiran 050500 – Kos Operasi dan Penyelenggaraan Lampu Jalan Kampung. Bajet sebelum ini ialah RM80 juta dan ada pengurangan sikit iaitu RM76 juta. Saya ingin minta penjelasan sama ada pengurangan bajet ini akan mengakibatkan pemasangan lampu jalan kampung di Sarawak akan kurang juga? Oleh kerana masih banyak permintaan untuk pemasangan lampu jalan kampung di kawasan Lanang.

Jadi, kalau boleh saya ingin minta senarai, ada berapa projek di kawasan Lanang telah diluluskan atau akan diluluskan pada tahun 2019. Seterusnya ialah Butiran 01700 – Bekalan Elektrik Luar Bandar. Saya ingin menyentuh Butiran 01702 – Sarawak. Bajet telah dikurangkan lebih daripada RM80 juta iaitu daripada RM328 juta kepada RM241 juta.

■1850

Pengurangan bajet yang agak besar ini, saya ingin tahu apakah rancangan kementerian untuk memastikan permintaan permohonan bekalan elektrik di kawasan luar bandar terutamanya dari kawasan Lanang tidak akan terjejas dengan pengurangan bajet ini. Saya mohon lebih perhatian diberikan kepada permohonan bekalan elektrik luar bandar di kawasan Parlimen Lanang. Kalau boleh saya ingin minta senarai juga sama ada berapa projek telah diluluskan kerana masih banyak rumah panjang di kawasan Lanang tidak ada bekalan elektrik. Jadi saya minta penjelasan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Lanang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kuala Kangsar selepas itu Yang Berhormat Dungun.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kuala Krai. Yang Berhormat Kuala Kangsar tidak ada, Kuala Krai.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Ganti sebelah.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kuala Kangsar tadi dia minta, tidak ada.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Sebelah, sebelah, Jelebu.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kuala Krai minta.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Nanti, Yang Berhormat Kuala Kangsar tidak ada, dia ganti dengan pemimpin wanita Yang Berhormat Kota Tinggi.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Kuala Kangsar keluar sembahyang. Dia kata ganti dengan Jelebu tadi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kota Tinggi.

6.51 ptg.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangga jadi wanita hari ini. *[Ketawa] [Dewan riuh]* Jangan marah. Tuan Pengerusi, saya ada beberapa perkara kementerian KPLB ini sangat penting untuk kawasan saya, Yang Berhormat Menteri kerana kawasan saya Parlimen Kota Tinggi ini kawasan perkampungan terutama perkampungan nelayan dan juga petani-petani kecil.

Jadi merujuk kepada Butiran 01707 – Pemasangan Baharu Lampu Jalan Kampung. Ada RM7 juta. Dahulu RM50 juta sekarang tinggal RM7 juta. Saya pohon kepada Yang Berhormat Menteri pemasangan satu unit *feeder peeler* bagi setiap – saya ada 29 kampung, Yang Berhormat Menteri. Ada 29 simpang kampung dan berada dalam keadaan sangat bahaya kerana tidak ada lampu simpang. Jadi saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri satu unit *feeder peeler*, pemasangan enam unit lampu jalan bagi setiap 29 simpang jalan ini untuk keselamatan orang kampung.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, di bawah tajuk Butiran 01700 juga pemasangan lampu baru lampu jalan. Saya juga pohon supaya dapat dipasang di 20 kampung 25 lampu jenis LED dan ada *feeder peeler* dan sebagainya di Kampung Teluk Semayang, Perepat, Padang Sedili Kecil, Sedili Besar, Tuan Seh, Jalan Teluk Jeli Dalam, Sri Gading, Johor Lama, Mawai Lama, Mawai Baharu, Batu 1, Jalan Mawai, Makam Tauhid, Pasak Baru, Pasar Seluyut, Makam Dalam, Makam Bendara, PPRT, Mawai Baru dan Sungai Ara. *[Dewan riuh]* Kira satu Parlimenlah itu. Saya kena sebut ini biar orang kampung dengar itu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Ini Yang Berhormat Kota Tinggi jampi ke apa.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Seterusnya Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 03200 – Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat. Pohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk bantu saya bina rumah PPRT di Kampung Tanah Putih yang merangkumi sembilan kampung di situ Tanjung Sedili terdiri daripada nelayan, petani. Ini adalah cadangan untuk membina rumah PPRT bagi rakyat miskin yang berdaftar dalam eKasih. Jumlah yang kita pohon ialah 80 tetapi di atas budi bicara Yang Berhormat Menteri untuk membantu berapa agaknya yang dapat diberikan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya mohon di bawah jalan juga Butiran 03700 – Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA). Ini kerana kawasan KEJORA ini sebahagian adalah dalam kawasan saya juga. Projek pembinaan jalan dari Johor Lama ke persimpangan Ayer Tawar 2, itu di bawah KEJORA.

Tuan Pengerusi, di bawah Ameniti Sosial – Butiran 02401. Saya pohon Yang Berhormat Menteri bantu saya membina semula jambatan merentasi Sungai Sedili daripada Kampung Teluk hingga ke Kampung Sayang, Tanjung Sedili dan yang kedua ialah membina semula jambatan MTB di Kampung Teluk Tanjung Sedili kerana Yang Berhormat Menteri jambatan ini sudah retak. Ada sebahagian daripadanya sudah pecah. Jadi saya takut kalau dia runtuh esok mengakibatkan perkara yang tidak baik dan akan putus perhubungan masyarakat daripada empat kampung yang menggunakan jambatan ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar. Saya pohon bina baru jalan di Kampung Baru Pasak yang runtuh saya sudah bawa hari itu dan kemudian naik taraf jalan di Kampung Sedili Kecil sebanyak satu kilometer, Kampung Orang Asli Selangi sebanyak 350 meter, jalan daripada Mawai hingga Sedili Kecil dan jalan Kampung Sedili Besar.

Kemudian Tuan Pengerusi, bekalan air ini yang terakhir. Di bawah Butiran 02000 – Bekalan Air Luar Bandar. Pohon jasa baik Yang Berhormat Menteri untuk membekalkan bekalan air baru di Kampung Baru, Batu 15, Jalan Mersing, Kota Tinggi kerana kampung ini Tuan Pengerusi tidak ada bekalan air yang sebenar. Jadi alternatif air mereka ambil daripada anak sungai. Jadi saya pohon kepada jasa baik Yang Berhormat Menteri. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih banyak.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. Terima kasih, Yang Berhormat Kota Tinggi. Seperti yang dijanjikan Yang Berhormat Dungun selepas itu Yang Berhormat Kuala Krai.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Selepas itu Setiu.

6.56 ptg.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. [Membaca sepotong doa] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi keizinan kepada saya untuk membahaskan peringkat Jawatankuasa peruntukan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi Belanjawan 2019.

Pertamanya, terlebih dahulu Tuan Pengerusi saya ingin untuk menyebut tentang keseluruhan peruntukan 2019 bagi kementerian ini yang dilihat berkurangan daripada peruntukan asal dalam Bajet 2018. Oleh itu saya pohon supaya apabila melibatkan luar bandar kita jangan lupa kepada asas pelanggan yang disebutkan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini yang pertama ialah penduduk luar bandar. Kedua ialah penduduk Lembaga Kemajuan Wilayah. Ketiga ialah pelajar dan belia luar bandar.

Oleh itu secara umumnya bila kita melihat kepada peruntukan-peruntukan di bawah kementerian-kementerian yang lain apabila melibatkan penduduk di luar bandar kebanyakannya telah berlaku pemotongan. Jadi saya berharap walaupun ada pengurangan dari segi belanjawan kepada kementerian ini tetapi hendaklah diberikan perhatian kepada penduduk-penduduk yang berada di luar bandar sama ada daripada bumiputera Sabah, Sarawak, Semenanjung Malaysia dan juga di negeri-negeri yang sangat memerlukan perhatian daripada peruntukan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini.

Kedua, saya hendak sebut tentang butiran yang melibatkan Butiran 030300 iaitu yang melibatkan MARA yang perlu kepada penjelasan yang melibatkan kepada peruntukan Majlis Amanah Rakyat ini iaitu dalam Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019 telah dicatatkan anggaran tahun 2018, RM3,502,803,600. Ini dalam catatan anggaran tahun 2018 dari Buku

Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019. Akan tetapi kalau kita merujuk kepada Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018 yang telah diluluskan pada peringkat Jawatankuasa Bajet 2018 dahulu ialah RM3,445,074,600 ia ada perbezaan lebih kurang angkanya RM100 juta.

Jadi mohon disahkan angka mana yang benar kerana apabila melibatkan angka walaupun satu sen mesti diambil kira. Jadi saya pohon penjelasan berdasar kepada laporan yang dikeluarkan ada perbezaan di antara Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019 dengan Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018, pohon penjelasan.

■1900

Kedua, yang terlibat juga ialah apabila kita melihat kepada unjuran daripada peruntukan Butiran 030300 ini iaitu yang melibatkan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Saya pohon kesemua Butiran 00601 – Pembangunan Sistem MARA (*Multisectors*), Butiran 00602 – Maktab Rendah/Kolej Sains MARA, Butiran 00604 – Institut Kemahiran MARA, Butiran 00605 – Institut Perdagangan/KPM MARA (Profesional), Butiran 00606 – Kolej Poly-Tech MARA, Butiran 00607 – Perkhidmatan Pengangkutan, Butiran 00608 – Penilaian dan Kaunseling/Bimbingan Usahawan, Butiran 00611 – Program GIATMARA, Butiran 00615 – Pinjaman/Pembiayaan Secara Islam, dan juga di bawah selepas itu Butiran 00616 – UniKL, tiada laporan daripada buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019 ini ialah perbelanjaan sebenar 2017, tidak dicatatkan. Adakah bermakna tiada apa-apa perbelanjaan sebenar yang berlaku bagi tahun 2017? Mohon penjelasan.

Kemudian yang ketiga, yang perlu juga saya berikan satu penjelasan yang agak *detail* dan panjang di bawah Butiran 020500 iaitu Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH). Di mana di bawah dua peruntukan butiran pembangunan infrastruktur dan juga kemudahan asas Butiran 020500 dan Pembangunan 03800, di mana dalam Fungsi dari Aktiviti 5, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) menjadikan kawasan Terengganu Tengah sebagai satu kawasan tempat tinggal dan perusahaan yang terbaik, dengan masyarakatnya yang progresif serta setiap penduduknya berkemahiran, berpengetahuan dan berdikari.

Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) adalah agensi yang ditubuhkan menurut Akta 104 dalam tahun 1973, yang diberi kuasa untuk menjalankan pembangunan ekonomi dan sosial di kawasan seluas 443,876 hektar, meliputi pedalaman daerah Dungun, Kemaman dan Hulu Terengganu. Pada 12 Jun 1993, kawasan pembangunan Tasik Kenyir seluas 209,199 hektar turut digazet sebagai sebahagian dari kawasan KETENGAH, menjadikan keseluruhan Wilayah KETENGAH seluas 653,075 hektar atau kira-kira $\frac{1}{2}$ keluasan keseluruhan negeri Terengganu.

Oleh itu bermula dengan pembangunan perancangan 1973 hingga 2018, lima pusat bandar dibangunkan. Bandar Al-Muktafi Billah Shah atau ringkasnya AMBS sebagai pusat pentadbiran, Bandar Bukit Besi, Bandar Ketengah Jaya, Bandar Seri Bandi dan Bandar Cheneh Baharu. Akan tetapi dalam 45 tahun, bangunan yang dirancang, aspek pembangunan fizikal tidak berkembang seperti yang diharapkan. Lima bandar yang dibangunkan tidak mencapai tahap

pembangunan ekonomi bandar-bandar yang membanggakan. Wilayah KETENGAH juga tidak menjadi kawasan utama penempatan kerana peluang-peluang pekerjaan yang kurang, yang menyebabkan generasi muda terpaksa berhijrah ke bandar-bandar lain.

Oleh itu, pohon kementerian hendaklah fokus kepada pembangunan prasarana bagi kepentingan penduduk dan rakyat dalam Wilayah KETENGAH. Pertama, baik pulih Jalan Persekutuan Jabor hingga ke Tasik Kenyir bagi kemudahan perhubungan rakyat setempat dan juga perhubungan pelaburan.

Kedua, promosi sukan dan rekreasi kerana adanya padang golf 18 lubang yang boleh digunakan pemain pada satu-satu masa dan juga adanya Tasik Puteri di Bukit Besi, Air Terjun Chemerong di Hulu Dungun.

Ketiga, promosi pelancongan Tasik Kenyir, Muzium Bukit Besi yang hampir siap sebagai suatu destinasi pelancongan.

Di bawah pemantauan kementerian juga dipohon, disediakan oleh KETENGAH profil penduduk dalam Wilayah KETENGAH dan kampung-kampung tradisi, bagi memudahkan pemantauan dan penilaian dibuat terhadap peningkatan pendapatan dan taraf sosioekonomi penduduk yang melibatkan tiga daerah.

Juga diharapkan jika dapat, diwujudkan persatuan atau ladang kelompok dan Wilayah KETENGAH. KETENGAH juga hendaklah memastikan strategi dan mekanisme pemasaran bersama dengan agensi-agensi lain termasuk juga jika perlu wujudkan syarikat ejen pengurusan dan pemasaran dari projek-projek ekonomi yang dilaksanakan dalam Wilayah KETENGAH. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Dungun. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kuala Krai. Selepas ini Yang Berhormat Tampin.

7.06 mlm.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memulakan lawatan ke Kelantan dengan mengunjungi Yang Amat Berhormat Menteri Besar demi kebaikan bersama. Semoga membuahkan hasil yang baik, khususnya hubungan dua hala di antara kerajaan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan.

Saya merujuk kepada Objek 400000 iaitu Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap yang berkurangan sekitar RM2 bilion ataupun hampir RM2.3 bilion. Kenapakah berlaku pengurangan ini dan apakah yang dipotong?

Kedua ialah Butiran 020000 – Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Asas di bawah Butiran 020300 – Penyelarasan dan Pemantauan, juga dikurangkan sebanyak RM12 juta. Untuk apakah pematangan ini dan kenapakah berlaku?

Ketiga ialah Tuan Pengerusi, saya rujuk kepada Butiran 02300 iaitu Jalan-jalan Luar Bandar. Saya mengucapkan tahniah atas kenaikan jumlah yang agak besar. Saya ingin

merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana meneruskan projek ini dan ia sangat berkeperluan terutama kepada penduduk pedalaman luar bandar, khasnya Kuala Krai. Kuala Krai antara kawasan yang masih ketinggalan jauh dari sudut jalan-jalan luar bandarnya.

Saya boleh bagi contohnya. Contohnya jalan dari Kampung Biak ke Kampung Jenal di daerah Dabong yang tidak berturap. Contoh yang kedua ialah dari Kampung Bahagia ke Kampung Pasir Kelang dan juga dari Pasir Kelang ke Gual Ipoh, Tanah Merah, yang kedudukannya berada di seberang Sungai Kelantan. Sudahlah mereka terpaksa menggunakan perkhidmatan feri untuk menyeberangi Sungai Kelantan dari Bandar Kuala Krai yang beroperasi di Pasir Kelang, jalan pula untuk menuju ke kampung-kampung yang saya sebutkan tadi ialah berbatu dan tidak berturap.

Saya cadangkan jalan-jalan yang berada di seberang Sungai Kelantan ini, akan mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak kementerian kerana jika hujan lebat, khususnya musim-musim seperti ini, air naik dan mungkin air deras, air kuat. Perkhidmatan feri akan terhenti untuk menyeberangi Sungai Kelantan ini untuk ke kampung tersebut dan penduduk terpaksa menggunakan jalan darat yang tidak berturap, keluar melalui Tanah Merah. Jaraknya sekitar antara 30 kilometer hingga 40 kilometer tetapi memakan masa perjalanan lebih dua jam.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Selain itu saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan projek Jambatan Pasir Kelang yang ada kaitan dengan jalan-jalan yang telah saya sebutkan tadi, yang telah diumumkan oleh kementerian ini. Tendernya akan keluar pada bulan April 2019. Menurut jawapan yang telah diberikan sewaktu perbahasan peringkat Dasar, peruntukan kepada projek jambatan ini sebanyak RM4 juta. Saya yakin, projeknya bukan RM4 juta tetapi mungkin tertinggal kosongnya kerana menyeberangi Sungai Kelantan ini adalah sudah pasti jambatan yang agak lebar, mungkin RM40 juta ataupun lebih daripada itu.

Tuan Pengerusi, yang seterusnya ialah saya merujuk kepada Butiran 050500 – Kos Operasi dan Penyelenggaraan Lampu Jalan Kampung.

■1910

Saya memohon agar pihak kementerian melalui agensi-agensi mengenal pasti kawasan-kawasan untuk pemasangan lampu ini dan diberi perhatian serius untuk keselamatan penduduk kawasan-kawasan utama seperti persimpangan jalan, simpang tiga, simpang empat, kawasan masjid, kawasan-kawasan perkuburan dan sebagainya. Selain itu, Kuala Krai juga terdapat banyak kawasan peranginan seperti- saya bagi contoh di sinilah, Lata Rek dan Lata Berangin. Kawasan-kawasan ini merupakan tumpuan utama pelancongan. Jika tidak berhalangan daripada pihak kerajaan, saya mewakili warga Kuala Krai akan mengemukakan permohonan kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi, seterusnya ialah saya merujuk kepada Butiran 020600 – Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR). Wilayah KESEDAR mewakili empat Parlimen iaitu Gua Musang, Kuala Krai, Tanah Merah dan juga Jeli yang dikenali sebagai kawasan Kelantan Selatan. Seharusnya ia berfungsi sebagaimana yang digariskan oleh kementerian untuk menjadikan kawasan Kelantan Selatan sebagai kawasan yang maju dengan penduduk yang makmur, ekonomi yang produktif dan menguntungkan serta melahirkan masyarakat yang sejahtera. Kalau melihat kepada fungsi yang digariskan dan diharapkan oleh pihak kementerian, ia adalah sangat baik.

Namun, saya sangat sangsi dengan fungsi sebenar KESEDAR ini. Pemerintahan terdahulu dilihat menjadikan KESEDAR ini sebuah kerajaan di dalam kerajaan. Saya berharap kerajaan baharu ini lebih terbuka dan benar-benar meletakkan KESEDAR di landasan yang sebetulnya agar kewujudannya memberi manfaat kepada seluruh rakyat. Kerenah birokrasi hendaklah dibuang sepenuhnya agar ia benar-benar berfungsi dengan baik.

Di Kuala Krai, saya difahamkan beberapa pejabat operasi telah ditutup beberapa tahun lepas oleh pentadbiran terdahulu. Antaranya ialah pejabat operasi di Chenulang, Temalir, Sungai Pas, Cucuh Puteri dan Sungai Sam. Kenapakah pejabat-pejabat operasi ini ditutup? Tidakkah penutupan ini akan menjejaskan operasi KESEDAR? Ini pentadbiran dahulu, maksud saya. Akan tetapi penutupan ini sudah pasti ada kesannya. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian akibat penutupan pejabat operasi ini?

Saya mengharapkan Pengerusi baharu KESEDAR yang dilantik dapat berperanan dengan sebaiknya walaupun bukan daripada kalangan warga Kelantan Selatan kerana ia adalah dari warga Machang sebagaimana Pengerusi-pengerusi terdahulu daripada kalangan warga Kelantan Selatan iaitu dari Jeli dan Kuala Krai. Saya amat mengharapkan agar dapat membawa aspirasi KESEDAR dengan sebaiknya dan akan dapat dirasai oleh warga Kelantan Selatan. Kewujudan agensi ini bukan sahaja tertumpu di kawasan-kawasan tertentu dengan peruntukan yang agak lumayan diberikan kepada KESEDAR ini, supaya diagihkan sama rata dan dapat dinikmati oleh seluruh rakyat. Saya juga ingin bertanya, berapakah anak syarikat di bawah KESEDAR ini? Apakah tujuan anak-anak syarikat KESEDAR ini diwujudkan oleh pihak kementerian?

Kuala Krai mempunyai beberapa kawasan peranginan yang masyhur dan cantik. Saya mencadangkan KESEDAR mengambil peluang ini untuk memajukan kawasan-kawasan pelancongan ini seperti Lata Chatel, Lata Janggut, Lata Berangin bahkan Gunung Stong yang memang tersohor di kalangan masyarakat.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 050200 – Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Saya berharap kewujudan MPKK tidak akan mengulangi kesilapan JKPP yang mana seolah-olahnya Kerajaan Pusat cuba membayangi kewujudan kerajaan negeri. Ia adalah mimpi buruk kepada rakyat. Saya bagi contoh yang mudah untuk bantuan KWAPM, buku teks, baja dan lain-lain lagi terpaksa menghadapi kerenah birokrasi daripada JKPP

terdahulu. Jadi harap-harap MPKK yang kita tubuhkan ini khususnya ada kerjasama yang baik dengan pihak kerajaan negeri akan dapat dimanfaatkan dengan sebaik mungkin.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 00602 – Maktab Rendah / Kolej Sains MARA. Saya difahamkan bila berlaku kekurangan guru, kewujudan guru pembantu di MRSM ialah untuk menggantikan guru-guru yang bersalin, sakit atau bercuti. Kekurangan ini menyebabkan pembelajaran pelajar tergendala. Ia akan memberi kesan kepada pelajar-pelajar terutama pelajar yang akan menghadapi peperiksaan PT3 dan juga SPM.

Terakhir Tuan Pengerusi, ialah berkaitan dengan Butiran 050700 – Insentif Galakan Tanam Semula KESEDAR, yang peruntukannya hampir sama di antara 2018 dan 2019. Saya ingin bertanya, apakah yang dimaksudkan dengan insentif tanam semula ini? Kepada siapakah insentif ini diberikan? Bolehkah Yang Berhormat, senaraikan jenis-jenis tanaman yang terlibat untuk insentif ini? Berapakah jumlah tanaman semula yang dijayakan oleh pihak KESEDAR?

Akhir sekali, saya mengharapkan Yang Berhormat Menteri dapat memantau sendiri dengan lebih dekat operasi agensi-agensi di bawah kementerian khususnya KESEDAR dengan mengambil tindakan turun ke kawasan-kawasan. Saya mengalu-alukan Yang Berhormat turun ke Kuala Krai khususnya untuk melihat dari dekat. Sesungguhnya masyarakat luar bandar sangat mengharapkan perhatian daripada pihak kementerian. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tampin.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Lepas Yang Berhormat Tampin Tuan Pengerusi?

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu. Lepas Yang Berhormat Tampin, Setiu.

7.15 mlm.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membicarakan ada beberapa perkara tentang butiran dalam Belanjawan 2019 ini.

Pertamanya ialah Butiran 050200 – Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah elaun yang diberikan kepada Pengerusi dan juga Jawatankuasa MPKK ini memadai? Sedangkan kerja-kerja yang ditanggung oleh MPKK ini begitu besar dan begitu rencam. Sekiranya kalau boleh dinilai semula supaya peruntukan ataupun elaun yang diberikan kepada mereka itu dinilai ataupun dilihat semula supaya dipertingkatkan.

Keduanya, tajuk yang sama. Peruntukan RM10,000 yang akan diberikan kepada MPKK untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang dikendalikannya. Apakah ianya memadai sedangkan keluasan di antara pentadbiran MPKK itu berbeza di antara satu MPKK dengan MPKK yang lain? Apakah peruntukan yang RM10,000 itu ada perbezaannya di antara MPKK yang luas kawasannya? Kadang-kadang satu MPKK itu ada yang lima kampung, ada yang tiga kampung

dan sebagainya. Jadi oleh sebab itu, saya mengharapkan supaya perkara ini dinilai ataupun dilihat semula.

Kemudian, Butiran 00100 – Pendidikan Kemahiran. Saya ingin bertanya, apakah pendidikan kemahiran ini terfokus kepada komuniti belia? Sekiranya kepada komuniti belia, bagaimana ia diberikan? Apakah aspek-aspek yang menjadi keutamaan untuk diberikan kepada komuniti untuk memberikan kemahiran kepada mereka? Kadang-kadang kita menganjurkan kemahiran tetapi tidak dapat diterima dalam satu-satu kawasan itu. Mungkin ada perbezaan di antara satu kawasan dengan kawasan yang lain. Hal ini juga, bagaimana pendidikan kemahiran ini dapat disalurkan kepada mereka yang tidak layak ataupun tidak dapat menyambung pengajiannya di institusi pengajian tinggi?

Perkara yang ketiga yang saya hendak bangkitkan ialah Butiran 00611 – Program GIATMARA. Di mana program ini adalah suatu program yang bagus ataupun baik dan ia perlu dipertingkatkan di kawasan-kawasan Parlimen. Sebagai contoh, saya ingin memberi maklum. Di daerah Tampin, hanya ada satu sahaja kegiatan MARA sedangkan penduduk luar bandar ataupun penduduk di kawasan luar bandar itu memerlukan pusat GIATMARA ini untuk memberi kemahiran kepada mereka. Bagaimana mereka hendak meneruskan soal rangsangan kehidupan mereka pada masa akan datang?

Perkara yang seterusnya yang saya hendak sebut ialah Butiran 01707 – Pemasangan Baharu Lampu Jalan Kampung. Di mana kita dapati masih banyak lagi tempat-tempat yang perlu dipasang lampu khususnya di tempat-tempat yang berbahaya.

■1920

Jadi oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya kementerian membuat satu kajian yang menyeluruh tempat-tempat yang perlu diletakkan lampu supaya tidak mendatangkan satu perkara yang tidak diinginkan di satu-satu kawasan itu.

Perkara yang seterusnya saya hendak sebut ialah Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar. Walaupun terdapat peningkatan daripada segi jumlah belanjawan itu, tetapi banyak jalan-jalan di kampung rosak. Khususnya jalan-jalan yang berhampiran dengan sungai di mana sungai itu adanya pengambilan pasir-pasir dan dilalui oleh lori-lori besar menyebabkan jalan-jalan di kampung itu rosak yang menyebabkan masyarakat di kampung itu berhadapan dengan masalah ketika melalui jalan-jalan yang rosak itu. Terdapat juga jalan-jalan yang belum diturap.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, minta penjelasan. Hendak menyokong Yang Berhormat.

Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Tinggal sedikit sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hendak sokong. Elaun MPKK tadi, apakah Yang Berhormat hendak cadangkan- dahulu RM900 sekarang potong tinggal RM500. Apakah Yang Berhormat hendak cadangkan RM900 balik? Jadi saya mencadangkan supaya Yang Berhormat cadang kepada Menteri RM900 balik. Yang lama, ikut yang asal.

Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Silakan masuk dalam ucapan saya. Perkara yang seterusnya, butiran yang seterusnya yang saya hendak...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Tampin. Tuan Pengerusi, boleh, Yang Berhormat Tampin? Sedikit sahaja saya hendak tambah yang ini sahaja, Yang Berhormat Tampin.

Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Belum, belum.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Fasal elaun MPKK ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta maaf, Yang Berhormat Jelebu. Yang Berhormat Tampin tidak memberi laluan.

Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Tampin tidak memberi laluan. Tinggal beberapa minit sahaja lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Nanti kalau ada masa, Yang Berhormat Jelebu boleh bercakap.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Lalu Jelebu, saya potong Yang Berhormat Tampin tak bagi lalu.

Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Butiran seterusnya yang saya hendak sebut ialah Butiran 030200 iaitu berhubung kait dengan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat. Saya fikir Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat termasuklah soal-soal pembangunan rumah-rumah PPRT yang memberi kemudahan ataupun memberi kesenangan ataupun memberi keselesaan kepada masyarakat kampung. Saya turun ke kampung-kampung di daerah saya, banyak lagi masyarakat di kampung-kampung ini memerlukan rumah-rumah yang selesa untuk diduduki. Rumah-rumah yang boleh memberi kemudahan kepada anak-anak untuk belajar.

Jadi oleh sebab itulah, apakah peruntukan yang diberikan ataupun yang diperuntukkan di dalam belanjawan ini memadai untuk kita menyelesaikan masalah kemudahan-kemudahan rumah-rumah PPRT ini kepada masyarakat kampung?

Perkara yang seterusnya, butiran yang saya hendak sebut ialah Butiran 050600 – Pusat Komuniti Desa, di mana kalau kita lihat kemudahan-kemudahan balai raya tempat masyarakat kampung berhimpun, berkumpul, bermesyuarat dan sebagainya, banyak yang perlu diperbaiki dan ada barang-barang yang ada ataupun peralatan-peralatan di dalam pusat komuniti ini telah kadang-kadang tidak boleh diguna pakai lagi.

Jadi oleh sebab itu lah peruntukan-peruntukan ini harus diberikan kepada masyarakat ataupun komuniti kampung supaya komuniti kampung ini dapat membangun kehidupan yang lebih selesa dan masyarakat dapat berkumpul dan dapat mengeratkan hubungan silaturahim, di samping penyediaan tempat-tempat riadah, sukan ataupun sebagainya kepada pemuda-pemuda yang kadang-kadang kita pergi ke kampung-kampung itu tidak terdapat pusat-pusat ini. Jadi oleh sebab itu lah harus diambil perhatian di dalam belanjawan yang kita telah laksanakan ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Satu minit lagi.

Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Demikian juga perkara yang berhubung kait dengan Butiran 00500 iaitu Pusat Kegiatan Masyarakat yang perlu dinilai semula dari segi aspek peruntukannya. Ini kerana di kawasan saya sahaja terdapat beberapa kampung yang masih lagi

tidak terdapat pusat-pusat kegiatan masyarakat ini yang perlu diambil perhatian. Saya fikir sekadar itu. Terima kasih.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Pengerusi, Jelebu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Saya jemput Yang Berhormat Sibuti.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Sibuti pula.

7.25 mlm.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 01700 – Bekalan Elektrik Luar Bandar khusus kepada Butiran 01702 bagi negeri Sarawak. Kita lihat terdapat penurunan berkenaan tentang belanjawan tahun 2019. Walaupun demikian, saya ingin menekankan agar pihak kementerian memberi tumpuan kepada pemasangan elektrik bagi kawasan rumah agam di Niah dan juga kawasan Lusut di kawasan Lambir.

Seterusnya adalah berkenaan tentang Butiran 01707 berkenaan tentang Pemasangan Lampu Baharu. Saya melihat terdapat penurunan belanjawan pada tahun 2019. Walaupun demikian, saya ingin memberi penekanan agar pemasangan lampu ini diberikan fokus kepada simpang-simpang jalan terutamanya jalan-jalan kampung dan juga jalan-jalan masuk ke rumah-rumah panjang terutamanya di kawasan Parlimen Sibuti.

Begitu juga berkenaan Butiran 02002 – Bekalan Air Luar Bandar. Saya ingin memberi penekanan berkenaan tentang keperluan mendesak bagi kawasan Rumah Panjang Nyayong dan juga Rumah Panjang Mandau. Seterusnya Kampung Kuala Lajong, Niah dan juga saya ingin memberi tumpuan kepada penyambungan elektrik di kawasan Rumah Panjang Jambai.

Untuk makluman Menteri, berkenaan tentang bekalan air luar bandar dan juga bekalan air di kawasan Parlimen Sibuti, kebanyakan projek-projek hanya bermula pada tahun 2010. Bermaksud, kebanyakan penduduk-penduduk hanya menikmati bekalan elektrik dan juga air pada tahun 2010. Maka senarai-senarai yang saya sebutkan itu adalah *balance*, dengan izin, rumah-rumah ataupun rumah-rumah di kampung-kampung yang masih lagi belum menerima *this basic infrastructure of waters and electricity*. Saya berharap agar Menteri memberi tindakan terhadap permohonan saya tadi.

Begitu juga dengan Butiran 02300 berkenaan tentang Jalan-jalan Luar Bandar. Saya melihat terdapat peruntukan yang besar bagi jalan-jalan luar bandar. Saya ingin perincian berkenaan tentang belanjawan yang diberi kepada negeri Sarawak dan juga bagi kawasan Parlimen Sibuti. Saya berharap pihak kementerian dapat mempertimbangkan agar projek jalan ke kawasan Rumah Patrick Libau, Tangap, Niah sepanjang sembilan kilometer diberikan tumpuan dan juga jalan di kawasan Pakut yang melibatkan tiga rumah panjang agar dibina jalan yang berturap bagi Rumah Duat Jeli dan Rumah Edot Ikau.

Begitu juga berkenaan tentang Butiran 050200 iaitu Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Di sini saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian,

bagaimanakah penyaluran elaun ini kepada negeri Sarawak? Adakah Kerajaan Negeri Sarawak diberikan peruntukan? Juga, bagaimanakah cara pengurusan elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung ini?

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, kerajaan negeri telah mengambil alih pembayaran gaji kepada ketua-ketua kampung dan juga tuai rumah setelah elaun JKK ini ditamatkan. Saya mengambil pendekatan agar Yang Berhormat Menteri dapat berbincang agar elaun ini tidak digunakan sebagai alat politik daripada pihak negeri Sarawak dan juga pihak Kerajaan Persekutuan.

Saya tidak ingin melihat Kerajaan Persekutuan membelanjakan semata-mata mewujudkan MPKK ini di negeri Sarawak dan juga ada satu lagi kumpulan ketua masyarakat dibayar oleh kerajaan negeri. Lebih baik kita menjalankan satu kerjasama senada dan kita membayar kalau dapat menggunakan pendekatan 50-50 ataupun menggunakan kaedah agar kita tidak berlumba-lumba untuk membayar kumpulan-kumpulan ataupun pemimpin-pemimpin di akar umbi ini.

Saya juga mencadangkan sekiranya terdapat kerjasama yang baik antara Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri berkenaan tentang pembayaran elaun ini agar dapat lebih elaun ini dipindahkan kepada perkara-perkara yang lebih penting terutamanya jalan-jalan pembangunan desa.

■1930

Seterusnya, adalah Butiran 040300 – Kemajuan Masyarakat (KEMAS), terutama sekali berkenaan dengan tadika.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, Kerajaan Negeri Sarawak melalui ADUN-ADUN dan juga Ahli Parlimen, kami menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri Sarawak untuk membantu membina tadika-tadika KEMAS di kawasan kami. Sebagai contoh, bagi tahun 2018 dan juga tahun 2019, kita telah menyenaraikan tadika-tadika yang akan dibina untuk KEMAS. Maka, di sini kita telah memperlihatkan bahawa kita ingin memberi kerjasama agar pihak kerajaan dan pihak kementerian turut membantu berkenaan dengan tentang pembinaan tadika-tadika KEMAS ini dengan melengkapkan peralatan-peralatan pembelajaran, terutamanya bagi pembangunan *early childhood*, dengan izin.

Seterusnya, adalah saya berharap agar Yang Berhormat Menteri dapat meluangkan masa untuk pergi ke Sarawak, terutamanya kawasan-kawasan luar bandar Sarawak yang masih lagi memerlukan perhatian.

Begitu juga saya berharap agar Yang Berhormat Menteri dapat mencari satu formula membantu rakyat-rakyat di luar bandar, terutamanya pembinaan rumah-rumah, terutamanya membaiki rumah-rumah panjang ataupun memberi satu pelan berkenaan tentang bagaimanakah untuk meningkatkan pendapatan-pendapatan masyarakat di kawasan luar bandar. Saya rasa itu sahaja daripada Sibuti. Saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelevu]: Jelevu.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Jelebu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Jelebu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya jemput Yang Berhormat Nibong Tebal.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Aduhai. Selepas itu? Jelebu.

7.32 mlm.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa ini.

Saya ingin memulakan dengan Butiran 04200 – Projek-projek PERDA. Diperuntukkan sebanyak RM17.6 juta. Jadi, saya ingin pencerahan daripada pihak kementerian, apakah projek-projek ini? Adakah program-program kemasyarakatan yang berbentuk pembangunan sosioekonomi ataupun projek-projek fizikal yang dirancang oleh pihak PERDA.

Kedua, berkenaan projek-projek ini, sama ada pihak PERDA ada perancangan untuk tiga tahun yang akan datang iaitu hingga ke tahun 2020.

Butiran kedua berkenaan dengan PERDA ialah Butiran 020900 – Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) yang diperuntukkan sebanyak RM10.7 juta dalam tahun 2019 yang turun daripada RM17.48 juta dalam tahun 2018. Saya difahamkan bahawa yang Ahli Lembaga Pengarah PERDA baharu dilantik. Saya ingin tahu adakah ada wakil daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang ataupun wakil politik ada ataupun tidak di dalam Ahli Lembaga Pengarah PERDA?

Sehubungan dengan itu, dengan pengurusan di pihak PERDA, saya ingin pencerahan daripada pihak kementerian tentang projek-projek yang tidak dapat diselesaikan oleh pihak PERDA ataupun *PERDA Ventures*. Terutama sekali kelewatan membayar *progress payment* kepada projek-projek yang dilaksanakan oleh pihak-pihak pemaju yang menjadi rungutan yang kita dengar sekarang. Terutama sekali salah satu projeknya ialah di Teluk Bahang, di Pulau Pinang.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin terus kepada Butiran 050200 – Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang diperuntukkan sebanyak RM231.9 juta turun daripada RM297.6 juta pada tahun 2018. Bagi saya ini tidak sepatutnya dikurangkan peruntukan ini. Kalau boleh pihak kementerian lobi lagi untuk mendapatkan lebih daripada Kementerian Kewangan kerana memandangkan institusi ini adalah *frontline leaders*, dengan izin, di peringkat akar umbi yang bukan sahaja menjadi mata dan telinga pihak kerajaan tetapi boleh membantu menjana usaha-usaha untuk membangunkan ekonomi setempat.

Kalau diperhatikan, MPKK ini adalah penjenamaan semula daripada Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKK). Tidak sepatutnya jadi Jawatankuasa Kemajuan Kampung sebab ada juga dalam kawasan-kawasan bandar. Oleh sebab itu, Pulau Pinang di peringkat awal dibagi nama Jawatankuasa Kemajuan Komuniti.

Saya harap kalau ini pun boleh juga jadi Majlis Pengurusan Kemajuan Komuniti. Bukan sahaja kampung sebab di kawasan-kawasan bandar, Parlimen-parlimen bandar pun ada juga MPKK di dalam kawasan-kawasan bandar. Kita juga dapati timbul beberapa isu berkenaan dengan isu MPKK ini.

Pertama, berkenaan dengan kawasan yang diperuntukkan dan yang kedua ialah tentang komposisi jawatankuasa. Ini berkaitan dengan parti-parti komponen dalam Pakatan Harapan sendiri. Saya harap pihak kementerian boleh lihat perkara ini sebab ia menjadi isu besar di peringkat bawah. Di peringkat bawah di negeri-negeri yang dikuasai oleh Pakatan Harapan sebab kita ada beberapa komponen dalam itu. Isu tentang pembahagian kawasan dan juga tentang komposisi pelantikan MPKK. Kita tidak mahu yang satu-satu kawasan, satu-satu jawatankuasa itu di monopoli oleh satu-satu parti politik sahaja sebab kita nak *serve* semua di dalam satu kawasan.

Saya harap ini isu yang agak menjadi isu panas di peringkat akar umbi, di peringkat negeri. Pihak kementerian boleh lihat ini, melihat semula SOP tentang pengagihan kawasan dan juga tentang pelantikan komposisi MPKK. Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh tentang KEMAS. Ada tiga butiran yang berkaitan dengan KEMAS.

Pertama, Butiran 040300 Kemajuan Masyarakat (KEMAS) sendiri di bawah Kepala Pembangunan yang diperuntukkan sebanyak RM143.6 juta iaitu modal insan dan pendidikan.

Keduanya, Butiran 050300 – Bantuan Makanan Tambahan KEMAS yang diperuntukkan sebanyak RM120 juta. Kemudian Butiran 051000 – Emolument Kakitangan KEMAS Lantikan Tetap yang diperuntukkan sebanyak RM313.4 juta. Jumlah yang berkaitan dengan KEMAS adalah RM577 juta.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana memberi pengiktirafan kepada KEMAS. Betapa pentingnya peranan KEMAS ini sejajar ataupun konsisten juga dengan MPKK. KEMAS adalah juga institusi *frontline* ataupun di peringkat akar umbi yang benar-benar memainkan peranan penting untuk menjana kemajuan di peringkat akar umbi. Malah, ia bukan sahaja macam MPKK yang menjadi mata dan telinga kerajaan. Akan tetapi ia menjadi instrumen penting kepada parti pemerintah untuk bukan sahaja membina pengaruh tetapi untuk menjana pembangunan-pembangunan penting bagi masyarakat setempat.

Justeru itu, saya ingin pencerahan daripada pihak kementerian. Satu, tentang pelantikan dan emolument kakitangan KEMAS iaitu bawah Butiran 051000 tadi. Apakah syarat-syarat pelantikan-pelantikan?

Hingga kini, berapakah jumlah kakitangan dan pusat KEMAS yang terdapat di seluruh negara? Apakah skim gaji mereka sekarang ini? Adakah rancangan di pihak kementerian

ataupun pihak kerajaan untuk menyemak semula modul latihan guru-guru KEMAS dan juga kurikulum pembelajaran pusat-pusat asuhan KEMAS di dalam negara.

■1940

Keduanya Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Butiran 050300 - Bantuan Makanan Tambahan KEMAS. Saya ingin kepastian daripada pihak kementerian tentang program ini, adakah program ini untuk bekalan makanan kepada pusat-pusat asuhan KEMAS yang terdapat di seluruh negara ataupun program khusus yang diberikan kepada penduduk-penduduk setempat di sekitar pusat latihan? Kalaulah ia begitu, apakah syarat-syarat kelayakan pemohon dan bagaimana mekanisme pengagihan bahan-bahan makanan tersebut? Itu saja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Nibong Tebal.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Tuan Pengerusi, Hulu Terengganu.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Hulu Terengganu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya jemput Yang Berhormat Jelebu [Ketawa]

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Selepas ini Setiu.

7.41 mlm

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Syukur *Alhamdulillah*. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya Tuan Pengerusi, hari ini saya kecewa sangat Tuan Pengerusi. Saya hendak mulakan perbincangan saya dengan perasaan yang sangat kecewa, kerana dua sahabat saya Yang Berhormat Rasah dan Yang Berhormat Tampin tidak bagi saya laluan, yang lain tidak apa. Tuan Pengerusi, saya hendak mulakan...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya minta maaf. Saya minta maaf ya Yang Berhormat Jelebu, minta maaf.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Dimaafkan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Okey.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Pengerusi, saya hendak mulakan perbincangan pada malam ini untuk... [Disampuk] Pada siang ini untuk- tadi saya hendak *chairman* untuk MPKK ini Tuan Pengerusi, Butiran 050200 ialah Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang saya hendak masuk ke Rasah, saya hendak masuk ke apa tadi.

Cumanya Tuan Pengerusi kerana perbezaan elaun MPKK negeri dan Federal, ada negeri yang tambah RM500 elaun MPKK, ada negeri tak tambah. Negeri miskin tidak tambah, negeri kaya tambah. Macam Negeri Sembilan dia tambah RM500 untuk makluman Yang Berhormat Rasah. Jadi Negeri Sembilan dapat RM1,000, ini tidak adil kepada Pengerusi MPKK yang lain. Itu pertama Tuan Pengerusi. *Why not* kementerian, saya hendak minta Menteri supaya

once for all decide elaun tidak boleh turun. Daripada RM900, *you* naikkanlah pergi gaji minimum RM1,050 umpamanya. Pertama.

Kedua Tuan Pengerusi, pelantikan MPKK ini dia bergaduh. Di Jelevu Tuan Pengerusi, ada tiga kampung masih tidak lantik MPKK kerana bergaduh. Bergaduh fasal apa? Calon PKR ada, calon PAN ada, calon BERSATU ada, calon DAP ada, lagi apa?

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: AMANAH.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelevu]: AMANAH ada. Dia bergaduh.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: WARISAN.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelevu]: Bila bergaduh Tuan Pengerusi [*Ketawa*] Minta Tuan Pengerusi tolong *warning* mereka ini, jangan kacau [*Ketawa*] Bila bergaduh Tuan Pengerusi, keputusan tidak boleh buat. Bila tidak boleh buat, masalahnya ialah rakyat. Orang kampung tidak ada seorang ketua.

Akhirnya Tuan Pengerusi, ketua yang dilantik itu di kalangan orang yang tidak layak untuk menjadi ketua. Langsung tidak boleh buat mesyuarat kerana jawatankuasa MPKK tidak boleh lantik. Kenapa tidak boleh lantik? Ini kerana semua orang UMNO, semua orang Barisan Nasional. Sepatutnya tidak ada parti di dalam MPKK, lantik sahaja. Saya sudah bagi tahu, semua pengikut saya yang ramai di Jelevu bagi tahu, *please support MPKK because this is for the sake of our kampung, our state, district and juga our country.*

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Dengan izin... [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelevu]: Saya sudah bagi tahu, dengan izin, dengan izin. Timbalan Speaker yang sudah tidak jadi Timbalan Speaker tolong diam [*Ketawa*] Saya sudah bagi tahu Tuan Pengerusi, jadi tidak boleh buat mesyuarat. Kerja dia apa Tuan Pengerusi? Pergi ambil kunci balai raya...

Seorang Ahli: Pengerusi, pengerusi.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelevu]: Tuan Pengerusi, *sorry*. Minta maaf Tuan Pengerusi, saya harap Tuan Pengerusi maafkan saya dan tidak hukum saya untuk tidak bangun.

Seorang Ahli: Pengerusi.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelevu]: Tuan Pengerusi, minta maaf [*Ketawa*] Boleh saya sambung?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelevu]: Saya pun sudah lupa sudah [*Ketawa*] Dia tidak boleh lantik, tidak boleh buat mesyuarat. Kerja dia pergi ambil kunci balai raya, pergi ambil kunci balai masyarakat. Ini tidak sepatutnya berlaku Yang Berhormat Menteri. Panggil MPKK ini, bagi dia kuliah sedikit. Bagi dia tarbiah sedikit supaya pemimpin masyarakat mengikut keadaan dan suasana kerajaan. Oleh kerana itu kerajaan dahulu buat, kita ambil satu, kita ada *guideline* kita. Kita lantik satu pemimpin di peringkat kampung yang boleh diterima oleh semua masyarakat.

Kemudian Tuan Pengerusi, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri supaya... *[Disampuk]* Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri supaya tolong Jelebu bagi perhatian kepada tapak MARA Simpang Pertang.

Again, saya *raise* dalam Dewan mulia ini supaya tapak Dewan Simpang Pertang ini, tanah kita sudah bagi *prime area*, kawasan *prime area* tengah bandar, keadaan dalam suasana dua hektar. Premium sudah bayar, ini tempat untuk supaya masyarakat luar bandar boleh menjalankan perniagaan mereka di kawasan berkenaan.

Akan tetapi sampai hari ini, tidak lagi mendapat kata putus daripada kementerian. Kos pembangunan cuma RM2.8 juta sahaja Yang Berhormat Menteri. Kalau boleh dapat diberi perhatian dan diberi prioriti, keutamaan untuk buat pembinaan pusat pengurusan ataupun premis perniagaan MARA di kawasan yang berkenaan.

Kedua, premis perniagaan MARA di Simpang Gelami. Bajet sudah lulus RM1.5 bilion, tetapi masih lagi tidak dijalankan dan sekarang jadi gajah putih. Maknanya gajah putih, bangunan sudah usang tidak boleh masuk dan tidak boleh buat apa-apa. Bajet ada, saya tidak tahu mana pergi. Saya minta kementerian tolong bagi perhatian. Ketiga, premis perniagaan MARA di Simpan Durian.

Perkara yang sama juga dan perkara yang tidak kurang pentingnya kepada Tuan Pengerusi, saya hendak minta kerajaan juga, ini lampu jalan yang Yang Berhormat Bera sudah luluskan dulu. Kementerian semasa Yang Berhormat Bera jadi Menteri, lampu jalan daripada semua kampung di Jelebu, satu pertiga pun tidak buat Yang Berhormat Bera. Kementerian bila sampai kepada- ini Menteri kawasan mana, Rasah ya?

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Seri Rina binti Mohd Harun]: Titiwangsa.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Titiwangsa. Bila sampai ke Titiwangsa, dia potong fasal Titiwangsa kawasan bandar. Saya hendak jemput Yang Berhormat Menteri dipersilakan datang ke Jelebu untuk tengok suasana kampung di Jelebu yang cukup aman, cukup baik tetapi masih memerlukan peruntukan kerajaan bagi kesejahteraan rakyat.

Tuan Pengerusi, saya hendak sambung sedikit- yang ini saya hendak masuk ke kepala Tuan Pengerusi. Saya hendak masuk kepala peruntukan mengurus ini. Perbezaan Tuan Pengerusi, perbezaan kepala ini RM2.3 bilion, penurunan hampir 43 peratus... *[Disampuk]* Butiranlah. Yang Berhormat Menteri sebut penurunan kerana adalah punca kepada peralihan RM2 bilion daripada biasiswa MARA pergi ke peruntukan pembangunan.

Akan tetapi bila saya semak balik, saya tidak tahu sama ada semakan saya betul atau tidak tetapi bila saya cakap dalam Dewan Rakyat, semakan ini sudah pasti betul. Bajet peruntukan butiran pentadbiran dan pengurusan aset kementerian meningkat RM33.9 juta pada tahun 2018 kepada lebih RM51 juta pada tahun 2019. Peningkatan RM17 juta. Peningkatan ini adalah Butiran 10000 - Emolumen. Pada tahun 2018, peruntukan emolumen dan gaji adalah RM10.78 juta kepada 416 staf, meningkat kepada RM24.5 juta. Peningkatan dua kali ganda pada tahun 2019.

Akan tetapi kalau kita lihat perjawatan, tidak berlaku sebarang peningkatan. Malah pada tahun 2018, kita cuma ada 416 staf. Pada tahun 2019, turun kepada 415 staf. Saya tidak tahu kenapa, adakah kenaikan berlipat ganda kepada emolumen ini ataupun sebagainya?

Butiran terakhir dalam masa yang singkat, saya ada satu lagi butiran tetapi tidak sempat kerana diganggu oleh rakan-rakan.

Akan tetapi saya masuk satu, yang ini sangat penting Tuan Pengerusi, yakni Butiran 050300 - Bantuan Makanan Tambahan KEMAS. Ini penting. Anak-anak kita yang masuk Tadika KEMAS memerlukan nutrisi yang sangat berkualiti. Akan tetapi peruntukan makanan ini Tuan Pengerusi, diturunkan sebanyak RM22 juta kepada hanya RM120 juta berbanding RM142 juta pada tahun 2018. Saya hendak minta tolong kementerian, *you have to fight*. Tolong minta peruntukan tadika ini, *this is our assets* untuk generasi masa depan untuk pihak sini dan pihak sana. Kita tidak boleh kompromi dalam soal kualiti pendidikan kepada kanak-kanak awal persekolahan.

Saya hendak cerita sedikit kepada Tuan Pengerusi, seawal bila saya jadi ADUN, mula penggal pertama saya jadi ADUN, saya bagi tahu KEMAS ketika itu supaya *syllabus* KEMAS diubah. Jangan *syllabus* KEMAS ini masih lagi *typical syllabus* seperti dulu kerana kita harus memberikan pendidikan sejajar dengan suasana perkembangan dan juga sejajar dengan teknologi perkembangan teknologi dunia.

■1950

Kita mahu Tadika KEMAS Yang Berhormat Titiwangsa, Yang Berhormat Menteri. Kita mahu Tadika KEMAS mesti *up to the international standard*.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Satu minit lagi Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih *Speaker*. Kita mesti pergi ke standard yang lebih atas.

Beberapa Ahli: Tuan Pengerusi.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Jadi, maknanya Tuan Pengerusi. Saya menaikkan taraf Tuan Pengerusi kepada *Speaker*. Okey.

Seorang Ahli: Tidak boleh...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ini Jawatankuasa, rujuk butiran.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Pengerusi. Kita hendak tengok, Yang Berhormat Menteri ya. Yang Berhormat Menteri. Okey, saya hendak sambung sikit lagi. Ada setengah minit lagi. Saya hendak bagi tahu Yang Berhormat Menteri. Kualiti tadika ini kita mesti *upgrade*. Kalau bajet potong, makanan kurang, budak-budak akan jadi kurus. Pembinaan dan pembangunan fizikal dan mental kanak-kanak akan semakin teruk terutama bagi anak-anak luar bandar. Jadi, saya hendak minta kementerian *please fight* dan pastikan perkembangan minda dan fizikal anak-anak di luar bandar dapat kita pertingkatkan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: *[Bangun]*

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat saya lihat ramai lagi, ada 10 hingga 12 orang. Saya akan bagi peluang semua tetapi mengurangkan kepada lima minit.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Aduhai. Tidak boleh.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya menjemput Yang Berhormat Saratok.

7.51 mlm.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Ini macam dapat loteri... *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Lima minit.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Lain kali saya minta dua minit sahaja.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya sokong Tuan Pengerusi, kurangkan lima minit.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Supaya boleh balik awal sikit.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *I'll be very short.* Saya akan buat yang pendek.

Pertama, merujuk kepada Butiran 050200 iaitu Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Di Sarawak MPKK ataupun sekarang ini masih dipanggil JKK ialah terdiri daripada ketua kaum ataupun ketua masyarakat, tuai rumah, ketua kampung. Dia berbeza sedikit dengan di Semenanjung ini. Ketua rumah ini secara tradisinya dilantik oleh penduduk kampung itu secara demokrasi.

Jadi, komen sedikit fasal daripada Yang Berhormat Sibuti dan Yang Berhormat Lanang tadi. Cadangan daripada PH yang telah kita bahaskan beberapa kali di Dewan Undangan Negeri Sarawak ialah supaya Ketua Kaum ataupun tuai rumah JKK ini dipilih oleh penduduk kampung tanpa melalui pengesyoran daripada Yang Berhormat GPS ataupun Barisan Nasional. Bukan lantikan politik. Justeru itu, saya menyeru agar tuai rumah atau ketua kaum ini tidak diperalatkan untuk tujuan politik. Mereka adalah bukan jentera politik. Jadi, saya amat setuju dengan cadangan Yang Berhormat Sibuti supaya institusi ketua masyarakat, ketua kaum ini tidak diperalatkan oleh mana-mana parti politik termasuk GPS atau PH.

Jadi, saya ingin meminta status peruntukan untuk MPKK atau JKK di Sarawak ini. Memandangkan kerajaan Sarawak telah mengambil alih pembayaran elaun dan berapakah peruntukan ini untuk Sarawak. Adakah Kerajaan Pusat bersedia untuk memperkenalkan lagi kerajaan bertindan ataupun *parallel government* sekiranya Kerajaan Negeri Sarawak tidak memberi kerjasama di dalam isu pelantikan ataupun pembayaran elaun ketua kaum ataupun tuai rumah ini.

Ini kerana pada masa sekarang ini, Kerajaan Negeri Sarawak menggunakan alasan mereka membayar elaun ketua masyarakat ataupun tuai rumah maka, mereka ini tidak dibenarkan menghadiri apa-apa majlis ataupun upacara yang dibuat, yang dihadiri oleh wakil rakyat daripada PH. Ini memang tidak logik sama sekali. Alasannya ialah kerana mereka menerima elaun daripada Kerajaan Negeri Sarawak. Jadi, itu alasan yang tidak kukuh dan ini merumitkan lagi kerja saya sebagai wakil rakyat PH untuk memajukan masyarakat di kawasan kita.

Kerajaan Pakatan Harapan sekarang melarang Yang Berhormat PH menggunakan dewan masyarakat untuk aktiviti kemasyarakatan.

Beberapa Ahli: Tidak boleh...

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Dan saya baru-baru ini difahamkan, minggu ini kita hendak buat persatuan itu hendak membuat *dinner*, majlis makan malam terpaksa dibatalkan kerana Yang Berhormat dari PH datang sebagai, *patron*... [Disampuk] Inilah GPS Sarawak yang selalu saya- saya tidak setuju ini...

Beberapa Ahli: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Saya harap menerima komen daripada wakil GPS di Dewan ini nanti.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Saya ulaskan sikit. Separuh masa.

Seorang Ahli: Tidak payah komenlah...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya rasa tidak perlu Yang Berhormat. Saya bagi peluang nanti Yang Berhormat Kapit.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat Saratok, ada masa?

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Okey, lima minit. Saya cuma ada dua minit sahaja.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Okey.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak apa Yang Berhormat Kapit nanti saya bagi peluang.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Untuk isu yang kedua, ialah saya ingin mengalu-alukan peruntukan sebanyak RM20 juta untuk SALCRA pada tahun depan. Di mana RM5.8 juta secara langsung dan RM14.2 juta sebagai pinjaman. Ini tambahan RM3.0 juta kalau dibandingkan dengan peruntukan 2018. Di sini saya ingin meminta perincian bagaimana peruntukan sebanyak RM20 juta itu digunakan? Adakah untuk penanam semula ataupun untuk projek infrastruktur ataupun yang lain?

Saya juga ingin minta pencerahan akan jumlah pinjaman RM14.2 juta tersebut. Kaedah pembayaran baliknya. Berapakah jumlah semua pinjaman SALCRA yang ada sekarang ini dan juga pinjaman yang dahulu, berapa yang belum dibayar lagi? Itu untuk SALCRA yang Butiran 08000 tadi.

Merujuk kepada Butiran 01702 berkaitan bekalan elektrik luar bandar di Sarawak. Nampaknya ada pengurangan peruntukan bekalan elektrik luar bandar di Sarawak daripada

RM328 juta kepada RM241 juta untuk tahun 2019. Justeru itu, saya minta sekurang-kurangnya diberikanlah peruntukan yang sama.

Isu yang terakhir saya bawa ialah bekalan air luar bandar. Saya mengalu-alukan peruntukan RM193 juta yang jauh lebih banyak berbanding dengan RM119 juta pada 2018. Sekejap ya. Akan tetapi, jumlah anggaran projek bekalan air luar bandar di Sarawak adalah RM5.86 bilion. Justeru itu, saya minta pencerahan rancangan jangka panjang atau *long term planning* untuk keseluruhan negeri Sarawak dalam projek bekalan air luar bandar hari ini. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Saratok.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: [Bangun]

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya jemput Yang Berhormat Hulu Terengganu.

7.57 mlm.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Terima kasih banyak Tuan Pengerusi. Saya terus kepada P.22, Butiran 00400 – Pendidikan Awal Kanak-kanak. Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Jelebu tadi iaitu pendidikan awal kanak-kanak perlu dirombak semula berkaitan dengan silibus, lebih kepada penekanan kepada kesetiaan kepada negara, jati diri dan juga hal-hal disiplin dan kebersihan.

Kemudian, P.22 Butiran 03800 – Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH). Peruntukan yang diberikan daripada RM232 juta menurun kepada RM38 juta. Jadi, ini satu penurunan yang saya rasa cukup besar. Sedangkan di KETENGAH ada kedai bebas cukai yang baharu dibuka.

Kemudian, kawasan pelancongan yang cukup menarik berada di sana, 340 buah pulau, 14 air terjun dan ada 8,000 jenis bunga. Jadi, hal-hal berkaitan dengan kemudahan asas perlu dilihat oleh Yang Berhormat Menteri untuk meningkatkan keselesaan dan juga kesejahteraan para pengunjung pusat pelancongan.

Kemudian, B.22 Butiran 050300 – Bantuan Makanan Tambahan KEMAS. Bantuan makanan Tadika KEMAS menurun daripada RM142 juta kepada RM120 juta. Jadi, persoalan saya apakah penurunan ini akan menjadikan mutu makanan anak-anak kita di tadika akan dikurangkan dan ataupun mungkin jumlah pelajar-pelajar atau anak-anak kita yang akan masuk tadika pada tahun hadapan dikurangkan juga. Itu persoalan saya.

Kemudian Butiran 051000 – Emolumen Kakitangan KEMAS Lantikan Tetap juga menurun daripada RM380 juta kepada RM313 juta. Berkaitan dengan emolumen kakitangan KEMAS lantikan tetap, apakah pengurangan ini disebabkan ramai yang berhenti ataupun diberhentikan ataupun yang pencen? Pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Kemudian yang terakhir, Butiran 01707 – Pemasangan Baharu Lampu Jalan Kampung. Daripada RM95 juta menurun pada RM7 juta. Jadi, saya harap kawasan Hulu Terengganu tidak dipinggirkan. Ini kerana saya di kawasan Hulu Terengganu adalah kawasan luar bandar. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu. Saya jemput Yang Berhormat Kangar.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

7.59 mlm.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian.

Saya ingin mengambil bahagian untuk berbahas tentang perincian peruntukan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar sebab saya rasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini mempunyai peranan penting. Ini kerana kalau kita ambil semangat daripada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, ditekankan tentang untuk merapatkan jurang pembangunan antara wilayah dan juga kemiskinan antara golongan yang kaya dan juga miskin.

■2000

Sebelum ini Timbalan Menteri dalam perbahasan yang sebelum-sebelum ini ada menyebut tentang 25 daerah yang akan diberi perhatian oleh kementerian dan saya ada bangkitkan kerana negeri Perlis tidak termasuk dalam kategori 25 daerah ini. Saya bimbang pemilihan daerah ini diambil berdasarkan hanya pendapatan rakyat kerana di negeri Perlis ini kawasan ia bercampur antara bandar dan juga kampung. Jadi mungkin bila bercampur itu tidak memberikan gambaran sebenar situasi kemiskinan. Ini kerana kalau kita tengok dalam kajian lepas di koridor utara ini, negeri Perlis sebenarnya negeri yang paling ramai dari segi peratusannya rakyat yang miskin. Jadi saya diminta untuk dilihat semula.

Saya percaya kalau ikut berdasarkan dokumen yang terpapar di laman web kementerian sendiri, kalau hendak ikut jumlah kemiskinan di Malaysia dinyatakan sekarang ini lebih kurang 1.1 peratus saja dan dinyatakan juga miskin tegar sekarang berada pada kadar 0.6 peratus. Kalau kita hitung jumlah ini sebenarnya tidak terlalu ramai. Maksudnya kalau kita ambil yang miskin kalau kita kira satu peratus daripada jumlah rakyat hanya lebih kurang 320,000. Akan tetapi kalau kita ambil daripada penduduk luar bandar hanya disebut lebih kurang 78,900. Kalau kita ambil dalam dokumen yang sama dinyatakan kategori miskin tegar di luar bandar ini hanyalah lebih kurang 14,960 orang.

Jadi sebenarnya kalau kita fokus betul-betul untuk mencapai objektif Rancangan Malaysia Kesebelas dan juga rancangan pembangunan, saya fikir ini jumlah yang munasabah untuk kita tangani. Jadi saya hendak tanya dengan kementerian, bilakah sasaran kementerian untuk menjadikan kadar miskin dan juga miskin tegar di luar bandar ini sifar.

Saya seterusnya hendak menyentuh kepada Butiran 02300 dan juga 02400 iaitu berkaitan jalan. Saya hendak tahu bagaimanakah pemilihan jalan-jalan ini dibuat kerana saya dapat aduan daripada penduduk di kawasan bahawa jalan yang kadang-kadang masih elok lagi baru juga diturap masih juga dipilih sedangkan lebih banyak jalan-jalan yang memerlukan.

Begitu juga tentang pembaikan rumah-rumah. Berapa banyakkah sasaran kalau ikut laman web kementerian ia nyatakan boleh buat untuk sama ada bina baru atau pun baiki? Jadi berapakah sasaran untuk baiki dan bina baru? Bagaimanakah kita membuat pilihan untuk rumah yang hendak dibina baru sebab rumah yang dibina baru ini tentulah kosnya lebih tinggi daripada geran biasa yang saya difahamkan lebih kurang RM13,000 saja.

Seterusnya perkara Butiran 050200 – Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Ramai kawan-kawan saya sudah sebut. Saya sedikit kecewa kerana saya dimaklumkan taklimat MPKK telah diberikan kepada pimpinan-pimpinan Parti Pakatan Harapan di negeri Perlis tetapi malangnya Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Parlimen dan juga ADUN tidak dijemput untuk mendengar taklimat yang sama. Bagi saya bukanlah isu sangat fasal hendak pilih daripada parti mana kerana bagi saya yang penting ialah bagaimana MPKK ataupun dulu JKKK dapat berfungsi sebagaimana sepatutnya.

Sebelum ini di Perlis ketika berlakunya denggi saya pernah dengan Jabatan Kesihatan kita buat programlah untuk kesedaran masyarakat tapi kita tengok bagaimana kerjasama tidak diberikan oleh JKKK. Program kesihatan untuk kita bagi kesedaran dalam masyarakat untuk menangani denggi pun, hendak bagi pinjam khemah pun tidak boleh. Ada juga penduduk bagi tahu dengan saya, mereka hendak buat mesyuarat, hendak guna dewan pun tidak boleh. Jadi apa gunanya kita lantik wakil penduduk yang sebenarnya bukan hendak bantu penduduk tapi banyak hendak main politik. Seterusnya...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Seminit lagi.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya nampak perkara Butiran 00200 – Pembangunan Komuniti samar juga, dan juga beberapa perkara ini macam seolah-olah hampir sama. Kita tengok pembangunan ekonomi dan bantuan sara hidup. Jadi kita minta Menteri dapat jelaskan sedikit, apakah perbezaan-perbezaannya.

Saya hendak sentuh juga perkara-perkara Butiran 00400 – Pendidikan Awal Kanak-kanak kerana perbelanjaan tahun 2017 ditunjukkan kosong. Jadi, apakah tidak ada kanak-kanak pada tahun itu? Sehingga sekarang berapa ramai kah kanak-kanak yang mengikut kursus yang ditawarkan di bawah kementerian?

MARA saya tahu bahawa dulu mungkin berada di bawah kementerian yang lain. Cuma saya hendak sentuh tentang Kolej Poly-Tech MARA yang diperuntukkan jauh lebih sedikit berbanding GIATMARA dan Institut Kemahiran MARA. Kenapa jumlah ia terlalu sikit? Beza ia agak ketara, Kolej Poly-Tech MARA ini hanya dapat RM5 juta berbanding yang lain-lain sepuluh kali ganda, lima kali ganda. Berapakah jumlah pelajar dan jenis perbelanjaan dibuat untuk Kolej Poly-Tech MARA.

Tentang bekalan elektrik, berapakah kadar penembusan elektrik di kawasan di luar bandar khususnya di negeri Perlis? Saya berharap pemasangan lampu pada tahun akan datang di bawah Butiran 01707 mengambil kira hasrat MESTECC. Kementerian lain kita tidak boleh bergerak *in silo*. Saya berharap lampu-lampu yang dipasang di luar bandar juga mengambil kira teknologi dari segi tenaga boleh diperbaharui kerana ini penting untuk jangka masa panjang.

Di bawah Butiran 02000 - Bekalan Air Luar Bandar, perkara terakhir yang saya hendak sentuh Tuan Pengerusi. Sebelum ini saya ada bangkitkan kepada Menteri Tanah, Air dan Sumber Asli, Perlis ini memang dikategorikan bermasalah air. *Non-revenue water* sudah mencecah 70 peratus. Menteri kata tidak mungkin boleh selesai dalam tempoh yang singkat. Menteri kata perbincangan di peringkat kementerian ini tengah fikir sama ada hendak ganti paip-paip baru ataupun hendak buat perpaipan baru di seluruh negeri Perlis.

Jadi saya berharap kita tidak lagi bergerak *in silo*. Saya berharap oleh kerana ada peruntukan untuk bahagian ini, Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga dapat berbincang dengan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli supaya masing-masing boleh ambil tanggungjawab seorang sikitlah. Ini kerana kalau kita tidak mulakan untuk baiki, masalah air di negeri Perlis ini akan berterusan. Jadi tidak guna kita hendak cakap fasal Rancangan Malaysia Kesebelas, hendak rapatkan jurang ekonomi, kononnya hendak jadikan golongan miskin ini lebih setara dengan golongan kaya, kalau perkara yang asas yang dilalui oleh masyarakat dari hari ke hari ini, kita tidak selesaikan.

Jadi sekian setakat itu saja Tuan Pengerusi terima kasih atas ruang berbahas.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kangar.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya jemput seterusnya Yang Berhormat Setiu.

8.06 mlm.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh tentang Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar. Saya memohon kerajaan supaya menyegerakan kelulusan projek meninggikan jalan Ulu Seladang ke Bandar Permaisuri di daerah Setiu. Mengikut kajian yang dibuat oleh JKR kalaulah ditinggikan setinggi empat kaki, ia dapat mengatasi masalah banjir dan masalah hubungan terputus setiap kali musim banjir.

Di mana dianggarkan jalan Ulu Seladang ke Bandar Permaisuri ini ialah sejauh 13 kilometer dan apabila datangnya musim banjir tiga kilometer daripada 13 kilometer ini akan terputus. Begitu juga dengan pembinaan jambatan Sri Bayas yang juga berdekatan dengan *area* yang saya sebut tadi di mana telah dijalankan satu kajian oleh pihak JKR. Peruntukan yang diperlukan ialah sebanyak RM10 juta di mana baru ini dalam tragedi banjir walaupun tidaklah sebesar mana, tetapi jambatan ini sering terputus. Bila naik saja air maka jambatan ini sering terputus, sedangkan penduduk di sekitar jalan Ulu Seladang ke Bandar Permaisuri ini hampir ribuan, pengundi saja dekat 1,000 pengundi. Jadi saya mengharapkan supaya kerajaan

menyegerakan permohonan untuk meninggikan jalan tersebut bagi mengatasi masalah banjir yang sering berlaku di kawasan tersebut.

Kedua, saya dimaklumkan kerajaan juga telah mengadakan satu program yang dikenali sebagai *Rural Business Challenge* bagi membangunkan usahawan belia di peringkat luar bandar. Anggaran bajet yang di peruntukkan adalah sebanyak RM2.04 juta untuk tahun 2019 dan mengalami penurunan sebanyak RM3.8 juta berbanding dengan tahun 2018 di mana tahun 2018 peruntukan sebanyak RM2.4 juta. Persoalannya apakah langkah kerajaan bagi memastikan belia luar bandar seluruh negara dapat merasai peruntukan tersebut? Adakah ia mampu menghasilkan belia luar bandar yang pakar dalam bidang keusahawanan.

Kedua saya nak sentuh tentang Butiran 030300 – Majlis Amanah Rakyat (MARA). Fungsi MARA adalah bagi memacu bidang usahawan Bumiputera secara efektif serta melahirkan usahawan yang berkualiti melalui pelbagai program. Adakah pengurangan anggaran bajet yang lebih daripada separuh daripada peruntukan tahun 2018 bermakna program-program tersebut turut dikurangkan? Apakah langkah kerajaan bagi menjamin bidang keusahawanan ini terus dipertingkatkan, lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar.

Seterusnya Butiran 01700, untuk tahun 2019 hanya RM7 juta di peruntukkan untuk pemasangan baru lampu jalan-jalan kampung berbanding dengan peruntukan sebanyak RM50 juta bagi tahun 2018.

■2010

Persoalan saya, adakah jumlah berkenaan dengan pengurangan sebanyak RM43 juta ini, cukup untuk menampung keseluruhan jalan kampung seluruh negara? Sedangkan pada tahun 2017, di Negeri Sembilan sahaja, RM3.4 juta diperuntukkan untuk pemasangan 4,337 unit lampu jalan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh tentang Projek Bekalan Air Luar Bandar di Setiu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Seminit lagi Yang Berhormat Setiu.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Masih banyak lagi penduduk-penduduk yang belum menerima bekalan air bersih walaupun pernah diluluskan peruntukan sebanyak RM800,000, tetapi peruntukan tersebut hanya cukup untuk memasang paip-paip besar dan hanya sebilangan kecil sahaja yang dapat bekalan air bersih daripada peruntukan yang disalurkan itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [*Bercakap dalam bahasa Arab*]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Saya jemput Yang Berhormat Subang.

8.11 mlm.

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, Subang memang tidak ada kawasan luar bandar tetapi apabila saya perhati perbelanjaan ini, ia cukup luar biasa. Oleh itu saya terpanggil untuk memberi pendapat saya dan juga soalan-soalan saya. Tuan Pengerusi, ini bukan isu politik tetapi pada masa belanjawan, ini adalah isu *tax payers*

money. Jadi isu *by partisan* dan saya harap Yang Berhormat Menteri akan menerima pandangan saya secara *open minded*.

Tuan Pengerusi, ini adalah bajet yang aneh iaitu perbelanjaan mengurus telah menurun mendadak daripada tahun 2018 sebanyak RM5.3 bilion jatuh ke RM3 bilion. Surut sebanyak 43 peratus. Bagi pembangunan pula, naik dari RM3.2 bilion bagi tahun 2018 ke RM5.4 bilion, naik 69 peratus.

Tuan Pengerusi, tidak ada kementerian yang melihat *swing* seperti ini iaitu surut mendadak pengurusan dan selepas itu naik mendadak bagi pembangunan. Dengan izin, a *dramatic shift of this nature must mean a major political shift or major policy shift*. Oleh itu, saya meminta Yang Berhormat Menteri untuk memberi penjelasan, apakah yang telah berubah dari segi *public policy* ataupun daripada segi dasar?

Tuan Pengerusi, B.22, Butiran 030300 – Majlis Amanah Rakyat (MARA) di muka surat 202, melihat pemberian kepada MARA jatuh daripada RM3.5 bilion ke RM1.3 bilion. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan kenapa terdapat potongan yang drastik kepada MARA dari segi pengurusan.

Tuan Pengerusi, saya merujuk pula kepada P.22, Butiran Projek 00601 – Pembangunan Sistem MARA (*Multisectors*) ke Butiran 00620 – Program Penajaan Pendidikan MARA. Di sini saya melihat bahawa bajet sama iaitu bajet kepada MARA tetapi dari segi pembangunan, menerima perbelanjaan RM2.4 bilion. Tahun 2018 tidak ada bajet langsung untuk pembangunan.

Tuan Pengerusi, nampaknya dari pengurusan bajet MARA dipotong tetapi selepas itu, dalam pembangunan bajet MARA naik pula. Saya minta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan sama ada perkara ini adalah satu *accounting treatment* yang baharu dengan izin, *what is the basis for this new accounting treatment?*

Tuan Pengerusi, saya juga dapati kedua-dua bayaran kepada MARA dari pengurusan dan juga pembangunan merupakan kod 40000 iaitu Pemberian dan Kenaan Pembayaran Tetap. Dengan izin, *it looks like this shift in the budget to development, does it mean that MARA will be awarding a lot of new contracts and also acquire a lot of new assets*. Oleh sebab ini pembangunan, bukan lagi pengurusan.

Tuan Pengerusi, *last point* saya ialah memang kita tahu bahawa MARA terdapat beberapa skandal kewangan. Jadi saya hendak minta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan, apakah langkah-langkah *good governance* yang telah diambil oleh kementerian, oleh Yang Berhormat Menteri sendiri supaya isu rasuah dapat dibanteras dan tidak timbul di bawah Kerajaan Pakatan Harapan dalam perkara MARA? Itu sahaja ucapan saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Subang. Saya jemput Yang Berhormat Limbang.

8.14 mlm.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya terus kepada Butiran 00620 iaitu Program Penajaan Pendidikan MARA. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah masih ada polisi dasar di mana anak-anak tajaan MARA yang cemerlang ini iaitu yang mempunyai *loan*, apakah apabila mereka *graduate* dengan cemerlangnya, *loan* ini diubah menjadi biasiswa? Itu satu.

Keduanya, saya ingin bertanya iaitu Butiran 01702 iaitu BELB atau Bekalan Elektrik Luar Bandar Sarawak. Saya ingin bertanya iaitu saya difahamkan Rumah Lumbung satu-satunya rumah panjang terakhir yang belum menerima bekalan elektrik disebabkan jalan belum siap tetapi *insya-Allah*, tidak lama lagi pada awal tahun depan, ia akan siap dan dapat dihubungi. Jadi ertinya kalau hendak tanam tiang elektrik pun, memang sudah ada laluan. Dahulu ia hanya dapat dilalui melalui sungai. Jadi saya difahamkan Rumah Lumbung ini sudah ada diluluskan dalam program Bekalan Elektrik Luar Bandar dan kontraktornya pun sudah di *award*. Jadi saya ingin bertanya, bilakah ia akan dimulakan pelaksanaannya?

Begitu juga dengan sebuah kampung yang satu-satunya di Teluk Brunei yang belum lagi menerima bekalan elektrik iaitu Kampung Bulantak. Ini hanya dalam satu kilometer *off the main grid*. Jadi saya bertanya juga, bilakah ia dapat dilaksanakan?

Seterusnya saya pergi kepada Butiran 02300 iaitu Jalan-jalan Luar Bandar. Pada masa ini, dia ada empat fasa dan empat fasa sedang dilaksanakan. Jadi saya ingin bertanya, berapakah peratus *physical progress* jalan tersebut? Adakah iaitu Jalan Telahak, Meritam, Buang Abai, Pengkalan Rejab fasa empat yang sedang dilaksanakan? Apakah ia sudah mengikut jadual dan berapa peratus dan bila jangka akan disiapkan?

Oleh sebab fasa dua pun berapa kali saya sudah beritahu dari dahulu sampai sekarang juga. Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah beritahu hari itu, agensi sudah pun diarahkan untuk memanggil *retender* untuk kali yang ketiga. Jadi saya berharap kalau pembinaannya dapat disegerakan supaya kedua-dua fasa ini dapat siap sama dan jalan itu dapat dibuka.

Sebelum itu juga, sebagaimana juga kawan-kawan daripada Kelantan pun ada tadi, Sarawak pun ada. Saya juga menjemputlah, kalau boleh Yang Berhormat Menteri, lawat-lawatlah kawasan-kawasan di luar bandar, tidak kira di mana, di Semenanjung, di Sarawak ataupun di Sabah. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Limbang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Jerantut.

Seorang Ahli: Lipis, Lipis.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Maaf.

Seorang Ahli: Jerantut tidak ada.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Jerantut tidak ada. Yang Berhormat Lipis.

8.18 mlm.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi yang memberikan

saya untuk turut serta dalam perbahasan bagi perbelanjaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi tahun 2018.

Saya melihat bajet ini merupakan bajet yang agak tinggi iaitu merupakan RM8.414 bilion yang telah direncanakan untuk pembangunan luar bandar. Saya hendak pergi kepada Butiran 030000 – Pengupayaan Ekonomi Luar Bandar, anggaran perbelanjaan sebanyak RM1.3 bilion. Saya melihat daripada perbelanjaan ini- saya banyak juga walaupun bajetnya tinggi tetapi saya seperti Yang Berhormat Subang sebenarnya, melihat banyak perbezaan bajet ini, banyak penurunannya.

Maknanya, ekonomi luar bandar RM3.5 bilion dan saya dapati bahawa ia sangat banyak pengurangan kerana kita fikirkan ini adalah merupakan bajet yang boleh Kementerian Luar Bandar memastikan bahawa pembangunan luar bandar ini dapat kita laksanakan. Seperti contoh, program-program Pembangunan Usahawan Desa di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA), sebagaimana yang disentuh juga oleh rakan-rakan saya tadi bahawa peruntukan menurun dan kekurangan sebanyak RM400,000 daripada RM2.4 juta yang lalu, diturunkan kepada RM2 juta sahaja.

■2020

Ini merupakan satu pengurangan peruntukan untuk melaksanakan perusahaan-perusahaan kecil luar bandar, industri desa, IKS dan sebagainya. Maka, saya melihat perkara ini dari segi produk-produk tradisional seperti produk-produk yang boleh diperluaskan di kawasan-kawasan kampung. Maka bila dikurangkan, berertinya pembangunan untuk di kawasan kampung ini akan berkurangan.

Saya pergi juga kepada Butiran 030300 – Majlis Amanah Rakyat (MARA). Sebenarnya, saya seperti Yang Berhormat Subang juga, saya melihat kekurangan 63 peratus sebenarnya. Kita yang sebelum ini lebih kurang RM3.5 bilion dan sekarang RM1.3 bilion sahaja. Maknanya, pemotongan yang cukup drastik dan perbandingan ini kita hendak tahu juga sebab apa? Oleh sebab MARA ini amat penting, banyak perkara dilaksanakan khusus untuk Bumiputera sebenarnya. Oleh sebab itu, saya katakan pemotongan yang drastik. Maka, saya melihat perkara ini mestilah Yang Berhormat Menteri mengambil kira dalam hal ini.

Saya hendak pergi kepada- oleh kerana lima minit sahaja Tuan Pengerusi, saya tinggal 1.50 minit sahaja lagi. Jadi, banyak perkara yang hendak diucapkan. Saya hendak mintalah dahulu di sini, masa kita sana, saya kerajaan, sini pembangkang, kita bagi ruang seluas-luasnya orang berucap, kementerian-kementerian ini. Sini juga yang *complaint* kenapa masa pendek sangat? Tidak boleh hendak berucap. Kita sudah *reform* dahulu, takkan hendak tarik balik *reform* ini?

Jadi, saya minta supaya lima minit ini tidak boleh apa hendak cakap Tuan Pengerusi sebenarnya. Tadi saya rasa rakan saya Yang Berhormat Jelebu ini memang tidak patut dia kata memang elok lima minit. Dia tidak pernah duduk hendak cakap lima minit... [*Dewan Ketawa*] Saya kira ialah kalau kasarnya, kalau orang Melaka selalu cakap bahasa kasar tetapi saya tidak

hendak cakaplah sebab dalam Dewan. Maknanya, tidak boleh sebenarnya masa yang diberikan, tengok ada tinggal seminit lagi dah. Jadi, apa saya hendak cakap sebenarnya?

Dahulu Yang Berhormat Ampang selalu tengok kita bercakap dan berbahas, ya Yang Berhormat Ampang ya. Yang Berhormat Ampang sampai datang ke kawasan saya berkempen pasal air. Saya hendak cakap pasal air sebenarnya. Sini banyak air ini. Saya hendak minta supaya air graviti yang dahulunya Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob dari Bera, Menteri KKLW yang lalu. Dia banyak meluluskan peruntukan air graviti pada saya tetapi tidak sempat hendak laksana, BN sudah kalah [Ketawa] Tidak sempat hendak laksana. Semua diluluskan, diluluskan, diluluskan.

Kawasan saya bukan tidak ada air, dahulu saya sudah cakap pada Yang Berhormat Ampang. Kawasan saya bukan tidak ada air tetapi tidak mencukupi, saya bantu dengan air graviti. Ada yang kelulusan RM200 ribu lebih, RM300 ribu lebih untuk hendak buat air graviti. Tidak silap saya, tiga belas tempat yang diluluskan oleh Yang Berhormat yang lalu. Akan tetapi jangan sebut Yang Berhormat yang lalu sampai tidak mahu lulus pula. Jangan buat perbezaan. Kalau boleh *transform* supaya kita dalam Dewan ini...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Masa cukup.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: ...Supaya sebarang permohonan-permohonan ini hendaklah yang dahulu diteruskan. Supaya kita dapat guna air itu.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar dua minit.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Cuma sikit sahaja, yang akhir Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar hanya dua minit.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Cuma sikit sahaja dalam setengah minit sahaja. Saya hendak komen yang Yang Berhormat Kangar ini.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar dua minit, boleh cukup.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya hendak komen Yang Berhormat Kangar, dia kata pasal dewan. Saya sebenarnya memberi kebenaran Mesyuarat Agung Cabang PKR Bahagian Lipis.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tengok tempatlah.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Mungkin betul. Itu saya setuju. Saya bagi, saya tahu Yang Berhormat Lembah Pantai pun datang kalau tidak silap saya. Yang untungnya saya, dia orang tidak ada pergaduhan. Akan tetapi kata kerusi dah angkat tetapi tidak jadi.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Lembah Pantai datang mana?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya sendiri memberi kebenaran kepada persidangan cabang PKR di dalam kampung saya, Kampung Tempoyang. Cuma dia tidak jemput saya merasmikan, Tuan Pengerusi. Jadi, terima kasih diberi kebenaran lima minit.

Saya hendak minta Tuan Pengerusi supaya bincang balik. Janganlah bagi lima minit. Kementerian ini banyak benda kita hendak cakap.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Saya dua minit cukup... *[Dewan ketawa]*

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Dahulu kita sampai 42 minit bersidang.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Ya betul, dua minit cukup.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Baik, saya jemput Yang Berhormat Kalabakan.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar.

8.24 mlm.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Dahsyat, dahsyat. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun pendek juga. Dua tajuk sahaja. Butiran 01700 – Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Butiran 02003 – Sabah... *[Disampuk]* Mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Menteri yang betul-betul dengar rintihan orang Sabah.

Peruntukan naik RM430 juta - 136 peratus untuk bekalan elektrik luar bandar dan bekalan air luar bandar meningkat 125 peratus - RM295 juta. Terima kasih banyak-banyak. Jadi, mulai dari sekarang kalau Kalabakan minta, tolong luluskanlah. Luluskan sebab inilah satu-satunya Parlimen yang tidak ada Majlis Daerah, tidak dibangunkan walaupun sudah merdeka 55 tahun...

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar juga, Papar jangan lupa.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Terletak di perbatasan lagi, jadi cerminan kepada negara lain. Orang Indonesia datang, inikah Malaysia? Inikah Malaysia? Nampak Malaysia di Pulau Sebatik sana, air pun tidak cukup, lampu pun tidak cukup. Jadi, minta perhatian dari Yang Berhormat Menteri. Mudah-mudahan saya akan hantar banyak *proposal*, diluluskan. Itu sahaja. Terima kasih.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: *[Bangun]*

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan... *[Tepuk]* Saya jemput Yang Berhormat Sabak Bernam.

8.26 mlm.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi, memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam masa yang singkat ini.

Pertama, saya ingin menyentuh Butiran 02000 – Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Asas. Khususnya, Butiran 020100 – Prasarana, yang mendapat peruntukan sebanyak RM3,462,700 berbanding dengan kerajaan terdahulu yang memperuntukkan sebanyak RM6,686,100 yang telah dikurangkan sebanyak 35 peratus pada Bajet 2019. Semasa Bajet 2018,

kerajaan terdahulu yang pada masa itu telah memegang tampuk pentadbiran Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan kepada kementerian ini atau nama lamanya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebanyak RM271.6 juta yang membabitkan pembinaan 1,064 buah rumah baharu dan baik pulih pada 9,771 rumah di seluruh negara.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, adakah kerajaan menyediakan peruntukan khusus bagi inisiatif bantuan Program Perumahan Rakyat Luar Bandar? Sehubungan dengan ini, saya ingin menyentuh inisiatif kerajaan terhadap skim perumahan rakyat luar bandar, khususnya di Parlimen Sabak Bernam. Ini kerana kebanyakan perumahan desa di kawasan Parlimen Sabak Bernam adalah rumah kampung yang uzur dan juga usang serta memerlukan penyelenggaraan atau pun membina semula. Langkah ini penting bagi membantu masyarakat luar bandar mempunyai kediaman yang lebih selesa.

Saya ingin mendapat penjelasan, adakah kerajaan akan meneruskan inisiatif bagi membantu penduduk luar bandar menyelenggarakan rumah sedia ada atau membina rumah baharu sebagaimana kerajaan terdahulu?

Berhubung dengan Butiran 020100 – Prasarana. Apa yang ingin saya menyentuh bahagian pembinaan jalan, khususnya di Parlimen Sabak Bernam. Sejauh manakah status pelaksanaan jalan yang saya nyatakan tadi? Adakah mendapat peruntukan untuk pembangunan luar bandar?

Tuan Pengerusi, kedua berhubung dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, saya ingin menyentuh Butiran 020300 – Penyelarasan dan Pemantauan, yang telah diberi peruntukan sebanyak RM2,140,400 bagi Bajet 2019.

Sebelum ini, kerajaan terdahulu telah memperuntukkan RM12,394,100 bagi tujuan penyelarasan dan pemantauan untuk memastikan segala projek di bawah kementerian ini mengikut perancangan peraturan yang ditetapkan dan mengenal pasti isu dan masalah pelaksanaan projek.

Saya ingin mendapat penjelasan, apakah langkah kerajaan bagi memastikan kesemua projek yang tertangguh sebelum ini dapat disiapkan? Meskipun menghadapi kekangan dengan pengurangan bajet ini.

Sehubungan dengan ini, saya ingin menyentuh Maksud P.22 Butiran 00620 – Program Penajaan Pendidikan MARA, yang mendapat peruntukan sebanyak RM2,057,729,000 iaitu RM2 bilion. Saya ingin mendapat penjelasan, adakah peruntukan RM2 bilion ini akan merencatkan program penajaan dan akan menyebabkan kuota untuk pelajar yang bakal mendapat pinjaman dikurangkan?

■2030

Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula mengurangkan peruntukan ini memandangkan kerajaan terdahulu memperuntukkan sebanyak RM2.5 bilion untuk memperkasakan Program Penajaan Pendidikan MARA. Berhubung dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menggesa pihak kerajaan supaya mempertimbangkan semula peruntukan luar bandar ini dan menyediakan

peruntukan tambahan bagi melancarkan serta membantu ekonomi luar bandar, memastikan pembangunan luar bandar dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih...

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Dua minit.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Yang Berhormat Sabak Bernam. Saya menjemput...

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Yang Berhormat Masjid Tanah.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Eh Yang Berhormat Masjid Tanah...

8.30 mlm.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tidak sia-sia pakai baju oren hari ini. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang beberapa perkara. Pertamanya, saya ingin menyentuh tentang Butiran 02600 dan Butiran 02503 yang mana kita melihat bahawa peruntukannya telah dinaikkan.

Saya ingin bertanya kalau dahulu kita ada *Mobilepreneur* tetapi di dalam perincian ini tidak ada disebutkan tentang program tersebut. Jadi saya ingin bertanya sejauh mana- adakah ini bermakna bahawa program *Mobilepreneur* sebelum ini adalah tidak berjaya ataupun ia tidak berjaya melahirkan usahawan-usahawan khususnya di dalam golongan luar bandar untuk orang belia.

Apakah perancangan daripada pihak kementerian untuk mewujudkan program-program keusahawanan bagi memberi peluang kepada belia-belia di luar sana khususnya wanita-wanita muda dalam mereka merencanakan lagi bagi menjana pendapatan mereka untuk meneruskan kehidupan mereka di luar bandar. Kalau dahulu kita ada Bantuan Ekonomi Kampung tetapi sudah lama saya rasa dalam tahun 2006 sudah dihentikan, adakah ia akan diwujudkan semula? Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah perancangan.

Keduanya, berkenaan dengan Bantuan Perumahan PPRT dalam Butiran 03200. Saya melihat bahawa ia telah pun dikurangkan. Jadi saya ingin bertanya berapakah rumah PPRT yang akan dibina di Melaka khususnya di dalam kawasan Parlimen Masjid Tanah. Apabila kita balik kawasan jadi kita bertemu dengan orang-orang kampung, dia menyatakan tentang mereka tidak mempunyai rumah yang baik, maksudnya atap bocor dan macam-macam masalah yang dihadapi oleh mereka dan mereka ingin memohon PPRT.

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah ia sama dengan negeri-negeri yang lain ataupun pukul rata sahaja ataupun ia melihat kepada keperluan.

Seterusnya saya ingin menyentuh jalan-jalan kampung yang mana kita melihat untuk jalan-jalan luar bandar ia meningkat daripada RM746 juta kepada RM830 juta. Akan tetapi jalan perhubungan desa dikurangkan hampir RM48 juta. Jadi saya ingin bertanya kenapa ia menjadi sedemikian kerana peruntukan jalan perhubungan ini penting sekali sedangkan ia adalah untuk

meneruskan perjalanan untuk mereka, kegunaan orang-orang kampung ini. Jadi saya harap pihak kementerian dapat melihat tentang perkara ini.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang Butiran 050300 berkenaan dengan Bantuan Makanan Tambahan KEMAS. Saya melihat bahawa bantuan makanan ini dikurangkan. Jadi saya apabila bersembang dengan orang-orang kampung dan juga orang-orang yang pernah bekerja dengan KEMAS dan juga mereka yang menghantar anak di Tadika KEMAS mengatakan perkara dikurangkan peruntukan ini dia sudah biasa, sedih pula dengar.

Jadi kita melihat bahawa apabila dikurangkan bantuan makanan tambahan ini, adakah pihak kementerian ingin mengurangkan bantuan ini dari bentuk bagaimana. Adakah ia akan memberi *effect*, kesan dari segi bentuk nutrisi yang akan dibekalkan kepada pelajar-pelajar. Mereka ini baru hendak membesar, baru hendak mula bersekolah dan sebagainya. Mereka memerlukan kepada nutrisi yang secukupnya, makanan seimbang yang sebaiknya. Jadi saya harap kita melihat sebab kalau kita tengok bayaran ataupun sumbangan cukup minimum, RM10 ke RM20 sebulan. Itu pun bergantung kepada Pengerusi TBK dan juga jawatankuasanya.

Seterusnya, saya juga ingin menyentuh tentang Butiran 02402 yang mana saya melihat bahawa satu peruntukan yang besar diberikan pada tahun 2019. Jadi bolehkah saya mendapat perincian daripada pihak kementerian apakah program-program ataupun projek daripada pihak KPLB dalam meningkatkan pengupayaan komuniti masyarakat desa. Kalau kita tengok hari ini ramai di luar bandar yang menyertai jaringan di dalam Internet maksudnya menjalankan bisnes online dan sebagainya dan ini cukup baik sekali.

Jadi saya harap dengan adanya program-program tambahan yang diberikan oleh pihak kementerian, maka ini akan merencanakan lagi mereka untuk menambahkan lagi poket mereka dan ini baru nampak kerajaan hari ini benar-benar prihatin dan juga benar-benar ikhlas dalam membantu rakyat dan mengurangkan kesempitan mereka malah mengajar mereka untuk lebih berdikari dan juga maju ke hadapan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Padang Serai.

8.35 mlm.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Kedah baru nampaklah [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Malaysia tanah air ku, mari kita hidup aman damai dan harmoni.

Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar. Saya berharap pihak kementerian memberikan perhatian serius terhadap jalan ladang Kampung Bagan Sena di Parlimen Padang Serai di mana musim banjir tidak dapat keluar dari pedalaman oleh anak-anak bersekolah dan juga bagi sekiranya sakit dan sebagainya pada waktu malam, tidak dapat keluar- ramai orang-orang tua mengadu pada saya, dahulu Barisan Nasional janji kalau menang hendak buat jalan tetapi Pakatan Harapan, apa pula dia kata? Kita akan buat juga.

Bagi Yang Berhormat Menteri, ambil perhatian serius. Di samping itu juga bagi guru-guru yang mengajar di pedalaman tidak dapat masuk ketika waktu banjir sekiranya jalan itu teruk sekali. Minta perhatian- saya pun ada membuat permohonan kepada Yang Berhormat Menteri pada tempoh hari.

Di samping itu juga, Butiran 01707 - Pemasangan Baharu Lampu Jalan Kampung. Saya berharap dengan sebuah jalan, jangan tidak buat lampu sebab kalau boleh buat sekalilah lampu dan sebagainya. Kita tidak mahu sekali-kali membuat permintaan-permintaan dan sebagainya sebab ramai yang duduk di pedalaman itu keluar ke kilang-kilang pada waktu malam membuat kerja dan balik. Saya harap kalau dapat pihak Menteri memberi perhatian – negeri Kedah tidak tamak, kita tidak minta banyak, kita minta sedikit sahaja minta tolong diluluskan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Dua minit.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya jemput Yang Berhormat Papar. Sila.

8.38 mlm.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk semua butiran di dalam muka surat 204, 205 dan 206 yang berkaitan dengan permohonan saya. Seperti yang kita tahu daerah Papar, P.175 sangat luas dan berbukit bakau terutamanya di kampung-kampung pedalaman, kampung-kampung berhampiran pekan yang tersisih dari arus pembangunan.

Perbelanjaan pembangunan RM5.38 adalah perbelanjaan yang besar untuk tahun 2019, harus dibahagikan seadil-adilnya. Dari itu, saya merayu kepada kerajaan supaya kampung-kampung diberikan agihan peruntukan yang munasabah mengikut keperluan dan kemunduran masing-masing. Kampung-kampung di pedalaman dan kampung-kampung berhampiran pekan di daerah Papar memerlukan infrastruktur seperti jalan raya, jambatan, jambatan gantung, sekolah, perparitan yang baik, rumah PPRT, baik pulih rumah, balai raya, bekalan elektrik, bekalan air, klinik desa dan memperbaiki perhubungan dan pengangkutan yang sedia ada. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Papar. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Kudat.

8.39 mlm.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Beberapa butiran yang saya ingin kemukakan di sini iaitu Butiran 023000 – Jalan-jalan Luar Bandar.

Saya ingin memaklumkan kepada kementerian bahawa satu jalan yang dipanggil Jalan Mengkubau Laut telah pun diluluskan di dalam keputusan kerajaan sebelum ini bernilai RM130

juta dan jalan ini telah pun dipohon semenjak saya menjadi wakil rakyat dari tahun 2004 lagi dan sudah diluluskan tetapi malangnya baru-baru ini projek ini telah pun ditangguhkan.

■2040

Jadi, saya mohon ihsan daripada kementerian ini untuk menimbangkan kerana ini adalah soal kepentingan rakyat dan penduduk di kawasan ini telah pun menunggu begitu lama. Jalan Mengkubau Laut ini adalah melibatkan banyak kampung-kampung dan kemudahan-kemudahan seperti sekolah menengah dan juga beberapa kemudahan-kemudahan klinik yang memerlukan kemudahan infrastruktur jalan yang baik untuk membawa pesakit-pesakit ke bandar.

Selain itu, Jalan Bongkol-Telaga, ini juga jalan yang kita telah pohon begitu lama dan minta supaya Yang Berhormat Menteri dapat mengambil maklum tentang perkara ini. Satu lagi di Pulau Banggi iaitu Jalan Laksian iaitu mohon supaya jalan ini dapat di naik taraf kerana penduduk di kawasan in memang dahagakan pembangunan. Seperti mana kita sedia maklum bahawa Pulau Banggi ini adalah merupakan daerah yang terkebelakang dan kita telah pun berusaha beberapa projek-projek telah pun dilaksanakan sebelum ini tetapi ada lagi beberapa perkara yang harus diberikan keutamaan.

Kedua, ialah Butiran 02000 – Bekalan Air Luar Bandar. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan Loji Penapis Air Daerah Pitas sama ada projek ini telah pun- yang kononnya memang telah pun diluluskan sebelum ini tetapi telah ditangguhkan dan harap dimulakan semula dengan nilai RM52 juta. Begitu juga sistem retikulasi air bagi kawasan beberapa kampung yang terlibat iaitu Kampung Limau-Limauan dan Kampung Parapat, dan mereka ini telah pun menunggu lama. Kita telah pun merdeka- bagi Sabah lebih daripada 50 tahun tetapi kita masih lagi berhadapan dengan isu-isu berkaitan dengan kemudahan asas ini.

Oleh sebab itu, kita berharap di bawah kerajaan baharu ini dan juga Malaysia baharu ini dapat peruntukan yang lebih diberikan kepada khususnya di Sabah kawasan-kawasan luar bandar di Sabah untuk memberikan keseimbangan di dalam pembangunan di negara ini. Ini kerana apa yang kita harapkan apabila kita menyertai Persekutuan Malaysia pada ketika itu ialah untuk mendapatkan kemajuan setanding, berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan rakan-rakan yang berada daripada Semenanjung dan juga di Sarawak.

Ketiga seterusnya Butiran 01700 iaitu Bekalan Elektrik Luar Bandar. Saya minta Yang Berhormat Menteri dapat menyemak tentang pelaksanaan projek yang melibatkan beberapa Kampung Malubang, Kampung Pansuran, Jalan Mengkubau Laut di mana projek-projek ini telah pun dilaksanakan tetapi belum di komisenkan dan lagi kerana isu-isu berkaitan dengan bekalan elektrik. Di mana tiang-tiang dan juga segala kemudahan-kemudahan telah pun disediakan tetapi belum dapat dikomisenkan lagi. Saya minta penjelasan sama ada pihak kementerian dapat melaksanakannya secepat mungkin.

Terakhir ialah Butiran 04500 berkaitan dengan Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS). Seperti projek menangani kemiskinan Kanibongan, seperti mana kita sedia maklum bahawa harga getah begitu merudum dan saya berharap supaya pihak kementerian dapat mengambil tindakan bersama dengan kementerian-kementerian lain untuk memastikan bahawa pekebun-

pekebun kecil di sini yang menyertai projek ini dapat diselaraskan harga ataupun memberikan harga lantai yang lebih baik. Ini supaya mereka dapat meneruskan kehidupan yang lebih baik dan mendapat pendapatan yang sesuai. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kudat. Saya jemput Yang Berhormat Kapit kemudian selepas ini Yang Berhormat Jeli.

8.44 mlm.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh masih B/P 22, Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Butiran 010000 – Pengurusan Kementerian iaitu Butiran010100 - Pentadbiran dan Pengurusan Aset, yang diberi peruntukan sebanyak RM51 juta yang meningkat daripada RM33.9 juta.

Jadi saya ingin pencerahan mengapa peruntukkan ini diberi peningkatan yang agak besar. Sekarang saya ingin menyentuh Butiran 020000 – Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Asas yang Butiran 020300 – Penyelarasan dan Pemantauan.

Peruntukan atas butiran ini turun banyak dari RM15 juta ke RM2.2 juta. Mampukah pemantauan dibuat dengan penurunan yang sebegitu banyak untuk tujuan ini. Sekarang saya menyentuh Butiran 030000 – Pengupayaan Ekonomi Luar Bandar.

Ketiganya, 030100 – Pembangunan Usahawan Desa, peruntukan dikurangkan. Butiran 030200 - Kesejahteraan Rakyat, peruntukan dikurangkan dan Butiran 030300 - Majlis Amanah Rakyat (MARA), peruntukan dikurangkan sebanyak lebih RM1 bilion.

Jadi, kesemua ini adalah aspek yang begitu penting sekali untuk membantu dalam seperti mana tajuknya telah jelas mengatakan mengupayakan ekonomi luar bandar sebab kita hendak memperkasakan masyarakat luar bandar dan penduduk luar bandar. Mengapa dalam butiran-butiran ini terlalu banyak dikurangkan peruntukannya.

Jadi, dalam butiran kesejahteraan rakyat tadi termasuk juga projek PPRT ataupun dahulu dikatakan Projek Bantuan Rumah. Saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri dan juga pegawai kementerian, di Kapit banyak telah dilaksanakan Projek Bantuan Rumah yang menggunakan secara kaedah gotong-royong.

Jadi, mungkin Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri belum mengetahuilah secara detil nya kaedah ini tetapi yang digunakan pakai yang agak berkesan untuk membantu mereka yang mendapat ataupun terima. Cuma soalan saya mengapa yang baki 10 peratus itu peruntukan itu belum lagi dibayar? Ini aduan daripada penerima.

Mereka memang menghargai yang projek itu dilaksanakan sebab rumah-rumah mereka dibaiki, di naik taraf dan banyak sudah menyelesaikan masalah mereka. Cuma, yang 10 peratus itu yang sepatutnya masuk ke dalam akaun JKKK nya untuk membantu mereka juga melaksanakan projek itu, buat setakat ini banyak lagi belum dibayar. Jadi saya mohon jasa baiklah Yang Berhormat Menteri, kalau Yang Berhormat Menteri tidak belum biasa dengan perkara ini mungkin pegawai boleh beri bantuan kepada Yang Berhormat Menteri.

Jadi, saya ingin menyentuh Butiran 01700 - Bekalan Elektrik Luar Bandar di Sarawak dan juga Butiran 02002 – Bekalan Air Luar Bandar di Sarawak. Memang apa yang diberi di sini memang kita belum mencukupilah. Akan tetapi tidak apa sebab kita faham juga mungkin boleh diberi penjelasan keadaan ekonomi sekarang. Akan tetapi, saya mohon ingatlah sebab ini adalah prasarana yang begitu penting bagi kami di Sarawak.

Akan tetapi, dalam kesemua ini saya tidak hanya mengadu sahaja atau mengeluh, ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kerana dalam Butiran 02300 – maaf. Bukan. Yang peruntukan bagi- yang diberi Butiran 04800 – Jabatan Pertanian Sarawak (Tanam Semula Getah) yang diberi RM19 juta. Jadi saya mengucap berbanyak-banyak terima kasih kepada kementerian sebab ini adalah angka yang agak besar yang diberi kepada kami di Sarawak untuk tanaman semula getah sebab getah ini adalah komoditi yang begitu penting juga untuk kami.

Jadi, saya sangat berterima kasihlah daripada pihak kami di Sarawak yang memerlukan peruntukan ini. Jadi, dengan itu Tuan Pengerusi saya mengucapkan terima kasih atas peluang yang telah diberi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kapit. Sila Yang Berhormat Jeli.

■2050

8.50 mlm.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Terima kasih Tuan Pengerusi bagi kami lima minit. Tahniah kepada kita semua, kerja keras untuk bela rakyat. Masih cergas, mata masih buka lagi. Tahniah semua... [*Tepuk*] Terima kasih Yang Berhormat Menteri melawat Jeli, Kelantan, Sabtu dan Ahad.

Saya difahamkan ini Butiran 020600 – Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) untuk- dan Butiran 03900 - Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), saya difahamkan yang Berhormat Menteri ada jumpa Menteri Besar Kelantan untuk membincangkan hal KESEDAR dan hal lain. Orang Kelantan mahu supaya kawasan KESEDAR diperluaskan untuk meliputi Machang dan juga keseluruhan Tanah Merah. Sekarang ini Gua Musang, Kuala Krai, Jeli dan sebahagian Tanah Merah. Saya ingin tahu, apa respons Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas cadangan sebahagian rakyat Kelantan supaya diperluaskan kawasan KESEDAR? Itu yang pertama.

Keduanya Butiran 050500, lampu jalan kampung ini. Saya hendak tahu kaedah untuk memperbaiki lampu-lampu yang rosak, adakah KPI satu minggu atau dua minggu? Ini kerana kita dapati bahawa lampu-lampu yang sudah pun siap dibina ini ada yang rosak dan kadang-kadang memakan masa yang lama untuk diperbaiki.

Ketiga ialah Bekalan Air Luar Bandar - Butiran 02000. Saya hendak tahu RM230.8 juta, apakah kaedah untuk menentukan keutamaan ataupun prioriti untuk memastikan bahawa masalah bekalan air luar bandar ini, Semenanjung RM237.8 juta ini kerana tempat saya Jeli ini

kira-kira separuh daripada rakyat bergantung kepada air graviti, air bukit untuk mendapat bekalan air. Jadi, saya harap akan mendapat perhatian.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Seterusnya Butiran 02300 - Jalan-jalan Luar Bandar, dan Butiran 02400 - Jalan Perhubungan Desa.

Ada beberapa jambatan dan jalan yang kita pohon. Pertama ialah jambatan Kampung Lubok Nibong, Kuala Balah, jambatan Kampung Bukit Tok Ali, Kampung Sungai Rual tiga jambatan yang kita sudah rasmikan sebelum pilihan raya tetapi sekarang ini tidak tahu kedudukannya. Pohon juga jalan dari Runsing di Jeli ke Jalan Malaysia, inilah jalan untuk membangunkan kawasan berkenaan. Satu lagi jalan ialah untuk membolehkan satu kompleks sukan yang sudah diluluskan peruntukan RM4 juta. Akan tetapi oleh sebab jalannya mungkin RM1 atau RM2 juta sahaja diperlukan, mohon pertimbangan untuk membolehkan kompleks sukan dibangunkan kerana peruntukan telah diluluskan oleh KBS. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pasir Gudang. Silakan.

8.53 mlm.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh satu perkara sahaja iaitu berkenaan KEMAS. Butiran 050300, Butiran 050800, Butiran 051000.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak KEMAS seluruh negara. Peranan KEMAS di luar bandar ini sangat penting, kelas-kelas Tabika KEMAS dan sebagainya. Jadi, di sini saya berharap misalnya dalam Butiran 050300, kalau boleh anggaran bantuan makanan itu sudah dikurangkan banyak juta itu, kalau boleh tambah balik. Ini kerana ianya makanan kepada kanak-kanak. Daripada RM142 juta kepada RM120 juta. Bantuan sara hidup bekas kakitangan kontrak KEMAS ini juga- maknanya perkara yang penting. Butiran 051000 itu, emolumen kakitangan KEMAS lantikan tetap juga menurun daripada RM380 juta lebih kepada RM313 juta.

Tuan Pengerusi, saya berharap pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya kakitangan KEMAS ini, guru-guru KEMAS ini, janganlah diperlakukan seperti sebelum ini. Biar mereka buat kerja, yang jadi guru KEMAS mengajar kelas-kelas KEMAS itu, yang jadi kakitangan KEMAS untuk membangunkan luar bandar itu, jangan terlibat buat kerja politik. Janganlah hendak tolong parti-parti politik, tidak payah.

Jadi sekarang ini, kakitangan KEMAS, guru-guru KEMAS tidak payah hendak tolong Kerajaan Pakatan Harapan ini, tidak payah. Biar orang politik sendirilah yang urus negeri ini. Tumpukan didik anak-anak yang belajar itu. Kita mahukan satu pendekatan.

Dalam hal ini, kita sokong kementerian iaitu Butiran 00600 P.22 - Latihan dan Pembangunan Profesional KEMAS, ada RM1 juta lebih itu. Ini bagus, iaitu guru-guru KEMAS diupgradakan, dinaiktarafkan mutu pengajaran dan pengurusan. Ini sangat penting. Jadi, itu sahaja perkara yang saya hendak sebutkan iaitu berhentilah mempergunakan kakitangan KEMAS dan guru-guru KEMAS untuk faedah parti politik yang menjadi kerajaan sekarang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tenom. Silakan.

8.56 mlm.

Puan Noorita binti Sual [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada perbincangan saya dan menyentuh Butiran 02300 - Jalan-jalan Luar Bandar bersekali dengan Butiran 02400 - Jalan Perhubungan Desa.

Tuan Pengerusi, keperluan mendesak di kawasan Parlimen Tenom biasanya ia memang berkait dengan menaiktarafkan jalan raya, membina jalan luar bandar dan membaiki jambatan di kawasan luar bandar. Jadi, walaupun di Parlimen Tenom ini terlalu banyak sebenarnya jalan-jalan luar bandar yang perlu dinaiktarafkan dan diperbaiki seperti Jalan Binsilon, Tumantalik, Kapulu Korolok, Rundum.

Akan tetapi di sini malam ini, saat ini, saya hanya ingin menyentuh satu jalan yang penting iaitu Jalan Tomani-Bakuku. Ini kerana jalan sepanjang 35.6 kilometer ini akan memberi kesan kepada lebih daripada 5,000 penduduk kawasan yang tinggal di sepanjang jalan ini. Jadi, saya harap dan saya mohon agar kementerian benar-benar dapat menyegerakan pelaksanaan projek Jalan Tomani-Bakuku ini.

Seterusnya Butiran 02003, berkenaan dengan bekalan air luar bandar Sabah. Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang baharu sebab telah menaikkan peruntukan bekalan air luar bandar di Sabah dari RM129 juta pada tahun 2018 kepada RM295 juta pada tahun 2019.

Saya harap dengan peruntukan yang dinaikkan ini masalah bekalan air di luar bandar di Sabah khususnya di Parlimen Tenom dapat diselesaikan. Saya mohon agar penaiktarafan Loji Bekalan Air Seraggang dan pembaikan pam Loji Air Kemabong dapat disegerakan bagi membolehkan keseluruhan penduduk Daerah Tenom dapat menikmati bekalan air bersih. Walaupun saya tahu bekalan air ini di bawah Jabatan Air Negeri Sabah, tetapi saya mohon Kerajaan Persekutuan dapat membantu sebab standard jawapan yang kita terima selalunya hendak gantikan pam loji pun selalunya yang kita tahu jawapannya adalah tidak ada wang. Rupa-rupanya wang itu sudah disembunyikan dalam almari berkepuk-kepuk. Jadi, kita harap kerajaan yang baharu ini tidak akan berlaku lagi perkara yang seperti itu.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh Butiran 03200 - Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat. Tuan Pengerusi, kesejahteraan rakyat ini penting seperti untuk golongan sasaran seperti ibu bapa tunggal, warga emas, belia mahupun mangsa bencana.

Dalam hal ini, saya mohon supaya kerajaan menambah lagi peruntukan bagi Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dan membaik pulih rumah rakyat di Tenom untuk sepanjang tahun hadapan. Saya difahamkan peruntukan saban tahun untuk PPRT di Sabah adalah sebanyak RM66 juta.

Jadi, seeloknya ditambah kepada RM80 juta kerana keperluan bagi golongan sasaran ini penting. Walaupun ada kekangan kewangan negara, namun saya percaya kerajaan boleh mengimbangkan keadaan kewangan dengan keperluan rakyat. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Tenom. Akhir sekali, Yang Berhormat Kuala Kangsar. Silakan.

■2100

9.00 mlm.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 050200 – Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Yang Berhormat Menteri, walaupun Kuala Kangsar diwakili seorang Ahli Parlimen pembangkang, saya berpendapat peranan MPKK ini tetap amat penting dalam setiap urusan saya sebagai Wakil Rakyat yang mewakili peringkat akar umbi dan orang kampung.

Mohon Yang Berhormat Menteri, saya memerlukan kerjasama dari Ketua-ketua Kampung yang dilantik kerajaan ini dengan kadar segera, supaya orang kampung yang terbiasa dengan kaedah ini dapat meneruskan hidup dan menjalinkan kerjasama dan dapat memohon bantuan daripada ketua-ketua kampung yang baharu ini yang menjadi teras pimpinan masyarakat luar bandar.

Yang Berhormat Menteri perlu ada satu kefahaman di antara semua pihak supaya tugas MPKK ini mesti tidak memilih puak atau forum dan dapat mengharmonikan masyarakat kampung seperti biasa. Antara perkara yang mendesak adalah penggunaan dewan masyarakat dan balai raya di kampung-kampung. Saya juga memohon supaya kegunaan dewan dibenarkan pada semua orang kampung tanpa memilih aliran politik atau puak. Tidak adil sekiranya ameniti sosial yang saya anggap hak semua rakyat tidak diberi kepada semua. Saya akan memberi kerjasama kepada MPKK yang baharu ini supaya kebajikan orang kampung dapat diselenggarakan dengan baik dan tersusun.

Seterusnya Butiran 03200 – Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat. Yang Berhormat Menteri saya mohon dan merayu kepada Yang Berhormat Menteri bagi pihak orang kampung yang tidak berkemampuan di kawasan Parlimen Kuala Kangsar yang mana permohonan baik pulih rumah mereka telah diluluskan oleh ICU tetapi telah dibatalkan.

Sekarang Yang Berhormat Menteri, mereka terpaksa duduk dalam keadaan yang tidak sempurna terutama sekali ketika hujan dan ribut. Kebanyakan penghuni-penghuni rumah ini adalah di kalangan orang-orang tua yang uzur dan sebatang kara. Saya harap permohonan baik pulih yang telah dibatalkan ini mendapat pertimbangan dan ihsan Yang Berhormat Menteri. Jumlahnya adalah 264 buah rumah yang perlu dibaik pulih dalam 44 kawasan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung. Suratnya saya sudah hantar kepada Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya, Butiran 01700 – Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Butiran 01707 – Pemasangan Baharu Lampu Jalan Kampung. Yang Berhormat Menteri, pemasangan telah bermula pada Januari 2018. Mengikut fasa lapan ada 755 unit, fasa sembilan ada 150 unit yang masih belum dipasang lagi oleh TNB. Jabatan pembangunan luar bandar masih menunggu jawapan daripada TNB. Faktor-faktor yang kenapa ia tidak dipasang adalah kerana voltan terlalu tinggi, kawasan tidak sesuai kerana lampu sudah terlalu banyak, lepas itu tiada nombor tiang. Mohon Yang Berhormat Menteri lihat semula pemasangan-pemasangan yang belum dilaksanakan kerana keadaan amat berbahaya di kawasan-kawasan yang belum dipasang lampu.

Seterusnya Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar dan Butiran 02400 – Jalan Perhubungan Desa. Permohonan Parlimen Kuala Kangsar pada ICU telah diluluskan tetapi belum dilaksanakan Yang Berhormat Menteri. Saya mohon Yang Berhormat Menteri melaksanakan baik pulih kepada beberapa jalan yang amat memerlukan pembaikan. Pertama, Jalan Tasik Perkasa Tiga di Kampung Seberang Manong. Kedua, membina jalan baharu dan menurap Jalan Istana Persisiran Masjid Ubudiyah. Ianya di kawasan jalan protokol, laluan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak, dan tetamu-tetamu ke Istana Iskandariah.

Ketiga kerja-kerja menaik taraf jalan di dalam Kampung Bekor. Seterusnya, sebahagian jalan Kampung Kepala Bendang dan Jalan Bekor Sekolah, Jalan Kampung Kubang Undang. Suratnya juga saya telah hantar kepada Yang Berhormat Menteri.

Akhir sekali Butiran 00611 – Program GIATMARA dan Butiran 02503 – Pembangunan Ekonomi Luar Bandar. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada GIATMARA Kuala Kangsar kerana telah berjaya mengusahakan satu bentuk usaha yang berjaya membantu orang kampung untuk berdikari mencari rezeki yang mungkin tidak mampu dicapai sekiranya bentuk kaedah ini tidak diusahakan. Namanya adalah *Project Skills to Society*. Saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri supaya usaha-usaha seperti ini diperingkatkan di kawasan saya di Parlimen Kuala Kangsar supaya kita dapat membantu ramai wanita-wanita di kampung-kampung untuk menaikkan lagi taraf kehidupan mereka. Saya juga mohon supaya elemen kemahiran pemasaran usahawan-usahawan ini juga dipertingkatkan untuk wanita-wanita ini.

Maafkan saya, akhir sekali saya mohon Yang Berhormat Menteri Butiran 00400 – Pendidikan Awal Kanak-kanak, dan juga Butiran 040300 – Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Saya berpandangan modul PERMATA amat membantu perkembangan pendidikan awal kanak-kanak. Satu usaha Kerajaan Barisan Nasional yang amat saya banggakan. Saya harap Yang Berhormat Menteri usahakan supaya modul di semua tadika kemas di negara diserapkan nilai-nilai kokurikulum modul PERMATA secara berperingkat sehingga mencapai tahap secara *totality*, dengan izin. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Oh! Ada dua, tiga, empat, dan lima.

Seorang Ahli: Sekali lah, sekali. Seorang dua minit cukup.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Baram ya. Yang Berhormat Baram dahulu, Yang Berhormat Baram silakan... *[Disampuk]* Yang Berhormat Cameron Highlands? Tidak, Yang Berhormat Baram kan?

Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Tanjong Manis kah?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tanjong Manis ya, Tanjong Manis.

Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Dekat sahaja.

9.06 mlm.

Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sekejap sahaja, saya ada tiga butiran. Butiran 01702 – Bekalan Elektrik Luar Bandar Sarawak.

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri mengenai ketiadaan elektrik di kawasan Muara Payang, Mupong, di Muara Payang ada enam rumah panjang. Mupong ada 12 rumah panjang dan juga di Semaring ada lima buah rumah panjang.

Butiran 02002 berkaitan bekalan air luar bandar Sarawak. Kita mengucapkan terima kasihlah sebab peningkatan peruntukan untuk tahun 2019. Akan tetapi beberapa buah rumah panjang juga di kawasan Tanjong Manis seperti di kawasan Muara Payang di Sebayang, Mupong dan Semaring belum ada mendapat bekalan air paip.

Untuk Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar. Terdapat peningkatan dalam Bajet 2019. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi untuk di kawasan Tanjong Manis, terdapat beberapa kawasan seperti di Muara Payang, di Bukit Kinyau, Mupong, Semaring, Paloh, Kedang dan di Berangan belum ada jalan-jalan yang menghubungkan ke jalan-jalan utama.

Akhir sekali Butiran 02004 – Bekalan Air Alternatif. Sebanyak RM11 juta, saya ingin mendapat mekanisme atau butirannya, mendapat tahu butirannya dan ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sekiranya kawasan tidak mendapat bekalan air paip, adakah kawasan tersebut layak mendapat bekalan air alternatif? Itu sahaja Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelah sini, Yang Berhormat Labuan ya?

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Labuan.

Tuan Pengerusi: Silakan.

9.08 mlm.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Labuan ini sebahagian daripada Wilayah Persekutuan, Yang Berhormat Menteri pun daripada Wilayah Persekutuan. Memang ramai yang menyangka bahawa Labuan ini tidak ada luar bandar.

Akan tetapi sebenarnya Labuan lain daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ataupun Wilayah Persekutuan Putrajaya. Di Labuan kita ada 27 buah kampung, bererti kita ada

27 juga ketua kampung yang akan menerima elaun RM500 sebulan, yang mana saya juga di sini ingin menyarankan supaya ia dikembalikan kepada RM900 seperti sebelum ini.

Saya memang banyak bekerja dengan ketua-ketua kampung ataupun nanti akan dipanggil Pengerusi MPKK. Kerjanya memanglah berat. Dia macam Wakil Rakyat kepada kampung mereka dan saya rasakan amaun yang RM900 itu pun masih kecil. Jadi kalau dikurangkan saya rasa ia sangat tidak adil kepada mereka.

■2110

Selain daripada itu, untuk Butiran 02000 – Bekalan Air Luar Bandar. Di Labuan, di kampung-kampung, terutamanya Kampung Air, Kampung Bebuloh Laut, Kampung Patau-Patau 1, Kampung Patau-Patau 2, Kampung Ranche-Ranche Laut. Sebenarnya paip-paip yang ada sekarang sebahagian besarnya masih lagi menggunakan paip UAC ataupun paip- orang kampung kata asbestos. Saya lihat macam paip UAC yang mana ia mudah pecah apabila jambatan bergerak sedikit sebab masih banyak lagi jambatan kayu yang digunakan. Maka, ianya akan mudah patah dan selalu berlakunya kebocoran. Ini juga membazirkan air. Jadi, patut digantikan semuanya kepada paip *poly*. Saya berharap daripada peruntukan yang besar saya lihat untuk Bekalan Air Luar Bandar itu akan ada di salurkan ke Labuan. Begitu juga dengan jalan-jalan luar bandar, jalan perhubungan desa, saya lihat banyak peruntukan. Memang ianya untuk seluruh negara tetapi memang di Labuan, kalau kita mengharapkan daripada bajet yang diberikan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan memang tidak cukup dan memang tidak adapun untuk tujuan ini.

Sebenarnya, saya ingin ingatkan di sini, saya pernah beritahu di Dewan yang mulia ini kepada Menteri KPLB, masih ada empat buah rumah di Kampung Sungai Bedaun yang dibina oleh satu keluarga yang sehingga sekarang tidak boleh digunakan. Sudah banyak tahun dan malah ia sudah buruk disebabkan tidak ada bekalan air. Bayangkanlah Wilayah Persekutuan Labuan, pusat kewangan antarabangsa, hab minyak dan gas dan sebagainya. Namanya cantik, '*international*' tetapi masih ada lagi rumah di kampung yang tidak ada bekalan air oleh sebab paip utama itu terlalu jauh dan kalau mereka sambung menggunakan paip kecil sendiri, mahal untuk mereka dan tekanannya pun tidak mencukupi untuk sampai ke sana. Untuk mereka buat sendiri ini memang terlalu mahal, saya sudah tanya, harganya minimum RM500,000 untuk sampai ke tempat itu.

Untuk Butiran 03200 – Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat. Saya berharap bajet-bajet seperti ini juga akan dibawa, diturunkan ke Labuan untuk pembangunan di kawasan luar bandar dan di kampung-kampung di Labuan untuk kita membantu menaik tarafkan kehidupan di Labuan. Memandangkan Labuan juga sebenarnya kadar kemiskinannya adalah di antara yang tertinggi yang tertinggi di Malaysia iaitu nombor dua selepas Sabah. Saya juga menyokong untuk Tabika KEMAS diperkasakan dan dinaikkan taraf. Oleh sebab inilah yang akan mendapat merubah kehidupan rakyat di kampung, memandangkan ianya adalah *education* di peringkat awal yang akan boleh mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan apabila mereka semua mementingkan pelajaran dan dapat mencapai pelajaran yang baik. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Sekarang Yang Berhormat Cameron Highlands, silakan.

9.13 mlm.

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Memandangkan masa yang tidak begitu banyak, saya ke Butiran 01700 – Bekalan Elektrik Luar Bandar. Cameron Highlands ini walaupun merupakan destinasi pelancongan tetapi lebih kurang 80 peratus masih dikategorikan sebagai luar bandar. Jadi, saya berharap Menteri dapat membantu saya di Cameron Highlands walaupun saya daripada parti pembangkang. Akan tetapi kita janganlah mengatakan bahawa– rakyat itu janganlah kita pinggirkan. Dengan atas hasrat itu, saya ingin menyentuh tentang Bekalan Elektrik Luar Bandar di mana didapati 38 peratus telah dikurangkan daripada peruntukan tahun lalu.

Jadi, saya tidak pasti berdasarkan apa peruntukan itu dikurangkan. Ini sebab banyak lagi kawasan luar bandar ini yang memerlukan bekalan elektrik. Misalnya, di tempat saya di Cameron Highlands ada lebih kurang 25 buah kampung Orang Asli yang memerlukan bekalan elektrik. Kampung-kampung Melayu misalnya, Kampung Desa Kayangan memerlukan bekalan elektrik, Kampung MTD memerlukan bekalan elektrik. Maka, saya berharap Menteri dapat memberikan perhatian yang lebih terhadap aspek ini kerana bekalan elektrik sudah menjadi satu keperluan asas kepada kita di negara ini. Saya berharap, memandangkan misi kita untuk memajukan dan juga memperkasakan masyarakat kita dari aspek IT, teknologi dan sebagainya. Jadi, bekalan elektrik merupakan aspek yang penting yang patut kita berikan perhatian.

Kedua, Butiran 01707 – Pemasangan Baharu Lampu Jalan Kampung. DUN Jelai, di bawah Cameron Highlands mempunyai banyak kampung Melayu dan juga kampung Orang Asli yang masih memerlukan lampu-lampu jalan. Banyak projek yang telah dimulakan pada permulaan tahun ini tetapi disebabkan faktor-faktor yang tidak diketahui, projek-projek itu telah dihentikan atau tergendala atau dibatalkan. Jadi, saya harap Menteri dapat memberikan penerangan sedikit tentang projek-projek tersebut, khususnya di kawasan-kawasan Jelai dan juga Kampung Orang Asli. Ketiga, saya ingin menyentuh tentang Bekalan 02001 – Semenanjung, bekalan air luar bandar di Semenanjung, khususnya. Terdapat peningkatan sebanyak RM83,400,000 untuk bekalan air luar bandar. Saya ucapkan syabas kerana Cameron Highlands ini masih mempunyai banyak kekurangan dari aspek bekalan air, khususnya masyarakat Orang Asli, kampung-kampung dan juga di kawasan-kawasan pinggir bandar.

Jadi, disebabkan landskap ia tanah tinggi dan sebagainya, kami rasa bekalan air luar bandar ini menjadi satu masalah kepada kami. Jadi, saya berharap Yang Berhormat Menteri akan memberikan pertimbangan dan mempertimbangkan peruntukan atau memberikan lebih perhatian kepada kampung-kampung Orang Asli yang memerlukan bekalan air luar bandar ini. Ketiga, saya ingin menyentuh tentang bekalan air alternatif, di mana Cameron Highlands ini lebih daripada 40 peratus bergantung kepada sumber air alternatif. Kajian yang baru-baru dibuat oleh NGOs dan World Health Organization, didapati ada pencemaran air di sungai Cameron

Highlands ini. Di sungai Cameron Highlands ini, hanya 10 peratus daripada sungai di Cameron Highlands ini dikategorikan sebagai sungai yang baik dan boleh digunakan. Jadi, saya berharap bekalan air alternatif ini merupakan satu aspek yang penting bagi penduduk Cameron Highlands. Maka, banyak projek yang telah dijalankan tetapi dihentikan separuh jalan. Saya tidak tahu kenapa dan apa masalah dan sebagainya. Di sesetengah tempat masih kita boleh nampak tangki air paip tetapi air tidak ada. Itulah rungutan penduduk-penduduk Cameron Highlands.

Baru-baru ini ada kes kesihatan yang melibatkan bekalan air sungai di mana rawatan air yang tidak memadai, sejenis kimia 'aldrin' ditemui di dalam air yang memberi impak kepada ibu dan juga anak yang baru dilahirkan. Saya berharap kita dapat memberikan perhatian yang lebih kepada aspek sumber air alternatif kerana lebih daripada 40 peratus penduduk di Cameron Highlands masih bergantung kepada sumber air alternatif, sebelum sesuatu yang tidak diinginkan terjadi. Akhirnya, saya ingin menyentuh tentang Butiran 02300 – Jalan-Jalan Luar Bandar, di mana ada peningkatan peruntukan. Maka, banyak jalan di Cameron Highlands, khususnya yang belum disiapkan, khususnya di kampung-kampung Orang Asli. Maka, saya berharap Menteri dapat memberikan perhatian yang lebih. Saya berharap kita dapat bekerjasama demi untuk kebaikan rakyat di sana, supaya kita boleh memberikan kemudahan jalan raya kepada mereka. Ini supaya kita dapat menghubungkan mereka dengan arus pembangunan di kawasan-kawasan bandar supaya mereka boleh memperkasakan diri mereka daripada aspek sosioekonomi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Cameron Highlands. Yang Berhormat Merbok, silakan.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Hey.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Merbok sudah tunggu lama ya.

9.19 mlm.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Sorry*. Terkejut dapat. Okey, saya pun sebenarnya ada sedikit sahaja. Pertama sekali, saya ucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang memberikan kenaikan terhadap Butiran 00400 - Pendidikan Awal Kanak-kanak. Cuma, persoalan saya adalah apakah kriteria atau apakah perkara yang membuatkan lonjakan ini berlaku? Sama ada dari sudut *syllabus* ataupun kemudahan apakah yang membuatkan ada lonjakan di sini? Seterusnya, saya cuma mahu menyentuh isu Butiran 02300 – Jalan-Jalan Luar Bandar dan Butiran 02400 – Jalan Perhubungan Desa. Ini antara yang sangat dekat dengan rakyat juga iaitu Jalan-jalan Luar Bandar dan Jalan Perhubungan Desa. Ini termasuklah juga Butiran 01707 – Pemasangan Baharu Lampu Jalan Kampung. Saya mengharapkan untuk butiran-butiran sebegini dipermudahkan urusannya dan diberikan keutamaan. Pelaksanaannya, saya minta kalau di sebelah sana tadi sebut, biar kita profesional dalam pelaksanaan.

■2120

Saya ingin menekankan sebab sebelum-sebelum ini, kami sebenarnya telah 'mangli' bila pelaksanaan projek-projek jalan kampung ini lazimnya kadang-kadang berlaku ataupun dilaksanakan sekiranya orang itu, rapat dengan pimpinan politik. Jadi kadang-kadang, berlaku pilih kasih. Apa yang amat mendukacitakan, kadang-kadang jalan yang tidak perlu diturap, ataupun jalan sudah diturap, diturap sekali lagi. Walhal ada jalan-jalan lain yang sebenarnya belum dibuat, tetapi kita tidak beri keutamaan. Saya harap di sudut pelaksanaan, jalan-jalan luar bandar ini perlu dipantau sebaik mungkin.

Seterusnya, saya mohon pihak Yang Berhormat Menteri untuk menjelaskan, sebab saya ini budak baru belajar. Kalau boleh tengok Butiran 02401 - Ameniti Sosial, Butiran 02402 - Pengupayaan Komuniti dan Infodesa, Butiran 02403 - Program Bersepadu Pemajuan Kawasan, Butiran 02404 - Program Lonjakan Mega Luar Bandar, Butiran 02503 - Pembangunan Ekonomi Luar Bandar, Butiran 02600 - Pembangunan Ekonomi Komuniti dan Butiran 03200 - Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat, satu baris ini [*Sambil merujuk kepada Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019*]. Berikan penjelasan secara ringkas. Oleh sebab kelihatannya semua butiran ini juga sangat dekat dengan rakyat. Maksudnya, butiran-butiran tersebut perlukan pendetilan.

Akhir sekali, saya ingin merayu di sini, dalam Dewan yang mulia ini, ini adalah kali ketiga saya ingin menyebut isu air di Parlimen Merbok yang hampir berdekad-dekad lamanya. Maka sebenarnya dalam persidangan yang lepas, Yang Berhormat Menteri KATS telah mengumumkan bahawa Parlimen Merbok mendapat RM69 juta bagi projek *Off-River Storage* di Sungai Merbok dan kerja-kerja pembinaan tangki menara dan penggantian paip di kawasan Parlimen Merbok. Akan tetapi, oleh kerana faktor kewangan, maka projek tersebut terpaksa di – maksudnya diminta untuk mohon di tempat lain. Jadi, saya rasa mungkin KPLB ini adalah kementerian yang paling sesuai untuk saya mohon daripada jumlah RM237 juta ini mungkin boleh memberi pertimbangan kepada Parlimen Merbok berkenaan projek air tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Merbok. Yang Berhormat Batu Kawan atau Yang Berhormat Lanang? Yang Berhormat Batu Kawan, ya. Duduk. Yang Berhormat Batu Kawan, silakan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih ...

Tuan Pengerusi: Akan tetapi Yang Berhormat Lanang pun angkat tangan tadi untuk Yang Berhormat Batu Kawan.

9.22 mlm.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Nampaknya saya masih lagi pendeklah. So sampai Tuan Pengerusi tidak nampak. [*Ketawa*].

Saya mulakan dengan butiran di bawah tajuk 020000 – Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Asas di bawah Butiran 020900 - Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan juga Butiran 04200 - Projek-projek PERDA yang bernilai RM17.6 juta bersama

dengan Ahli Parlimen Nibong Tebal yang telah membangkitkan, apakah projek-projek yang dirancang untuk dibina ataupun dimulakan di Pulau Pinang? Apakah jangka masa untuk penyiapan projek-projek tersebut dan di manakah projek-projek tersebut akan dijalankan?

Kedua, adalah di bawah Butiran 030000 – Pengupayaan Ekonomi Luar Bandar, di bawah Butiran 030300 – Majlis Amanah Rakyat (MARA). Tuan Pengerusi, ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini, saya telah terima jawapan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengenai penutupan RTC di Simpang Ampat. Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri, agar mengambil kira hujah-hujah saya di sini bahawa, RTC Simpang Ampat yang ada Jabatan Imigresen Pulau Pinang ini, merupakan satu-satunya Jabatan Imigresen yang telah mengumpul sebanyak RM1.2 juta iaitu yang paling tinggi di antara semua Jabatan Imigresen di RTC di seluruh negara. Memandangkan RTC Simpang Ampat ini di Parlimen Batu Kawan terletak di satu tempat di mana golongan B40 sering mengunjungi tempat itu, di mana ada JPN, Klinik 1Malaysia untuk golongan yang kurang bernasib baik, supaya mereka boleh kayuh basikal mereka, pergi ke sana untuk mendapatkan rawatan.

Saya mohon agar RTC ini dikekalkan di Simpang Ampat dan semua RTC lain di negara kita ini dikekalkan status quo. Saya juga difahamkan, UTC akan ditubuhkan di Pulau Pinang, tetapi di bawah Kementerian Kewangan. Itu lain, Tuan Pengerusi. Itu saya bersetuju. Itu untuk kemudahan untuk pengunjung-pengunjung di kawasan yang lain. Akan tetapi, untuk saya di SPS bersama dengan Nibong Tebal, Parlimen Batu Kawan, saya mohon dan saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri, agar kita kembalikan RTC Simpang Ampat, biarlah ia berfungsi seperti sedia kala daripada MARA.

Butiran yang seterusnya adalah Butiran 02600 – Pembangunan Ekonomi Komuniti, peningkatan RM20 juta tahun lepas kepada RM30 juta untuk tahun hadapan. Saya ingin tahu, bagaimana wanita dan golongan OKU dapat manfaat daripada pembangunan ekonomi komuniti ini? Apakah bantuan-bantuan yang disediakan oleh kementerian untuk membantu terutama sekali wanita yang bekerja dari rumah, suri rumah tangga untuk mereka mendapat sedikit lagi *income*, pendapatan bagi mereka?

Seterusnya Butiran 00400 – Pendidikan Awal Kanak-kanak. Saya menyambut baik peningkatan RM900,000 kepada RM2.05 juta. Namun demikian, saya ingin tahu, apakah justifikasi kenaikan ini? Apakah KPI kita memandangkan kita ada struktur baharu atau sukatan yang baharu untuk pendidikan awal kanak-kanak? Saya difahamkan bahawa Kementerian Wanita juga ada satu pendekatan untuk membawa kesedaran mengenai gangguan seksual ataupun jenayah seksual kanak-kanak supaya kita mengajar anak-anak kita apakah itu dengan izin, *good touch and bad touch*. Jadi, saya berharap pendidikan awal kanak-kanak di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga akan mengambil pendekatan dan masukkan dalam sukatan mereka apakah itu *good touch and bad touch* memandangkan banyak kes jenayah seksual berlaku di kawasan luar bandar juga.

Tuan Pengerusi, butiran seterusnya adalah Butiran 050500 – Kos Operasi dan Penyelenggaraan Lampu Jalan Kampung, pengurangan RM80 juta sehingga RM76 juta, RM4

juta kurang. Saya ingin tahu, apakah justifikasi pengurangan ini? Memandangkan banyak permohonan juga saya pasti telah dimasukkan supaya lampu-lampu jalan di kampung ditambahkan. Saya bukan sahaja bersuara untuk kawasan saya, saya faham dan saya tahu, ramai Ahli Parlimen di sini pun berdepan dengan masalah yang sama.

Akhir sekali Butiran 02300 – Jalan-Jalan Luar Bandar, daripada RM764 juta ke RM830 juta, saya sambut baik kenaikan ini. Namun, saya juga ingin tahu, adakah peningkatan ini melibatkan juga penaiktarafan jalan di kawasan DUN Perai, DUN Bukit Tengah, DUN Bukit Tambun yang semuanya diletakkan di bawah Parlimen Batu Kawan? Oleh sebab sebelum ini, ada pertindihan kuasa atau pertindihan bidang kuasa, siapa yang kita perlu tulis surat untuk mohon bantuan-bantuan ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan jawab nanti. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Akhir sekali, Yang Berhormat Maran.

9.27 mlm.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sedikit sahaja untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini.

Pertama ialah Butiran 00100 – Pendidikan Kemahiran. Saya ucapkan terima kasih banyak kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana meneruskan program pendidikan kemahiran kepada anak-anak kita. Saya perhatikan, bahawa penglibatan Kementerian Pembangunan Luar Bandar terutamanya GIATMARA dan sebagainya dalam program-program kemahiran, cukup menyerlah sekali. Ini kerana kalau kita lihat semasa pertandingan di *Asia Skills*, *World Skills Competition (WSC)*, *ASEAN Skills Competition* dan juga di peringkat kebangsaan, pelajar-pelajar anak-anak kita daripada MARA ini ataupun GIATMARA dan sebagainya, menunjukkan kebolehan yang cukup mantap sekali.

Saya ingin tahu, sejauh mana selepas kerajaan baharu mengambil alih ini, usaha bagi meningkatkan kemahiran ini terutamanya membangunkan *Technical and Vocational Education and Training (TVET)* ini diberikan kekuatan ataupun kepercayaan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar sebagai sebuah kementerian yang juga bersama-sama dengan kementerian-kementerian yang lain.

Saya juga hendak menyentuh sedikit pandangan tentang pendidikan kemahiran kepada kanak-kanak. Saya lihat di bawah ini, di KEMAS kadang-kadang, pendidikan yang diberikan biasanya tentang tarian, nyanyian, berlakon dan sebagainya. Saya ingin mencadangkan kalau boleh kementerian melihat lebih jauh daripada itu. Di mana anak-anak kita walaupun kadang-kadang kita nampak mereka ini nakal, tetapi kadang-kadang mereka menyentuh perkara-perkara umpamanya membaiki jam dan sebagainya. Walaupun merosakkan, tetapi ini adalah merupakan sumber yang boleh kita lihat, yang boleh kita membina kemahiran kepada kanak-kanak ini.

Saya pergi kepada Butiran 02300 – Jalan-Jalan Luar Bandar. Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Luar Bandar supaya kalau boleh peruntukan ini diagihkan kepada semua Ahli Parlimen dan minta mereka kemukakan cadangan jalan-jalan ini dan terserahlah kepada kementerian.

Satu lagi saya juga menyokong beberapa Ahli Parlimen yang menyentuh tentang pelaksanaan jalan-jalan luar bandar yang perlu diberikan perhatian dan penyeliaan yang rapi dari segi pelaksanaan. Kadang-kadang ada jalan-jalan yang telah pun baru dibuat, masih baik tetapi sebahagian kontraktor kadang-kadang ingin keuntungan yang besar, lantas mereka buat sahaja jalan.

■2130

Saya tidak mengatakan bahawa ada perkara-perkara yang pelik berlaku di belakangnya, mungkin ada juga berlaku tetapi yang penting kita telah membuang duit dan kita telah membazirkan peruntukan yang sepatutnya yang boleh diagihkan kepada kementerian-kementerian ataupun tempat-tempat yang lain.

Berikutnya ialah Butiran 030100 – Pembangunan Usahawan Desa. Saya ucapkan terima kasih banyak kepada Kementerian Luar Bandar kerana masih meneruskan program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu dalam membangunkan usahawan-usahawan desa. Kita banyak terlibat, bahkan kita perhatikan Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi banyak agensi yang terlibat dalam memberikan bantuan kepada usahawan-usahawan ini. Sehingga kadang-kadang kita melihat ada bantuan-bantuan yang berlapis, *redundant*, *overlapping* dan sebagainya. Sehingga kadang-kadang, usahawan-usahawan ini merasakan bahawa mereka telah berjaya. Sebenarnya mereka belum berjaya secara realiti tetapi mereka mendapat peruntukan daripada pelbagai agensi dan merasakan bahawa mereka telah menjalankan perniagaan dan untung.

Oleh sebab itu, saya minta supaya perhatian diberikan. Kalau boleh semakan di buat kepada usahawan-usahawan ini supaya mereka betul-betul berjaya dengan mereka menjalankan kegiatan usahawan ini. Saya hendak menekankan kalau boleh usahawan-usahawan ini diberikan kesedaran, pendedahan dari segi pengurusan kewangan. Ini kerana saya melihat mereka agak lemah dari segi ini. Dia tidak tahu apa hendak bezakan mana *capital*? Mana modal? Mana untung yang dapat? Mana duit yang diberikan oleh kerajaan? Seolah-olahnya yang diberikan oleh kerajaan ataupun agensi ini dia anggap bahawa itulah keuntungan yang mereka peroleh sedangkan itu duit yang kita anggap modal daripada kerajaan.

Akhir Tuan Pengerusi, ialah Butiran 040300 – Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Saya hendak minta Kementerian Luar Bandar, Yang Berhormat Menteri Datuk Seri supaya berikan perhatian iaitu pembangunan Kompleks KEMAS Maran yang masih lagi bangunan kayu, lama, telah beberapa tahun saya kemukakan peruntukan ini, permohonan ini. Saya ingat dengan adanya Yang Berhormat Menteri baharu ini yang lebih prihatin, saya ingat *insya-Allah* bangunan ini dapat direalisasikan dengan berikan semangat baharu kepada anggota KEMAS yang saya tidak nafikan memang kita perlu berikan kepercayaan, berikan penghormatan, penghargaan

kepada anggota KEMAS yang telah banyak berjasa dalam membangun masyarakat terutama di kawasan luar bandar. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Maran. Akhir sekali, berapa kali saya sebut akhir sekali. Yang Berhormat Sungai Petani, silakan.

9.32 mlm.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Penutup tirai. Terima kasih Tuan Pengerusi, ringkas sahaja. Saya ada beberapa perkara yang pertama sekali Pengupayaan Ekonomi Luar Bandar, Butiran 030300 – Majlis Amanah Rakyat (MARA). Saya difahamkan MARA masih lagi menghantar pelajar-pelajar kita ke luar negara. Cuma saya memohon agar MARA betul-betul memberikan pelajar-pelajar kita biasiswa untuk melanjutkan ke luar negara untuk bidang-bidang yang khusus. Khususnya program-program yang tidak ada dalam negara kita ataupun kita betul-betul menghantar pelajar-pelajar yang terbaik untuk kursus-kursus profesional sahaja. Supaya kursus-kursus yang ada dalam negara kita, bolehlah kita hantar mereka ke universiti-universiti tempatan.

Kedua ialah Pembangunan Modal Insan dan Pendidikan. Butiran 040100 — Institut Kemajuan Desa (INFRA). Apakah latihan-latihan yang telah pun dilaksanakan? Apakah kumpulan sasar yang kita hendak tuju? Akhirnya, apakah yang terjadi kepada mereka selepas kita latih mereka di institut ini?

Ketiga, Butiran 040300 – Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Kita faham bahawa penggerak-penggerak KEMAS dahulu telah pun menjalankan tugas mereka dengan baik. Namun, ada juga mereka kita anggap dilantik ataupun telah dipilih atas dasar politik. Jadi saya kira harus ada kemas kini di mana mereka yang betul layak sahaja kita teruskan perkhidmatan mereka. Akan tetapi ada juga mereka yang kita rasakan harus kita tamatkan oleh sebab pelantikan politik atau mereka yang tidak lagi berdaya untuk meneruskan kerja-kerja yang baik. So, harus ada satu *exercise* di mana melihat kembali kedudukan mereka dalam KEMAS. Namun begitu, saya tidak mengatakan bahawa KEMAS tidak menyumbang kepada masyarakat. Saya kata ya, memang KEMAS telah pun menyumbang kepada masyarakat tetapi saya kira ada juga penambahbaikan yang harus dilakukan terhadap institusi ini.

Seterusnya kepada program khusus iaitu Butiran 050600 – Pusat Komuniti Desa (PKD). Kita lihat bahawa pusat-pusat komuniti desa ini ada yang didirikan di atas tanah *private*. Jadi, adakah tindakan kerajaan untuk menyelaraskan supaya apa juga bangunan-bangunan yang didirikan atas tanah *private* ini supaya kita sahkan ataupun kita pastikan ia pusat komuniti ini menjadi milik kerajaan, tidak menjadi milik *private* sebab apa juga bangunan yang didirikan atas *private land* akhirnya akan menjadi milik tuan tanah. Ini isu yang besar dan saya ingat jumlah di ke seluruh negara sudah tentulah banyak.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan. Apabila saya tengok peruntukan untuk bekalan elektrik di luar bandar khususnya di Sabah meningkat begitu baik. Namun begitu, untuk Sarawak agak kurang. Jadi, saya harap harus dilihat kembali

supaya teman-teman kita di Sabah dan di Sarawak dapat menikmati bekalan elektrik seperti kita di Semenanjung. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Sungai Petani. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

9.36 mlm.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Seri Rina binti Mohd Harun]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*, terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya hendak menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun sudi pun untuk berbahas. Seramai 36 orang...

Tuan Pengerusi: Betul 36 orang. *[Ketawa]*

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:...dengan membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Luar Bandar sebentar tadi. Sudah pasti seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah diperuntukkan sebanyak RM2.992 bilion untuk belanja mengurus dan sebanyak RM5.421 bilion untuk belanja pembangunan iaitu peningkatan sebanyak 40.11 peratus berbanding peruntukan pada tahun 2018. Sesungguhnya ini membuktikan sebenarnya bahawa kerajaan yang sedia ada ini Kerajaan Pakatan Harapan tidak pernah pun meminggirkan masyarakat luar bandar dalam memastikan kemakmuran negara ini dapat dinikmati bersama oleh seluruh rakyat Malaysia.

Seterusnya izinkan saya untuk menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat seperti perbahasan tersebut. Pertama daripada Yang Berhormat Arau.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Arau tidak ada. Bertulis sahaja.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Secara bertulis. Kedua daripada Yang Berhormat Rasah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Rasah ada.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Rasah ada.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Yang Berhormat Rasah ada. Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Rasah yang turut membangkitkan beberapa isu terutamanya tentang peruntukan PPRT untuk Negeri Sembilan. Jadi bagi peruntukan di bawah PPRT ini khususnya Negeri Sembilan berjumlah RM3.87 juta untuk tahun 2019. Agihan mengikut Parlimen daerah akan dikemaskinikan sebelum Januari 2019.

Selain daripada itu Yang Berhormat Rasah juga turut membangkitkan tentang projek Bekalan Air Luar Bandar Semenanjung tahun 2019 yang meningkat supaya tidak ada kawasan luar bandar yang tercicir. Kementerian sentiasa bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi memastikan setiap penduduk mendapat bekalan air bersih dan juga terawat. Senarai keutamaan bagi pelaksanaan projek ini adalah pada setiap juga adalah berdasarkan kepada senarai keutamaan yang diberikan kepada pihak negeri yang terlibat. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek adalah tertakluk kepada kelulusan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Rasah juga turut bertanya tentang berapakah peruntukan jalan luar bandar di Negeri Sembilan untuk tahun 2019? Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah peruntukan jalan luar bandar bagi Negeri Sembilan adalah sebanyak RM14.3 juta untuk tahun 2019. Sebanyak empat projek yang telah diluluskan melibatkan tiga projek sambungan dan satu projek baharu.

Banyak juga yang bertanya tentang isu MPKK ini. Saya rasa bukan sahaja Yang Berhormat Rasah, ada beberapa lagi Ahli Parlimen yang turut membahaskan tentang peruntukan kementerian iaitu yang telah pun turun untuk MPKK sejumlah RM231.8 juta. Adakah termasuk dengan geran MPKK ini?

■2140

Sebenarnya penurunan ini yang pertama kerana kita membuat elaun ada penstrukturan semula dari segi elaun. Kalau dulu RM900, sekarang ini RM500 dan juga kita memberikan geran. Geran ini bukannya adalah diberikan kepada semua kampung, tidak. Lanya perlu dipohon oleh MPKK tersebut. Geran ini sebenarnya kita hendakkan bahawa kepimpinan di peringkat kampung ini juga memberikan idea apakah program-program, projek-projek yang boleh dibuat di kampung mereka yang boleh juga mendatangkan pendapatan iaitu dari segi penjanaaan ekonomi dan juga keceriaan dan kesejahteraan kampung.

Di samping itu kita hendak kepimpinan di peringkat MPKK ini juga boleh membuatkan pelan tindakan untuk kampung mereka. Oleh sebab itulah kita mengadakan geran ini yang harus dipohon. Ia bukannya diberi kepada semua secara serentak tetapi ia bolehlah dipohon kepada pihak kementerian. Di samping itu kita terbuka kepada semua MPKK untuk memohon termasuk juga di Rasah.

Selain daripada itu, ada juga Yang Berhormat Rasah membangkitkan tentang sewa Tabika Garden Homes yang tidak dibayar mulai Januari 2018. Jadi kita hendak tengok ini, ini bukan daripada kerajaan yang sekarang. Ini daripada yang sebelum ini lagi. Jadi sebab itu, bila kita lihat balik, kita tengok balik, sebenarnya isu ini telah pun dibangkitkan dan kita telah pun mendapatkan kelulusan untuk bayaran semula kepada sewaan ini pada 26 November 2018 baru-baru ini.

Naik taraf dan pembaikan balai raya, Yang Berhormat bolehlah mengemukakan tentang balai raya ataupun naik taraf pembaikan balai raya kepada pihak kementerian, kemudian kita akan melihat semula sebab kita akan siasat balik sama ada ia adalah keperluan mendesak ataupun tidak. Jadi siasatan akan dibuat.

Seterusnya tentang pengurangan peruntukan keseluruhan KPLB. Sebenarnya pengurangan ini tidak menunjukkan bahawa KPLB ini dipinggirkan tidak. Akan tetapi sebab ada beberapa tiga agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar sebelum ini seperti FELCRA, RISDA yang telah pun berada di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan satu lagi jabatan iaitu Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang sekarang ini berada di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jadi itu antara sebab kenapa ada pengurangan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Seterusnya saya hendak pergi kepada...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Rasah minta penjelasan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Menteri...

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Ya.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Berkenaan dengan geran RM10,000 untuk MPKK untuk tahun ini yang telah diumumkan sebelum ini, jadi dia kena buat permohonan satu persatu kah macam mana?

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Ya, setiap - sebenarnya kita akan - MPKK ini senarai namanya ditentukan oleh pihak kerajaan negeri. Okey. Selepas mereka menghantar senarai lengkap kepada kementerian senarai MPKK ini maka mereka ini sudah boleh untuk memohon geran seperti yang disebutkan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Maknanya di situ masih perlu ada permohonan daripada pihak Pengerusi dan Setiausaha MPKK...

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Ya, ya betul.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tanpa permohonan wang itu tak akan apa.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Ya, ia *by program*. Oleh sebab tujuannya kerana kita hendakkan pemimpin masyarakat di peringkat kampung ini kalau kita bagi kepada semua sekali secara serentak maka mereka akan menggunakan mungkin ada pelbagai cara yang mereka guna mengikut kehendak mereka. Akan tetapi yang ini, kita hendak supaya mereka juga ada pelan tindakan. Daripada geran ini apa yang perlu dibuat untuk kampung mereka dan itulah tujuannya sebab kita hendak melatih pemimpin masyarakat di peringkat kampung ini akan menjadi pentadbir yang lebih efisien dan efektif.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Okey terima kasih Yang Berhormat Menteri sebab sebelum ini banyak salah faham dari pihak MPKK sendiri yang mengatakan bahawa geran RM10,000 itu *once* mereka buka akaun dengan bank, automatik akan disalurkan. Saya rasa penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri itu bergunalah untuk semua orang. Terima kasih.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Ya, sebenarnya taklimat ini telah pun kita maklumkan kepada semua Exco Luar Bandar pada Julai 2018. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat bahawa dalam Mesyuarat Exco Luar Bandar ini untuk kali pertamanya saya hendak maklumkan bahawa kita panggil semua Exco dari semua negeri tanpa mengira parti Pakatan Harapan ataupun pembangkang. Jadi ini kita hendak bagi tahu kepada semua tidak ada hendak balas-balas dendam seperti Yang Berhormat Arau bagi tahu tadi.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Boleh saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tadi Yang Berhormat Menteri masih bercakap pasal MPKK sekarang, boleh tidak saya - saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada, adakah arahan

menyeluruh supaya balai raya-balai raya dan juga dewan masyarakat tidak boleh digunakan oleh sesetengah pihak. Saya mohon supaya penjelasan itu dibuat untuk semua Yang Berhormat di dalam Dewan ini.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Dia sebenarnya bila balai raya ini bila kita semak balik kedudukannya ada yang dibina di tanah persendirian, ada yang dibina di tanah kerajaan dan ada juga yang dibina ada beberapa pihak NGO dan sebagainya. Jadi sebab itu penyelarasan dewan-dewan ini sekiranya telah pun dibuat supaya kita hendak lihat siapa tuan punya dewan tersebut. So dia ada banyak sebelum ini kan ada pelbagai dewan yang kita tak tahu siapa tuan empunya sebenarnya. Jadi sekiranya dewan itu diserahkan kepada sesetengah pihak untuk menyelenggarakan, untuk membina maka terpulang kepada pihak tersebut yang menyelenggarakan. Ini kerana kita di pihak kementerian kita cuma membantu dari segi jika hendak membaik pulih tetapi dari segi penjagaan dewan itu tidak di bawah...

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Bukan sebab penjagaan Yang Berhormat Menteri, soal penggunaan dewan itu. Saya harap kalau boleh Yang Berhormat Menteri bagi arahan menyeluruh supaya siapa sahaja boleh menggunakan dewan itu tetapi minta kebenaran yang memegang kunci. Boleh itu Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Saya rasa terpulang kepada siapa yang empunya dewan tersebut, sama ada dia hendak bagi guna secara percuma ataupun dia hendak gunakan sewaan. Saya rasa itu terpulang kepada masing-masing.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Menteri minta mencelah sedikit. Soalan yang sama.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Ya.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya rasa Yang Berhormat Menteri tak patut jawab, yang saya rasa isu di peringkat bawah ini sebelum inilah tadi yang saya sebut ada pengaruh politik dalam hal penggunaan kemudahan awam. Saya rasa kementerian oleh sebab kementerian sudah kita salurkan orang kata elaun kepada ini, kita hendak pengguna yang adil. Bagi saya dia bukan timbul siapa jadi MPKK, itu sudah satu isu. Akan tetapi siapa yang jadi pun, sepatutnya dia benarkan kegunaan dewan ini untuk kemudahan awam. Macam saya cerita tadi tempat denggi kita hendak guna khemah pun dia tak bagi sebab dia kata khemah ini UMNO bagi.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Oh! sudah. Pada prinsipnya kementerian tiada halangan. Akan tetapi macam saya katakan tadi, kena tengok siapa punya dewan, bukan semuanya di bawah kementerian. Jadi terpulang kepada empunya dewan.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Saya pun menghadapi isu yang sama. Tanah dimiliki oleh mantan Yang Berhormat Kalabakan dan dibina mungkin guna peruntukan kerajaan. Baru-baru ini dia telefon saya jangan gunakan dewan dia. Jadi apa kita boleh buat. Okey.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Oleh sebab itu, macam saya katakan tadi memang banyak isu sebelum ini. Dewan didirikan di atas tanah persendirian, macam tadi contoh seperti

Yang Berhormat Kalabakan tunjuk, berikan, maklumkan tadi bahawa didirikan di atas tanah persendirian.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini semua UMNO buat ini.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Jadi sebab itulah penyelarasan...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Adakah Yang Berhormat Menteri maksudkan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Semua salah UMNO, BN.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Jadi sekarang ini kalau dewan itu dewan persendirian jadi Kerajaan Persekutuan memang membiayai hak milik persendirian sedangkan tugas MPKK lah untuk berkhidmat kepada semua. Itu yang saya bangkitkan.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Dia macam ini. Jadi kalau ada isu-isu begini daripada tanah dan sebagainya, makna kita akan semak dan kita kena siasat juga balik. Oleh sebab dia ada banyak perkara, bukan sahaja di luar bandar, di bandar pun ada juga isu.

Tuan Wong Chen [Subang]: Yang Berhormat Menteri boleh? Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak buat *recommendation*-lah Yang Berhormat Menteri sebab isu ini tiap-tiap minggu kena pakai kawasan inilah. *That side want to use, our side want to use* so kalau boleh, *can you set up a hotline division. Appoint-* lah tiga empat orang *answer* soalan macam ini *and then* semak balik siapa tuan punya tanah ini *and why is the federal government* punya fund masuk untuk biayai dewan ini. *If you can do that, write a SOP, set three four officers, set a hotline I think all the* Ahli Parlimen sini akan gembiralah. *At least you got somewhere to resolve the issue.* Terima kasih.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak tambah sikit sahaja sebab ini pun kisah benar juga yang kita laluilah. Selain daripada RTC, maksud dia selepas ini kan kita jangan ulang balik apa yang sebelum ini sudah buat. Sebab saya rasa memang kita lihat benda ini kecil tetapi kesannya sangat besar. Ini kerana apa yang berlaku di Merbok macam contohnya RTC Bujang terpaksa ditutup hanya kerana soalan-soalan macam inilah. Isu kalau kita melihat kepentingan umum, sampai soal membina RTC di atas tanah orang wakaf, selepas itu tadika pun *depa* nak halau. Semua ini hanya perbezaan politik. Seperkara lagi juga yang berlaku adalah sebenar-benarnya dewan UMNO itu adalah dewan orang ramai...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Semua angkara UMNO ini.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Sekejap Yang Berhormat Jelutong. Sebenar-benarnya dulu masa awal-awal, saya hendak *handle* kes ini sebab berlaku selepas menang pilihan raya 9 Mei itu banyak orang kata kena kosongkan semua dewan UMNO sebab ini sudah jadi milik *depa*.

■2150

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Halau, halau, halau.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Jadi sebenarnya kita kena ada satu macam pengarah yang jelas supaya di bawah ini senang hendak bertugas. Pertama, Dewan UMNO itu sebenarnya kalau dibina di atas tanah persendirian itu satu perkara, kalau tanah yang kerajaan satu perkara, rizab satu perkara lagi lain. Akan tetapi isunya adalah Dewan UMNO itu sebenarnya

dewan rakyat. Hasil bina Dewan UMNO itu daripada duit siapa? Saya ingat kalau membina Dewan UMNO itu daripada kementerian KPLB ataupun kementerian MED kah, kita boleh iktiraf itu adalah dewan rakyat. Bila dewan itu dewan rakyat, dewan orang ramai, maknanya sekarang kerajaan baharu, rakyat siapa sahaja boleh pakai. *[Dewan riuh]*

Pada saya kalau kita guna prinsipnya itu, itu lebih mudah. Kalau kita hendak *check* tanah itu dan siapa dan sebagainya, itu payah sebab saya juga tertanya sebab daripada dahulu Dewan UMNO memang tidak boleh pakai...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri, ini sudah Menteri kah *debate* ataupun siapa yang *debate* ini? *[Ketawa]* Bagilah penjelasan sedikit, Yang Berhormat Menteri...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dengarlah penjelasan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Ya, saya.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: ...Boleh saya tambah sedikit? Yang Berhormat Menteri...

Tuan Pengerusi: Ya, penjelasan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Eh, UMNO betul-betul rakus.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Eh, Yang Berhormat Jelutong, sabarlah.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Okey, saya ada lagi 35 soalan hendak dijawab. Jadi...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Betul, Yang Berhormat Menteri, tetapi *you have to* bagi *chance* juga dekat kita fasal dewan ini sebenarnya Dewan UMNO dengan dewan masyarakat ini dua perkara yang berbeza. *Nothing to do with the* tanah persendirian dan sebagainya. Soalnya ialah kementerian. Peruntukan kerajaan bina dewan di atas persendirian, siapa yang luluskan? Kerajaan sekarang lulus peruntukan boleh tidak bina atas tanah persendirian? Tidak boleh. Kerajaan dahulu pun perkara yang sama.

Jadi kementerian, kenapa *you* mesti bayar, kenapa pihak kementerian mesti bayar dan luluskan bajet di atas tanah persendirian? Ini kena rungkai balik daripada awal, Yang Berhormat Menteri. *This is nothing to do with the* UMNO.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dahulu semua *you* orang buat. Dahulu semua kelulusan dia orang yang bagi.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Bunyi macam hendak lompat sahaja itu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Itu urusan pihak kementerian. *You have to be a bit rational.*

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Itu bukan kerajaan sekarang yang buat. Jadi saya ambil maklum tentang perkara itu. *[Dewan riuh]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Semuanya dirompak oleh UMNO BN. Dahulu *you* orang juga yang buat.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Sama juga. Sama, Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Tuan Pengerusi, tidak ada Dewan UMNO yang dibina melalui duit kerajaan. Kalau di Pahang, tidak ada satu pun. Semua duit UMNO sendiri yang bina...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Mana ada Dewan UMNO yang dibina di atas peruntukan kerajaan? Tidak ada.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Tidak ada. Tempat lain saya tidak tahu.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Dekat Lembah Pantai ada.

[Dewan riuh]

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya hendak beritahu...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: So, Yang Berhormat Jelutong, *you* sangat suka tuduh-tuduhlah, Yang Berhormat Jelutong.

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi: Sudah-sudah. *[Menutup pembesar suara]* Bagi Yang Berhormat Menteri menjawab. Silakan, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Kita tidak bangkit pun isu lain, Yang Berhormat Jelutong. *Steady* lah sedikit, Yang Berhormat Jelutong. Kita di sini ramai lagi UMNO, awak tahu?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya hendak beritahu pada Dewan, peruntukan bangunan UMNO di mana atas tanah kerajaan? Berapa banyak?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Bagi peluang Yang Berhormat Menteri jawab. Bagi peluang.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Okey.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri menjawab. Silakan. Silakan.

[Dewan riuh]

Dato' Hj Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang Berhormat Jelutong kena jaga mulut sedikit. *Steady* lah Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini betul, fakta, fakta.

[Dewan riuh]

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Mana fakta... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Pukul 10 tidak mengantuk ya?

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Kita ada 13 minit lagi.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Ini masalah, Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Kita minta Yang Berhormat Jelutong tarik balik.

[Dewan riuh]

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Kalau kita...

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Saya mohon— boleh saya teruskan?

Tuan Pengerusi: *[Menutup pembesar suara]* *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Menteri, jawab. Silakan.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Saya mohon untuk meneruskan dengan isu-isu rakyat yang lain. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Silakan.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Seterusnya daripada Yang Berhormat Beluran tentang kadar kemiskinan di Beluran. Ada? Tidak ada ya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Beluran tidak ada, jawapan bertulis.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Tidak ada, tidak ada.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Yang Berhormat Lanang?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Lanang ada.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Lanang ada.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Okey. Ditanyakan adakah elaun MPKK diberikan kepada JKK Sarawak sedia ada. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian menyediakan peruntukan elaun Pengerusi MPKK untuk Sarawak. Ketua Masyarakat selain MPKK adalah dibayar oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Ini adalah setelah mendapat persetujuan dengan kerajaan negeri dan bayaran elaun MPKK untuk negeri Sarawak untuk tahun 2019 adalah sebanyak RM7.768 juta dan bilangan MPKK Sarawak adalah yang teramai iaitu sebanyak 5,976 MPKK.

Selain itu, Yang Berhormat Lanang juga bertanyakan tentang projek Bekalan Elektrik Luar Bandar untuk Parlimen Lanang. Senarai pelaksanaan Projek Elektrik Luar Bandar di negeri Sarawak adalah berdasarkan kepada senarai keutamaan yang diberikan oleh kerajaan negeri. Selain daripada itu, sekiranya terdapat permohonan di Parlimen Lanang, jadi saya mohon untuk dipanjangkan kepada pihak KUS Negeri dan seterusnya kita akan panjangkan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk dipertimbangkan dan kelulusan berdasarkan kedudukan kewangan ekonomi semasa.

Okey yang lain tentang lampu jalan kampung untuk Sarawak. Sehingga tahun 2018, anggaran sebanyak 48,800 unit lampu jalan kampung telah pun dipasang di negeri Sarawak dengan kos tahunan operasi dan selenggaraan sebanyak RM6.97 juta.

Seterusnya daripada Yang Berhormat Kota Tinggi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kota Tinggi...

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Ada.

Tuan Pengerusi: Oh, ada. *[Dewan Ketawa]*

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Yang Berhormat Kota Tinggi mencadangkan membina semula jambatan MTB di Kampung Teluk Tanjong Sedili dan juga cadangan membina jambatan merentasi Sungai Sedili dari Kampung Teluk hingga ke Kampung Sayang, Tanjong

Sedili. Jadi kementerian ini mengambil maklum tentang cadangan bagi pembinaan jambatan berkenaan. Dalam hal ini, kementerian akan minta kerjasama daripada JKR untuk menjalankan siasatan tapak bagi menentukan keperluan skop jalan serta membuat anggaran kos.

Selain daripada itu— okey.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri, dengar macam lulus itu. Terima kasih banyak.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Seterusnya menaikkan taraf jalan kampung di Kampung Sedili Kecil, Kampung Orang Asli Selangi, jalan dari Mawai hingga ke Sedili Kecil, Kampung Sedili Besar, perkampungan nelayan dan juga petani kampung.

Untuk makluman Yang Berhormat, semua permohonan tersebut hendaklah dipanjangkan kepada Pejabat KPLB Negeri Johor untuk tujuan siasatan bagi menentukan skop dan juga anggaran kos. Jika didapati terdapat keperluan mendesak dan menepati skop, permohonan tersebut akan diberikan pertimbangan yang sewajarnya.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Pembinaan PPRT secara berkelompok di Parlimen Kota Tinggi. KPLB akan menimbangkan cadangan-cadangan PPRT berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan iaitu dalam kategori miskin dan juga miskin tegar. Pelaksanaan PPRT adalah secara individu. Walau bagaimanapun, bagi pembangunan yang berkelompok, ianya boleh dilaksanakan melalui program kemajuan kawasan.

Tentang projek PPRT ini, memang kementerian meneruskan projek-projek perumahan sama ada untuk bina baharu ataupun baik pulih. Saya terlihat tadi ada ramai Ahli-ahli Parlimen yang bertanyakan tentang perumahan rumah PPRT kerana saya tahu ianya juga merupakan satu keperluan rakyat iaitu rumah. Jadi disebabkan itu, kementerian sekarang ini juga sedang mengkaji supaya dengan inovasi yang ada, kos pembinaan rumah baharu itu dapat dikurangkan tanpa menjejaskan kualiti dan juga keluasan rumah yang akan dibina itu.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Kota Tinggi juga membangkitkan semula...
[Disampuk]

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: ...Membina semula jambatan di Kampung Teluk Kampung Sedili. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, cadangan pembinaan jambatan itu tidak termasuk dalam bajet kita untuk tahun 2019. Ini disebabkan kapasiti yang ada— kita harap sekiranya ada keperluan, maka nanti bolehlah Yang Berhormat hantar kepada pihak negeri.

Okey, seterusnya permohonan jalan daripada Kampung Johor Lama sehingga ke kawasan penempatan Air Tawar 2. Pihak Lembaga Kemajuan Johor iaitu KEJORA telah memohon peruntukan sebanyak RM100 juta kepada pihak EPU bagi projek RMKe-11 bagi pembinaan jambatan yang dipohon melibatkan laluan sepanjang 30 kilometer yang meliputi kampung-kampung tradisi iaitu Kampung Johor Lama, Kampung Guntong Nanas, Kampung Pancor dan juga Kampung Sungai Sembilang.

Pihak KEJORA telah diperakukan peruntukan sebanyak RM35 juta bagi tujuan berkenaan. Bagi tahun 2019, KEJORA telah diluluskan sebanyak RM500,000 untuk lantikan perunding. Projek ini akan dapat memberi impak kepada penduduk tempatan laluan masuk berturap yang akan merentasi kampung-kampung tradisi di pesisiran Sungai Johor.

Seterusnya daripada Yang Berhormat Kota Tinggi juga.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri, untuk memberi peluang kepada mereka yang tidak puas hati ini...

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Okey, terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: ...Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh bagi saya sahaja secara bertulis. *[Dewan Ketawa]*

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Okey.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Kalau tidak, dia orang dengar ini sakit hati sahaja. *[Dewan Ketawa]*

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Saya ucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Yang Berhormat Menteri atas keprihatinan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Dia pun hendak balik basuh baju itu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Kota Tinggi pakai oren hari ini masuk belah sini kah?

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Ya, tidak lama lagilah. Apa susah? Takutkah? *[Dewan Ketawa]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak takut. Kita jemput. Kita jemput bila-bila masuk.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Menteri hendak jawab itu.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan, silakan.

■2200

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Okey. Seterusnya, daripada Yang Berhormat Dungun, kenapa tiada perbelanjaan sebenar pada bajet pembangunan MARA untuk 2018? Jadi, sebenarnya berlaku perubahan Yang Berhormat, penentuan agensi MARA sama ada di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi ataupun Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Oleh itu, MOF tidak memasukkan nilai perbelanjaan sebenar dalam buku Bajet 2019. Walau bagaimanapun, sekiranya Yang Berhormat ingin tahu tentang bajet pada tahun 2018, akan kita jawab secara bertulis.

Seterusnya, mengapa wujud perbezaan dalam buku Bajet 2019 dan juga data anggaran untuk 2018? Perbezaan pada buku Bajet 2018 dan Bajet 2019, buku 2018 RM3.4 bilion, yang untuk buku 2019 RM3.5 bilion. Perbezaan ini sebenarnya adalah program khusus, *especially* UiTM dan juga untuk program-program telah diletakan di bawah belanja pembangunan sebelum

ini. Akan tetapi di tahun 2019, di bawah program penajaan pendidikan MARA iaitu sebanyak RM2.57 bilion. Jadi, sudah dimasukkan dalam program penajaan MARA. Okey, seterusnya daripada- Yang Berhormat Dungun pun banyak juga... *[Disampuk]* Yang Berhormat Dungun ada? Okey, boleh bertulis? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Boleh.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Seterusnya, Yang Berhormat Kuala Krai, okey. Yang Berhormat Kuala Krai, tentang kos projek jambatan antara Kampung Pasir Era ke Kampung Pasir Kelang, Kuala Krai. Projek ini diluluskan dengan kos sebanyak RM40 juta dan dijangka dapat ditender pada bulan April 2019. Status semasa projek ini ialah dalam peringkat reka bentuk akhir dan proses pengambilan balik tanah.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Ya. Saya juga hendak maklumkan pada Yang Berhormat Kuala Krai, saya juga sudah turun ke Dabong dalam rawatan rasmi dan juga tidak rasmi. Saya sudah pernah turun ke Dabong, saya sudah lihat sendiri keadaan di Dabong.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Ke Setiu pula, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Dahsyat Yang Berhormat Menteri. Jangan main-main. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Okey. Selain daripada isu tentang guru ganti. Saya percaya yang itu dimaksudkan di MRSM Kuala Krai. Jadi, sebenarnya lantikan guru ganti bagi guru-guru bersalin ini dibuat bagi subjek-subjek yang kritikal sahaja. Jadi, bagi subjek-subjek lain, pembahagian kelas dibuat bersama dengan guru yang sedia ada. Jadi, oleh yang demikian, ia tidak ada yang timbul yang isu pembelajaran pelajar-pelajar MRSM Kuala Krai ini terjejas. Seterusnya, tentang bilangan anak syarikat KESEDAR dan juga fungsi-fungsinya. Jadi, KESEDAR mempunyai empat anak syarikat dengan fungsi-fungsinya seperti berikut:

- (i) KESEDAR Holdings Sdn Bhd - berperanan sebagai pegangan pelaburan;
- (ii) KESEDAR Perkilangan Sdn Bhd - aktiviti perladangan dan pengilangan sawit;
- (iii) KESEDAR Dagang Sdn Bhd - aktiviti pembangunan hartanah; dan
- (iv) KESEDAR Hotel Travel & Tours Sdn Bhd - aktiviti perhotelan dan agensi pelancongan.

Okey, yang lain lagi...

Seorang Ahli: Jawapan bertulis.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Boleh jawapan bertulis atau- Boleh?

Tuan Pengerusi: Jawapan bertulislah.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Terima kasih.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Bagi peluang pada Yang Berhormat Jelutong.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Seterusnya, Yang Berhormat Tampin.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tampin, ada.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Okey, peluang pendidikan kemahiran kepada belia-belia yang tidak dapat sambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Tampin. GIATMARA memang menyediakan peluang menyambung tahap kemahiran ke IKM. Daripada GIATMARA, dia boleh pergi ke IKM dan program yang ditawarkan adalah seperti diploma industri, diploma kompetensi kepada pelajar yang tidak mempunyai kelayakan SPM. Jadi, kita di Kementerian Pembangunan Luar Bandar tetap memberikan peluang yang kedua. Walaupun mereka mungkin tidak mempunyai keputusan yang baik dalam peperiksaan tetapi mereka ada boleh dibantu melalui dari segi memberi kemahiran kepada mereka. Jadi, dasar sedia ada penubuhan GIATMARA iaitu 1Parlimen 1GIATMARA.

Walaupun bagaimanapun, bila saya lihat sebenarnya akan ada penambahan kursus baharu yang boleh dipertimbangkan. Oleh sebab kita hendak kursus yang dibuat di GIATMARA ini adalah kursus yang dikehendaki oleh pasaran, oleh industri supaya apabila mereka keluar daripada GIATMARA ini, mereka boleh sama ada bekerja ataupun mereka boleh untuk menjadi usahawan. Jadi, untuk menampung permintaan industri. Jadi, jenis-jenis kemahiran yang dilaksanakan kepada golongan luar bandar. Sebenarnya bila sebut fasal program kemahiran, bukan saja GIATMARA, KEMAS juga menyediakan program-program kemahiran. Kalau yang lelaki ada GIATMARA, wanita pun juga, lepas itu KEMAS juga menyediakan program seperti pendidikan kemahiran jahitan, kemahiran masakan, dandan diri, komputer dan juga daripada seni tangan. Program-program ini juga kita sedang menilai jika ada lagi program-program baharu Yang Berhormat, untuk kita tambah baikkan dan ia mestilah mengikut pasaran. Sebagai contohnya, mungkin kita ada bagi kemahiran, kita sudah ada sudah usahawan ini tetapi kemahiran dari segi pemasaran secara *online*. Itu juga akan diberikan kepada usahawan-usahawan ataupun kepada belia-belia luar bandar ini supaya mereka juga boleh memasarkan produk mereka secara atas talian.

Selain daripada itu, soalan yang diberikan oleh Yang Berhormat Tampin tentang...

[Disampuk] Peruntukan untuk PPRT...

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Itu seorang saja.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: [Disampuk] Okey, boleh.

Tuan Pengerusi: Bertulis.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Okey. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Bertulis, bertulis.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Itu MP satu saja jawapan.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Seterusnya, Yang Berhormat Sibuti. Tidak ada.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sibuti, tidak ada. Bertulis.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Seterusnya, Yang Berhormat Nibong Tebal.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Nibong Tebal.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu pula.

Tuan Pengerusi: Pendek saja.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Ada.

Tuan Pengerusi: Bertuliskah?

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Yang Berhormat juga turut bertanyakan tentang elaun MPKK. Saya nampak tadi telah saya jawabkan juga tentang peranan dan fungsi MPKK ini dan juga tentang pelantikan yang kata yang gaduh-gaduh ini dekat bawah ini. Sebenarnya Yang Berhormat semua, pihak kementerian telah pun memaklumkan kepada semua Exco Luar Bandar bahawa pelantikan MPKK ini, pelantikan, pertukaran atau penamatan MPKK ini adalah di bidang kuasa kerajaan negeri. Kita bagi sepenuhnya ini kepada kerajaan negeri ini...

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Sarawak, Sarawak pun negeri.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Ya?

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Sarawak.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Sarawak pun negeri. Oleh sebab itu, sekiranya ada kekeliruan dan sebagainya, saya minta supaya kerajaan negeri dapat menyelesaikannya dengan baik. *Insyallah.*

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*
Semua jawapan bertuliskah? Cuba jawab satu per satu.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Okey.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa pun sudah habis.

Seorang Ahli: Jawapan dulu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Datuk...

Tuan Pengerusi: Jawapan bertulislah semua, saya ingat.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Minta yang Jelebu itu tadi. Itu yang saya hendak.

Tuan Pengerusi: Jawapan bertulis.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Itu yang penting.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Satu saja.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Satu saja Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Tuan Pengerusi, jawab bertulis sajalah, jawab bertulis semua.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Jawab bertulis?

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Bertulis.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Untuk bersikap adil kepada semua, jawapan bertulis untuk semua.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tunggulah. Saya hendak satu itu saja. Itu fasal apa Tuan Pengerusi, kita ada moratorium itu, yang itu yang kita hendak cuba minta Yang Berhormat Menteri tolong apa sikit. Jelebu tadi.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Panggil dia dekat pejabat saja hari esok.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Okey, saya jawab.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Ini semua salah Yang Berhormat Kota Tinggi.

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi: Jawapan bertulislah, jawapan bertulis

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang ini...

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Tuan Pengerusi pun sudah mengantuk sudah.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Baru pukul 10.00 malam.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Okey, terima kasih pada semua. Lain saya akan jawab secara bertulis.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Datuk Menteri, ini yang satu ini, yang simpang ini.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Menteri. Terima kasih Menteri.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Lepas ini tukar nama 'Kementerian Kota Tinggi'.

[Ketawa]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM2,992,260,500 untuk Maksud B.22, di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM2,992,260,500 untuk Maksud B.22, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM5,421,820,100 untuk Maksud P.22 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2019 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM5,421,820,100 untuk Maksud P.22 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2019]

[Majlis bersidang sebagai Majlis Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Khamis, 29 November 2018. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.09 malam]